

Bil. 26

**Selasa
9 Julai 2019**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

| | |
|--|--------------|
| JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 1) |
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 8) |
| PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA: - Ucapan Takziah Kepada Keluarga Mendiang Datuk Seri Dr James Dawos Mamit | (Halaman 30) |
| RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT | (Halaman 32) |
| USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 32) |
| RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perikanan Pindaan) 2019 | (Halaman 33) |

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PKR
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] – PPBM
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] – PKR
3. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
4. “ Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
5. “ Menteri Pertahanan, Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] – PPBM
7. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
8. “ Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PKR
9. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PKR
10. “ Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
11. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
12. “ Menteri Sumber Manusia, Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
14. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
15. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] – PPBM
16. “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
17. “ Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar [Kuala Langat] – PKR
18. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim Bandar Baharu] – PKR
19. “ Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian [Selangau] – PKR
20. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PKR
21. “ Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
22. “ Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP

23. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
24. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
26. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Silam] – WARISAN
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy – *Senator*

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading] – PPBM
2. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik [Tanjong Piai] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Eddin Syazlee Shith [Kuala Pilah] – PPBM
5. “ Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
7. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
8. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
10. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
11. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
12. “ Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
14. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
15. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
17. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
18. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH

19. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
20. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
21. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PKR
22. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
23. “ Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
24. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Haji Marzuki bin Yahya – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Liew Chin Tong – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah - *Senator*

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM
3. “ Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - PPBM
4. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
5. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
6. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
7. “ Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PKR
8. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
9. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
10. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
11. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] - PPBM
12. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] - PKR
13. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
14. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
15. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
16. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
17. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
18. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
19. “ Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
20. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
21. “ Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., **P.P.T., J.P.** [Larut] – PPBM
22. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
23. “ Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH

24. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
25. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM
26. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
27. “ Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PKR
28. “ Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu] – PKR
29. “ Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR
30. “ Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
31. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
32. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
33. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
34. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
35. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
36. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
37. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
38. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PKR
39. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
40. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM
41. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
42. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – PPBM
43. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
44. “ Dato’ Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] – PPBM
45. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
46. “ Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
47. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
48. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
49. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
50. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
51. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] - PPBM
52. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
53. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
54. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
55. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
56. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
57. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
58. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
59. “ Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - PPBM
60. “ Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM

61. Yang Berhormat Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
62. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
63. “ Dato’ Seri Dr. Santhara [Segamat] – PKR
64. “ Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM
65. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
66. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
67. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
68. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
69. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
70. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
71. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
72. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
73. “ Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] – DAP
74. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
75. “ Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
76. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
77. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
78. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
79. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] – DAP
80. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
81. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
82. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] - PPBM

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
3. “ Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
4. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
5. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
6. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
7. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
8. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
9. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keteroh] – UMNO
10. “ Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
11. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO

12. Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
13. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
14. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
15. “ Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
16. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
17. “ Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
18. “ Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
19. “ Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
20. “ Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
21. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
22. “ Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
23. “ Dato’ Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
24. “ Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
25. “ Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
26. “ Dato’ Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
27. “ Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
28. “ Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
29. “ Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
30. “ Dato’ Dr. Noraini Ahmad, **D.S.A.P.**, D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
31. “ Tuan Ramli bin Dato’ Mohd Nor [Cameron Highlands] – UMNO
32. “ Dato’ Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
33. “ Dato’ Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
34. “ Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] - UMNO
35. “ Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
36. “ Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
37. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
38. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
39. “ Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
40. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]
3. “ Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]
4. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
5. “ Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]
6. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
7. “ Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]
8. “ Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]
9. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]
10. “ Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]
12. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]
13. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai]
14. “ Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]
15. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
16. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
17. “ Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]
18. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit]
3. “ Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya]
4. “ Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]
5. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
6. “ Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas]
7. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
8. “ Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong]
9. “ Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
10. “ Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
11. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
12. “ Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong]
13. “ Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis]
2. “ Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]
3. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit]
2. “ Datuk Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

AHLI-AHLI (WARISAN)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
2. “ Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]
3. “ Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
4. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PBS)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu]

AHLI-AHLI (PBR)

1. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]

AHLI-AHLI (UPKO)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian]

AHLI-AHLI (STAR)

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]

AHLI-AHLI (PSB)

1. Yang Berhormat Dato' Masir anak Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Amisyahrizan bin Amir Khan

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nor Sakinah binti Samat
Nurammarah binti Md Isa
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd Izwan bin Mohd Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Hizamihatim Maggisa bin Juara
Muhammad Firdaus bin Ahmad
Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Maryam binti Azinuddin
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA

Selasa, 9 Julai 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejauh manakah keberkesanan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) di dalam membantu rakyat Malaysia yang terbabit di dalam kes-kes penipuan seperti pakej pelancongan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Johor Bahru. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Johor Bahru, di bawah kementerian ini ada satu akta namanya Akta Perlindungan Pengguna 1999. Dalam akta itu ada satu seksyen iaitu seksyen 85, seksyen inilah yang melahirkan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Tujuannya ialah menjadi satu saluran alternatif kepada rakyat yakni pengguna untuk mereka failkan tuntutan tebus rugi berkenaan pembelian barangan, kalau mereka rasa tertipu dan juga perkhidmatan yang dibekalkan oleh peniaga atau pembekal perkhidmatan.

Tribunal ini Tuan Yang di-Pertua, akan menjadi satu platform di mana pengguna boleh mengemukakan pemfailan tuntutan di mana-mana pejabat Tuntutan Tribunal Pengguna yang ada di seluruh negara. Daripada situ, tribunal tuntutan akan meneliti kesemua fakta dan keterangan yang diberikan oleh pengguna. Secara khusus, kelebihan tribunal tuntutan ini berbanding dengan proses Mahkamah Sivil ialah ianya lebih mudah, lebih murah dan lebih cepat. Murahnya sekadar RM5 sahaja untuk memfailkan tuntutan.

Yang Berhormat Johor Bahru bertanyakan secara khusus tentang penipuan pakej pelancongan. Saya mohon untuk berkongsi maklumat ini. Di antara tahun 2016 sehingga 31 Mei 2019 Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 1,057 kes pemfailan tuntutan ini telah dibuat dan dicatat di seluruh negara. Ini melibatkan jumlah tuntutan sebanyak RM6.6 juta. Daripada jumlah tuntutan ini, sebanyak RM3 juta *award* telah dikeluarkan. Pihak syarikat yang menawarkan pakej pelancongan tersebut mereka harus patuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh *award* dikeluarkan atau diserahkan.

Tribunal ini juga bukan hanya menunggu pemfailan tuntutan tetapi dari semasa ke semasa, mereka cergas melakukan program advokasi kesedaran pengguna. Program ini melalui kenali tribunal tuntutan, memberikan taklimat advokasi semasa lawatan pelajar-pelajar IPTA dan IPTS muncul di rancangan-rancangan TV dan media untuk memberikan kesedaran tentang kewujudan tribunal ini dan meminta rakyat untuk memanfaatkannya. Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah susulan daripada perbincangan kita semalam berhubung pindaan Akta Perlindungan Pengguna. Jadi, tadi Yang Berhormat Menteri telah jelaskan macam mana pakej pelancongan ini banyak yang dapat balik. Cuma saya hendak tahu juga supaya rakyat

di luar sana tahu, apakah jenis-jenis tuntutan tebus rugi yang paling tinggi yang difailkan di Tribunal Tuntutan Pengguna ini, terutamanya untuk tahun 2019. Berapakah nilai *award* yang telah diputuskan oleh tribunal supaya pengguna ini tahu, boleh agak-agak dia punya kes itu ada kesinambungan ataupun tidak. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Terus kepada reaksi saya terhadap soalan itu. Kementerian ini telah merekodkan di antara 1 Januari 2019 sehingga 31 Mei 2019. Tuntutan tebus rugi yang mencatatkan jumlah pemfailan tertinggi adalah tuntutan yang berkaitan dengan:

| Bil | Perkara | Bilangan (Kes) |
|-----|-------------------|----------------|
| 1 | Barangan telefon | 196 |
| 2 | Kereta | 160 |
| 3 | Barangan elektrik | 145 |
| 4 | Perabot | 122 |

Manakala bagi perkhidmatan pula pemfailan tuntutan tebus rugi mencatatkan pemfailan yang tertinggi adalah perkhidmatan:

| Bil | Perkara | Bilangan (Kes) |
|-----|----------------------|----------------|
| 1 | Agensi pelancongan | 202 |
| 2 | Pengubahsuaian rumah | 196 |
| 3 | Pembaikan kenderaan | 112 |
| 4 | Pendidikan | 102 |

■1010

Di sana juga ada pemfailan tuntutan yang cukup tinggi bagi penipuan atas talian yang membabitkan barangan dan perkhidmatan iaitu sebanyak 943 kes.

Tuan Yang di-Pertua, khususnya Yang Berhormat Johor Bahru dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh yang sama, tribunal telah menganugerahkan *award* sebanyak RM504 juta jumlah keseluruhan bagi tuntutan barangan telefon, kereta, barangan elektrik dan perabot. Manakala sejumlah *award* sebanyak RM1.7 juta bagi tuntutan terhadap perkhidmatan agensi pelancongan, pengubahsuaian rumah, pembaikan kenderaan dan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap melalui jawapan itu, ia boleh memberikan keyakinan kepada pengguna bahawa di sana ada satu platform yang sangat efektif boleh mereka manfaatkan apabila rakyat selaku pengguna merasakan bahawa mereka telah ditipu dan mereka cuma perlu tampil mengemukakan fail tuntutan, tebus rugi dan tribunal tuntutan ini mencatatkan kes penyelesaian yang cukup tinggi. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Semalam saya ada mencadangkan supaya ada Tribunal Tuntutan Pengguna *Online Business* atau niaga atas talian tetapi tidak mendapat respons daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana kita ada sekarang Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Saya juga mencadangkan supaya KPDNHEP mengadakan peguam kepada pengguna yang menuntut sebab pengguna yang berhadapan dengan syarikat-syarikat besar. Oleh kerana itu, mereka perlu diwakili oleh peguam.

Satu lagi ialah supaya ahli-ahli persatuan melalui persatuan mereka boleh membuat tuntutan. Bukan hanya individu yang menuntut tetapi persatuan pengguna dan macam-macam boleh membantu tuntutan pengguna. Terima kasih.

Saya memberikan tiga cadangan. Minta Yang Berhormat Menteri respons terhadap ketiga-tiga cadangan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Pontian. Saya pun lama tidak jumpa dan rindu juga dengan suara dia. Tentang cadangan sama ada perlu atau tidak diwujudkan tribunal tuntutan khusus untuk kes penipuan atas talian. Untuk makluman Yang Berhormat Pontian, buat masa sekarang, Kementerian berpendapat kewujudan Tribunal Tuntutan Pengguna memadai berasaskan kepada kes yang dikemukakan, fail tuntutan tebus rugi dan juga peratusan penyelesaian kes. Kita anggap memadai berbanding dengan kes pembelian rumah yang lebih kompleks dan rencam sifatnya. Belum ada lagi.

Kedua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pontian bahawa perlu ada satu peranan yang lebih berkesan membantu. Saya hendak sebut begini. Kalau satu tuntutan tebus rugi dibuat, di peringkat Tribunal Tuntutan Pengguna ini, kehadiran peguam bagi pihak pengguna yang mengemukakan tuntutan itu tidak begitu membebankan, tidak sangat ada keperluan. Keperluannya di mana? Apabila satu *award* diberikan di atas satu kes tebus rugi, penerima itu, pihak pengguna itu kena ada satu lagi proses. Dia kena mendaftarkan keputusan Tribunal Tuntutan Pengguna itu di mahkamah. Barulah kemudiannya keputusan itu boleh diexecute, dilaksanakan.

Di situ, kadang-kadang pengguna merasakan mereka terbeban. Kadang-kadang mereka tidak faham proses. Kalau ada badan-badan guaman, NGO yang hendak ambil saya tengok dekat situ masih ada ruang di mana pengguna boleh dibantu. Tugasan Tribunal Tuntutan Pengguna berasaskan keterangan dan fakta yang diangkat, telah diteliti dan kemudian dipersetujui diberikan satu *award*.

Pihak yang kena tuntutan kena laksanakan. Kalau tidak laksanakan, akan ada hukuman pula di bawah Akta Perlindungan Pengguna. Akan tetapi proses setelah mendapat *award* itu ada satu lagi prosesnya. Mereka kena pergi ke mahkamah. Jadi proses itu yang maklum balas Kementerian dapat adalah kadang-kadang pengguna dia merasakan bahawa dia rasa renyah dan segala macam. Di situ saya suka mencadangkan kalau boleh peranan NGO dan badan peguam mengambil.

2. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Kewangan menyatakan rasional kerajaan berhasrat untuk mengambil alih pengendalian 4 lebuhraya iaitu KESAS, LDP, SPRINT dan Terowong SMART milik Gamuda Berhad dengan tawaran RM6.2 bilion:

- (a) bagaimana pembayaran dibuat dan daripada mana sumber dana diperoleh; dan
- (b) mengapa caj kesesakan *congestion charge* diperkenalkan bagi menggantikan tol dan apa pula kebaikan yang dinikmati oleh rakyat.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 Februari 2019 telah mengumumkan cadangan untuk mengambil alih konsesi lebuhraya bertol iaitu LDP, SPRINT, KESAS dan SMART. Cadangan tersebut telah pun diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada 27 Februari 2019.

Tawaran bersyarat untuk pengambilalihan empat lebuhraya tol ini merupakan langkah pertama untuk mengurangkan beban pengguna lebuhraya dan merealisasikan janji Pakatan Harapan. Hasil daripada usaha rundingan dalam tempoh beberapa bulan yang lepas, Kementerian Kewangan telah memberikan tawaran rasmi bersyarat pada 21 Jun 2019 kepada keempat-empat syarikat konsesi tersebut setelah mendapat kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas tawaran tersebut pada 20 Jun 2019.

Tawaran bersyarat ini apabila diluluskan oleh pemegang saham dan pemiutang, empat pemegang konsesi lebuhraya tersebut masih tertakluk kepada kelulusan muktamad Jemaah Menteri. Kos pengambilan sebanyak RM6.2 bilion ini akan dibiayai dengan penerbitan bon, kutipan caj kesesakan adalah mencukupi untuk membiayai bayaran balik hutang bon sebanyak RM6.2 bilion. Segala kos operasi serta penyelenggaraan lebuhraya tanpa memerlukan peruntukan daripada Kementerian Kewangan.

Dengan kata lain, kos pengambilan tersebut akan dibayar balik dengan sendirinya daripada kutipan caj kesesakan tanpa melibatkan sebarang perbelanjaan kerajaan. Dengan sistem caj kesesakan baru seperti yang telah diumumkan sebelum ini, kerajaan secara prinsipnya akan memberikan diskaun sehingga 30 peratus pada waktu luar puncak dan kadar percuma pada waktu bukan puncak.

Pengguna empat lebuh raya ini akan menikmati penjimatan sehingga RM180 juta setahun. Penjimatan ini bermakna pendapatan boleh guna isi rumah rakyat Malaysia akan bertambah dengan jumlah yang sama. Tempoh konsesi lebuh raya tidak akan dilanjutkan tetapi akan tamat seperti yang termeterai dalam perjanjian konsesi sedia ada. Setelah perjanjian tamat, caj kesesakan akan dikurangkan lagi bagi menampung kos operasi dan penyelenggaraan lebuh raya sahaja tanpa mengandungi sebarang unsur keuntungan.

Di samping itu, pengambilalihan empat lebuh raya ini akan secara langsung menjimatkan pembayar cukai sekurang-kurangnya RM5.3 bilion dalam bentuk bayaran pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi untuk membekukan kadar tol di lebuh raya berkenaan sehingga akhir hayat konsesi.

Pada masa ini tidak perlu lagi dibayar selepas lebuh raya-lebuh raya ini diambil alih oleh kerajaan. Ini bermaksud bahawa kerajaan juga sama-sama menjimatkan sekurang-kurangnya RM5.3 bilion yang boleh digunakan untuk membantu rakyat seluruh Malaysia pada tahun-tahun yang akan datang. Jangan lupa pula kerana pengguna jimat RM180 juta setahun kerana tol telah dikurangkan mengikut caj kesesakan.

Ini bermakna pengguna akan menjimatkan hampir RM2 bilion sepanjang hayat konsesi keempat-empat lebuh raya ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih. Dengan harga tawaran RM6.2 bilion ini, apakah premium *over book value* yang dibayar? Ini memandangkan ramai yang menganggap premium yang dibayar terlalu tinggi dan kenapa caj kesesakan akan terus dibayar walaupun tempoh konsesi tamat?

Janji Pakatan Harapan ialah mansuhkan tol dan tiba-tiba daripada tol *free* menjadi tol *forever*. Berapakah pendapatan dan *profit and lost* bagi setiap tahun daripada tahun 2015 sehingga tahun 2018 memandangkan jumlah trafik turun dan LDP sahaja untung dan tiga lebuh raya rugi. Kenapa formula Yang Berhormat Damansara tidak digunakan hanya RM300 juta sahaja untuk mengambil alih LDP dan RM344 juta untuk mengambil alih MEX. Itu lebih menguntungkan. Kenapa Yang Berhormat?

■1020

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa Yang Berhormat Ayer Hitam tidak meneliti jawapan yang saya berikan tadi, yang mana saya telah nyatakan dengan jelas bahawa formula ini adalah suatu formula yang menguntungkan semua pihak. Kita harus ingat bahawa hanya apabila menguntungkan semua pihak, baru kita boleh capai kata sepakat iaitu bukan sahaja syarikat konsesi tetapi juga kerajaan dan yang penting adalah pengguna-pengguna.

Formula yang telah pun dirangka ini bukan dirangka oleh Kementerian Kewangan tetapi oleh pakar perunding daripada sebuah bank tempatan terkemuka di mana mereka berikan jaminan sekiranya dapat dilaksanakan, maka kerajaan tidak perlu membayar atau mengeluarkan wang untuk membiayai kos penerbitan bon ini. Seperti yang dinyatakan, sekiranya kita teruskan konsesi yang tinggal sembilan tahun— kalau kita sebut empat konsesi ini, keempat-empat lebuh raya ini adalah tinggal di antara sembilan hingga 23 tahun sebelum hayat konsesi ini tamat. So, tentu ditanyakan mengapa kita hendak beli konsesi yang tinggal sembilan tahun?

Yang Berhormat kena ingat bahawa semua pengguna tol masih perlu membayar tol mengikut kontrak konsesi yang sedia ada. Akan tetapi, sekiranya diambil alih, malah mereka boleh bayar kadar caj kesesakan yang jauh lebih kurang daripada apa yang mereka bayar sekarang. So, ini sekali lagi menunjukkan ia memberikan manfaat kepada semua pihak.

Seperti yang saya sebut tadi, kita hendak pastikan yang paling penting kerajaan boleh jimatkan sekurang-kurangnya RM5.23 bilion dan pengguna boleh jimat dalam bentuk pengurangan bayaran tol sebanyak RM2 bilion untuk tempoh hayat konsesi yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Soalan tambahan. Soalan tambahan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hidup Pakatan Harapan!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Sila...

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasar Gudang]: Soalan tambahan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Oleh sebab tol ini berada dalam kawasan Setiawangsa, saya jemput Yang Berhormat Setiawangsa untuk kemukakan soalan tambahan. Sila.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas keprihatinan terhadap Setiawangsa. Yang Berhormat Menteri, Setiawangsa ingin bertanya, ramai pengkritik yang mengatakan bahawa hanya pengguna tol sahaja yang akan mendapat manfaat daripada *exercises* ini, dengan izin. Jadi, apakah respons Yang Berhormat Menteri terhadap kritikan ini?

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiawangsa yang amat prihatin tentang isu ini. Tentu kita hendak berikan manfaat kepada semua pihak. Selain daripada pengguna tol, pihak kerajaan pun boleh jimatkan bayaran pampasan sebanyak RM5.3 bilion yang kita kena bayar kerana bekukan kadar tol sebagai langkah pertama untuk merealisasikan janji Pakatan Harapan. Akan tetapi, yang lebih penting lagi ialah kita berjaya kurangkan kadar tol kepada caj kesesakan. Mengapa kita berjaya melakukannya?

Tuan Yang di-Pertua, kita berjaya melakukannya kerana kerajaan bukanlah satu organisasi yang hendak cari untung.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul, betul.

Tuan Lim Guan Eng: Ini kerana kita mengeluarkan unsur keuntungan. Kita memberikan ia sebagai *public good*, dengan izin, bukanlah *private enterprise* di mana mereka mesti dapat pulangnya. Oleh sebab itu, kerana kita tidak mahu untung, kita dapat kurangkan kadar tol kepada caj kesesakan. Ini menunjukkan sekiranya kerajaan lama betul-betul berjiwa rakyat, mereka akan gunakan formula ini untuk mengurangkan beban kepada rakyat dan bukanlah membenarkan syarikat-syarikat swasta meraih keuntungan yang kita anggap berlebihan. [Tepuk]

Sekian, terima kasih.

3. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta Menteri Pengangkutan menyatakan :-

- (a) status terkini projek penaiktarafan Landasan Kereta Api KVDT bagi kedua-dua Fasa 1 dan 2 serta kos perbelanjaan terkini yang terlibat bagi kedua-dua fasa; dan
- (b) usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani cabaran di mana mutu atau kualiti perkhidmatan KTMB Komuter dan ETS bakal terjejas apabila projek KVDT berjalan.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Salam sejahtera dan selamat pagi, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai kerana mengemukakan soalan ini.

Status kemajuan keseluruhan projek bagi projek menaik taraf kemudahan infrastruktur Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik di Lembah Klang ataupun KVDT Fasa 1 setakat 30 Jun 2019 ialah 80.33 peratus. Manakala untuk Fasa 2, sidang Jemaah Menteri bertarikh 5 Julai 2019 iaitu pada Jumaat yang lepas, telah pun memutuskan agar projek KVDT Fasa 2 diteruskan dengan Syarikat Dhaya Maju LTAT Sdn Bhd dengan kos kontrak bernilai RM4.475 bilion dengan tempoh pelaksanaan projek selama tujuh tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, kos kontrak bernilai RM4.475 bilion ini merupakan pengurangan kos sebanyak 15 peratus daripada harga asal projek tanpa pengurangan skop-skop kritikal yang telah ditentukan oleh pihak kerajaan.

Jumlah perbelanjaan terkini bagi projek KVDT Fasa 1 adalah berjumlah RM1.1 bilion di mana jumlah ini meliputi pembayaran kepada kontraktor sebanyak RM959 juta, pembayaran kepada perunding pemeriksa bebas sebanyak RM32.5 juta, wang pendahuluan sebanyak RM50 juta dan wang yang ditahan sebagai wang jaminan pelaksanaan sebanyak RM70.5 juta.

Manakala jumlah perbelanjaan terkini bagi projek KVDT Fasa 2 adalah RM42.3 juta iaitu dibayar kepada kontraktor sebanyak RM38.1 juta dan wang jaminan pelaksanaan sebanyak RM4.2 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf Landasan Kereta Api KVDT ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan untuk memastikan perkhidmatan pengangkutan awam yang baik dapat disediakan kepada rakyat. Melalui pelaksanaan kerja-kerja ini, jumlah kapasiti, ketepatan masa, kebolehpercayaan dan kekerapan perkhidmatan KTM Komuter dan ETS kelak dapat ditingkatkan serta memberikan lebih keselesaan kepada penumpang.

Memang tidak dinafikan pelaksanaan projek ini akan mempengaruhi jumlah kekerapan serta masa perjalanan perkhidmatan tren KTM Komuter dan ETS sedia ada. Bagaimanapun, kerajaan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat sentiasa memantau prestasi perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia dalam memastikan setiap pengendali pengangkutan awam melaksanakan tanggungjawab mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Antara mekanisme pemantauan yang dilaksanakan adalah melalui penunjuk prestasi utama ataupun *key performance indicators* yang ditetapkan kepada setiap pengendali pengangkutan awam.

Bagi Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB), kerajaan telah menetapkan KPI peratusan minimum ketepatan waktu pada 95 peratus bagi memastikan kualiti perkhidmatan Komuter dan ETS tidak terjejas meskipun dalam fasa pelaksanaan projek naik taraf landasan KVDT. Buat masa ini, KTMB secara keseluruhannya telah berjaya mengekalkan ketepatan waktu perkhidmatan pada minimum 95 peratus bermula pada tahun 2017. Walaupun kita faham bahawa kekerapan itu tidaklah begitu kerap seperti yang kita harapkan tetapi kita telah melaksanakan satu aplikasi iaitu *MyRailtime* untuk memberikan waktu yang lebih tepat kepada pengguna-pengguna KTM Komuter.

Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tersebut.

Pada 20 September 2018, BERNAMA telah merekodkan bahawa Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa projek tidak akan diberi secara *direct tender*, *direct nego* tetapi pada waktu itu disebut sebagai tender terbuka. Soalan saya, kenapa tidak diusahakan secara tender terbuka? Ataupun kenapa tidak dipecahkan projek yang begitu besar ini—RM4.475 bilion— kepada empat atau lima kontrak, sebagai contoh?

Kedua, kenapa diberikan kepada DMIA LTAT memandangkan ia sudah lewat untuk KVDT Fasa 1? Pada minggu lepas, saya difahamkan telah berlaku empat *derailment* bagi KVDT Fasa 1. Bukankah ini satu prestasi yang tidak baik bagi syarikat yang akan diberikan kontrak yang begitu besar? Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook: Yang Berhormat Lembah Pantai, memang benar bahawa pada tahun lepas pada bulan September dalam Kabinet, kita telah memutuskan untuk memberhentikan kontrak itu kepada pihak DMIA.

■1030

Akan tetapi selepas kita mengeluarkan surat pembatalan, mereka ada membuat rayuan dan *negotiate* dengan pihak kerajaan. Atas semangat bahawa kalau kita tidak meneruskan projek ini dengan syarikat tersebut dan kita membatalkan kontrak tersebut juga akan melibatkan implikasi perundangan iaitu pihak syarikat itu boleh menyaman pihak kerajaan kerana kontrak ini telah pun dianugerahkan oleh kerajaan terdahulu pada 4 April 2018 iaitu dua hari sebelum Dewan Rakyat dibubarkan. Kontrak telah pun dianugerahkan oleh kerajaan terdahulu. Kalau kita tidak meneruskan maka kita juga ada implikasi perundangan. Pihak syarikat itu menganggarkan bahawa pampasan yang perlu dibayar oleh

pihak kerajaan adalah RM2.5 bilion walaupun itu belum disahkan lagi. Akan tetapi sudah tentu ada implikasi perundangan.

Kita mengambil semangat bahawa kerajaan terbuka untuk *renegotiate* dan objektif utama kita ialah mengurangkan kos. Dalam proses rundingan ini, maka kita melihat bahawa syarikat tersebut telah pun memberikan tawaran untuk mengurangkan kos sebanyak 15 peratus iaitu pengurangan ataupun penjimatan lebih RM700 juta. Kita mengambil pendekatan yang sama, kita merundingkan semula projek ECRL, kita merundingkan projek MRT, merundingkan projek LRT3 dan sebagainya.

Atas semangat yang sama, kita memberikan peluang kepada syarikat ini untuk kita merundingkan semula dan mereka berjanji ataupun mereka bersetuju untuk mengurangkan kos. Atas semangat itulah pihak Jemaah Menteri Kabinet telah memutuskan supaya kita memberikan peluang sekali lagi kepada syarikat ini untuk meneruskan projek ini memandangkan bahawa kalau kita tidak meneruskan projek ini, maka ada implikasi-implikasi perundangan kepada kerajaan dan juga ada implikasi kepada kontraktor-kontraktor yang terlibat.

Jadi atas semangat itulah, Kabinet telah bersetuju untuk meneruskan projek ini dengan pihak DMIA LTAT ini. Kita tahu bahawa ada kelemahan-kelemahan dan juga ada kelewatan dan kita akan mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat dan memantau perjalanan dan operasi syarikat ini supaya mereka dapat menyiapkan projek itu mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dimaklumkan bahawa pihak KTMB telah menghantar surat kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan memaklumkan pandangan mereka berkenaan kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan projek ini. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah pihak Kementerian Pengangkutan tidak mengambil kira pandangan daripada KTMB untuk meneruskan kontrak kepada kontraktor yang dikatakan bermasalah oleh pihak KTMB. Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook: Yang Berhormat ini hebatlah. Ada surat hantar kepada Kementerian Kewangan, hantar kepada Kementerian Pengangkutan pun Yang Berhormat tahu. Akan tetapi tidak apa, kita secara terbuka. Memang betul KTMB ada menghantar surat memberikan ulasan-ulasan mereka kepada pihak kerajaan, kita mengambil kira dan Kementerian Pengangkutan telah pun memberikan pandangan dan ulasan kepada Jemaah Menteri.

Akan tetapi Jemaah Menteri melihat pelbagai pertimbangan. Ini bukan daripada alasan teknikal sahaja tetapi melihat kepada pertimbangan dan implikasi secara keseluruhannya. Memang kita *deliberate* ataupun kita membahaskan perkara ini, ada pandangan untuk kita tidak meneruskan, kita membuat tender terbuka dan sebagainya. Ada pelbagai pandangan dan telah pun dibahaskan dalam Kabinet yang saya tidak boleh katakan di sini. Akan tetapi apa-apa pun keputusan secara kolektif oleh Jemaah Menteri ialah kita meneruskan projek ini dengan syarikat DMIA LTAT kerana apa yang kita telah nyatakan seperti yang saya katakan tadi ada pelbagai implikasi.

Kalau kita tidak meneruskan projek ini dengan pihak syarikat DMIA LTAT ini ada pelbagai implikasi. Implikasi ini juga melibatkan pihak Lembaga Tabung Angkatan tentera (LTAT). Kalau projek ini tidak diteruskan, mungkin pihak LTAT juga akan mengalami kerugian. Jadi ada pelbagai pertimbangan yang kita ambil dan secara keseluruhannya, kita telah pun membuat keputusan, Jemaah Menteri telah membuat keputusan yang kolektif supaya dapat diteruskan. Akan tetapi kita akan mengambil kira pandangan dan ulasan daripada pihak KTMB. Kita akan meletakkan pelbagai *safeguard*, langkah-langkah untuk memastikan supaya pihak kontraktor ini dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih baik, dengan lebih efisien dan juga ada pelbagai faktor apabila kita melihat kepada kelewatan. Kadang-kadang perlu ada koordinasi yang lebih baik di antara pihak KTMB dengan kontraktor supaya memastikan projek dapat dijalankan dengan lebih lancar.

Saya tidak mahu menuding jari kepada mana-mana pihak. Akan tetapi apa yang penting bagi kita di peringkat Kementerian Pengangkutan ialah apa-apa projek pembangunan yang sebesar ini, yang paling penting ialah projek dapat dilaksanakan dengan baik, dengan efisien, dengan terbuka dan yang paling penting ia disiapkan untuk kesejahteraan rakyat. Kita mengambil satu pendirian dan satu semangat bahawa kita hendak mengurangkan kos dan

pada masa yang sama, projek dapat dijalankan dan kontraktor tempatan dan kontraktor bumiputera juga dapat dijaga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan kewajaran dasar penyatuan tanah untuk sektor padi, menyentuh perkara-perkara berikut:-

- (a) model penyatuan tanah yang akan diguna pakai dan agensi yang terajui inisiatif penyatuan tanah ini; dan
- (b) jaminan terhadap kepentingan tuan tanah, pesawah dan kerajaan dalam pelaksanaan langkah penyatuan tanah itu nanti.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih rakan saya, Yang Amat Berhormat Jerlun kerana mengemukakan soalan yang bagi saya sangat penting. Tuan Yang di-Pertua, dalam Hala Tuju Tiga, Strategi Satu, Inisiatif Enam dan Hala Tuju Empat, Strategi Satu, Inisiatif Satu dalam Dokumen Hala Tuju Kementerian, suka saya menyatakan bahawa terdapat beberapa model terkini dan juga model-model sedia ada yang kita telah perhitungkan sebagai suatu jalan ataupun dengan izin, *our way forward* untuk kita meningkatkan pendapatan pesawah-pesawah kita yang masih lagi rata-ratanya duduk dalam B40.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu pesawah kita ini pergi jauh dan ada beberapa model seperti Projek Pemacu Pertanian PP seperti *entry point projects*, EPP10, EPP11 dan juga beberapa contoh Lembaga Pertubuhan Peladang di bawah PPK seperti PPK Lahar Bubu, Pulau Pinang yang telah berjaya untuk mengemukakan contoh 756 hektar yang melibatkan 429 orang peserta yang diuruskan secara mini estet berpusat. Ini bermakna apa yang sedia ada ini akan kita berdayakan, akan kita perkasakan di samping kita bercadang untuk pergi lebih jauh di mana Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang sedia ada ini akan kita berikan kuasa-kuasa dan juga beberapa *task* ataupun tugas-tugas untuk memajukan lagi beberapa model ini.

Kita juga memberikan perhatian terhadap beberapa model seperti FELCRA yang telah berjaya untuk mengemukakan satu contoh estet padi. Maka kita telah mengenal pasti empat model yang sedang kita perhitungkan. Pertama, kita akan memberikan perhatian kepada lima hektar kepada pesawah yang cemerlang. Ada pesawah yang telah berjaya untuk mengurus tadbir tanah mereka lima hektar dan kita mengunjurkan pendapatan bersih RM4000 sebulan. Model kedua adalah kita memberikan kepada *young entrepreneur* untuk mengambil orang muda masuk. Ini kita kemukakan model 50 hektar dengan pendapatan unjuran sebulan RM15,000 sebulan. Ketiga, kita memberikan kepada PPK, GLC ataupun *private sector*. Ini ada beberapa model yang kita akan kemukakan iaitu mengikut kapasiti mereka, mungkin 200 hektar, 500 hektar hingga 1,000 hektar. Ini pendapatannya mungkin lebih RM100,000 ke atas mengikut kapasiti. Ini adalah merupakan model-model yang kita perhitungkan Yang Berhormat supaya hasil akhirnya adalah pendapatan petani itu mesti ditingkatkan.

Untuk jaminan Yang Berhormat, apa-apa pun model yang akan kita kemukakan kepada petani-petani ini, tanah mereka tidak akan terusik, tidak akan tergadai, kita hanya menguruskan untuk menyatukan tanah sahaja tanpa melibatkan apa-apa proses perundangan yang melibatkan tukar milik dan seumpamanya. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Memandangkan pertanian ini sepatutnya menjadi satu sumber pendapatan yang boleh mengeluarkan petani daripada kepompong kemiskinan, adakah kerajaan berhasrat untuk menyediakan pelbagai insentif, tidak terhad hanya kepada

kewangan untuk menggalakkan mereka mengusahakan *crop-crop* baru yang dapat memberi pulangan yang lebih lumayan. Terima kasih.

■1040

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya daripada Yang Berhormat Jerlun, sebab itu dalam lima hala tuju itu, yang pertama ialah kita akan pergi kepada bagaimana kita hendak memodenkan semua sektor dalam pertanian termasuklah penanaman padi ini yang telah begitu lama terbelenggu dalam B40 ini.

Maka dengan itu, kita akan memperkenalkan konsep-konsep baharu seperti *mix farming*, *precision farming* dan juga penggunaan teknologi baharu. Di MADA saya difahamkan, kita telah pun menggunakan dron untuk *mapping* tanah. Kita akan ada alat *harvesting* untuk menuai dan juga untuk kita menentukan baja yang sesuai, yang akan kita gunakan dalam pembajaan sawah-sawah kita.

Maka dengan itu bagi saya, konsep *precision farming* adalah satu pendekatan yang paling baik untuk meningkatkan pendapatan petani kita di samping aplikasi teknologi baharu dan juga kita akan pastikan supaya apa yang dikatakan *modern farming* itu akan dapat kita aplikasikan sepenuhnya sebagai budaya baharu di dalam penanaman padi dalam negara kita. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri kerana jawapan yang bernas.

Kita ada fakta, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa komitmen kerajaan untuk meningkatkan pendapatan pesawah melalui pelaksanaan pertanian moden, dalam masa yang sama, mengatasi masalah kemiskinan membabitkan golongan berkenaan. Yang Berhormat Menteri sendiri telah menyatakan bahawa pemodenan penanaman padi hanya mampu direalisasikan melalui pertanian berskala besar. Justeru, penyatuan tanah harus dilakukan.

Jadi soalan saya, memandangkan saya juga daripada negeri jelapang padi, apakah usaha pemikiran di luar kotak kementerian Yang Berhormat sendiri menggalakkan penyertaan anak-anak muda khususnya yang sekarang ini banyak yang menganggur dalam sektor pertanian terutamanya bagi sektor padi secara lebih serius?

Saya jemput Yang Berhormat Menteri datang ke kawasan saya di Baling, banyak tanah terbiar, anak muda pun tidak ada kerja, boleh kita bincang kalau ada apa kaedah-kaedah yang boleh kita lakukan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: So jemputan juga sebahagian daripada soalan ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Baling. Saya telah mengemukakan tadi bahawa, padi dulu – Kita telah ada varieti terbaharu yang UKM telah buat usaha sama iaitu RC2 dan RC8. Ini telah meningkatkan pendapatan daripada – Ia boleh pergi daripada lima hingga lapan tan satu hektar.

Ini adalah suatu hasil yang kita telah kenal pasti sekiranya amalan *precision farming* dan juga disiplin di dalam meminda minda petani kita yang dapat kita aplikasikan. Itu dalam sektor padi. Oleh sebab itu saya katakan tadi bahawa kita tawarkan kepada anak muda kita ini, keluasan 50 hektar. Ini akan kita bincang untuk menggamit mereka dan kita mengunjurkan dengan mengamalkan *precision farming* itu, teknologi yang betul, mereka akan dapat lebih kurang 14,000 satu projek itu, satu musim. Ini boleh menggamit mereka datang kepada sektor kita.

Tentang apa yang diunjurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang *precision farming*, *mix farming*, *urban farming*, *vertical farming*, ini semua adalah merupakan suatu usaha yang sedang kementerian giatkan. Ini semua akan menentukan nanti, *insya-Allah*, semua sektor, semua individu, GLC, PPK. Oleh sebab itu saya mengambil perhatian berat terhadap PPK yang kita akan perkasakan dan ada contoh-contoh PPK tadi seperti Kampung Pelet, Lahar Bubu tadi yang telah berjaya sebenarnya, yang telah ada banyak projek yang dihasilkan melalui koperasi yang telah mereka perkasakan. Ini *a way forward* yang saya rasa kita akan teruskan pada masa ke semasa. Terima kasih.

2. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah-langkah baharu untuk meningkatkan kebajikan bekas perajurit khususnya perajurit yang tidak berpencen.

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Yang Berhormat memang bekas penuntut RMC, memang mengetahui dan mengambil berat hal-hal tentera dan bekas-bekas tentera.

Kementerian Pertahanan sentiasa membela dan menjaga kebajikan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan menyediakan pelbagai bantuan kebajikan kepada veteran ATM, sama ada veteran berpencen atau tidak berpencen. Terkini, kerajaan telah meluluskan pemberian inisiatif Bantuan Harapan Negara (BHN) 2019 yang merupakan inisiatif baharu bagi menggantikan Bantuan Bakti Negara 2017 dan Sumbangan Veteran Tidak Berpencen 1Malaysia.

Pelaksanaan inisiatif ini adalah lebih bersasar, di mana penerimanya adalah veteran ATM dalam kategori isi rumah berpendapatan 40 peratus atau B40. Pemberian ini merupakan sebahagian penghargaan daripada kerajaan kepada veteran ATM di atas kesetiaan dan pengorbanan mereka kepada negara serta menjaga kebajikan semua golongan veteran ATM. Bagi melaksanakan inisiatif ini, kerajaan telah memperuntukkan RM79.68 juta untuk diagihkan secara *one-off* kepada seramai 159,368 orang veteran ATM berpencen dan veteran ATM yang tidak berpencen untuk menerima secara *one-off* RM500.

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan inisiatif ini, di mana permohonan untuk BHN telah dibuka daripada 14 April 2019 dan pembayaran pertama telah dilaksanakan sejak 27 Mei 2019, yang telah menerimanya adalah seramai 95,110 veteran. Kerajaan akan terus membuat penambahbaikan skim kebajikan bagi veteran ATM dari semasa ke semasa bagi kesejahteraan veteran ATM.

Walau bagaimanapun, ia perlu berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa dan serta diimbangi dengan kemampuan kewangan kerajaan untuk melaksanakannya. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan kita percaya kerajaan akan terus mencari ikhtiar untuk memberikan penghargaan kepada bekas-bekas angkatan tentera kita secara berterusan. Terima kasih.

Yang Berhormat sendiri tahu bahawasanya program Bantuan Harapan Negara dulu, kerajaan sebelumnya berjumlah RM1,200. Kemudian selepas pilihan raya, program itu ditukar kepada Bantuan Harapan Negara tetapi jumlahnya diturunkan kepada RM500 dan ini menjadi jumlah terlalu kecil dan mereka menjadi mangsa. Apakah ini sebahagian daripada apa Yang Berhormat selalu sebutkan iaitu "*Elephant and elephant fight, grass suffer*"? [Dewan ketawa]

Tuan Mohamad bin Sabu: [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: So hanya jawab *quote* saja.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: *Mouse deer, mouse deer*, bukan *grass. Mouse deer*.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kita beri kepada jumlahnya 159,000 veteran berpencen dan tidak berpencen. Kalau dahulunya separuh daripada ini. Oeh itu kita memberi begitu ramai mereka yang tidak dapat dan saya jumpa bekas-bekas veteran, semua mereka mengucapkan terima kasih kepada kerajaan.

Perkara yang saya hendak sentuh di sini berkenaan pandangan Yang Berhormat ialah sikap syarikat-syarikat besar apabila kita membuat satu *annual dinner*, misalnya untuk kutipan derma kepada Tabung Angkatan Tentera. Selalunya yang datang menderma adalah syarikat-syarikat yang berniaga dengan MinDef. Perkara ini perlu diperbetulkan. Syarikat-syarikat besar yang kaya-raya, mereka dapat berniaga di sini dengan buat keuntungan kerana keamanan negara. Oleh itu sumbangan syarikat itu perlu digalakkan untuk Tabung Angkatan Tentera.

Oleh sebab itu kalau kita pergi ke UK, kita lihat, sentiasa mereka pakai bunga popi itu. Di antaranya untuk menimbulkan kesedaran bagaimana pengorbanan angkatan tentera

itu. Akan tetapi di Malaysia ini kesedaran itu masih kurang. Bila ada *dinner* misalnya, bantuan yang datang daripada syarikat yang berniaga dengan ATM. Syarikat yang tidak berniaga dengan tentera ini kurang memberi sumbangan. Perkara ini perlu diperbetulkan sebab keselamatan negara inilah menyebabkan mereka dapat berniaga.

■1050

Kalau mereka pandai berniaga, pergilah berniaga di Afghanistan, kalau mereka nak tahu boleh berniaga dalam keadaan negara yang tidak aman. Oleh sebab itu pengorbanan angkatan tentera ini mesti dibela dari semasa ke semasa oleh semua pihak. Terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, baru-baru ini kita ada satu spekulasi yang mengatakan bahawa sesiapa yang ada sematkan pingat PJM akan dapat elaun. Banyak rungutan daripada bekas perajurit telah timbul. Bolehkah Yang Berhormat Menteri bagi penerangan sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamad bin Sabu: Mereka yang dapat Pingat Jasa Malaysia, kita hargai pengorbanan mereka terutama dalam menghadapi zaman darurat dan juga konfrontasi dengan Indonesia. Saya sendiri turun untuk memberi pingat-pingat itu mewakili Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pihak Kementerian Pertahanan telah menghantar memorandum kepada Menteri Kewangan supaya menimbangkan suatu peruntukan kepada mereka yang dapat Pingat Jasa Malaysia ini. Saya harap Menteri Kewangan di sebelah kiri saya ini yang kita lihat sedang senyum akan membuat suatu pertimbangan supaya mereka yang dapat Pingat Jasa Malaysia ini diberi penghargaan dalam apa-apa bentuk supaya mereka dapat dibantu dan meringankan bebanan hidup mereka.

Jadi saya lihat Menteri Kewangan senyum, ertinya adalah nanti [*Ketawa*] peruntukan yang akan diberikan kepada pemegang Pingat Jasa Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Bagan Serai ini doktor bukan bekas perajurit.

3. **Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan jumlah penerima '*food bank*' sejak ianya dilancarkan dan apakah pihak kementerian bercadang untuk menambah baik program tersebut agar tidak ada pelajar yang tercicir sebagai penerima.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kapar. Soalannya adalah daripada hal '*food bank*'. Ini satu inisiatif yang kita mulakan pada Ogos tahun lepas. Kisahnya adalah kita ada penyumbang terdiri daripada pasar raya, peruncit, pengedar, pengilang, persatuan-persatuan hotel, dan persatuan-persatuan restoran. Kita ambil makanan daripada pihak ini dan kita kenal pasti penerima. Mereka mungkin orang kurang upaya, ibu tunggal, orang tua, rumah kebajikan, anak yatim dan sebagainya.

Sehingga saat ini, sedang saya memberikan jawapan ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 177,245 ahli isi rumah sedang menerima sumbangan ini secara setiap hari dan kita telah menyelamatkan 1,424 tan makanan dalam tempoh yang sama. Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara dalam mesyuarat pertama tahun ini telah mengarahkan supaya kementerian ini juga meluaskan lagi program ini ke universiti. *Alhamdulillah* sehingga saat ini 11 universiti awam telah pun kita jalankan program ini. Universiti itu ialah;

- (I) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Cheras, Kampus Perubatan
- (II) Universiti Malaya
- (III) Universiti Teknologi Mara, Pulau Pinang
- (IV) Universiti Putra Malaysia
- (V) Universiti Teknologi Malaysia, Skudai dan Kampus Kuala Lumpur
- (VI) Universiti Sultan Zainal Abidin

- (VII) Universiti Malaysia Sarawak
- (VIII) Universiti Malaysia Sabah
- (IX) Universiti Pendidikan Sultan Idris, dan minggu lepas;
- (X) Universiti Teknikal Melaka Malaysia

Kami berhasrat sehingga hujung tahun ini, kesemua 20 universiti awam akan dapat kami turunkan dan sampaikan program ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada falsafah di sebalik program ini. Satu hari seorang sahabat Nabi berjumpa Nabi. Dia tanya dengan Nabi SAW, bagaimana hendak lembutkan hatinya. Dia tanya Nabi, "*How do I soften my heart?*" and the Messenger of God says, *dengan izin, "If you want to soften your heart, then feed the poors and pat the head of an orphan"*. Beri makan orang miskin dan usap kepala anak yatim. Jadi dengan falsafah ini, saya *Alhamdulillah* dapat dokongan seluruh pegawai-pegawai kementerian, pasukan sukarela, rakan strategik dan penyumbang dan *Alhamdulillah* kami akan memperluaskan lagi program ini supaya impaknya itu dapat dirasai dengan lebih menyeluruh. Terima kasih.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri dan saya cuba hadam program ini. Ternyata *food bank* memang cukup membantu dan tidak pernah terfikir sebelum ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian. Ini bukan bodek tetapi kenyataan. Setelah berjaya mengawal harga barangan ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri yang tak pernah berlaku sebelum ini. Dikawal dengan begitu baik [*Tepuk*] dan rakyat tidak pernah merungut di sepanjang Aidilfitri yang mubarak itu.

Soalan saya ialah, apakah rancangan seterusnya Yang Berhormat Menteri setelah berjaya dalam mengawal selia sambutan hari raya itu? Apakah rancangan seterusnya untuk menyasarkan *food bank* ini di peringkat sekolah-sekolah rendah di desa-desa dan kampung-kampung yang daif ini. Apakah perancangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kekuatan program ini adalah tak ada implikasi kewangan dekat kerajaan melainkan RM3 juta yang disumbangkan ataupun diluluskan oleh rakan saya, Kementerian Kewangan untuk tujuan pembelian kenderaan sebab kita nak angkut dan punggah barangan, kita perlu kenderaan. Implikasi kewangan RM3 juta dan di peringkat kementerian Tuan Yang di-Pertua, tak ada pengambilan kakitangan baharu. Kita cuma ubah suai skop kerja yang sedia ada, *Alhamdulillah*.

Apakah rancangan masa depan? Menjadi hasrat kami untuk meluaskan dengan lebih banyak. Bukan sahaja universiti awam, hari ini saya menerima banyak permohonan daripada IPTS, daripada kolej komuniti, daripada politeknik, daripada sekolah-sekolah, banyak. Menariknya adalah kerana kalau mereka itu kita libatkan, kita juga akan dapat menyuburkan lagi dan menumbuhkan lagi, mengukuhkan lagi semangat kesukarelawan. Satu yang kita rasa semakin hilang dalam kehidupan moden hari ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri. Tahniah di atas inisiatif yang dibuat oleh pihak kementerian. Cuma satu persoalan yang saya hendak tanyakan kepada pihak Yang Berhormat Menteri adalah kita juga – tadi Yang Berhormat Menteri maklumkan mengenai *sponsorship* ataupun daripada syarikat-syarikat lain. Kaedah apakah yang digunakan oleh pihak kementerian ini untuk memastikan bekalan makanan yang untuk program *food bank* siswa ini adalah daripada sumber makanan yang halal, bersih, suci dan berkhasiat. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong, terima kasih atas keprihatinan dan itu pun memang tumpuan kita. Pertama, barang yang kita ambil, kita laksanakan satu rejim pemilihan yang sangat ketat termasuk dalam rejim kawalan itu, memastikan ianya halal, *halalan toyyiban*, itu satu. Barang yang kita ambil ini kalau ia merupakan sayur-sayuran, buah-buahan, bakeri, itu tak timbul istilah halal haram sangat ya, tak begitu timbul. Akan tetapi kalau daripada hotel, sebab itu arahan kita adalah hanya lebihan makanan daripada hotel yang mempunyai sijil halal, lebihan makanan.

Misalnya di Pulau Pinang, Hotel The Light dekat Seberang Jaya. Itu sumbangannya berterusan. Persatuan-persatuan restoran Muslim, itu juga memberikan sumbangan dan

Alhamdulillah aspek itu memang menjadi perhatian kami. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Cuma sekarang kita meneroka satu lagi ikhtiar baharu iaitu dengan menggunakan teknologi *retort* iaitu satu teknologi di mana makanan yang kita ambil kemudian kita bungkus dalam bungkus kedap udara, kita masukkan dalam mesin *retort*, suhu 125 *degree celsius* selama 25 minit. Setakat ini, setelah kita hantar ke makmal swasta, sambil menunggu laporan daripada makmal Kementerian Kesihatan, ianya disahkan sebagai selamat untuk kita manfaatkan.

Ke depan nanti kalau berlaku musibah banjir umpamanya, zaman di mana kita turun dan bagi sardin, bagi ikan kering mungkin boleh berakhir. Kita boleh bagi mereka makanan dari dapur hotel yang telah kita simpan dan kita proses melalui teknologi *retort*. Mudah-mudahan, doa dan terus bagi sokongan. *Insyallah*.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Sardin pun sedap juga Yang Berhormat.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ya, nanti kita tambah lagi, *Insyallah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti makan di luar ya, jangan makan dalam Dewan.

■1100

4. Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah segera yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Petugas Khas yang diketuai oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan disertai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar serta tujuh agensi penguatkuasaan bagi mengekang masalah pencerobohan nelayan asing daripada terus berlaku.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat pertama *taskforce* yang diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri pada 25 April 2019 telah memutuskan penubuhan dua jawatankuasa pelaksanaan iaitu Jawatankuasa Penguatkuasaan Secara Bersepadu dan Jawatankuasa Dasar dan Perundangan.

Jawatankuasa Penguatkuasaan Secara Bersepadu yang diketuai oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan dianggotai bersama oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Pasukan Polis Marin, Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah melancarkan operasi penguatkuasaan bersepadu yang dikenali sebagai OPS Naga bermula 2 hingga Jun 2019 dan OPS Naga telah berjaya melaksanakan pemeriksaan secara keseluruhan terhadap 983 buah *vessel* yang membawa kepada tangkapan 52 buah *vessel* secara keseluruhannya.

Operasi OPS Naga fasa kedua telah diteruskan dengan pelancaran OPS Naga Barat bermula 1 Jun 2019 dan berfokus di sebelah pantai timur Semenanjung Malaysia dan operasi ini akan diteruskan sehingga aktiviti pencerobohan nelayan asing di perairan maritim negara dapat dibanteras secara maksimum.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas OPS Naga yang berjaya menahan banyak bot nelayan Vietnam ini. Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini saya mendapat maklumat bilangan yang datang bertambah dan semakin ganas termasuk dua laporan polis yang ada pada saya, mereka mengancam kapal-kapal kita. Dengan penahanan begitu banyak kapal ini, adakah APMM mempunyai tempat tahanan yang secukupnya untuk meletak kapal-kapal ini yang saya difahamkan mengambil masa yang lama bagi proses pelupusan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya itu adalah antara satu masalah yang kita hadapi apabila operasi ini berjalan dan kita telah membuat tangkapan-tangkapan yang disebutkan tadi. Maka kapal yang telah pun kita tarik ke tempat pangkalan, ada tiga sebenarnya di pantai timur sudah hampir penuh. Jadi apa pun kita sedang memikirkan langkah-langkah seterusnya bagaimana kita nakewartakan tempat-tempat lain yang sesuai supaya kalau ada peningkatan dan saya percaya memang akan ada peningkatan dan penahanan yang agak lebih banyak kerana

operasi ini masih berterusan. Dalam pandangan saya bukan sahaja dibuat untuk musiman sahaja, mungkin sepanjang masa. Maka oleh sebab itu, keperluan untuk menyediakan ruang untuk kapal-kapal yang ditahan itu perlu kita fikirkan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Saya juga bangun kerana di kawasan Jelutong di Pulau Pinang juga ada masalah pencerobohan oleh nelayan-nelayan dari luar negara. Soalan saya adalah seperti yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi, walaupun tindakan-tindakan penguatkuasaan telah diambil tetapi kita lihat semakin lama semakin banyak nelayan daripada luar negara mencerobohi lautan negara kita di samping mencuri pendapatan juga daripada nelayan-nelayan kita.

Adakah Kementerian bercadang untuk mengambil tindakan yang lebih agresif seperti negara-negara China dan sebagainya. Setelah memberi amaran kalau mereka tidak beredar untuk mengambil tindakan *shoot on sight* kerana kita lihat perkara ini adalah perkara yang serius yang kita perlu beri perhatian. Bukan sahaja mereka mencuri pendapatan nelayan kita, kadangkala juga nyawa nelayan-nelayan kita terdedah kepada bahaya. Jadi adakah Kementerian bercadang untuk mengambil tindakan yang lebih agresif dalam menangani perkara ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya begitu kerana saya pun menyedari hakikat bahawa tindakan-tindakan yang telah pun kita ambil setakat ini berkesan juga dengan jumlah kes-kes yang sudah meningkat dan bertambah, ada penurunan kalau dibandingkan sebelum daripada operasi dijalankan. Akan tetapi sebagaimana disebut tadi, mereka sudah berpindah pula sekarang ini masuk ke Sabah dan Sarawak. Jadi ini satu perkara yang kita ambil kira. Oleh sebab itu, dalam jawatankuasa yang saya sebutkan tadi ada dua, jawatankuasa yang menjalankan operasi yang dipimpin oleh APM dan satu lagi jawatankuasa mengenai dasar dan perundangan kerana didapati antara perkara yang menjadi mungkin masalahnya ialah dikatakan tindakan dan hukuman yang dikenakan kepada mereka yang terlibat itu tidak begitu berat. Jadi disebabkan itu, kajian sedang pun dibuat oleh sebuah jawatankuasa tadi, meneliti yang utama ialah di bawah Jabatan Perikanan dan keduanya di bawah Jabatan Imigresen. Ini dua undang-undang yang kita sedang kaji dan kalau didapati perlu dipinda, dibawa ke sini untuk mengenakan tindakan dan hukuman yang lebih berat, ini akan kita laksanakan.

Keduanya ialah untuk menambah lagi aset-aset yang agak lebih besar yang boleh pergi sampai ke laut dalam. Sekarang ini, sebab itu kita terpaksa bekerjasama dengan pihak tentera laut kerana mereka mempunyai kapal-kapal yang agak lebih besar supaya dengan cara begitu kita dapat mengesan kes-kes ini secara lebih meluas lagi. Ini sedang pun kita lakukan.

5. Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah permohonan yang telah diterima dan diluluskan, mengikut pecahan negeri, untuk program "*Readiness Assessment*" (RA) di bawah Pelan Industri 4.0, dan apakah hasil penilaian program RA setakat ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kota Melaka atas pertanyaan tentang Pelan Industri 4.0 yang di bawah tanggungjawab MITI.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, permohonan atas talian bagi Program Penilaian Kesiapan atau lebih dikenali sebagai *Readiness Assessment* (RA) program telah dilancarkan pada 28 Januari 2019. Setakat 30 Jun, MITI telah menerima sebanyak 475 permohonan daripada syarikat-syarikat di seluruh Malaysia kecuali Perlis. Ini adalah daripada syarikat-syarikat yang terlibat dalam sektor pembuatan ataupun *manufacturing*. Ini adalah hasil daripada jelajah yang telah dibuat oleh pihak MITI, *roadshow* untuk *round one* di seluruh negara dan sekarang MITI dan juga agensi sedang buat *roadshow* untuk *round kedua* untuk menarik lebih ramai pemohon untuk memohon *Readiness Assessment* program ini yang diberikan secara percuma kepada SME di sektor pembuatan.

Permohonan tersebut akan melalui tapisan bagi memastikan maklumat yang dinyatakan dalam permohonan adalah benar dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

Pecahan permohonan mengikut negeri adalah seperti berikut, ini adalah sesuatu yang diminta oleh Yang Berhormat Kota Melaka. Ini adalah untuk pemohon sahaja:

| NEGERI | BILANGAN PEMOHON |
|---------------------|------------------|
| Selangor | 205 |
| Johor | 59 |
| Pulau Pinang | 57 |
| Perak | 32 |
| Kedah | 25 |
| Sarawak | 22 |
| Melaka | 18 |
| Negeri Sembilan | 18 |
| Wilayah Persekutuan | 13 |
| Kelantan | 7 |
| Sabah | 7 |
| Terengganu | 7 |
| Pahang | 5 |

Untuk wartawan yang nak butiran dan angka seperti yang saya telah laporkan tadi, saya akan beri satu salinan di bilik media.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan ketelusan dan juga integriti dalam pemilihan syarikat untuk menjalani program RA, saringan ke atas setiap syarikat dibuat melalui Jawatankuasa Teknikal dan juga Jawatankuasa Pemandu RA ataupun *Technical and Steering Committee*. Jawatankuasa-jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil dari kementerian, agensi dan juga industri. Pemilihan yang dibuat adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan bagi memastikan aspirasi untuk menggalakkan peralihan industri ke industri 4.0 dapat dicapai.

Sehingga 3 Julai 2019, sebanyak 60 syarikat daripada 475 telah dipilih untuk pusingan yang pertama untuk menjalani program RA yang pertama. Pecahan syarikat yang dipilih mengikut negeri adalah seperti berikut:

| NEGERI | PECAHAN SYARIKAT |
|--------------|------------------|
| Selangor | 23 |
| Pulau Pinang | 13 |
| Johor | 5 |
| Melaka | 5 |
| Kuala Lumpur | 4 |
| Kedah | 4 |
| Perak | 2 |
| Sarawak | 1 |
| Sabah | 1 |
| Kelantan | 1 |
| Terengganu | 1 |

Pihak MITI akan berusaha lagi untuk menarik perhatian lebih ramai SME dalam sektor pembuatan terutamanya dari negeri-negeri yang pada masa sekarang permohonan dan juga yang dipilih itu angkanya sedikit. Jadi ini adalah sesuatu yang kita berniat untuk menambah baik dalam *round* yang kedua. Terima kasih.

■1110

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah sebabnya sambutan kurang memuaskan? Itu yang pertama. Keduanya ialah memandangkan untuk ke arah IR 4.0, sudah pastinya memerlukan pelaburan modal yang besar dan kita lihat pada hari ini hanyalah sekadar syarikat korporat yang besar. Sebilangan kecil saja, SME yang mampu ke arah IR 4.0. Jadi, kita lihat hari ini, SME di Malaysia ini masih lagi banyak dikategorikan IR 2.0. Jadi apakah langkah kerajaan untuk membantu mereka ke arah IR 3.0 sebelum mereka boleh memasuki ke IR 4.0? Terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming: Soalan yang peka oleh Yang Berhormat Kota Melaka. Untuk makluman Yang Berhormat, RA adalah merupakan *stage* pertama saja. Untuk *stage* kedua, pihak MITI telah menyediakan satu modal ataupun dana yang dipanggil *Business Intervention Funding* di mana semua majikan dan syarikat yang telah memohon untuk melalui proses RA ini, akan ada kebolehan untuk *apply*, untuk memohon, untuk akses *funding* di bawah *business intervention* ini secara *matching grant*.

Sebanyak 70 peratus akan dikeluarkan oleh pihak MITI dan 30 peratus akan dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang memohon. *Up to a maximum*, dengan izin, *of RM500 thousands*. Jadi, ini memang akan membantu mereka. Dari segi kenapa sambutan mungkin tidak sebaik yang kami kehendaki, ada kemungkinan bahawa mereka belum lagi tahu manfaat daripada program ini seperti program modal dari segi *business matching*. Kami akan giatkan lagi usaha dalam penggal kedua tahun ini. Terima kasih.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sehingga kini, apakah terdapat jurang yang begitu besar antara tahap teknologi yang digunakan syarikat pada ketika ini dengan syarikat yang berteknologi industri 4.0? Apakah usaha kementerian untuk membantu syarikat-syarikat ini beralih kepada teknologi 4.0? Apakah usaha terkini kementerian untuk memperkasakan program Latihan Tenaga Pengajar untuk meningkatkan kemahiran pedagogi dalam bidang teknologi 4.0? Terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming: Untuk latihan pelajar dari segi industri 4.0, pihak MITI sedang bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Pendidikan untuk melancarkan program yang spesifik di mana kemahiran tentang yang berkenaan dengan industri 4.0 akan diperkenalkan dalam kurikulum.

Untuk soalan yang pertama, apakah kementerian sedang buat untuk membantu syarikat tadi, saya sudah kata, *readiness assessment* ataupun program penilaian kesediaan ini adalah memang penting kerana ia boleh memberi satu arah yang lebih tetap lagi kepada syarikat-syarikat pembuatan terutamanya bagi mereka yang mungkin tidak peka ataupun tidak ketahui apa itu industri 4.0.

Apa yang saya hendak tegaskan ialah ini adalah *stage* pertama saja. Penggal pertama. Ada banyak lagi program termasuk *business intervention* di mana kita akan buat *matching* di antara industri, SME dan juga *service provider*, dengan izin, di mana *service provider* ini boleh memberi kaedah dan juga cara untuk melalui industri 4.0 dan juga untuk *start* buat industri 4.0 ini dengan cara yang lebih sesuai dengan kehendak SME. Terima kasih.

6. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan apakah keputusan kementerian terhadap pengurusan sisa buangan daripada kilang memproses nadir bumi, Lynas Corporation apabila kerajaan bersetuju untuk membenarkan kilang tersebut untuk memperbaharui lesen dan terus beroperasi di negara ini?

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Tuan Yang di-Pertua, keputusan kementerian terhadap pengurusan sisa buangan dari Lynas Corporation dan semua syarat-syarat pengurusan *Residue Water Leach Purification* yang dikenakan oleh Lembaga

Pelesenan Tenaga Atom akan diputuskan oleh Jemaah Menteri dan akan diumumkan pada pertengahan Ogos 2019 nanti. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti mana yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi antara syarat yang dikenakan kepada Lynas oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) adalah untuk membawa keluar sisa-sisa daripada kilang Lynas. Antaranya, *neutralization underflow* tetapi sisa yang toksik itu datang daripada *Water Leach Purification*. Apakah kedudukan Kerajaan Australia sekarang ini berkenaan dengan permintaan supaya kita menghantar balik sisa tersebut ataupun sisa tersebut yang yang toksik atau radioaktif itu diasingkan sebelum dihantar ke Lynas? Apakah pendirian terkini dan adakah ini akan mendorong kepada keputusan Kerajaan Malaysia?

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Kita ada membuat hasil sesi pendengaran rayuan yang telah pun diadakan pada 28 Jun yang lepas oleh Lynas Corporation. Rayuan itu adalah untuk menarik kembali arahan Lynas untuk membawa keluar *residue*, bawa balik ke Australia.

Walau bagaimanapun, kita masih perlu beberapa input sebelum kita memutuskan keputusan seperti yang telah saya cakapkan tadi, keputusan akan diumumkan pada pertengahan Ogos 2019. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Bagan Serai, silakan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sejauh manakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Okeylah. Pahang.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Sebenarnya masyarakat Malaysia faham tentang sisa berjadual? Apakah pengurusan sisa berjadual di negara ini di tahap yang memuaskan? Ini kerana kita tidak tahu apa sebenarnya bahan-bahan kimia yang dibuang di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang dan juga mungkin sungai-sungai yang lain di negara ini. Bagaimanakah tahap pengurusan sisa buangan di negara kita ini? Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai atas soalan yang prihatin. Saya bersetuju bahawa kita perlu tingkatkan kesedaran masyarakat tentang pembuangan sisa berjadual dan saya fikir tidak semua juga masyarakat tahu tentang perkara-perkara ini. Itu sebab juga dalam banyak program-program kementerian, MESTECC, kita adakan banyak, ya. Pendidikan dan juga program-program untuk menyedarkan masyarakat.

Akan tetapi, dari segi apa yang ada sekarang tentang dia punya data sekarang, saya tidak ada tetapi kalau mungkin Yang Berhormat Bagan Serai minta, saya boleh bagi dalam jawapan bertulis. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, melibatkan negeri Pahang, Tuan Yang di-Pertua. Satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kawasan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Yang Berhormat Paya Besar, silakan.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab soalan ini berkaitan soalan yang saya kemukakan pada 3 Julai. Ianya tiga syarat utama sebelum Lynas diberikan ruang untuk memperbaharui lesen.

Syarat pertama R&D. Syarat yang kedua, membina kemudahan pelupusan kekal (PDF) dan yang ketiga ialah membawa keluar daripada Malaysia. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah syarat pertama dan syarat kedua tidak dipenuhi sehingga Kementerian mengambil keputusan untuk mengenakan syarat yang ketiga ini? Ini sebab saya yakin, sudah banyak maklumat kita sudah tahu, syarat pertama telah dilaksanakan dengan perbelanjaan RM24 juta. Menukar *Water Leach Purification* kepada *fertilizer* yang dibuat oleh industri tempatan. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Syarat-syarat yang sedia ada ya? Terima kasih atas soalan tambahan yang pertama yang disebutkan tadi iaitu melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Kedua, untuk membina kemudahan pelupusan kekal (PDF) dan juga syarat yang ketiga yang kita kenakan adalah membawa keluar daripada Malaysia.

Sehubungan dengan itu, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) telah melakukan kawal selia terhadap Lynas berdasarkan ketetapan syarat lesen tersebut, di mana bagi syarat pertama pengurusan *residue* WLP adalah melalui R&D. Lynas telah menjalankan arahan ini terhadap *residue* WLP dan hasil daripada R&D telah pun digunakan untuk membaik pulih tanah dan penambah baik tanah. Penambakan tanah. Walau bagaimanapun, pihak Lynas masih belum dapat kelulusan untuk menggunakan hasil R&D secara komersial.

Pada masa yang sama dan juga kita jalankan sebelum ini, pihak Lynas telah mengenal pasti tapak yang memenuhi kriteria ya untuk mengambil kira aspek keselamatan orang awam ini tentang syarat PDF tadi dan alam sekitar. Pihak Kerajaan Negeri Pahang juga telah melalui surat bertarikh 30 September 2011, telah bersetuju untuk menempatkan PDF di negeri tersebut. Terkini, urusan itu belum dimuktamadkan dan diluluskan. Syarat untuk menghantar keluar *residue* WLP daripada Malaysia, sekarang ini kita masih tunggu Lynas untuk masih dalam proses mematuhi kedua-dua syarat. Terima kasih.

■1120

7. Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah aktiviti perjudian mesin kuda, "*online gambling*" dan 4D haram yang dikatakan telah dibendung melalui operasi-operasi di seluruh negara kini telah menular semula dan apakah tindakan yang akan terus diambil untuk membanteras aktiviti perjudian mesin kuda, "*online gambling*" dan 4D haram memandangkan kegiatan tersebut telah mula menapak untuk berleluasa semula terutama di Sibü.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat peka dan juga sensitif pada isu permasalahan perjudian mesin judi haram, *online gambling* dan 4D haram dalam negara termasuk di daerah Sibü, Sarawak. Kawalan atas aktiviti perjudian dilaksanakan melalui penggubalan undang-undang dan peraturan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan penguatkuasaan yang dijalankan secara berterusan oleh Polis Diraja Malaysia di seluruh negara.

Berdasarkan statistik daripada PDRM sebanyak 297 serbuan ke atas pusat-pusat perjudian tidak berlesen telah berjaya dilakukan di daerah Sibü, Sarawak bagi tahun 2018 hingga 31 Mei 2019. Kejayaan operasi berkenaan telah menyebabkan 439 orang telah ditangkap dan selain itu 72 unit mesin perjudian dan wang tunai berjumlah RM95,024 telah turut dirampas. Dalam hal ini PDRM akan terus melakukan tindakan penguatkuasaan untuk membanteras sindiket perjudian tidak berlesen sehingga membawa kepada penutupan premis berkenaan.

Pada masa yang sama, Kementerian Dalam Negeri juga turut dilibatkan dalam kajian undang-undang berkaitan perjudian yang sedang pun dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk ditambah baik supaya sentiasa selaras dengan perkembangan semasa.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Banyak orang awam berpendapat bahawa kemungkinan besar pihak polis telah berpakat dengan pengusaha mesin kuda terutama di Sibü, jadi apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pihak polis yang mungkin terlibat? Apakah usaha Kementerian dalam menangkap

tauke besar di belakang kegiatan 4D haram kerana tangkapan ejen-ejen sahaja tidak dapat betul-betul membanteras kegiatan 4D haram ini? Selain itu, apakah usaha kementerian untuk membanteras kegiatan *online gambling* yang begitu berleluasa memandangkan *online gambling* boleh berlaku di mana-mana sahaja melalui *smartphone*. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Terima kasih, Yang Berhormat. Ya, kalau sekiranya apa Yang Berhormat sebut tadi benar dan ada bukti bahawa pihak polis terlibat, ini satu perkara yang agak serius. Saya sendiri tidak akan mengizinkan hal itu berlaku dan perlulah [*Tepuk*] kita dapatkan maklumat, kerjasama daripada Yang Berhormat sendiri, siapa, di mana, bila dan hal-hal yang lain, sama ada hendak mengadu pada pihak Menteri ataupun dibuat pada SPRM. Mana-mana pihak berkuasa kita, tidak akan melindungi mereka dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka-mereka yang terbabit sekiranya ada bukti-bukti yang benar.

Soal tindakan penguatkuasaan ini kita buat berdasarkan undang-undang tetapi kita dapati mungkin ada perlunya kita meneliti peruntukan undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan perjudian dan lain-lain lagi. Akan tetapi untuk maklumat Yang Berhormat, kita sebenarnya telah pun melakukan operasi pembanterasannya judi haram ini secara menggunakan peruntukan POCA atau *Prevention of Crime Act*. Sebagai buktinya, tahun 2018 sebanyak 1,357 tangkapan POCA telah kita ambil dan daripada jumlah tersebut 51 tangkapan adalah daripada kes perjudian.

Saya sebutkan ini menunjukkan bahawa isu perjudian haram ini tidak dilihat sebagai isu judi sahaja, ada sindiket dan ada pihak-pihak yang besar di belakang mereka seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan disebabkan oleh kerana ia *online* dan *server* nya kadang-kadang di luar negara kita perlu ada undang-undang tertentu dengan perkara itu tetapi sementara perkara itu kita bawa ke Parlimen, *insya-Allah* pada masa akan datang, kita gunakan akta ini. Akta ini ialah *Prevention of Crime Act* yang memang saya lihat agak berkesan.

Kalau hendak dimaklumkan sekarang ini saya baru sahaja diberitahu oleh pegawai tadi, penurunan kadar sudah turun tinggal lima peratus sahaja. Mungkin yang disebutkan kes seperti di Lanang itu adalah sebahagian kecil daripada keseluruhan kes seluruh negara *but* fakta yang ada dia sudah turun. Jadi tindakan-tindakan ini berkesan tetapi saya bagi jaminan kita tidak akan berhenti dan kita akan terus ambil tindakan-tindakan seterusnya selepas daripada ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, sekarang saya jemput Yang Berhormat Jelebu untuk soalan tambahan kedua.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya teliti jawapan daripada Menteri Dalam Negeri tadi.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, saya hairanlah, saya dalam masa dua hari ini saya sudah lapan kali berdiri. Tidak ada satu kali orang JPS dapat bertanya. Ada *cloud* kah dekat sini? [*Dewan ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat Santubong..

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Lihat sana, dia tengok situ sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat Santubong, dahulu saya duduk bawah saya pernah bangun 30 kali. [*Dewan ketawa*] Akan tetapi saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat Santubong.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Balas dendam kah?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Saya pun sudah lupa hendak cakap apa itu? [*Dewan ketawa*] Saya teliti jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, *culprit* besar dalam judi ini Yang Berhormat Menteri ialah tauke judi haram ini. Dia *income* pendapatan yang paling besar dalam negara, RM300,000 dia akan *earn per day*. Pendapatan yang besar, tidak payah lesen, tidak payah apa. Pakai 2-3 pekerja *then* dia boleh *on*.

Cumanya akta kita, akta kita lemah. Tadi Yang Berhormat Menteri sudah jawab, akta kita lemah, Akta Rumah Judi, Akta Pertaruhan, Akta Loteri, Akta Pertaruhan *Pool*, semua

tahun 1952, 1953, tahun 1967, *obsolete, total obsolete*. Saya hendak tanya pihak kerajaan, adakah kerajaan mengambil satu inisiatif ataupun pendekatan baru.

Satu, hendak memperbaharui akta ini dalam jangka masa terdekat. Kedua, bagaimana pihak penguat kuasa Menteri Dalam Negeri ataupun polis atau PDRM untuk menguatkuasakan *enforcement*, kuasa mereka bagi menyekat aktiviti judi haram ini? Oleh kerana yang sudah-sudah Tuan Yang di-Pertua, bila polis pergi, ini di luar bidang kuasa saya. Ini di luar bidang penguat kuasa undang-undang sampaikan kepala tauke judi ini bertambah besar daripada hari ke hari. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jelebu nampak faham sangat tentang judi haram. [*Dewan ketawa*] Mengenali siapa *culprit* tadi. Kalau boleh dinamakan kepada saya secara sulit dekat belakang nanti, sila maklumkan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya tidak terlibat Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Saya faham. Sila maklum kepada saya dan kita akan ambil tindakan tetapi memang benar macam mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jelebu tadi, isu ini bukan isu kecil di sebalik mereka yang menjadi operator itu tetapi ada *culprit* yang lebih besar. Oleh sebab itu kita gunakan POCA, saya sebutkan tadi.

Ini tidak pernah didengar dahulu, tadi pun saya dimaklumkan oleh pegawai ini *first time* dan bila POCA itu, mereka-mereka yang terbabit ini sudah mula rasa gerun dan kesan daripada tindakan kita ini sudah agak menurun tetapi tidak selesai. Oleh sebab itu dilihat dari sudut perundangan macam disebutkan oleh Yang Berhormat tadi pelbagai-bagai akta terlibat. Sebahagian besar itu di bawah Kementerian Kewangan.

Ada satu *committee* di mana KDN terlibat untuk meneliti beberapa akta tadi supaya dibawa balik ke Parlimen untuk mengenakan satu hukuman yang lebih berat, *update* kerana di waktu itu mungkin tidak ada *online gambling*. Sekarang ini kalau diambil contoh di Singapura sudah ada satu undang-undang khas untuk menangani masalah *online*. Fasal ini melibatkan soal luar negara, untuk mengambil tindakan-tindakan terhadap beberapa *server* yang telah dibuat di luar negara dan pelbagai-bagai perkara lain.

Jadi ini suatu perkara yang besar, saya ucap terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang berikan perhatian. Saya nyatakan tadi kita tidak berhenti di situ, undang-undang ini kita pinda dan kita sesuaikan dengan tindakan-tindakan yang lebih tegas di masa yang akan datang.

8. Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa jumlah sekolah menengah dan rendah bakal dicantum di Sarawak, apa persediaan awal di buat supaya pelajar tidak terperangkap oleh situasi nanti dan bila percantuman ini diagak selesai. Selain dari surat pekeliling kepada sekolah-sekolah, adakah perbincangan-perbincangan dibuat dengan masyarakat setempat berhubung perkara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dalam meningkatkan taraf pendidikan negara ke arah yang lebih cemerlang, Kementerian Pendidikan Malaysia berhasrat untuk menggabungkan sekolah kurang murid seperti yang digariskan dalam inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 kepada semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Walau bagaimanapun, KPM akan bekerjasama dengan ibu bapa dan pihak berkepentingan setempat bagi menentukan masa depan sekolah dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk semua murid bagi memastikan kualiti pendidikan anak mereka diberi keutamaan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada masa kini KPM melalui Jabatan Pendidikan Sarawak dengan kerjasama kerajaan negeri sedang dalam proses melaksanakan libat urus bersama-sama ibu bapa dan komuniti setempat bagi mendapatkan persetujuan sebelum sebarang proses penggabungan sekolah dilaksanakan.

■1130

Sehingga kini, KPM tiada cadangan untuk menggabungkan sekolah menengah yang berstatus sekolah kurang murid. Manakala bagi sekolah rendah pula, KPM tidak menetapkan bilangan sebenar sekolah rendah yang perlu digabungkan kerana pertimbangan penggabungan sekolah ditangani secara kes demi kes dan tertakluk kepada kriteria seperti yang berikut:

- (i) enrolmen yang sangat rendah dan tidak optimum dari segi pengurusan sekolah;
- (ii) keadaan fizikal atau persekitaran sekolah yang tidak selamat atau kondusif;
- (iii) terdapat sekolah yang sama aliran dalam jarak yang boleh diakses;
- (iv) kesediaan murid dan juga ibu bapa; dan
- (v) persetujuan komuniti setempat.

Sekian jawapan saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya jemput Yang Berhormat Santubong untuk soalan tambahan. Sila.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar [Santubong]: Ini tunggu soalan saya sendirilah baru boleh jawab soal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila tanya.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar [Santubong]: Di kawasan saya, ada empat sekolah yang hendak digabungkan. Dalam pandangan saya, penggabungan ini tidak mendapat persetujuan orang kampung. Itulah saya tanya, adakah pendekatan kerajaan ataupun kementerian untuk berbincang dengan orang kampung? Oleh kerana saya mengetahui sendiri. Contohnya, di Kampung Triso dahulu, 34 murid dalam satu sekolah. Apabila sekolah itu ditutup, semua anak kampung itu tidak pergi sekolah lagi. Jadi, adakah ini tujuan kerajaan? Jaga-jaga untuk menggabung. Bukan Kuala Lumpur, bukan negara komunikasi yang baik, jalan ia baik ya. Sarawak ia lain sikit, dia luas. Terima kasih.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ahli Yang Berhormat.

Seperti yang saya sebut tadi, *engagement* ataupun libat urus memang dijalankan. Kita akan pastikan bahawa kita dapat persetujuan daripada murid, ibu bapa dan juga dapat daripada komuniti setempat. Rancangan kita untuk gabungkan sesebuah sekolah adalah bergantung kepada beberapa faktor:

- (i) sama ada berhampiran memang ada sekolah yang sesuai untuk digabungkan menjadi sekolah induk. Kalau sekolah itu memang ada tetapi sama ada bilik darjah mencukupi, itu pertama;
- (ii) sama ada jarak itu memang boleh pergi sana, ulang-alik setiap hari. kalau tidak sesuai, rancangan kita adalah juga termasuk untuk mendirikan asrama di sekolah harian tersebut; dan
- (iii) kalau jarak itu memang boleh ulang-alik setiap hari, salah satu cadangan yang kami sedang mempertimbangkan adalah memberi elaun *transport* supaya kita boleh memberi subsidi untuk membantu dan memastikan budak itu akan terus menerima pendidikan.

Jadi saya hendak tegaskan di sini, soalan pokok daripada Ahli Yang Berhormat adalah tentang persetujuan dan juga *engagement* dengan komuniti. Itu kami akan terus buat. Kita tidak akan buat satu keputusan sewenang-wenangnya sampai kita dapat persetujuan daripada ibu bapa kerana bagi kita akses kepada pendidikan itu adalah paling penting. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di negara kita Malaysia ini terdapat banyak sekolah yang dikategorikan sebagai

sekolah kurang murid (SKM) khususnya di negeri Sabah jua di Sarawak. Saya telah difahamkan bahawa sekolah yang mempunyai kurang daripada 150 orang murid dikategorikan sebagai SKM. Soalan saya selain daripada itu, ialah sekolah ini terbahagi kepada gred A dan gred B.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kementerian jelaskan bahawa sehingga kini terdapat beberapa SKM yang dikategorikan sebagai gred A dan gred B? Adakah kerajaan terdapat usaha-usaha yang baru dalam menangani masalah sekolah yang kurang murid ini? Selain daripada itu, minta kementerian huraikan bantuan yang telah disalurkan kepada sekolah-sekolah SKM ini. Apakah juga usaha jangka masa panjang dalam menyelesaikan permasalahan dalam sekolah ini?

Selain daripada itu, saya juga difahamkan bagaimana.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Libaran. Tolong ringkaskan. Ini sesi soal jawab, tanya satu saja. Akan tetapi Yang Berhormat Libaran sudah tanya lebih lima soalan.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Minta satu minit boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak boleh. Ini bukan pasar malam, tidak boleh lelong.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih, saya akur. Terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Itu saja. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Libaran. Jumlah SKM yang maksudnya sekolah di mana enrolmen murid adalah kurang daripada 150 jumlahnya adalah 3,017 buah. Di antaranya 2,057 adalah sekolah kebangsaan, 600 adalah SJKC dan 360 adalah SJKT. Di antaranya, enrolmen murid adalah kurang daripada 30 adalah sebanyak 380 di seluruh Malaysia. Di antaranya sekolah kebangsaan adalah jumlahnya setinggi 160, SJKC sejumlah 124 dan SJKT sejumlah 96. Salah satu cara hala tuju kita untuk sekolah kurang murid ini seperti yang kami sebut tadi adalah kami gabungkan sekolah kalau dapat persetujuan daripada ibu bapa dan komuniti dan juga ada sekolah induk yang sesuai supaya sekolah itu boleh digabungkan.

Selain daripada itu, kita juga tengah melaksanakan kelas bercantum untuk sekolah-sekolah di mana enrolmennya adalah kurang daripada 30 orang, kita akan laksanakan kelas bercantum. Di mana sejak tahun 2017, kami juga telah memberi latihan kepada 1,579 orang peserta pada tahun 2017. Tahun 2018 sejumlah 885 orang peserta dan juga 2019 kita memberi latihan kepada 872 peserta yang terdiri daripada guru besar, guru-guru dan juga SISC+ . Jadi sampai sini jawapan saya. Terima kasih.

9. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan tentang meter pintar TNB:-

- (a) adakah pembeliannya dibuat secara rundingan terus atau tender terbuka; dan
- (b) adakah kos penukarannya ditanggung pelanggan TNB atau oleh TNB.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakhрудy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perolehan meter pintar oleh TNB dibuat secara tender terbuka kepada pembekal-pembekal tempatan dan penilaian teknikal serta kewangan komersial dilaksanakan bagi memilih pembekal yang layak. Mengenai kos penukaran meter kepada meter pintar, pengguna tidak terlibat dan tidak perlu membuat sebarang pembayaran kepada pihak TNB. Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, apakah langkah TNB bagi menangani aduan pengguna pertama

tentang isu dakwaan ancaman kesihatan yang banyak tular dan juga tentang isu dakwaan peningkatan bil yang mendadak? Apakah usaha TNB untuk membina keyakinan pengguna dalam proses untuk memperluaskan penggunaan meter pintar ke seluruh Semenanjung Malaysia?

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih atas soalan tambahan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kejadian bil elektrik yang tular sebelum ini yang dialami oleh sebilangan pengguna TNB dalam tempoh sebenarnya 15 hingga 20 Mei 2019, adalah disebabkan oleh gangguan teknikal terhadap sistem pengebilan, *billing and customer relation management TNB* dan bukannya disebabkan oleh penggunaan *smart meter* tadi. Dalam tempoh tersebut, TNB tidak dapat mengeluarkan bil elektrik dan menyebabkan tempoh pengebilan pengguna adalah lebih panjang daripada biasa. Perkara ini memberi kesan kepada jumlah bil elektrik pengguna bagi bulan tersebut dan menjadi lebih tinggi berbanding jumlah bil elektrik yang tempoh pengambilan biasan dengan corak penggunaan elektrik yang sama.

Walau bagaimanapun, kesilapan ini telah diselaraskan oleh pihak TNB dan pengguna telah menerima bil dengan bacaan sebenar dan lebihan bayar telah dikreditkan semula ke dalam bil. Kerajaan melalui pihak Suruhanjaya Tenaga telah mengambil tindakan untuk menangani aduan rakyat dengan mengeluarkan notis segera kepada TNB pada 29 Mei 2019 supaya memberi perhatian serius dan mengambil tindakan penyelesaian segera berkaitan aduan elektrik serta melaporkannya kepada ST. Setakat 3 Julai 2019, sebanyak 98 peratus daripada 18,965 pertanyaan dan aduan kepada TNB telah pun diberi maklum balas dan disiasat dan diselesaikan oleh TNB. Terima kasih.

■1140

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Soalan tambahan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti. Saya jemput Yang Berhormat— Bekas Menteri, nama kawasan?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Kota Marudu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Kota Marudu. Ya, ya. Sila, sila.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Selalu lupa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Antara matlamat asas penggunaan meter pintar atau *smart meter* ini adalah supaya pengguna boleh merancang penggunaan tenaganya sendiri dan sekali gus mengurangkan penggunaan tenaga keseluruhan.

Saya hendak bertanya, adakah pihak TNB ataupun kementerian telah meneliti, mengkaji impak penggunaan meter pintar ini setakat ini? Adakah dia telah menurunkan penggunaan tenaga keseluruhan? Jika ya, berapa peratus *savings* yang telah pihak TNB kenal pasti hasil daripada penggunaan meter pintar ini? Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih Yang Berhormat Kota Marudu atas soalan tambahan.

Tujuan kita bila memasang *smart meter* ini dan faedah-faedah memasang *smart meter* ini adalah rekod bacaan dilakukan setiap 30 minit dan data dihantar ke pihak TNB secara automatik melalui talian komunikasi tanpa wayar dan juga maklumat pengguna akan dikemas kini dengan lebih pantas.

Namun, mengenai soalan tadi, saya tidak mempunyai jawapan di sini. Saya akan beri jawapan bertulis. Terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, boleh minta lagi satu soalan tambahan? Daripada Melaka. Sebab negeri Melaka merupakan negeri yang pertama menggunakan *smart meter*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey. Bolehlah bagi Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya memandangkan negeri Melaka merupakan negeri yang pertama

menggunakan *smart meter*. Lebih daripada 80 peratus pengguna telah tukar kepada *smart meter* ya. *Smart meter* ini hari ini kita lihat banyak aduan daripada pengguna di mana selepas mereka memasang *smart meter* sudah tiga bulan, bil mereka, kalau berbanding dengan sebelum *smart meter*, adalah melambak tinggi dan bukannya kerana sistem yang telah diterangkan oleh Menteri tadi. Jadi, apakah langkah TNB untuk mengatasi masalah ini?

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya yang kami terima aduan kebanyakannya bukan daripada Melaka sahaja tetapi ada beberapa pengguna TNB dari negeri-negeri lain, dan setakat ini daripada 15 Mei hingga 20 Mei sahaja waktu itu.

Akan tetapi, sekiranya kalau ada aduan-aduan lain, saya rasa boleh panjangkan kepada TNB dan sekiranya TNB tidak respons kepada perkara ini, boleh maklumkan kepada Suruhanjaya Tenaga melalui *website*. Boleh buat aduan terus kepada *website*.

Saya rasa tadi langkah-langkah tentang TNB dan juga Suruhanjaya Tenaga untuk mengatasi masalah ini, saya telah pun jawab kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Setiawangsa sebentar tadi. Terima kasih.

10. Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan adakah pihak Kementerian melihat jumlah kes penceraian di kalangan pasangan muda atau baru berkahwin berada di tahap yang membimbangkan dan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Terima kasih. Berdasarkan penerbitan Perangkaan Perkahwinan dan Penceraian 2018 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan perkahwinan menurun 4.9 peratus daripada 200,274 orang pada tahun 2016 kepada 190,532 orang pada tahun 2017. Peratusan tertinggi perkahwinan berlaku dalam kumpulan umur 25 hingga 29 tahun bagi kedua-dua jantina.

Bilangan penceraian juga menurun kepada 3.2 peratus daripada 51,642 orang pada tahun 2016 kepada 49,965 orang pada tahun 2017. Peratusan tertinggi penceraian berlaku dalam kumpulan umur 30 hingga 34 tahun bagi kedua-dua jantina.

Izinkan saya untuk memberikan maklumat terperinci negeri-negeri di Malaysia yang mempunyai peratusan tertinggi penceraian. Untuk orang Islam, negeri tertinggi adalah negeri Selangor dengan 8,794 penceraian bagi tahun 2017. Negeri kedua paling tinggi untuk orang Islam adalah negeri Johor dengan 4,441 kes. Diikuti dengan negeri Kedah, nombor tiga, sebanyak 3,551 kes. Untuk orang bukan Islam pula, negeri pertama masih Selangor dengan 2,068 kes. Negeri kedua adalah negeri Johor juga dengan 1,526 kes. Akan tetapi untuk negeri ketiga paling tinggi adalah negeri Perak dengan jumlahnya 1,249 kes.

Sebab penceraian pasangan muda. Kajian Penduduk dan Keluarga Kelima juga mengenal pasti punca utama penceraian atau perpisahan yang berlaku dalam kalangan pasangan muda di seluruh Malaysia. Bagi wanita, lebih satu pertiga menyatakan punca utama mereka bercerai adalah kerana tiada persefahaman. Ini diikuti dengan suami curang dan suami tidak bertanggungjawab. Bagi lelaki pula, lebih separuh menyatakan punca utama mereka bercerai adalah kerana tiada persefahaman. Ini diikuti dengan campur tangan mertua dan isteri curang.

Di samping itu, statistik permohonan tribunal dari tahun 2013 hingga 31 Mei tahun ini dari Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan tiga kategori masalah utama yang direkodkan ialah masalah kewangan sebanyak 17,359 kes, gangguan pihak ketiga sebanyak 6,574 kes dan bertindak kasar secara fizikal ataupun mental sebanyak 4,884 kes.

Bagi program dan inisiatif kementerian di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, program yang kita ada adalah program Pra Perkahwinan *Smart Start* dan *Smart Start Second Honeymoon*. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucap terima kasih kepada pihak Menteri kerana jawapan yang begitu *details*.

Tuan Yang di-Pertua, kes penceraian antara pasangan 30 ke 35 tahun malah 20 ke 25 tahun meningkat dari tahun ke tahun. Bukan sahaja bagi masyarakat orang Melayu tetapi

for the non Muslim juga. Cuma, saya hendak minta kerajaan ataupun pihak Menteri memberi penjelasan dalam Dewan ini, antara punca penceraian sekarang bukan sahaja lelaki tetapi perempuan pun punca kepada penceraian. Alasan yang diguna, peratusan yang paling besar Menteri dah jawab, 38 peratus perempuan beritahu tiada persefahaman. Apa yang tidak ada persefahaman? Tidak cukup duit? Tidak cukup gaji? Tidak cukup masa ataupun suami ada dua tiga rumah lain?

Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak penjelasan daripada pihak Menteri. Cumanya, untuk negeri Johor, Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Johor bagi *non Malays*, dia ada satu pendekatan, dia buat kursus pra perkahwinan untuk mewujudkan satu keluarga harmoni. Ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan penceraian di kalangan umur muda, negara runtuh. Institusi keluarga kalau tidak betul, negara akan runtuh, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sekarang ini saya hendak beritahu Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya tidak ada kuasa untuk benarkan penceraian. Yang benarkan penceraian itu hakim. Hakim di mahkamah tinggi atau hakim mahkamah syariah.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hannah Yeoh: [Bangun]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Nanti lah Menteri. Saya ada soalan untuk Menteri. Saya hendak tanya, kalau Johor dia buat kursus pra perkahwinan untuk *non Malays*, satu langkah yang terbaik, bagaimana negeri lain? Ikut tidak langkah ini? Pertama.

Kedua, orang Islam pun ada. Ini Menteri agama ada sini. Orang Islam, kalau dia minta cerai di mahkamah, dia akan panggil sesi satu, sesi dua, sesi tiga kaunseling. Ini saya hendak tanya Selangor ini, negeri yang paling banyak kes penceraian orang Islam dan juga orang bukan Islam. Johor, Kedah dan mana tadi yang Menteri jawab tadi, saya pun dah tidak ingat... [Disampuk] Perak. Negeri Sembilan dia jaga hal orang rumah tangga ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bilangan penduduk kurang.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Negeri Sembilan dia jaga hal rumah tangga dia. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Selangor dia bilangan penduduk paling ramai.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua? Boleh saya teruskan? Saya hendak tanya ini, mahkamah syariah ini...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hannah Yeoh: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Jelebu sekarang memberi ceramah pasal wanita, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hannah Yeoh: Tuan Yang di-Pertua, kita ada berapa...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pulau Pinang lebih jaga. Tidak ada langsung cerai. [Ketawa]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong, duduk sekejap.

Puan Hannah Yeoh: Tuan Yang di-Pertua, kita ada berapa soalan tambahan yang dibenarkan?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang sangat penting.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pulau Pinang bagus. Langsung tidak ada orang cerai.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong bagi lah saya habiskan dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Semua berminat pasal penceraian dan perkahwinan.

■1150

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ini soalan yang sangat penting. Adakah pihak Mahkamah Syariah ini mengambil langkah *just for the sake off to settle case*. Minta cerai, bagi. Umur perempuan datang kerana tidak puas hati dengan suami, bagi. Oleh sebab di Selangor saya lihat ada satu kaunter khas, *fast track*. Enam jam boleh selesai kes penceraian. *Fast track*, ini saya hendak bagi tahu kawan-kawan Ahli Dewan...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Masa sudah cukup.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Kalau sudah tak suka kepada isteri...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Boleh Papar mencelah?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Pergi kaunter, enam jam selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelebu, jika hendak ceramah, nanti kita selepas Dewan tangguh.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Bagi saya laluan nanti ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Soalan, soalan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Masa ceramah, bagi saya laluan. Minta jawapan Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Timbalan Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga [Puan Hannah Yeoh]: Dia, hendak tahu soalan apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebenarnya saya pun tahu.

Puan Hannah Yeoh: Yang ditanya sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya pun berminat. Sebenarnya tidak ada soalan pun. Cuma dia berikan pandangan.

Puan Hannah Yeoh: Akan tetapi, saya hendak betulkan fakta.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Puan Hannah Yeoh: Tidak benar bahawa Negeri Sembilan dan Pulau Pinang tidak ada kes ya. [Ketawa] Untuk penceraian orang Islam, Negeri Sembilan 1,869 kes dan Pulau Pinang 1,540 kes.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Apa ini salah fakta.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Banyak, banyak.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Mislead* Dewan.

Puan Hannah Yeoh: Untuk orang...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong tak pandai jaga lah.

Puan Hannah Yeoh: Untuk orang bukan Islam, Negeri Sembilan 505 kes dan Pulau Pinang 1,002 kes. Negeri Selangor dan Johor, tinggi *percentage* statistik mereka adalah kerana jumlah populasi yang tinggi. Oleh sebab itu, nombor statistik mereka juga naik. Terima kasih.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dengar tadi bahawa penceraian yang tinggi di kalangan masyarakat kita di Malaysia tidak kira yang Islam ataupun bukan Islam. Mengikut kajian bahawa, penceraian ini insiden dia banyak berlaku masa tempoh lima tahun pertama perkahwinan. Saya melihat bahawa, walaupun ada kursus yang disebutkan tadi. Kursus untuk orang Islam ini dua hari sahaja. Kursus yang bukan Islam ada lebih lama lagi tempohnya. Perhatikan bahawa penceraian ini berlaku dalam tempoh lima tahun pertama perkahwinan. Adakah sudah kerjasama di antara kementerian dengan JAKIM, Yang Berhormat Menteri pun ada di sini. Saya dulu berkali-kali sebutkan perkara ini bahawa tempoh kursus ini tidak cukup dua hari itu untuk mereka melayari perkahwinan untuk seumur hidup. Oleh sebab itu, adakah sudah ada perbincangan supaya ini dapat ditambah, pertama. Kedua, dia punya inti pati di dalam kursus

itu ditambah baik lagi supaya dapat mengambil kira perkara-perkara yang menyebabkan penceraiannya tadi?

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih Yang Berhormat. Ada. LPPKN telah mengadakan sesi libat urus dengan beberapa agensi dan NGO pada tahun ini untuk kursus pra perkahwinan bukan *Muslim* dan juga *Muslim* pada 15 Februari dan 1 Mac tahun ini untuk mengenal pasti elemen ataupun topik yang perlu ditambah nilai-nilai dan mengikut kesesuaian keperluan semasa dan bersetuju untuk melatih jurulatih untuk persediaan penyampaian yang lebih baik dan berkesan kepada kumpulan sasaran. Kita juga sedang dalam proses untuk *recruitment*, lebih banyak lagi NGO supaya kita boleh sampai ke lebih banyak lagi daerah. Keduanya adalah, perbincangan pihak kementerian bersama Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara berkenaan kursus pra perkahwinan bagi pasangan bukan Muslim telah diadakan tahun ini.

Saya sendiri telah pergi untuk membincangkan sama ada kita boleh mewajibkan kursus ini untuk orang bukan Islam. Akan tetapi, dalam mesyuarat tersebut kita rasa sekarang ini kita masih tidak boleh mewajibkan kursus pra perkahwinan kerana NGO yang terlibat tidak menyeluruh. Kita hanya ada 14 NGO yang membantu LPPKN di seluruh Malaysia untuk kursus pra perkahwinan.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Menteri, sedikit penjelasan.

Puan Hannah Yeoh: Dan, izin...

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Menteri, sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini bukan caranya Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Boleh hendak bagi pandangan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sebab Yang Berhormat Menteri sebut...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak boleh, tidak boleh.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tentang kurikulum tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini menyalahi peraturan mesyuarat.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Saya hendak bagi tentang kurikulum saja pandangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tasek Gelugor, sila duduk.

Puan Hannah Yeoh: Izinkan saya untuk jawab dulu. Ketiganya adalah, kita sedang berbincang dengan Exco Wanita negeri-negeri yang lain untuk pastikan kalau mereka ada insentif perkahwinan, kita mesti ikat insentif itu bersama kursus. Supaya mereka tidak boleh hanya dapatkan insentif, tetapi kena menghadiri kursus kita. Kursus ini juga kita sedang pertimbangkan untuk *online content*. Ini kerana, walaupun mereka menghadiri kursus dua hari, tetapi mungkin dalam dua hari itu mereka hanya main telefon sahaja. Okey, dan tidak mendengar nasihat. Untuk perbincangan bersama JAKIM, pihak kementerian bersama Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Ketua Masyarakat Melayu juga telah mengadakan perbincangan pada tahun ini, bulan Jun bagi membincangkan keperluan selepas bercerai pasangan Islam dapat diurus dengan baik seperti kaunseling, pasangan baru bercerai dan aspek penjagaan anak, nafkah dan sebagainya.

Seperti apa yang telah ditanya tadi, mengenai isu tiada persefahaman. Tiada persefahaman ini dalam tempoh lima tahun perkahwinan, kita lihat selalunya orang terburu-buru untuk berkahwin, tetapi mereka tidak mengenali diri sendiri dan tidak mengenali pasangan. Jadi, kita juga sedang mempertimbangkan sama ada kita hendak mewujudkan *compatibility test* untuk orang yang bujang sebelum mereka berkahwin supaya mereka boleh datang. Orang yang hendak kahwin juga, semasa *dating* ya. Kalau mereka hendak tahu sama ada orang ini sesuai atau tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Lesen untuk berkahwin.

Puan Hannah Yeoh: Mereka boleh buat *compatibility test* dulu kerana selalunya selepas berkahwin, baru kita tahu orang ini ada tabiat seperti ini dan masa itu sudah terlalu lambat. Terima kasih.

11. Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kementerian mempunyai perancangan rapi untuk mengelakkan sempadan negara daripada dimasuki secara tidak sah oleh pihak warga asing dan nyatakan langkah-langkah yang diambil itu jika ada, khususnya di Sabah.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil perhatian yang serius terhadap ancaman kebolsan di sempadan negara, termasuklah di Sabah dan di Sarawak. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa masih terdapat isu kebolsan berlaku termasuklah di negeri Sabah. Seperti mana soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Ranau, keadaan ini berlaku khususnya di kawasan Eszon Sabah, disebabkan oleh beberapa faktor seperti tarikan ekonomi, kedudukan yang berdekatan dengan sempadan negara jiran khasnya Indonesia dan Filipina dan peranan pendatang tanpa izin yang berada di kawasan Eszon didapati membawa masuk sanak saudara daripada negara asal untuk bekerja dan menetap di Pantai Timur Sabah.

Untuk mengekang kebanjiran PATI di negeri Sabah, pihak ESSCOM mengambil beberapa pendekatan seperti berikut:

- (i) pasukan keselamatan khususnya di bawah ESSCOM akan mewujudkan satu laluan khas, dengan izin, *sea check point* atau *designated road* bagi memantau pergerakan kapal ataupun bot-bot nelayan di kawasan perairan F zon;
- (ii) terus mewujudkan pos-pos *road check point*, dengan izin, bagi membanteras elemen-elemen pergerakan PATI dan penjenayah yang cuba masuk ke kawasan berkenaan dan menjadikan kawasan ataupun laluan tertentu sebagai transit penyeludupan barang serta kemasukan PATI;
- (iii) meneruskan pemeriksaan individu dengan kerjasama *Interpol* bagi setiap kemasukan feri dan kapal dagang di laluan pintu-pintu masuk negara;
- (iv) meneruskan serta mendapatkan maklumat-maklumat risikan serta menjalin kerjasama dan bertukar-tukar maklumat dengan pasukan keselamatan daripada negara jiran, khususnya Indonesia dan Filipina; dan
- (v) mengadakan kerjasama antara agensi-agensi penguat kuasa seperti imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, RELA dan PDRM dalam mengesan dan mengenal pasti kawasan penempatan PTI atau suspek-suspek tertentu khususnya yang boleh mengancam keselamatan masyarakat dan negara.

Berdasarkan maklumat-maklumat, pihak keselamatan khususnya ESSCOM, sentiasa meneruskan atur gerak aset-aset bagi mengekang kemasukan elemen luar yang berkepentingan daripada masuk dan melakukan jenayah di perairan negara. Usaha-usaha yang dilakukan secara berterusan bagi menghalang kemasukan elemen-elemen ini telah berjaya menggagalkan beberapa percubaan aktiviti jenayah rentas sempadan dan kemasukan PATI di negeri Sabah.

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini, bila kerajaan negeri Sabah mengumumkan bahawa akan ada pemutihan di negeri Sabah, ada kalangan pihak-pihak tertentu mengatakan bahawa, satu juta lebih mereka yang jadi PTI negeri Sabah ini mungkin mendapat pemutihan. Jadi, ini menjadi kebimbangan bagi rakyat Sabah selama ini kerana isu PTI nampaknya sudah lama berlanjutan sehingga sekarang dan sebab itu menimbulkan kekusaran di kalangan rakyat Sabah.

■1200

Soalan saya ialah adakah kerajaan bersungguh-sungguh mahu mengawal supaya sempadan negeri Sabah dapat dikawal dengan ketat supaya tidak lagi dibolosi oleh pendatang asing pada masa akan datang?

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya jelaskan dalam ucapan penjelasan awal tadi, saya menyatakan bahawa kita komited untuk menentukan sempadan negara kita ini terutama di Sabah dan Sarawak tidak terus dibolosi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab terutamanya pendatang-pendatang dan penjenayah-penjenayah daripada luar negara.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Oleh sebab itulah ESSCOM ditubuhkan. Kesan daripada tindakan itu, saya kira Yang Berhormat di Sabah lebih maklum ialah agak berkesan tetapi belum dapat menyelesaikan masalah kemasukan ini secara jangka panjang dengan sebab pelbagai faktor. Antaranya ialah kawasan perairan yang agak luas, kawasan sempadan yang agak panjang dan sebagainya. Ini menyebabkan kita terpaksa *mobilize* aset-aset yang banyak untuk menangani masalah sebegini.

Saya hendak maklumkan bahawa setakat hari ini, kita tidak ada membuat apa-apa keputusan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi untuk pemutihan mereka yang ada di Sabah ini. Ada sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan bersama oleh saya dan Ketua Menteri, yang akan mengadakan mesyuarat untuk membincangkan antara lain soal-soal yang telah pun dibangkitkan tadi. Jadi, saya ingin menyatakan bahawa selagi isu dan permasalahan yang berlaku seperti di Sabah itu belum dapat kita atasi secara berkesan dari segi jangka panjangnya, ESSCOM ini akan kita teruskan.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tadi telah sebut soalan. Satu soalan terakhir tadi.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Bagi Sabah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Satu sahaja, penting. *[Ketawa]* Boleh, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua pun tidak boleh buat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi satu soalan tambahan.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Sabah lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ringkas 30 saat.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, kawasan dia bukan kawasan ESSCOM Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Statistik Jabatan Imigresen Malaysia sepanjang tahun 2018 sehingga 4 Julai 2019, seramai 282 warga Afrika ditahan atas pelbagai kesalahan imigresen. Pada 15 Mei yang lalu, seorang lelaki Nigeria didakwa di Mahkamah Majistret Sepang atas tuduhan membunuh Ketua Jururawat Hospital Serdang, Siti Kharina Mohd Kamarudin yang mayatnya ditemui di unit kondominium.

Apakah tindakan imigresen kerajaan bagi menjamin kementerian dan juga pelan holistik penguatkuasaan pendatang asing tanpa izin supaya dapat mencapai matlamat dan

tidak menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat kebanjiran warga asing? Keduanya, adakah program pemutihan pekerja asing ini akan dilaksanakan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memandang berat macam ada yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, kes-kes tertentu yang membabitkan orang asing di negara kita, sama ada itu mereka datang secara laluan yang betul, apalagi kalau mereka datang tanpa izin. Ini adalah satu perkara yang kita akan ambil tindakan yang berterusan.

Langkah-langkah untuk penguatkuasaan ini berjalan sepanjang masa. Sewaktu saya berucap ini pun, ada kawasan-kawasan tertentu di mana pihak Jabatan Imigresen menahan mereka yang bertanggungjawab tadi. Apalagi kalau membabitkan jenayah. Macam disebutkan pembunuhan, ini kita tidak pandang ringan. Tidak kira mereka asing ataupun apalagi kalau warganegara Malaysia terbabit dengan jenayah sebegitu berat, maka tindakan ialah untuk mengambil langkah-langkah berasaskan undang-undang.

Jadi sebab itu bagi saya yang penting sekarang ini ialah suatu pelan yang dikatakan holistik yang disebut oleh Yang Berhormat akan kita umumkan tidak berapa lama lagi iaitu satu pelan untuk tempoh lima tahun ke hadapan. Apa langkah yang wajar yang KDN khususnya dalam agensi pengurusan akan ambil untuk mengatasi masalah pendatang tanpa izin yang sudah ada dalam negara kita, yang sampai hari ini saya pun tidak tahu berapa bilangannya. Walaupun begitu, dengan pelan yang agak lebih tersusun dan terancang termasuklah soal bidang kuasa undang-undang, penempatan *detention camps* yang sesuai, mobilisasi aset-aset yang ada, tenaga manusia yang boleh kita kerah untuk melaksanakan tindakan-tindakan tertentu tadi, ini akan kita susun. Saya akan umumkan dalam tempoh yang tidak berapa lama bagaimana ia akan kita akan laksanakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Yang Berhormat, satu soalan yang amat penting, amat rapat, rapat sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat ...

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Sangat rapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MENDIANG DATUK SERI DR JAMES DAWOS MAMIT

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan yang amat dukacita dan sedih, saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Datuk Seri Dr. James Dawos Mamit, mantan Ahli Parlimen Puncak Borneo yang juga merupakan mantan Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah meninggal dunia pada hari Isnin, 8 Julai 2019. Saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Parlimen Malaysia, merakamkan ucapan takziah kepada isteri mendiang, Yang Berbahagia Datin Seri Christine Dawung Narub dan seluruh ahli keluarga beliau.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mendiang Datuk Seri Dr. James Dawos Mamit adalah mantan Ahli Parlimen Puncak Borneo semenjak tahun 1999 sehingga bulan April 2018 dan pada masa itu dikenali sebagai Parlimen Mambong. Jasa dan pengorbanan mendiang amat besar dan bermakna kepada negara. Sesungguhnya, pemergian mendiang ini adalah satu

kehilangan yang amat besar kepada negara dan kepada Dewan Rakyat, khususnya. Oleh yang demikian, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun dan diminta bertafakur selama satu minit.

[Ahli-ahli bangun bertafakur]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Dipersilakan duduk.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa. [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara Peraturan Mesyuarat 36(12) sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa. [Ketereh]: Saya ingin memohon fatwa daripada Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya faham Peraturan Mesyuarat 36(12) membawa maksud seseorang yang mengelirukan Dewan, boleh kita merujuk kepada Jawatankuasa Hak ya, Peraturan Mesyuarat 36(12). Di bawah perkara 18(1) juga boleh dibawa dalam bentuk usul kalau perkara kepentingan awam, mustahak dan perlu disegerakan.

Akan tetapi kalau kita tidak mahu menggunakan kedua-duanya ini kerana sebagai menghormati Timbalan Menteri yang memberi kenyataan yang salah dalam Dewan, adakah cara lain dapat dilakukan? Ini kerana *Hansard* telah secara tepat membuktikan Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar pada 2 Julai memberikan jawapan yang salah dalam Parlimen walaupun ada pembetulan di luar Parlimen. Jadi bagaimana kaedah untuk keluar daripada keadaan itu? Saya pohon fatwa ataupun nasihat Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, juga perkara yang berkaitan. Pada 2 Julai, saya bertanyakan soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Luar berhubung dengan status Pulau Batu Puteh. Beliau menyatakan bahawa kerajaan membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan bererti rayuan itu diteruskan. Namun kemudian apabila di luar, agaknya dapat maklumat daripada Wisma Putra bahawa kenyataannya salah, beliau mengatakan bahawa kita tidak lagi meneruskan rayuan itu. Ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ketereh. Dengan lain perkataan, jawapannya mengelirukan Dewan. Terima kasih.

■1210

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Saya akan rujuk kepada perbincangan kepada pihak Yang di-Pertua dan buat petua selepas daripada ini. Mohon ditulis satu verbatim tulis surat apa yang telah dimaksudkan tadi kepada Yang di-Pertua Dewan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Maksud Tuan Yang di-Pertua saya harus membuatnya secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Di alamat kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mendapatkan fatwa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG PROFESION GUAMAN SYARIE
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan badan kelayakan Profesion Guaman Syarie, Badan Peguam Syarie dan Majlis Peguam Syarie bagi mengadakan peruntukan bagi kemasukan seorang Peguam Syarie untuk mengawal amalan Profesion Guaman Syarie di Wilayah-wilayah Persekutuan dan perkara-perkara yang berhubung dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa]; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) (NO.2) 2019****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa]; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

12.12 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan DR16/2019 Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019, di No. 1 seperti yang tertera di Aturan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 10 Julai 2019.”

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Saya sokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERIKANAN (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.13 tgh.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Perikanan 1985 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Perikanan 1985, Akta 317 dengan tujuan untuk menambah baik peruntukan sedia ada terutamanya berhubung pelesenan, penangkapan ikan bagi mengambil kira penangkapan ikan di laut lepas (*high seas*), meningkatkan kadar denda kesalahan di bawah Akta 317 dan memberi kuasa kepada Menteri menggubal peraturan berhubung dengan pemantauan, pengawalan dan pengawasan di samping menjadikan perundangan perikanan ini selari dengan instrumen antarabangsa.

Selain itu pindaan ke atas akta ini turut bertujuan untuk memantapkan lagi seksyen berkaitan dengan pengkompaunan, memperjelaskan lagi kuasa Ketua Pengarah Perikanan dan memasukkan peranan pendakwa raya dalam memutuskan kes-kes kompaun dan pendakwaan. Kementerian juga menyasarkan potensi pendaratan tuna sebanyak 30,000 tan metrik setahun dengan nilai RM300 juta, hasil daripada pelesenan penangkapan tuna di laut lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019. Rang undang-undang ini mempunyai 12 fasal seperti berikut;

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 dan 3 bertujuan meminda tajuk panjang mukadimah dan seksyen 1 Akta 317 bagi tujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemantauan, pengawalan dan pengawasan vesel penangkapan ikan tempatan di laut lepas.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 1(1) Akta 317 untuk meluaskan pemakaian Akta 317 bagi laut lepas berkenaan vesel penangkapan ikan tempatan.

Fasal 5 bertujuan meminda subseksyen 3(1) Akta 317 bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk menjalankan fungsi di bawah Akta 317 bagi semua perkara yang berhubung dengan pemuliharaan, pengurusan, pemajuan dan penguatkuasaan aktiviti penangkapan ikan di perairan perikanan Malaysia serta pemantauan pengawalan dan pengawasan vesel-vesel penangkapan ikan di laut lepas.

Fasal 6 bertujuan meminda subseksyen 8 Akta 317 dengan memasukkan aktiviti penangkapan ikan, mengendali atau membenarkan dikendalikan vesel penangkapan ikan tempatan di laut lepas tanpa lesen adalah merupakan satu kesalahan.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 11(2) Akta 317 dengan memasukkan laut lepas iaitu tiada lesen boleh dikeluarkan berkenaan dengan mana-mana belat ikan, peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan apa-apa galangan kepada pelayaran atau apa-apa rintangan kepada aliran semula jadi air di perairan Malaysia atau di laut lepas.

Fasal 7 memasukkan subseksyen baharu iaitu subseksyen 11(3A) berhubung kesalahan mengendali, memiliki dan memasang peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan di laut lepas tanpa lesen merupakan satu kesalahan.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 14A Akta 317 iaitu anggapan bahawa mana-mana individu bukan warganegara Malaysia yang berada di atas vesel penangkapan ikan tempatan di laut lepas dianggap sebagai krew vesel tersebut kecuali dibuktikan di sebaliknya.

Fasal 9 bertujuan meminda seksyen 25 Akta 317 untuk menaikkan denda maksimum vesel penangkapan ikan asing yang menceroboh perairan perikanan Malaysia iaitu

daripada RM1 juta kepada RM6 juta bagi nakhoda dan bagi tiap-tiap anggota krew dari RM100,000 kepada RM600,000. Fasal ini turut memasukkan peranti baharu denda maksimum RM4 juta bagi kesalahan yang dilakukan menggunakan vesel penangkapan ikan tempatan yang beroperasi di laut lepas.

Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 31 Akta 317 untuk menambah baik seksyen berkaitan pengkompaunan agar ia selaras dengan akta-akta terkini yang telah diluluskan di Parlimen dengan memperjelaskan lagi kuasa Ketua Pengarah Perikanan dan memasukkan peranan pendakwa raya dalam memutuskan kes-kes kompaun dan pendakwaan.

■1220

Fasal ini juga memperjelaskan tatacara berhubung pengkompaunan bahawa amaun perlu dibayar dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya gagal, pendakwaan boleh dimulakan dan begitulah di sebaliknya. Fasal ini turut meminda seksyen 31 dengan memasukkan kesalahan di bawah subseksyen 11(3A) sebagai kesalahan yang tidak boleh di kompaun kecuali bagi peralatan penangkap ikan tradisional.

Fasal 11 bertujuan bagi meminda seksyen 52 yang memasukkan peruntukan bahawa mahkamah hendaklah melucut hak ke atas apa-apa *vesse*, peralatan dan sebagainya yang digunakan semasa melakukan kesalahan di bawah subseksyen 11(3A).

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 61 bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk menggubal peraturan bagi tujuan pemantauan, pengawalan dan pengawasan ke atas *vesse*/ penangkapan ikan tempatan di laut lepas. Pindaan turut dibuat ke atas seksyen 61(m) iaitu memasukkan perkataan "pemantauan", "pengawalan" dan "pengawasan" yang bertujuan supaya selari dengan instrumen antarabangsa bagi pengurusan perikanan yang bertanggungjawab dan fasal-fasal lain yang tidak dinyatakan secara khusus adalah pindaan bersifat kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Saya sokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perikanan 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ada terima seramai 40 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas. Pakatan Harapan seramai 20 orang, Barisan Nasional seramai 11 orang, PAS seramai enam orang dan GPS seramai tiga orang. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Kuala Kedah, 20 minit dan diikuti oleh Yang Berhormat Pontian juga 20 minit. Sila Yang Berhormat Kuala Kedah.

12.22 tgh.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya turut berbahas pindaan Rang Undang-undang Perikanan, Akta Perikanan 1985 yang pada saya merupakan satu pindaan dan rang undang-undang yang penting khususnya kerana kita sedia maklum bahawa apa sahaja langkah dan usaha oleh pihak kerajaan yang akan meningkatkan pendapatan negara, pendapatan rakyat, kesejahteraan negara dan kesejahteraan rakyat itu adalah langkah yang sangat diperlukan pada waktu ini.

Ini kerana, kita mengalami tekanan-tekanan tertentu dan bukanlah merupakan satu rahsia bahawa sektor perikanan pernah mengalami masalah yang besar satu ketika dahulu. Dulu-dulu, kajian-kajian yang dibuat oleh Profesor Ungku Aziz misalnya, menunjukkan nelayan adalah antara orang yang paling miskin, golongan masyarakat yang termiskin. Kemudian, keadaan agak berubah, daripada tahun 60-an, tahun 70-an, tahun 80-an dan tahun 90-an keadaannya agak lebih baik.

Saya bercakap sebagai seorang yang mewakili kawasan yang mana 40 peratus penduduknya merupakan nelayan, sektor perikanan Kuala Kedah. Keadaan yang agak baik pada tahun 90-an tetapi di akhir-akhir ini kita mengalami pelbagai masalah. Nelayan berada dalam satu sektor yang kurang hasil tangkapan, hasil lautnya berkurangan dan juga sektor perikanan merupakan satu sektor yang sangat banyak penguatkuasaannya, *highly regulated industries* Tuan Yang di-Pertua. Tidak semua orang berkeupayaan untuk menghadapi keadaan di mana ada penguatkuasaan yang berterusan, sungguh-sungguh dan rapi tadi. Tidak semua orang.

Oleh sebab itu maka, saya menyokong kerajaan mencari peluang yang lebih baik untuk memberikan peluang kepada nelayan kita untuk pergi ke laut luas, laut lepas. Penangkapan tuna, *tuna fishing* dengan izin, sektor tuna ini merupakan satu sektor yang berkeupayaan untuk menjana pendapatan yang tinggi kepada para nelayan dan juga para pelabur di sektor perikanan serta kepada negara. Maka itu kita sokong. Tidak ada masalah dalam memberikan sokongan.

Tentang meningkatkan penalti dan kompaun, itu juga merupakan satu langkah yang proaktif yang sangat perlu. Ini kerana kita sedia maklum terlalu banyak pencerobohan asing oleh bot Vietnam terutamanya ke perairan kita, dari Perlis ke Sabah. Di Pantai Timur terutamanya banyak pencerobohan bot asing.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Dan itu – saya minta, sekejap lagi. Maka itu, merupakan satu rompakan khazanah negara yang perlu dihentikan dan kita perlu mempertahankan kepentingan negara kita dalam apa jua keadaan. Maka, saya sangat menyokong supaya tindakan yang keras diambil dan dinaikkan kompaun. Sebaliknya, kita haruslah memberikan segala kemudahan kepada nelayan kita yang akan menceburkan diri dalam pelaburan di laut lepas ini. Silakan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Baru-baru ini ketika Setiawangsa menghadiri *Shangri-la Dialogue* dan bertemu dengan delegasi dari negara Indonesia, yang kita maklum ada sempadan maritim yang sangat besar. Mereka memaklumkan pencerobohan nelayan Vietnam di negara mereka yang berlaku melibatkan peratusan yang agak tinggi. Nelayan-nelayan Vietnam yang menggunakan kapal-kapal yang ada pendaftaran Malaysia. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Kuala Kedah untuk kita menangani isu ini supaya tidak berlaku di masa akan datang?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Kuala Kedah? Bagan Serai, sikit sahaja. Perkara yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah.

Ini cerita kita naikkan denda, banyak juga kita buat dalam rang undang-undang yang lain, pindaan. Kita buat denda, naikkan denda, mereka masih datang lagi. Selain itu juga, pencerobohan asing ini sanggup juga untuk masuk *jail* daripada membayar denda-denda ini. Apa kata kalau kita ikut macam China, *shoot on sight* ataupun Indonesia saya dengar juga bakar terus kapal-kapal itu. Apa pendapat Yang Berhormat Kuala Kedah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Kuala Kedah dengan izin? Sikit sahaja.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Kuala Kedah, sikit?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya – tadi bila dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan berkenaan dengan isu pencerobohan, banyak juga kejadian ini berlaku di Pulau Pinang.

Saya menyokong kedudukan Yang Berhormat Bagan Serai di mana mungkin pihak penguat kuasa di Malaysia, sama ada Kementerian Pertahanan ataupun Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, mana-mana pihak penguat kuasa lebih tegas lagi, ambil tindakan yang mendatangkan kegerunan, ketakutan kepada pihak yang bakal menceroboh seperti yang dikatakan Yang Berhormat Bagan Serai, *shoot on sight* ataupun menenggelamkan kapal mereka. Ini supaya bila hendak masuk nanti mereka akan fikir kerana kita tidak boleh berkompromi lagi.

Bukan sahaja mereka mencuri hasil daripada laut kita tetapi kerap kali mendatangkan bahaya kepada nelayan kita. So, ini adalah permintaan. Apakah pendapat Yang Berhormat Kuala Kedah mengenai perkara ini? Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Kuala Kedah? Sikit? Boleh?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ya, okey.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya yakin apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tadi berkaitan dengan pencerobohan daripada nelayan-nelayan dari Vietnam. Seperti yang dilaporkan oleh *Harian Metro* [*Sambil menunjukkan senaskhah surat khabar*] jelas menunjukkan bahawasanya ada *clone boat*. Adakah *clone boat* ini menyebabkan pindaan ini dibuat? Adakah ada penglibatan pegawai-pegawai kerajaan? Kerana apa, di dalam huraian yang disiasat oleh wartawan *Harian Metro*, jelas menunjukkan bahawasanya ada campur tangan pihak dalam meluluskan lesen-lesen sehingga bot Malaysia boleh berada di perairan Vietnam? Minta pandangan.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ya, terima kasih kepada semua yang memberikan pandangan dan soalan. Saya akan jawab dalam perbahasan saya ini dan saya akan sampai sekejap lagi. Oleh sebab itu, maka saya merasakan bahawa walaupun kita akan mengetatkan undang-undang dan menguatkuasakannya sebaik mungkin, maka penguatkuasaan tadi haruslah efisien tetapi manusiawi. Ia harus meletakkan kepentingan negara kita melebihi segala kepentingan lain dalam konteks laut ini tadi.

Tentang pencerobohan bot asing tadi, saya setuju bahawa dikuatkan, dinaikkan kompaun. Kita fikirkan cara-cara yang walaupun keras tetapi hendaklah manusiawi. Tetap merupakan langkah-langkah yang boleh diterima oleh jiran-jiran kita yang mana bot mereka sampai ke perairan kita dan pencerobohan tadi.

■1230

Begitu pun, saya ingin menyuarakan di sini kerana saya telah menyentuh aspek penguatkuasaan. Penguatkuasaan itu haruslah berlaku secara manusiawi dan bukan robot seperti yang saya sebutkan tadi. Ini kerana nelayan tempatan baik nelayan tradisional tetapi kurang sedikit tradisional, daripada bot-bot besar masalah terbesar yang mereka utarakan ialah apabila berlaku sedikit perselisihan. Misalannya, 12 batu nautika atau 11.8 batu nautika. Maka itu harus ditangani dengan cara yang berhemah. Dalam keadaan begini, maka perlu ada satu kata putus oleh satu autoriti. Misalnya, masa dahulu dirujuk kepada Jabatan Perikanan. Maka, saya rasa kena ada dengan jelas siapa yang harus dirujuk dalam kes begini. Ini kerana penaltinya agak berat dan bagi nelayan yang mana dia melaburkan segala simpanannya kepada botnya tadi kalau dikenakan penalti, bot dirampas ataupun kompaun, nakhoda kena kompaun, krew kena kompaun sampai RM100 ribu hingga RM200 ribu. Maka itu, akan terus menyebabkan dia terus tewas dan tidak dapat lagi menjalankan usaha di sektor perikanan tadi.

Tentang bot asing yang saya sebutkan tadi, maka ini adalah perkara yang banyak dibangkitkan oleh nelayan kita juga dan disebut oleh rakan-rakan saya tadi pelbagai tempat. Perkara ini hendaklah dilihat dalam konteks yang lebih luas. Saya rasa kita tidak boleh menolak kemungkinan bahawa mesti juga penguatkuasaan di sektor lain elemen rasuah tadi, elemen penyalahgunaan kuasa dan elemen penipuan itu boleh berlaku. Apa yang membimbangkan kita ialah bahawa perkara inilah juga yang bertahun-tahun disebut oleh nelayan. Khususnya apabila akhir-akhir ini kita lebih sensitif tentang pencerobohan kawasan oleh bot-bot besar, maka itu disebut berkali-kali.

Kita telah pun di sini daripada penggal lepas meminta supaya SPRM misalnya masuk ke sektor perikanan dalam sektor penguatkuasaan tadi. Maka saya rasa kita kena beri perhatian yang lebih khusus. Hendaklah ada kehadiran SPRM yang berkesan untuk memastikan tidak berlaku rasuah tadi yang menyebabkan penguatkuasaan tidak menguntungkan nelayan, memangsakan nelayan yang tidak mampu membayar dan akhirnya juga menyebabkan pencerobohan asing berterusan. Langkah keras pencerobohan asing tadi kita bincangkan dengan baik, dengan cermat supaya ia merupakan langkah yang berkesan. Dalam masa yang sama, tidak menyebabkan berlaku pergeseran yang tidak diperlukan di antara kita dengan jiran-jiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut di sini bahawa selain daripada menyokong...

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:...penuh apa yang kita buat pada hari ini...

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ya? Minta maaf, sekejap. *Give a time.*

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Hendak bantu Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Okey, okey. *Last ini.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Mersing.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kuala Kedah dengan Mersing sama, doktor yang boleh cocok dan peratusan nelayan pun agak ramai. Tadi Yang Berhormat cerita fasal pencerobohan. Bot ada lesen, lesen daripada penguatkuasaan Jabatan Perikanan. Akan tetapi ikan ini dia tidak ada pasport. Dia masuk ke mana-mana perairan tanpa pasport. Jadi yang menceroboh nelayan, yang tidak menceroboh ikan.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Kedah, ada tidak cadangan daripada nelayan-nelayan yang besar, yang saya lihat di perairan Laut China Selatan dekat Mersing. Bot dia memang lebih besar daripada bot kita dan keupayaan mereka lebih kuat daripada keupayaan kita. Ada atau tidak kementerian, adakah Yang Berhormat Kuala Kedah setuju agar satu kolaborasi di antara negara-negara ASEAN khususnya untuk ZAA di Laut China Selatan? Supaya perbincangan mengenai pencerobohan ini dapat dimanfaatkan oleh semua negara ASEAN. Jadi, tidak wujud ceroboh antara satu sama lain tetapi hasilnya kita boleh kongsi. Adakah Yang Berhormat Kuala Kedah setuju?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ya, itu adalah salah satu pandangan yang baik dan saya baharu hendak sebut tadi. Memang apabila kita pergi menangkap tuna ini kita akan berada dalam satu kolaborasi *Indian Ocean Tuna Commission (IOTC)*. Itu saya rasa baik. Akan tetapi dalam masa yang sama, kerjasama seperti mana yang disebutkan Yang Berhormat Mersing tadi saya setuju. Oleh sebab ini merupakan satu keadaan yang kalau kita boleh wujudkan menang-menang, itu satu keadaan yang sangat baik.

Begitu pun saya hendak teruskan kepada beberapa perkara. Masalah terbesar yang saya bimbangkan berkenaan dengan kita pergi ke laut lepas ini, dengan bot besar ini ialah kerana dua benda. Pertamanya, ia memerlukan modal yang sangat tinggi. Bot C2 misalnya di Kuala Kedah ada tujuh hingga lapan biji sahaja. Setiap satu RM2 juta, kosnya RM2 juta. Hanya orang-orang tertentu yang mempunyai modal yang besar sahaja boleh. Keduanya, krew bot tadi ialah orang-orang asing. Bukanlah rahsia bahawa kita tidak ada orang tempatan yang cukup jumlah berminat, berkebolehan dan terlatih untuk ke laut lepas. Kita memerlukan orang asing. Dua perkara yang berlaku di sini ialah kebergantungan kita dengan tenaga kerja asing. Keduanya ialah kerana sektor tadi apabila hanya orang yang bermodal besar sahaja yang boleh berada.

Maka ia akan membawa kepada satu keadaan di mana dia terbuka kepada pelabur-pelabur luar yang kadang-kadang akan menggunakan proksi dan akan menggunakan orang tempatan dengan cara tidak menguntungkan orang tempatan dan industri tempatan, itu kita kena lihat. Apabila kita ada banyak pekerja asing yang dengan peraturan-peraturan baharu, PLKS dan lain-lain lagi. Sedangkan pekerja asing ini ada yang setelah dibuat *medical checkup*, dia hilang begitu sahaja. Ia menyebabkan memberikan satu tekanan kepada nakhoda-nakhoda dan tuan punya bot yang tidak menguntungkan mereka. Maka, berlaku banyak penipuan dan daripada ini akan membuka jalan kepada lebih banyak rasuah di kalangan penguatkuasaan kita di sektor laut. Itu saya sangat bimbang.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya kita mempertingkatkan latihan dan juga usaha mendapatkan tenaga tempatan dalam sektor laut dalam dan laut lepas khususnya dalam sektor tuna yang kita buka ini. Untuk itu juga, saya mengesyorkan dan menawarkan Kuala Kedah sebagai salah satu tempat dibuat akademi latihan untuk laut dalam dan laut lepas tadi. Ini kerana kedudukan Kuala Kedah yang dari

segi geografinya ia dekat dengan Laut Andaman dan dekat dengan pembukaan jalan ke Lautan Hindi di utara di bahagian Pantai Barat, Semenanjung Malaysia. Di mana banyak orang terlibat dalam sektor pelaburan dan sektor perikanan.

Keduanya ia ada tradisi laut perikanan yang agak lama dan agak baik serta ada ramai orang yang berminat. Cuma mereka merupakan orang-orang kampung. Jadi, mereka sukar untuk keluar mengambil latihan di tempat lain. Keduanya Tuan Yang di-Pertua, sudah ada di Kuala Kedah di kawasan saya industri hiliran yang berasaskan tuna. Sekurang-kurangnya ada dua kilang yang memproses hasil-hasil tuna di Pekan Kuala Kedah. Kerajaan Negeri Kedah ini juga, sedang mengusahakan *Kedah Integrated Fishery Terminal (KIFT)* dan juga ada pelaburan dalam industri tuna yang dirancang di Kedah dengan pelabur dari negeri China. Saya mengambil kira semua faktor itu, maka saya menawarkan Kuala Kedah sebagai satu tempat untuk latihan bagi menggalakkan orang-orang tempatan terlibat dalam industri laut lepas khususnya tuna ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, satu faktor lagi yang harus kita jangan terlepas pandang dalam memperkatakan dan menguatkan industri ini ialah – akhirnya, ia harus memanfaatkan rakyat kebanyakan. Oleh kerana itu, walaupun telah disebutkan tadi maka saya akan tekankan balik segala pertolongan yang diberikan tadi bukan sahaja kepada tuan punya bot ataupun nakhoda ataupun pelabur-pelabur besar tetapi ia haruslah akhirnya kembali kepada masyarakat dan negara.

■1240

Kerana itulah, Tuan Yang di-Pertua, maka saya rasa saya tiada— *I cannot emphasize enough*, dengan izin. Saya tidak dapat mengatakan betapa pentingnya bahawa perlu wujud satu *transparency*, satu ketelusan dalam industri ini yang mana pemain-pemainnya merupakan jutawan-jutawan, sekurang-kurangnya dari segi modal.

Maka harus ada cara kementerian untuk melihat bahawa akhirnya tidak ada tangan-tangan ghaib dan mereka sahaja menguasai sektor ini dan tidak satu golongan sahaja menguasai sektor ini. Ia hendaklah akhirnya melibatkan setiap lapisan masyarakat Malaysia yang terlibat dalam sektor perikanan. Kena ada *regulation* dari segi itu, Tuan Yang di-Pertua.

Sekali lagi saya ingatkan bahawa antara yang disebut sekarang masalahnya ialah penguatkuasaan yang terlibat dengan rasuah dan dilihat sebagai tidak profesional dalam beberapa aspek tentang aduan rasuah itu ada di mana-mana. Kalau kita pergi ke pelabuhan-pelabuhan ikan, memang itu sentiasa disebut.

Keduanya, penguatkuasaan yang ketat tetapi ia tidak manusiawi dan, Tuan Yang di-Pertua, kurangnya satu autoriti yang menentukan. Misalnya kadang-kadang macam saya sebut tadi 12 batu nautika atau 11.8 batu nautika kerana ada kata pemutus. Akhirnya saya rasa kalau begitu dengan kerajaan dapat memberikan bantuan kewangan dan lain-lain lagi yang munasabah kepada sektor ini, *insya-Allah*, ia akan berjaya dan akan membawa kebaikan kepada masyarakat dan negara dan akhirnya akan memanfaatkan kita semua.

Semoga akhirnya selepas ini, kita akan dapat menerokai laut lepas dengan lebih baik lagi dan tuna ini— sekarang kita hanya pada peringkat awal. Saya berharap dalam masa yang singkat kita dapat menyelesaikan masalah-masalah tadi dan akhirnya masalah-masalah yang melibatkan penguatkuasaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 15 saat lagi.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ya. Bot tenggelam yang banyak di Kuala Kedah bot tenggelam, semua itu diatasi dan kita boleh sampai ke laut lepas menangkap walaupun apa pun nilai – lebih tinggi, *bluefin tuna* dan lain-lain lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pontian. Masa 20 minit.

12.42 tgh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian ini kerana kawasan Pontian ada ribuan nelayan dan seluruh pesisir pantai kawasan Parlimen Pontian ini adalah berpantai dan Yang Berhormat

Menteri juga berasal daripada situ. Daripada Tampok sampailah ke Kukup adalah merupakan kawasan nelayan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jangan lupa Batu Pahat juga.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Batu Pahat pun terlibat juga. Tajuk akhbar hari ini, salah satu artikelnya, "*Turun ke laut pulang kosong*". Ha, ini tajuk. Saya pun membaca, antaranya kerana— berlaku di Perlis— penangkapan ikan zon A 36 kilometer daripada pantai diceroboh nelayan asing, Yang Berhormat Menteri, oleh bot siput retak seribu dan juga bot pukut tunda buaya. Rupanya ada juga bot buaya. Bukan hanya orang digelar buaya darat, ini bot pukut tunda buaya darat ini.

Pendapatan mereka tinggal RM500 ke RM600 sahaja sebulan, Yang Berhormat Menteri. Itu sebab dahulu Kerajaan BN beri RM300 sebulan elaun nelayan ini. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri soalan pertama, bila hendak kembalikan atau naikkan daripada RM200 sebulan ini kepada RM300 sebulan? Kita sudah menanti sudah setahun dua bulan, perkara ini tidak lagi dilaksanakan. Saya sendiri melihat di Pontian, saya naik sendiri bot nelayan, tangkapannya hanya ikan-ikan kecil dan ikan-ikan besar sudah terlalu kurang dan akibat daripada itu, pendapatan mereka merosot. Itu soalan pertama. Bila hendak kembalikan RM300 sebulan elaun nelayan?

Kedua ialah berapa jumlah nelayan sebelum pemutihan? Jumlah nelayan era BN— saya diberitahu oleh persatuan nelayan di Pontian bahawa sekarang ini era pemutihan nelayan. Kita tahu nelayan itu memanglah tidak putih tetapi hendak diputihkan senarainya. Maksudnya hendak dibuang nelayan-nelayan yang dalam senarai ini. Walhal nelayan ini kita patut bantu, bukan buang daripada senarai. Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Pontian, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa industri perikanan dalam negara kita ini merupakan enjin yang terpenting yang menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara dan juga membantu masyarakat nelayan di Malaysia ini yang dianggarkan berpuluh-puluh ribu termasuk di kawasan saya? Sebab kawasan saya ini ada 29 buah pulau, semuanya 100 peratus nelayan.

Masalah yang dihadapi, apakah Yang Berhormat mungkin mencadangkan kepada kementerian— sebab kita lihat harga ikan dalam negara kita di mana-mana pun setiap tahun semakin meningkat, ia tidak akan menurun. Jadi, apa puncanya ikan ini naik harga? Adakah disebabkan mungkin pendapatan itu berkurangan? Disebabkan pencerobohan? Ataupun mungkin dari segi teknikal cara penangkapan itu perlu dilihat sebagai salah satu mekanisme yang penting.

Justeru itu, apakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kementerian mencari beberapa pendekatan baharu bagi membantu nelayan-nelayan kecil ini yang kais pagi makan pagi, kais malam tidak makan malam? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Baru saya tahu bahawa di Kinabatangan ada 29 buah pulau.

Perangi orang tengah ini, Yang Berhormat Menteri, harga ikan yang melambung sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, bukan nelayan yang dapat. Harga ikan yang melambung itu bukan nelayan yang dapat. Baru-baru ini isteri saya membeli ikan kembung RM22 sekilo, Yang Berhormat. Bila saya masukkan dalam media sosial, *viral* semacamnya tentang ikan kembung RM22 sekilo ini. Jadi pada saya, yang penting, Yang Berhormat Kinabatangan, kita perangi orang tengah dan terus nelayan menjual ikan yang mereka tangkap itu.

Saya ingin teruskan perkara yang kedua saya tadi itu. Berapa pendaftaran baharu untuk jadi nelayan yang diluluskan oleh Pakatan Harapan setelah mereka memerintah setahun dua bulan yang lalu setelah diadakan pemutihan?

Perkara ketiga, Majlis Perundingan Tahunan Malaysia-Indonesia Ke-12 antara Presiden Joko Widodo dan juga Yang Berhormat Pekan yang telah diadakan bersetuju agar nelayan kedua-dua negara yang ditangkap dibebaskan. Ini satu persetujuan yang amat penting sebelum PRU ke-14. Ini kerana nelayan yang dituduh menceroboh itu kadang-kadang tidak sengaja. Tidak ada garisan di atas Laut Selat Melaka itu satu garisan panjang yang ini wilayah Indonesia, yang sebelah sini wilayah Malaysia. Tidak ada garisan itu. Kita

juga masih lagi tidak dapat secara tuntas memastikan sempadan maritim antara Malaysia dan Indonesia.

Saya pernah terlibat membebaskan nelayan Pontian daripada tahanan Indonesia. Bukan senang. Sehingga mendapat pengampunan daripada Presiden yang pada ketika itu SBY ya. Bukan mudah untuk membebaskan dan saya bersyukur kerana ada perundingan itu.

Jadi saya ingin tanya, berapa jumlah nelayan Malaysia yang dibebaskan dan berapa jumlah nelayan Indonesia yang dibebaskan? Juga, berapa jumlah bot nelayan Malaysia yang diletupkan di laut sebelum ada perundingan tahunan Malaysia yang mencapai persetujuan itu?

Perkara yang keempat. Ini mengenai bayaran insentif pendaratan ikan. Saya difahamkan era Pakatan Harapan ini sudah tidak ada. Sebanyak 10 sehingga 20 sen sekilo. Kalau ada, baguslah. Kalau tidak ada, apa boleh buat?

Saya difahamkan bahawa daripada 1,263 pemilik lesen C2, sebanyak 426 lesen dibatalkan, 118 lesen digantung, 369 lesen diarah kemukakan tunjuk sebab. Apakah punca perkara ini berlaku? Kerana mereka keluar daripada perairan Malaysia tanpa kelulusan, melanggar syarat pemilikan lesen di bawah seksyen 10, seksyen 8(b) Akta Perikanan yang kita bincang ini, kerana atas alasan menghantar awak-awak pekerja asing pulang. Walhal, Jabatan Perikanan menyatakan bahawa mereka disyaki menghantar hasil laut ke luar negara. Ini satu lagi hal lah yang berlaku.

Oleh itu, kita adakan insentif pendaratan ikan 10 sen ke 20 sen sekilo supaya mereka membawa pulang hasil mereka dan tidak jual ke nelayan asing. Kita ada alat pengesan, nama Sistem Pemantauan Automatik (AIS), kita juga ada alat pengesan Unit Pengesan Mobil (MTU). Segala alat-alat pengesan itu tahu jika kapal-kapal itu pergi ke perairan asing dan menjual hasil-hasil. Saya hendak tahu tentang isu ini kerana kita melibatkan lesen *high seas* dalam rang undang-undang yang kita bincangkan sekarang.

■1250

Kelima, jualan terus hasil tangkapan nelayan terutama pesisir pantai. Perlu dibina kawasan-kawasan yang boleh menjual ikan itu supaya kita boleh memerangi orang tengah sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Saya telah mencuba satu di Air Baloi. Yang Berhormat tahulah, boleh lah singgah sesekali di situ. Ada satu pasar kecil yang kita bina dengan peruntukan Ahli Parlimen dan di situ nelayan yang naik daripada laut terus menjual hasil mereka dibantu oleh keluarga mereka. Jadi kita matikan orang tengah dan hasilnya segar, pagi-pagi daripada pukul tujuh pagi sehingga 10 pagi, ramai orang berkerumun di situ untuk membeli ikan-ikan yang murah dan segar. Saya harap ia boleh lagi dibuat di seluruh Malaysia.

Perkara keenam..

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Yang Berhormat Pontian sekejap saja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Saya hendak rekod saja, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sila.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Tenggara.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Tenggara.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Saya tadi kata Yang Berhormat Pontian isteri beli ikan harga mahal. Saya sendiri hendak beritahu yang saya beli ikan merah (*red snapper*) tidak sampai sekilo, sotong empat ekor RM90.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Itu lagi teruk [*ketawa*]. Jadi semua perkara ini adalah bukti-bukti bahawa peranan orang tengah mengaut keuntungan, walhal nelayan yang mencari ikan ke laut itu masih lagi miskin.

Perkara keenam, Menteri ada pergi ke pasar, Yang Berhormat Kinabatangan tanya pada saya.

Seorang Ahli: Ada.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ada ya, ada, ada. Perpindahan kampung nelayan di kawasan yang banyak berlaku banjir. Kawasan rizab sungai, kawasan tepi laut yang alami hakisan, kampung-kampung nelayan ini perlu dipindahkan supaya mereka berada dalam kawasan yang lebih selamat. Ia berlaku di kawasan saya di Benut, kita sudah pindahkan satu kampung nelayan. Akan tetapi di Sungai Besar apabila kita hendak pindahkan, nampak peruntukan sudah tidak ada di zaman era sekarang ini dan saya ingin bertanya apa yang berlaku pada perpindahan untuk nelayan di Pontian Besar.

Perkara ketujuh, bantuan pembaikan rumah-rumah nelayan. Era BN kita beri RM5,000 ke RM10,000. Berapa?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* RM300 juta

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berapa juta Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* RM300 juta

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: RM300 juta kata Yang Berhormat Tanjong Karang untuk membaiki rumah-rumah nelayan ini, atap bocor, dinding robek. Saya difahamkan sekarang diberhentikan Yang Berhormat Menteri. Jadi kita ingin mengesyorkan supaya perkara ini diteruskan, kalau diteruskan kita hendak tahu berapa banyak peruntukan yang diberikan.

Perkara kelapan, *[ketawa]* Yang Berhormat Kinabatangan bisik pada saya Yang Berhormat Menteri, menangis sahaja dia kata *[ketawa]*. Itu Yang Berhormat Kinabatangan yang sebut. Cadangan untuk nelayan Yang Berhormat Menteri pernah sebut supaya tanam nanas dan rambutan. Ada sudah nelayan yang buat Yang Berhormat Menteri? Itu cadangan yang orang putar-belitlah, kena *spin*. Saya biasa kena spin dulu, sekarang Yang Berhormat Menteri pula lah kena *spin*, kita bertukar giliran. *[Ketawa]*

Satu perkara, alang-alang kita hendak meminta mereka menanam nanas atau rambutan apa semua, kita bagi tanah kepada nelayan Yang Berhormat Menteri. Untuk mereka keluar daripada putaran ganas kemiskinan. *Vicious cycle* ini dengan cara memberi tanah kepada nelayan. Kalau penerok a FELDA dapat 10 ekar, nelayan kita bagi satu ekar pun cukuplah.

Carilah tanah di mana-mana supaya mereka - sebahagian daripada keluarga mereka katalah anak nelayan ini ramai, katalah 10 anak, seorang daripada anak itu dapat menguruskan satu ekar daripada tanah yang diberikan oleh kerajaan di mana-mana. Satu lagi ialah tumpukan pada pendidikan anak-anak nelayan ini supaya boleh kita hentikan putaran ganas kemiskinan nelayan itu.

Perkara yang kesembilan, nelayan menjadi Industri Kecil dan Sederhana (IKS/PKS) ikan kering, sotong, udang kering, sejuk beku, *fishball*. Dahulu di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) kita ada projek Azam Tani (Akhir Zaman Miskin). "Azam " itu maksudnya Akhiri Zaman Miskin untuk nelayan dan kita adakan usaha-usaha IKS/ PKS. Contohnya di Lumut, di Pulau Pangkor perkara ini banyak dilaksanakan dan saya harap ia juga dilaksanakan dan diteruskan oleh pihak kementerian sekarang.

Seterusnya perkara kesepuluh. Ini kelulusan yang mengganggu kehidupan ribuan nelayan. Yang Berhormat Menteri ini perkara yang serius nelayan selatan Pulau Pinang, nelayan utara Perak kerana kelulusan oleh Jabatan Alam Sekitar kepada Kerajaan Pulau Pinang. Semalam saya lihat Menteri DAP Pulau Pinang dengan bangganya menunjukkan kelulusan Jabatan Alam Sekitar atas tiga pulau buatan yang hendak ditambah di selatan Pulau Pinang.

Walhal Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan Persatuan Pengguna Penang (CAP) amat membantah perkara ini kerana ia menjejaskan ribuan nelayan, ekosistem laut rosak, nasib nelayan terjejas, nelayan tradisi terjejas, sekitar Teluk Kumbar, Sungai Batu, Pulau Betong, Permatang Damar Laut kerana hendak ditambah lauk 1,500 hektar, ada pulau baru. Sebanyak 72 syarat Jabatan Alam Sekitar ini apa ia, ada tidak dalam syarat itu memastikan nelayan tidak terjejas.

Kemudian 18 nasihat Majlis Perancangan Fizikal Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Apa ia 18 nasihat Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) itu kepada Kerajaan Pulau Pinang untuk memastikan ribuan nelayan tidak terjejas kerana projek kontroversi yang..

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tidak boleh [*ketawa*].

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan mengelirukan Dewan, Yang Berhormat. Nelayan-nelayan di situ semua bersetuju, yang memprotes adalah puak-puak UMNO dan PAS.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Tidak minta izin mana boleh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tidak minta izin, tidak ada.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Semua nelayan-nelayan telah diberitahu dan mereka bersetuju sebulat suara yang..

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jelutong ada masa untuk..

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Protes hanya UMNO dan PAS sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Itu sebahagian sahaja.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Apa ini Tuan Yang di-Pertua? Apa ini?

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Itu sebahagian ada kena mengena dengan DAP.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ingat pasar kah?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Demonstrasi nelayan, nelayan berdemonstrasi di utara Perak, ribuan nelayan berdemonstrasi masuk dalam akhbar, tidak baca kah?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] Boleh?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sila, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Puak-puak UMNO dan PAS yang pergi menghasut mereka. Nelayan-nelayan di situ [*pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Apa ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada adab [*Pembesar suara dimatikan*]. Tuan Yang di-Pertua, apa ini, tidak ada adab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Baling duduklah, sudahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Duduk, duduk.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: [*Pembesar suara dimatikan*] Sudahlah lu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Pontian bagi laluan pada Yang Berhormat Tanjong Karang, sila.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Pontian, tadi Yang Berhormat Jelutong cakap Yang Berhormat Pontian setuju tidak. Saya hendak cabar Yang Berhormat Jelutong, ikut dengan saya pergi Teluk Kumbar, Sungai Batu jumpa dengan nelayan.

Saya hendak cabar, kalau Yang Berhormat berani ikut saya. Saya akan susun, saya hendak cabar, saya hendak cabar. Jangan hendak tuduh kata UMNO ataupun PAS. Saya hendak cabar.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat [*pembesar suara dimatikan*].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tanjong Karang rujuk kepada perbahasan kepada Yang Berhormat Pontian, *please*.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Pontian, bersetuju tidak kalau saya cabar Yang Berhormat Jelutong turun dengan kita berjumpa dan berdialog dengan nelayan.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: [*Menyampuk*] Ada berani kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jangan hendak – dalam Dewan ini sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, saya amat setuju 100 peratus pada cadangan Yang Berhormat Tanjong Karang bersama dengan Yang Berhormat Jelutong jumpa nelayan utara Perak, selatan Pulau Pinang, mari kita.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Mari kita pergi, boleh? [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kita pergi ramai-ramai. Saya pun hendak pergi sekali teman kan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: PAS pun sokong, PAS pun sokong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jelutong sekali, Yang Berhormat Tanjong Karang dan Pontian kita pergi sekali.

Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai]: Selesai masalah nelayan kah pergaduhan nelayan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pontian, teruskan Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ini hidup nelayan, hidup nelayan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jelutong, Jelutong minta laluan cabar sekarang, berani bagi tidak?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya tahu Menteri juga ada memberi kenyataan..

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak perlu pergi, saya cabar sekarang. Berani bagi tidak? Berani bagi tidak sekarang? Berani bagi laluan sekarang tidak? Saya cabar.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah, duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau tidak berani sudahlah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Takut kah?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kamu ada masa kemudianlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau tidak berani bagi sini, sudahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Jelutong ambil peluang perbahasan, sila minta. Yang Berhormat Pontian, sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Jelutong.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeed bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Jelutong *lu* cakap Tamil baru boleh faham, Melayu tidak faham

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Eh! Yang Berhormat Baling sudahlah. Sudahlah Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Tanjong Karang dan Pontian pergi jumpa nelayan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya cabar sekarang, berani bagi laluan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ada berani kah?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sekarang kita tengah ada sidanglah, mana boleh hendak pergi kampung nelayan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bagilah laluan saya mencelah sekarang. Saya cabar sekarang, Yang Berhormat Tanjong Karang dengan Yang Berhormat Pontian, saya cabar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Cukup masa saya, tinggal tiga minit.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau tidak berani sudah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Berani kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tiga minit lagi sila Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Perkara kesebelas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu membuktikan UMNO dan PAS yang menghasut mereka *[pembesar suara dimatikan]*.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeed bin Abdul Rahim [Baling]: Dia tidak pandai cakap Melayu.. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Baling, jangan bercakap. Baik, saya minta Yang Berhormat Pontian teruskan.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Minta bukti mana orang PAS?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Perkara ke-11.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tidak fasal-fasal sebut PAS ini apa fasal.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Program Pinjaman Mudah pada nelayan beli bot dan peralatan baharu, adakah diteruskan? Itu perkara ke-11. Perkara ke-12 skim subsidi diesel dan petrol, bagaimana kaedah era PH sekarang dibandingkan dengan era BN.

Perkara ke-13, Program Insurans Nelayan. Kita dulu ada insurans nelayan dipotong daripada RM100 elaun khas. Adakah ia diteruskan? Kalau nelayan itu ada kemalangan di laut, kita bagi RM50,000 daripada insurans itu.

Perkara ke-14, 342 jeti dan 45 kompleks pendaratan ikan dibina. Angka Mac 2018 saya ingin bertanya, jeti nelayan Pontian Besar, tolong bina. Kompleks LKIM di Pontian Kecil, tolong diteruskan. Itu permintaan saya, perkara ke-14.

Perkara yang ke-15 yang terakhir, sudah pukul satu. Bantuan kepada nelayan darat. Kita bukan hanya cerita nelayan laut tetapi nelayan darat perlu diteruskan iaitu nelayan sungai seperti memelihara ikan dalam sangkar, misalnya. Apakah program-program baru kementerian tentang perkara ini?

Itu sahaja yang saya ingin sampaikan, pukul satu sudah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Ahli-ahli Yang Berhormat jam telah menunjukkan tepat pukul satu, kita berhenti rehat. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan senarai yang berada di hadapan saya ini agak panjang ... *[Beberapa Ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*, jadi kita kurangkan 10 minit untuk semualah ya. Itu pun akan mengambil masa lebih kurang enam jamlah ya. Silakan Yang Berhormat Bandar Kuching.

2.33 ptg.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan untuk berbahas untuk pindaan Akta Perikanan ini terutamanya seksyen 25 dan seksyen 31. Saya memang menyambut baik pindaan kepada undang-undang perikanan ini untuk meningkatkan saman lebih daripada 600 peratus terhadap kapal-kapal nelayan asing yang dibuktikan memancing dan mencerobohi perairan di Malaysia.

Memang ini satu pindaan yang amat diperlukan kerana akta ini tidak pernah diperbaharui sejak 1985. Selain itu, pihak Kerajaan Persekutuan juga menjalankan Ops Naga dengan kerjasama beberapa agensi dan kementerian. Saya diberitahu sejak bulan Mei tahun ini, sebanyak 52 kapal asing dari Vietnam telah ditangkap. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kementerian. Namun usaha ini haruslah dipertingkatkan dan juga diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dengan akta-akta yang tegas, namun ia akan sia-sia jika tidak ada penguatkuasaan yang secukupnya. Saya cuma ingin membangkitkan masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan di kawasan saya. Walaupun Bandar Kuching tetapi juga ada nelayan. Kita tahu banyak masalah ini. Kebanyakannya kronik dan memerlukan kerjasama antara pelbagai kementerian. Antaranya termasuk untuk mencapai satu persetujuan dan pemahaman antara negara-negara jiran termasuk Indonesia berkenaan dengan izin, *disputed waters* yang bukan sahaja membawa kesan kepada nelayan kita tetapi juga industri perikanan di negara kita.

Sekarang terdapat dua peta yang berbeza dan mempunyai tafsiran yang berbeza. Baru-baru ini, ada beberapa bot dari Sarawak telah ditahan kerana dikatakan menyeberangi sempadan tersebut. Padahal mengikut koordinat yang ada pada masa tahanan, jelas menunjukkan ia masih berada di perairan Malaysia. Saya juga diberitahu bahawa Kerajaan Indonesia telah memasang satu radar yang canggih, yang moden di satu pulau kecil, utara Pulau Natuna di kawasan Laut Natuna iaitu dekat Sarawak. Ia dapat mengesan bot-bot yang datang, termasuk bot-bot Malaysia. Bila mereka mengesan, mereka akan datang cepat menangkap bot tersebut walaupun kawasan itu adalah kawasan *disputed* ataupun zon tuntutan antara Malaysia dan Indonesia.

Tidak dapat dinafikan bahawa kegiatan maritim Indonesia adalah aktif, bahkan mereka aktif memperkuatkan kuasa tuntutan kawasan lautan mengikut tafsiran mereka sendiri. Oleh itu, kekeliruan tersebut haruslah diselesaikan secepat mungkin kerana mungkin pihak Indonesia akan membuat tuntutan lebih terhadap kawasan di perairan Laut China Selatan, terutamanya jika mereka memindahkan ibu kota mereka ke Kalimantan, mungkinlah. Jadi sebenarnya saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah status kapal-kapal tempatan kita yang ditahan di Indonesia atau di negara-negara jiran? Jika masih ada, bolehkah proses untuk mengembalikannya, dipercepatkan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Yang Berhormat Menteri melalui kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan, dapat mempertingkatkan sekuriti sempadan maritim kita bukan sahaja untuk menjaga negara kita

daripada ancaman keselamatan, *terrorist* tetapi daripada bot-bot nelayan asing ini. Saya dimaklumkan kerajaan negara kita kehilangan hampir RM7 bilion setahun hasil laut kita disebabkan pencerobohan kapal nelayan asing ini.

Saya ingin bagi contoh satu kajian kes Andrey Dolgov. Ini satu kapal di mana berjaya menjalankan aktiviti perikanan haram selama 10 tahun tanpa dikesan, sebelum ia berjaya ditangkap tahun lalu. Dianggarkan bot itu sendiri telah menangkap sebanyak USD50 juta hasil laut. Bot tersebut juga menggunakan jaring ikan gergasi di mana jika digunakan sekali gus, panjangnya tidak kurang 29 kilometer. Kita cuma dapat bayangkan ancaman yang telah dialami oleh kehidupan laut di sekitar kawasan tersebut. Malah ia dapat mengakibatkan ketidakstabilan ekosistem kehidupan ikan di lautan kita.

Taktik yang digunakan oleh bot itu senang, pertama, mereka menggunakan dokumen yang palsu. Kedua, mereka juga melakukan modifikasi terhadap sistem *Automatic Identification System (AIS)* bagi menyembunyikan lokasi sebenar kapal tersebut. Ketiga, mereka juga memusnahkan bukti. Jaring mereka dipotong sebelum pihak berkuasa sempat mendekati mereka. Keempat, rasuah termasuk membeli minyak daripada pihak berkuasa. Kelima, memang aset pihak berkuasa tidak mencukupi ataupun tidak berkesan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu kes yang eksklusif sahaja tetapi ini memang berleluasa. Banyak kapal menggunakan taktik-taktik seperti ini. Sekarang kita tahu bahawa banyak lagi kapal dari Vietnam terutamanya yang menyeberangi dan mencerobohi perairan kita, sekali gus menjejaskan sumber perikanan nelayan tempatan.

Oleh itu, dengan pindaan akta ini, saya menggesa agar Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan keras terhadap kapal-kapal nelayan asing yang mencerobohi perairan Malaysia. Sekiranya didapati bersalah, sekiranya dibuktikan di mahkamah, saya menggesa agar kapal nelayan tersebut ditenggelamkan dan dijadikan karangan buatan Malaysia, *artificial reef*, dengan izin.

Namun demikian, seperti yang saya katakan tadi, walaupun dengan akta-akta yang tegas, namun ia akan sia-sia jika tiada penguatkuasaan yang secukupnya. Malah kita menerima pelbagai laporan bahawa bahagian penguatkuasaan tidak menjalankan tugas secara tegas terhadap kes-kes ini. Kita juga menerima dakwaan bahawa ada pegawai yang bersubahat dan memberikan perlindungan kepada nelayan-nelayan asing tersebut. Oleh itu, saya memang menyambut baik cadangan Yang Berhormat Kuala Kedah supaya SPRM dapat masuk dan menyiasat semua tuduhan tersebut.

Saya juga dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa aset-aset yang kita ada untuk menjaga sempadan maritim memang tidak cukup dan penyelenggaraannya (*maintenance*) memang tidak cukup. Ada aduan di mana bot-bot sekuriti yang kita ada dalam MMEA ada yang rosak, ada yang tidak berfungsi. Kalau ada yang berfungsi, tidak dapat bergerak kerana tiada minyak. Ada juga dakwaan, minyak yang dibekalkan akan dijual kepada pihak lain.

■1440

Ini memang tidak seharusnya berlaku dan saya menggesa agar isu ini diselesaikan, siasatan dijalankan oleh SPRM dan ini adalah penting demi keselamatan perairan kita dan juga nelayan-nelayan tempatan. Kita juga dimaklumkan ada pihak penguasa yang takut untuk menangkap mereka kerana dikatakan nelayan asing tersebut bersenjata dengan parang ataupun senjata lain. Bagi saya ini alasan yang tidak dapat diterima, takkan pihak penguasa kita pula yang takut kepada nelayan. Kalau begitu, penceroboh akan semakin berani dan akan lebih lagi mencerobohi perairan kita.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Betul, betul.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Oleh itu saya bercadang kepada kementerian dengan kerjasama dengan kementerian lain seperti Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri, kita haruslah melihat untuk menambah aset-aset maritim kita termasuk menggunakan pengimbas atau *scanner* yang moden, yang canggih dan juga dengan izin *military surveillance UAV* untuk meneliti perairan kita.

Baru-baru ini Kerajaan US dilaporkan telah menghadihkan kita sepuluh dron yang moden kepada negara kita. Saya menggesa jika boleh teknologi tersebut diubahsuai,

ditambah baik dan digunakan untuk mewujudkan satu *maritime domain awareness* dengan izin dengan kerjasama semua jabatan dan agensi terlibat untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di Sarawak pada tahun lalu Jabatan Perhutanan di bawah Kementerian Alam Sekitar telah membeli sebuah pesawat DA-42M-NG Diamond yang dilengkapi dengan pengimbas moden dengan jumlah RM35 juta. Pesawat tersebut dapat digunakan untuk membuat pengawasan dari udara serta menangkap foto berkualiti tinggi sebagai bukti sebarang aktiviti haram. Mungkin boleh jika kementerian boleh bekerjasama dengan kementerian tersebut untuk menggunakan aset tersebut atau membuat pertimbangan untuk membeli aset untuk kegunaan diri sendiri. Harganya sebenarnya tidak setinggi RM35 juta, saya pun tidak tahu bagaimana kerajaan terdahulu membeli pesawat tersebut dengan harga setinggi itu. Padahal harga pesawat tersebut asasnya RM3 juta ke RM4 juta sahaja, dengan tambah baik mungkin RM10 juta saja.

Jadi saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah SOP yang digunakan untuk menangkap nelayan asing tersebut? Adakah mereka haruslah ditangkap secara langsung atau *red-handed* kerana kebanyakan seperti yang dikatakan tadi mereka memotong jaring tersebut untuk menyembunyikan bukti aktiviti haram tersebut. Jika kita tidak ada pengimbas, tidak ada pesawat untuk menangkap bukti atau gambar-gambar aktiviti tersebut, memang susah untuk membuktikan aktiviti tersebut telah dijalankan.

Selain itu, satu lagi. Kami juga mendapat aduan bahawa MMEA pegawai, mereka lambat untuk membalas aduan-aduan dari nelayan tempatan tentang pencerobohan nelayan asing ini. Mengikut seksyen 9 Akta *Maritime Enforcement Agency 2004*, pihak pengadu mempunyai had jangka masa empat minggu dari aduan pertama untuk mendapatkan status laporan siasatan tersebut dan pegawai juga kena memberikan maklumat berkenaan tidak lebih daripada dua minggu daripada hari permintaan rasmi dikemukakan oleh pihak pengadu. Namun, *in practice* ia tidak ditepati. Oleh itu saya menggesa agar pegawai-pegawai MMEA dapat membalas dengan lebih cekap dan cepat terhadap aduan-aduan yang dibuat oleh nelayan-nelayan tempatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan masa yang singkat, saya cuma ingin menggulung dan saya menggesa Kerajaan Persekutuan agar tidak memandang ringan masalah ini. Ini memang satu masalah yang kronik. Oleh itu kita haruslah mengambil satu langkah yang efektif. Pindaan ini memang satu langkah pertama yang baik tetapi kita haruslah memandang serius perkara ini kerana mengakibatkan kerugian yang besar terhadap pendapatan nelayan kita dan juga menjejaskan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Terengganu, silakan.

2.44 ptg.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang Akta Perikanan (Pindaan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum bahawa nelayan-nelayan tempatan dan pelbagai pihak sudah lama mendesak agar kerajaan meminda akta perikanan ini. Masalah utama mereka adalah ancaman daripada nelayan asing khususnya pada hari ini nelayan Vietnam. Namun begitu, selain daripada jumlah denda yang dicadangkan supaya dinaikkan, saya melihat rang undang-undang yang dicadangkan ini agak memberi lebih tumpuan kepada menangani isu baharu iaitu di laut lepas. Kalau mengikut susunannya kita ada perairan Malaysia yang berdaulat, kemudiannya zon ekonomi eksklusif dan kemudian barulah zon laut lepas. Ini merujuk kepada lesen C3 – tuna.

Saya melihat masalah besar kita adalah pada kelemahan menangani pencerobohan di perairan kita yang berdaulat dan juga zon EEZ. Ini yang perlu menjadi fokus kerajaan pada hari ini yang melibatkan lesen-lesen C2. Rungutan, aduan dan desakan para nelayan tempatan seluruh Malaysia wajib diberi perhatian. Merekalah rakyat kita, rakyat Malaysia, rakyat Vietnam bukanlah rakyat kita. Saya mengharapkan pindaan yang ingin dibuat perlu meletakkan keutamaan untuk menyelesaikan isu bot nelayan asing ataupun jika tidak pindaan akta perikanan semata-mata tidak akan membawa isu ini ke mana-mana.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap kenyataan yang telah dikeluarkan oleh seorang Menteri Vietnam yang mengatakan ketika ini terdapat 33,000 buah bot nelayan Vietnam yang aktif. Dalam masa yang sama sebenarnya industri perikanan bagi negara Vietnam yang mempunyai rakyat seramai 100 juta ini dalam keadaan merosot. Ini bermakna bot-bot perikanan mereka, bot-bot ikan mereka ini sedang mencari ikan di luar perairan mereka. Jadi sebab itulah tidak pelik jika kita melihat industri pembuatan bot nelayan Vietnam berkembang dengan sangat pesat. Banyak rakyat mereka kaya dengan merompak hasil perikanan negara lain dan mereka juga ada sindiket-sindiket untuk memastikan bot-bot nelayan mereka boleh terus merompak.

Laporan akhbar Metro hari ini memuatkan satu laporan khas. Wartawan kita pergi ke Vietnam, melihat dengan mata kepala mereka sendiri bagaimana 10 buah bot nelayan dengan lesen C2 sedang dibina di Vietnam, warna yang sama, saiz yang sama dengan nombor plat yang sama. Itu sebuah bot yang sedang dibina di Vietnam pada hari ini. Ini yang dikatakan sebagai pengklonan lesen kita. Oleh kerana itu saya menegaskan bahawa aspek pindaan akta ini perlu meletakkan tujuan utama untuk membela nasib nelayan miskin daripada ancaman nelayan Vietnam berbanding pengenalan lesen-lesen baru di laut lepas yang mana di dalam perairan kita pun kita belum dapat selesaikan, inikan pula laut lepas, tuna yang mana kita nak mengundang nelayan mana pula, China ke? Taiwan ke? Hong Kong ke?

Seterusnya saya mahu memperkatakan tentang memperkasakan operasi penguatkuasaan. Berhubung dengan masalah penguatkuasaan, di kawasan saya di Kuala Terengganu, di dalam bulan April yang lalu satu demonstrasi besar-besaran telah dilakukan melibatkan nelayan daripada Terengganu, Kelantan, Pahang dan datang daripada Pulau Pinang pun ada yang setelah itu susulannya Ops Naga yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya ucapkan tahniah. Penahanan sebanyak 52 buah bot nelayan Vietnam itu menunjukkan bahawa ianya boleh dilaksanakan. Walau bagaimanapun saya ingin memaklumkan 52 ini adalah satu jumlah yang sangat kecil.

Saya mendapat imej-imej yang ditunjuk, yang diberikan oleh nelayan-nelayan tempatan bagaimana keadaan mereka sebenarnya di tengah laut sana melalui sistem AIS yang ada di dalam setiap bot nelayan kita. Bagaimana menunjukkan dengan jelas, bagaimana bot Malaysia, bot ikan yang berada di tengah laut sana kelilingnya semua bot Vietnam, peta Vietnam, semua bendera Vietnam. Bot Vietnam di dalam sistem radar milik bot-bot nelayan kita. Jadi jumlah mereka sangatlah besar dan mengancam keselamatan. Selepas daripada operasi OPS Naga baru-baru ini, baru minggu lepas bagaimana bot nelayan Vietnam merempuh sebuah kapal bot nelayan Seberang Takir pada 4 Julai yang lalu hampir menenggelamkan. Mereka menjadi ganas termasuk yang terbaru ada satu lagi kes bulan yang lalu. Mereka mengejar bot nelayan kita semata-mata kerana menegur kegiatan mereka merosakkan hunjang dan bubu juga berlaku di Terengganu. Ini menyebabkan nelayan kita berada dalam keadaan ketakutan. Mereka berada di perairan kita tetapi seolah-olah dikuasai oleh nelayan asing.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sedikit Yang Berhormat, boleh?

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya betul-betul.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Tak cukup masa, okey.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya mohon maaf ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberi laluan ya.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya mohon maaf walaupun kawan. *[Ketawa]*

Hal ini menunjukkan tindakan yang dibuat oleh kerajaan masih tidak berkesan. Ini hanya mengulangi situasi-situasi yang sudah di mana pihak berkuasa maritim memang ada membuat rondaan tetapi apabila operasi dijalankan, bot-bot Vietnam ini menghilang. Ke mana mereka menghilang? Sebenarnya mereka berada di dalam perairan Malaysia, cumanya semasa rondaan dilakukan, mereka tidak keluar ataupun mereka pergi ke tempat yang lain.

■1450

Saya dimaklumkan keadaan di mana aset-aset rondaan kita berada selenggaraan yang tidak memuaskan. Aset-aset ruang rondaan perlu diselenggarakan dengan baik dan cepat agar operasi yang dijalankan tidak terganggu.

Sangat menyentuh perasaan saya apabila di Pangkalan APMM Kuala Terengganu misalnya, ada 13 aset laut secara keseluruhan ditempatkan. Lima kapal dan lapan bot tetapi saya dimaklumkan yang boleh beroperasi hanyalah satu atau dua buah kapal sahaja. Saya ingin mendapatkan penjelasan, berapakah sebenarnya kapal peronda APMM yang pada hari ini dalam keadaan siap siaga boleh digerakkan bagi menangani masalah yang berlaku sekarang?

Saya berharap keadaan bukanlah disebabkan oleh proses-proses yang membabitkan kelulusan pihak tertentu yang merumitkan birokrasi dan sebagainya. Agensi penguatkuasaan perlulah diberikan kapal-kapal OPV kerana saya difahamkan kapal ini yang banyak memberikan kejayaan. Sebagai contoh, saya difahamkan KM Pekan, saya memerhati KM Pekan di Terengganu. Dalam tempoh tiga hari, setiap hari dapat menahan enam buah. Enam buah kapal nelayan setiap satu hari. Tiga hari, 18 buah. Ini satu pencapaian yang saya amat puji.

Peruntukan selenggaraan yang lebih banyak untuk membolehkan mereka beroperasi daripada 70 batu nautika ke 200 batu nautika. Kerajaan perlu menyediakan *mothership* untuk APMM supaya mereka boleh sentiasa berada di perairan kita. Saya berharap kerajaan akan meneruskan program-program pembangunan dan keupayaan agensi penguatkuasaan maritim, semoga tiada lagi kegusaran oleh pihak-pihak tertentu untuk mencabar integriti pegawai dan anggota penguat kuasa kita di dalam menjalankan tugas mereka di laut yang sememangnya menghadapi pelbagai dugaan.

Saya juga ingin menyebut sedikit tentang masalah lesen C2, bot nelayan terpakai Vietnam. Terdapat banyak gesaan daripada pelbagai pihak supaya kerajaan memansuhkan lesen C2, bot nelayan terpakai Vietnam. Ini disebabkan sebahagian lesen C2, bot nelayan terpakai Vietnam ini sebenarnya dialibabakan. Mereka ini menangkap ikan di dalam jumlah yang besar kemudian menjualnya di tengah laut. Tidak didaratkan di perairan Malaysia melainkan sedikit saja. Itu pun mereka mendaratkan ikan di perairan Malaysia bertujuan semata-mata bagi membolehkan mereka mendapatkan skim subsidi diesel di dalam jumlah yang maksimum, sebanyak 30 ribu liter, 30 ribu liter maksimum.

Jadi, bayangkan lesen C2 sebanyak 1,200 semua sekali, 55 ribu lesen bot ikan yang dikeluarkan semua sekali. Lesen C2 sebanyak 1,200. Mereka inilah yang memakai kuota maksimum 30 ribu liter sebulan berbanding bot tempatan tetapi di darat di luar, dijual di tengah laut dan mendapatkan manfaat daripada subsidi minyak menggunakan duit rakyat negara ini. Bot tempatan yang dikendalikan oleh warga asing ini kadang-kadang sehingga 100 peratus bersekongkol pula dengan pemilik kargo asing terutamanya daripada Vietnam untuk menarik pukut tunda di perairan negara ini. Dengan sistem-sistem yang sangat merosakkan ekosistem, bubu, unjang, batu karang.

Apa yang disebut sebagai pukut ganding yang mana dua buah bot menarik pukut 400 meter panjangnya. Dua buah bot menarik bersama-sama dan disebut sebagai pukut ganding. Ini sangat susah mahu diselesaikan oleh penguat kuasa kerana sebaik sahaja bot penguat kuasa kita sampai, mereka akan memotong putus pukut yang berkenaan. Jadi, ini saya berharap supaya diberikan perhatian.

Pada masa yang sama, saya ingin juga menyentuh tentang hukuman. Saya harap supaya hukuman selain daripada denda, selain daripada penjara, kenakan hukuman yang betul-betul menggerunkan. Misalnya, hukuman sebatan sekiranya perlu. Hukuman sebatan, mungkin tujuh atau sembilan sebatan akan menggerunkan mereka. Saya tidaklah sampai ingin mengesyorkan sehingga menimbulkan masalah antara negara-negara seperti tembakan dan sebagainya. Akan tetapi, jika perlu mungkin amaran-amaran yang tertentu boleh dilakukan supaya menggerunkan bot-bot Vietnam ini.

Jadi, saya sekali lagi ingin menyatakan sokongan Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019 ini, sememangnya amat ditunggu-tunggu. Sempena kita memindanya, masukkanlah pindaan-pindaan yang betul-betul menyelesaikan masalah berkait dengan pencerobohan nelayan asing ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Puncak Borneo. Dipersilakan.

2.55 ptg.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk terlibat dengan perbahasan rang undang-undang untuk meminda Akta Perikanan 1985.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita sedia maklum, tujuan pindaan ini adalah bagi pelesenan penangkapan ikan tuna di laut lepas ataupun *high seas* secara sah di bawah undang-undang Malaysia supaya selari dengan usaha mematuhi instrumen antarabangsa. Ia juga menggalakkan rakyat Malaysia menceburi bidang penangkapan ikan tuna untuk meningkatkan hasil negara dan meningkatkan kadar denda bagi kesalahan di bawah Akta 317 sebagai langkah mencegah dan bagi membanteras pencerobohan vessel penangkapan ikan asing supaya dapat melindungi sumber perikanan yang terancam dan ketirisan sumber negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 317 adalah satu akta yang berhubung dengan perikanan termasuklah pemuliharaan, pengurusan dan juga pemajuan penangkapan ikan dan perikanan di lautan dan muara di perairan Malaysia. Dengan penyusutan dan penangkapan ikan di sungai dalam Malaysia dan perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya. Akta 317 adalah akta yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

Namun begitu, saya ingin melihat disebabkan negara kita ini, kita ingin menaikkan penalti, kita ingin mengubah undang-undang ini tetapi sejauh manakah penalti ini mampu membasmi...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Perkara pencerobohan ini...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh sikit?

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya bagi laluan nanti.

Tuan Yang di-Pertua: *Sit down.* Duduk dulu.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya ingin tahu sebab masalah kita bukan kerana masalah penalti. Masalah kita adalah kita gagal mengawal pencerobohan. Kita mempunyai kelengkapan yang kurang. Saya ingin mengetahui bahawa keanggotaan maritim kita adakah mencukupi, walaupun kita mempunyai undang-undang, kita mempunyai penalti yang tinggi tetapi...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Kalau kerja-kerja...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Puncak Borneo? Sikit saja.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Okey. Bagi laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tidak ada di dalam Dewan.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin mengesyorkan supaya pegawai-pegawai di belakang itu memanggil mereka. Kalau tidak kita bercakap kosong tanpa didengar oleh mereka. *[Dewan riuh]* Tidak adapun yang mencatat.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Salah seorang patut ada di dalam Dewan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tangguh. Tangguh Dewan, tangguh Dewan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pegawai di belakang tolong cari ke mana mereka ini? Kenapa hilang pula? Ini RUU yang penting.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Okey, sudah Yang Berhormat Pontian. Terima kasih.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya harap MOA ambil maklum perkara itu. Jadi, sepertimana yang saya katakan tadi, permasalahan kita bukan kerana undang-undang dan juga bukan kerana penalti kita terlalu rendah. Akan tetapi, masalah kita adalah kita tidak memberikan penekanan kepada penguatkuasaan dari segi membasmi pencerobohan ini.

Saya ingin memberitahu kepada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya melihat perkara ini secara menyeluruh dan lebih konkrit. Ini supaya kita dapat membasmi perkara ini, pencerobohan ini dengan kadar yang lebih efisien dan keadaan yang lebih mampan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Sekejap ya, Yang Berhormat Puncak Borneo. Beluran, Beluran di belakang.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Okey, saya bagi Yang Berhormat Beluran.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang Berhormat Beluran, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana satu? Yang Berhormat Beluran atau Yang Berhormat Putatan?

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Okey, terima Yang Berhormat Puncak Borneo, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan saranan...

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Yang Berhormat Beluran duduk dulu.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Diutarakan oleh Yang Berhormat Puncak Borneo tadi. Masalah utama kita di sini ialah masalah penguatkuasaan. Sebagai contoh di Puncak Borneo, di kawasan perairan Kota Kinabalu yang luasnya lebih 80 ribu kilometer persegi. Okey, ia dipanggil Daerah Maritim (DM15). Di dalam tinjauan saya baru-baru ini cuma terdapat lima buah kapal peronda dan tujuh buah bot peronda.

■ 1500.

Akan tetapi cuma sebuah sahaja kapal peronda yang berfungsi dan cuma sebuah sahaja bot peronda yang berfungsi untuk menguasai satu perairan yang luasnya lebih luas bila campur negeri Pahang dan negeri Perak.

Saya amat bersetuju dengan saranan tadi untuk penguatkuasaan kerana baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa empat gabungan kementerian telah ditubuhkan iaitu Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pertahanan dan kementerian ada satu lagi supaya berganding bahu untuk menyelesaikan masalah ini. Harap itu boleh diteruskan. Terima kasih, Yang Berhormat Puncak Borneo.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Puncak Borneo, tambahan Yang Berhormat Puncak Borneo. Beluran, Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Okey, terima kasih sahabat saya daripada Putatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puncak Borneo tidak nampak Yang Berhormat Beluran.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya tidak ada masa lagi. Nanti saya bagi sedikit.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *One minute.*

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Nanti saya bagi sedikit, nanti saya bagi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Jika kita melihat daripada subfasal pemindaan subseksyen ini juga, kita ada melihat subfasal 10(d) meminda subseksyen 31(3), "*Untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah seksyen 11(3A) yang dicadangkan jika peralatan penangkapan ikan yang berhubungan dengan kesalahan yang dilakukan adalah peralatan menangkap ikan yang tradisional*". Maka Ketua Pengarah ini boleh mengenakan kompaun dan juga membawa mereka ini ke muka pengadilan. Jadi persoalan saya, adakah ini juga akan membuka ruang kepada Ketua Pengarah dan juga kakitangan-kakitangan Kementerian Pertanian akan terlibat sama dengan kancah ambang peluang rasuah? Ini kerana mereka ini akan diberi kuasa dan juga mereka boleh menidakkan perkara itu, siapa yang tahu. Jadi, kita harus melihat perkara ini dari aspek yang lebih menyeluruh dan mendalam supaya penyalahgunaan kuasa itu tidak berlaku.

Jika kita melihat bagaimana pemantauan dilakukan dan bagaimana kita juga ingin melihat mereka ini melakukan sesuatu yang baik, kita mesti ada mekanisme dan untuk mewujudkan satu tadbir urus yang baik. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan di sini bahawa tujuan rang undang-undang ini digubal juga untuk menggalakkan nelayan-nelayan yang berskala bot besar untuk juga terlibat dengan penangkapan tuna ini.

Akan tetapi persoalannya, bagaimana pemantauan dilakukan dan bagaimana kita memastikan mereka ini hanya menangkap tuna? Oleh kerana apabila kita meluluskan undang-undang ini, bermakna bot-bot negara asing juga boleh menangkap tuna di perairan negara kita. Akan tetapi, bagaimana kita hendak memastikan bot-bot ini hanya menangkap tuna? Adakah mereka akan menangkap ikan-ikan jenis lain? Kita hendaklah mempunyai sistem pemantauan yang canggih dan juga mempunyai pemantauan yang berkesan.

Okey, Yang Berhormat Beluran saya bagi satu minit. Saya tidak ada masa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Beluran, silakan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Puncak Borneo, ya. Saya mengalu-alukan pindaan ini dan menggalakkan lebih ramai usahawan tuna daripada Malaysia *but* kerajaan mesti – kementerian mesti waspada, berhati-hati jika ada usahawan yang dilahirkan melalui *joint venture*. Saya merasa jika *joint venture* digalakkan, *joint venture* Vietnam akan muncul dan ini seolah-olah akan *legalize* kapal-kapal Vietnam untuk beroperasi di Malaysia. *That* mesti dijadikan syarat bahawa untuk melahirkan usahawan tuna ini, *joint venture* dengan kapal asing mesti tidak dibenarkan. Oleh sebab itu pada masa yang sama, *at the same time*, memberi bayangan bahawa *you legalizing the Vietnam, it is a rampant*.

Di Kota Kinabalu, masalah pencerobohan kapal Vietnam berlaku. Baru bulan Mei ditangkap oleh APMM, bulan Jun ditangkap oleh APMM. Minggu lalu didakwa dan didapati bersalah kapal-kapal dan anak-anak kapal nelayan daripada Vietnam di Kota Kinabalu. Jadi masalah *rampant*. *Don't make this* rang undang-undang *to legalize joint venture* kerana ia akan menggalakkan kapal-kapal daripada Vietnam ber-*joint venture* dengan *local entrepreneur* tuna daripada Malaysia yang akan *defeat the purpose of the RUU*.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Beluran. Saya setuju dan saya juga ingin masukkan ucapan Yang Berhormat Beluran dalam ucapan perbahasan saya. Jika kita melihat, kita juga akan mempunyai bot-bot tuna yang besar. Sekarang ini kita mempunyai masalah kekurangan anak-anak tempatan yang terlibat sama dalam menjadi nelayan-nelayan muda dalam usaha bot tuna ini. Ini secara tidak langsung akan membawa banyak lagi pekerja asing ke negara kita. Kita hendak memastikan kita memberi peluang dan ruang kepada nelayan-nelayan muda untuk terlibat sama. Ini kerana jika kita membuka ruang kita melalui undang-undang ini tetapi rakyat negara kita yang miskin, nelayan kita yang miskin tidak terlibat sama, ia tidak akan membawa apa-apa keuntungan kepada negara kita. Kita hendak memastikan memberi dana, kepakaran dan juga dari segi teknikal kita hendaklah membantu golongan nelayan kita supaya mereka boleh

terlibat sama. Dengan adanya ruang undang-undang yang kita akan buka meluas untuk mereka bukan sahaja di Malaysia tetapi kepada negara lain juga untuk penangkapan tuna ini.

Selain daripada itu, pindaan ini hanya akan menguntungkan tauke-tauke besar. Pindaan ini bukan membantu nelayan yang miskin untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Kita lihat di Sarawak, kita mempunyai Jeti Nelayan Tanjung Datu di mana pendaratan ikan amat berkurangan. Tauke-tauke besar yang mempunyai kapal-kapal besar hanya datang untuk mengisi dan mengambil subsidi minyak. Mereka keluar tetapi pendaratan ikan tidak berlaku di jeti nelayan di Tanjung Datu, Sarawak. Di mana kesilapannya? Yang Berhormat Menteri Pertanian hendaklah melihat perkara ini. Oleh sebab subsidi ada diberi, pendaratan ikan tidak berlaku dengan begitu aktif, operasi jeti Tanjung Datu di Kota Samarahan, Sarawak tidak berjalan dengan sepenuhnya. Ini sebenarnya masalah kita di negara Malaysia ini, bukannya masalah undang-undang. Masalahnya pada diri kita, pemantauan kita dan kesungguhan kita untuk memajukan industri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila menggulung ya, Yang Berhormat.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini sepenuhnya tetapi saya juga telah menyarankan beberapa pembaikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Puncak Borneo. Seterusnya Yang Berhormat Tanjong Karang, silakan.

3.07 ptg.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambung Yang Berhormat Pontian punya cadangan. Yang Berhormat Menteri tidak ada, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada. Jadi dia patut contoh daripada Yang Berhormat Pagoh semalam. Yang Berhormat Pagoh semalam waktu kita – hari Khamis lepas, saya tengok kagum dengan Yang Berhormat Pagoh. Tidak bangun daripada mula sampai habis [*Disampuk*] sebab dia produk UMNO. Oleh sebab itu, dia tunggu dia faham kerja-kerja sebagai Yang Berhormat Menteri ini. [*Ketawa*] Ini produk daripada parti PH ini produk baru, kalau tidak ada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri kena ada.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Pekan pun produk UMNO.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini kenyataan. Ini kenyataan hendak nafi apa lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah, poin-poin apa hendak dibuat ini.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Poin saya – ini kali saya bersetuju dengan Yang Berhormat Puncak Borneo lah. Saya hendak sambung apa Yang Berhormat Puncak Borneo cakap bahawa undang-undang ini memang digubal tetapi soalnya siapa yang mendapat untung apabila undang-undang ini digubal? Dalam kita hendak mentadbir negara mesti ada keutamaan. Dalam kita kata keutamaan ini, nelayan ini ada dua. Satu, nelayan darat dan satu lagi tauke-tauke nelayan. Akan tetapi hari ini kita lihat kerajaan lebih banyak memberikan tumpuan kepada tauke-tauke besar seperti undang-undang pada hari ini, seperti mana Yang Berhormat Puncak Borneo kata tadi. Siapa yang mendapat untung ini? Sampai kita kena pinda.

Apabila ikan tuna ini ditangkap, ikan tuna ini hendak dijual di mana? Dijual dalam negara kita ataupun akan dieksport? Saya juga hendak tanya, ada dua dahulu kita usaha hendak buat *port* untuk ikan tuna. Satu, di Batu Maung dan satu lagi di Pulau Langkawi kalau tidak silap saya, dua ini. Apakah jadi - adakah *port* untuk mendarat tuna ini menjadi kenyataan?

Hari ini kalau kita tengok undang-undang ini pun saya pun agak keliru sedikit. Hendak tanya pihak Yang Berhormat Menteri ini, sebab di sini dia kata pengawalan dan juga pengawasan *vessel* penangkapan ikan tempatan di laut lepas. Saya mungkin tidak berapa jelas apa beza di laut lepas dengan laut dalam. Selama ini kita hanya dengar tangkapan ikan di laut dalam.

■1510

Tetapi hari ini kita diberi satu istilah baru iaitu 'laut lepas'. Saya *dok* tengok definisi-definisi daripada Akta Perikanan yang ada pada saya ini semua, saya tidak ada nampak pula definisi 'laut lepas' seperti yang kita bincangkan ini. Jadi kita hendak dapat penjelasan, apakah yang dimaksudkan definisi 'laut lepas'?

Saya hendak balik kepada nasib nelayan di mana kita tahu bahawa nelayan hari ini memang agak tertekan dan juga undang-undang ini dipinda kebanyakannya ialah untuk menguatkuasakan undang-undang yang ada. Ini baru kita hendak buat. Soalnya hari ini kita juga hendak persoalkan penguat kuasa yang sedia ada ini. Nelayan-nelayan di kawasan pantai, saya lihat keluhan yang dibuat oleh nelayan-nelayan ini seperti di Arau, kira-kira 200 nelayan pantai di Kuala Sungai Baru di sini mengeluh apabila pendapatan terjejas berikutan masalah pencerobohan bot pukat tunda buaya dan siput retak seribu di kawasan penangkapan mereka. Ertinya ini pencerobohan di dalam zon C sendiri di kawasan pantai. Kalau di kawasan pantai pun kita tidak boleh hendak mengatasi masalah ini, bagaimana kita hendak berangan hendak mengatasi masalah di peringkat perairan di laut luas ini?

Juga, bukan saja berlaku di Arau. Saya hendak bagi tahu, Ahli Parlimen Arau suruh saya cakap. Bukan saja di Arau, di Tanjong Karang pun sama, di kawasan saya, di Johor pun sama, di Muar. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hari ini Menteri datanglah. Tapi janganlah gantung saya macam Yang Berhormat Pasir Palak pula. Sebab Yang Berhormat Menteri tidak ada, Yang Berhormat Pasir Salak kena gantung pula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri senyum saja. Maafkanlah ya. Okey, baik.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jadi, apa yang saya hendak minta Yang Berhormat Menteri ini, selain daripada kita menyokonglah undang-undang ini, tetapi tolonglah, berilah pembelaan kepada nelayan pantai ini.

Masalah penguatkuasaan, kita tengok pengumuman yang dibuat, ada tujuh agensi yang ditubuhkan. Ini semuanya untuk memantau di kawasan perairan laut dalam. Tetapi yang di kawasan pantai ini, yang saya kata tadi, bagaimana kita hendak mengatasinya? Tapi saya tahu, saya pernah jadi Menteri Pertanian, ia bukannya mudah kita hendak mengatasinya. Tetapi kalau betul dia buat, dipantau, saya yakin akan memberikan pembelaan kepada nelayan pantai.

Yang kedua ini, sepertimana yang Yang Berhormat Pontian kata tadi, saya hendak ulang lagi, bila nelayan hendak dapat RM300 sebulan ini? Dulu waktu mula-mula saya jadi Menteri Pertanian, elaun RM200 saja. Kita lawan-lawan, kita minta, akhirnya dapat RM300 sebulan. Akhirnya hari ini tinggal RM200 sebulan.

Bagaimana nelayan-nelayan ini agak mengeluh— rumah nelayan, dulu kita dapat peruntukan khas di mana Yang Berhormat Pekan pada masa itu bila kita mesyuarat, dia kata nelayan ini kategorinya lain. Walaupun ada rumah KKLW tetapi nelayan ini diberikan peruntukan khas. Malah di Kedah, saya lupa, satu projek perumahan nelayan kita buat. Di Lumut pun, tidak silap saya, kita buat rumah yang kita baiki. Ini kerana nelayan-nelayan ini dia kais pagi makan pagi. Jadi kerana itu, kita dulu memberikan pembelaan kepada golongan nelayan yang hari ini sedang tersepit.

Kemudian minyak, saya tidak tahu sama ada betul ataupun tidak maklumat yang saya dapat, minyak pun hari ini telah pun dipotong. Kurang subsidi minyak diesel. Daripada 100 juta liter sebulan, sekarang ini kerajaan beri hanya 60 juta liter. Bermakna hampir 40 juta telah pun dipotong minyak ini, subsidi minyak yang dulu kita beri kepada nelayan. Kerana apa? Kerana kita hendak memberikan pembelaan kepada golongan nelayan.

Juga kalau kita tengok tafsiran di bawah Akta Perikanan ini, nelayan ini juga ialah termasuk nelayan darat. Kerana itulah kita perkenalkan elaun kepada nelayan darat. Kalau hari ini, saya pun hairan, ada *double standard*. Mengapa— perikanan darat ertinya perikanan di perairan sungai. Ertinya nelayan yang menangkap ikan di sungai juga dimasukkan bawah akta ini iaitu nelayan.

Dulu tidak ada elaun. Kemudian kita pun perjuangkan untuk nelayan sungai ini dan akhirnya kerajaan bagi nelayan. Tetapi hari ini nelayan sungai ini sudah tidak ada elaun sudah. Saya tidak tahu mungkin juga di Sabah, Sarawak mungkin juga terlibat yang mana

tangkap ikan di sungai, bukan yang menangkap ikan di laut. Mengapa elaun nelayan ini ditiadakan sedangkan mereka juga ialah merupakan golongan-golongan nelayan?

Juga saya hendak minta supaya kerajaan hendak kena kaji betul-betul, sekat betul-betul. Kalau kita bagi apa juga bantuan tetapi kalau kita tidak monitor daripada segi pengeksportan ikan, sebagai contoh— saya kalau saya tidak silap, ada banyak ikan-ikan kita ini yang kita tangkap dieksport ke negara jiran. Kita eksport. Bila kita eksport, kemudahan kita bagi— kita bagi minyak, bagi macam-macam bantuan— tetapi kalau kita tidak kawal ikan yang dieskport, maka ikan yang *fresh* akan dieksport ke negara jiran dan kita dapat ikan yang sudah beku. Oleh kerana itulah harga ikan kita lihat hari ini amat tinggi sekali kerana kawalan yang dibuat oleh pihak kerajaan nampaknya tidak dapat mengimbang harga ini.

Kalau dulu kita tengok Kementerian Pertanian, dia ada pasar tani. Pasar tani ini ialah salah satu tempatlah, kalau orang kata kalau hendak beli ikan, kita pergi ke pasar tani kerana ikan-ikan di pasar tani ini sepatutnya dibawa daripada— tidak melalui orang tengah. Tetapi baru-baru ini saya pergi ke pasar tani, saya tengok harga ikan dekat pasar tani pun lebih mahal daripada ikan dekat Pasir Penambang di dalam Parlimen Tanjong Karang. Mengapa perkara-perkara ini berlaku? Jadi, segala yang kita tubuh dulu, agensi-agensi yang kita tubuh dulu untuk mengurangkan peranan orang tengah nampaknya kurang diberikan tumpuan dan akhirnya yang susah ialah rakyat.

Jadi saya hendak minta supaya kerajaan hari ini tunaikan janjilah. Yang Berhormat Menteri, saya pun faham masalah Yang Berhormat Menteri tetapi tolonglah berikan pembelaan, berikan keutamaan kepada nelayan-nelayan pantai ini yang hari ini cukup-cukup tertekan. Kalau kita tidak boleh tambah pun bilangan nelayan ini, tetapi saya minta supaya elaun ini, tolong dikembalikanlah... [*Disampuk*] Dan jumlah penerima. Inilah masalah, jumlah—

Saya tengok cara bancian dibuat pun tidak betul. Sebab kerajaan, saya tengok, dia bagi peruntukan dulu, kemudian baru dia buat kajian. Bila buat kajian, ini saya dapat maklum bahawa orang yang layak pun akhirnya terpaksa dipotong kerana bajet yang ada itu— katalah bajet ini untuk 50,000 orang, sebagai contoh. Nelayan yang layak, misal kata, 70,000. Mahu tidak mahu, 20,000 ini mereka kena potong. Maka, mereka yang sepatunya layak dapat tidak dapat dan mereka yang dapat pula tidak dapat yang sepatutnya.

Jadi, saya merayulah. Saya mewakili nelayan-nelayan di Tanjong Karang dan juga kawan-kawan yang kawasan nelayan ini, tolonglah berikan pembelaan kepada nelayan miskin dan juga— yang nelayan-nelayan antarabangsa ini, saya ingat kita tolong macam mana pun, ia kurang memberikan kesan kepada nasib kehidupan nelayan miskin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kangar.

3.18 ptg.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* [*Membaca sepotong doa*] Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk ikut sama membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Perikanan 1985.

Pindaan ini tentulah penting bagi kami di negeri Perlis kerana nelayan-nelayan ini walaupun kami negeri kecil, negeri Perlis ialah kawasan pendaratan ikan yang kedua terbesar di Semenanjung Malaysia. Saya percaya pindaan yang ingin dibuat ini bertujuan menggalakkan nelayan Malaysia menceburi bidang penangkapan ikan di laut lepas selari sebagaimana Yang Berhormat Menteri maksudkan sebentar tadi iaitu dengan undang-undang negara dan juga antarabangsa dan di samping melindungi sumber perikanan negara yang terancam kerana pencerobohan bot-bot penangkapan ikan asing.

Dengan itu, hasil tangkapan berpotensi ditingkatkan, memberikan lebih pulangan kepada nelayan dan juga rangkaian industri berkaitan memandangkan statistik penangkapan dan hasil daripada tuna sebagaimana yang difokuskan secara khususnya meningkat pada kadar yang baik dari tahun ke tahun dan merupakan industri terbesar di dunia.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, kita berdepan dengan beberapa situasi. Tadi, sahabat-sahabat saya memaklumkan banyak isu dan yang pertama, misalnya ialah pencerobohan nelayan asing ke laut tempatan. Jadi saya menyokong sepenuhnya hasrat kerajaan yang mahu mengenakan hukuman lebih keras dan tegas kepada semua penceroboh ini. Namun, pada masa yang sama saya percaya kerajaan juga perlu menyasiat punca dan sebab pencerobohan yang berulang ini dan mencari penyelesaian yang lebih tuntas.

Soalan yang ingin saya tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri ialah yang pertama, berapa banyak kah kes pencerobohan nelayan asing ke laut tempatan yang berlaku sejak daripada tahun lalu sehingga pertengahan tahun ini? Kedua ialah apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Saya pergi kepada situasi seterusnya iaitu pada masa yang sama, kita juga tidak boleh mengabaikan nisbah nelayan asing yang mencecah kira-kira - daripada statistik yang saya rujuk pada tahun 2017 iaitu kira-kira lebih kurang 27 peratus daripada jumlah nelayan yang bekerja di atas bot penangkapan ikan tempatan. Bunyinya macam kecil, tetapi bagi negeri Perlis, statistik daripada Jabatan Perikanan ini pada tahun 2017 menunjukkan jumlahnya sekitar 62 peratus. Maksudnya, lebih ramai nelayan asing yang bertugas di kawasan negeri Perlis berbanding nelayan tempatan. Kalau ikut daripada kiraan saya, lebih kurang dalam 62 peratus.

Jadi, saya difahamkan ini berlaku kerana sebelum ini telah ada persetujuan antara Jabatan Imigresen Malaysia dan juga Jabatan Imigresen Thailand untuk membenarkan warga Thailand yang bekerja di kawasan sempadan Kuala Perlis iaitu di bawah Parlimen saya untuk menggunakan buku pelaut ataupun *seaman book* yang surat kelulusannya telah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan berdasarkan Seksyen 10(1)(c) Akta Perikanan 1985.

Pentadbiran sebelum ini ada merancang untuk memperkenalkan Permit Lawatan Kerja Sementara (PLKS) kepada mereka ini tetapi ditangguhkan kerana ada bantahan daripada nelayan-nelayan yang ada memandangkan hasil tangkapan dan pendapatan yang dikatakan tidak menentu. Jadi mereka terpaksa bergantung kepada pelaut-pelaut ataupun nelayan-nelayan asing ini. Jadi, soalan saya ialah adakah kerajaan akan meneruskan amalan penggunaan *seaman book* ini ataupun akan menguatkuasakan PLKS pada masa terdekat ataupun satu tempoh masa yang Menteri boleh maklumkan?

Situasi seterusnya ialah kekurangan bot tempatan untuk beroperasi di laut lepas. Menyentuh tadi tentang ikan tuna, sebelum ini pentadbiran terdahulu telah mengemukakan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2012 hingga 2020. Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) kita telah menasaskan lebih kurang dalam 135 bot untuk ke laut dalam untuk membolehkan negara menjadi pusat pendaratan ikan tuna. Jadi, soalan saya ialah berapa banyak kah jumlah bot laut dalam yang telah tersedia hingga kini? Memandangkan RMK-11 pun dah tidak lama hendak habis.

Kedua ialah berapakah purata jumlah ikan tuna yang ditangkap sejak tiga tahun lalu dan berapakah daripada jumlah ini yang kita eksport? Oleh sebab ada juga berita yang saya baca tahun itu macam semua eksport. Jadi saya hendak tahu lah berapa sebenarnya peratusan yang kita eksport dan berapa yang sebenarnya kita gunakan di peringkat domestik? Jika ada sekalipun vesel tempatan ataupun kapal bot tempatan yang beroperasi di laut lepas ini, tidak ramai sebenarnya yang berani hendak ambil risiko. Ini dapatan daripada dialog saya dengan persatuan-persatuan nelayan di Perlis yang mana ini telah mewujudkan satu situasi di mana bot-bot besar, oleh kerana mereka tidak berani pergi ke laut yang lebih dalam ataupun laut lepas, akhirnya mereka ini juga beroperasi di kawasan cetek.

Di keseluruhan, ini mewujudkan satu ekosistem yang kurang sihat kerana kita menangkap ikan lebih daripada keperluan. Kadang-kadang ikan tidak sempat besar pun kita dah tangkap menyebabkan dia tidak lestari untuk satu jangka masa panjang. Saya difahamkan ini berlaku antara lain oleh kerana kerajaan menetapkan kuota hasil tangkapan mencecah 350 tan setahun bagi pukat jerut dan juga 250 tan setahun bagi pukat tunda. Jadi, justeru itu saya ingin bertanya sama ada kerajaan berhasrat untuk menilai dan menetapkan semula kuota baru bagi jenis-jenis pukat ini untuk memastikan prinsip kelestarian tadi dapat diamalkan.

Terkait dengan ini juga, saya ingin meminta penjelasan terperinci mengenai peraturan berkaitan dengan kategori bot mengikut zon. Saya difahamkan antara syarat untuk

memperbaharui lesen bagi zon C2, bergantung kepada peraturan pengaktifan signal *Mobile Tracking Unit* (MTU). Oleh kerana bot-bot ini lazimnya sentiasa bergerak menangkap ikan yang kini jaraknya kita dah luaskan daripada 12 batu nautika kepada 15 batu nautika, kadang-kadang ada setengah kawasan ini, dia punya *signal*, isyarat dia lemah dan menyebabkan ia tidak dapat dikesan. Jadi tidak ada dalam rekod.

Justeru itu, ada permintaan daripada nelayan-nelayan agar pembekal membuat pemantauan berkala untuk rekod ini, iaitu setiap suku tahun berbanding hanya setahun sekali untuk menyemak peraturan pengaktifan ini. Ada juga permintaan daripada nelayan-nelayan agar had muatan *Gross Registered Tonnage* (GRT) ditingkatkan daripada antara 40 hingga 69.99 GRT kepada 79.99 GRT. Ini memandangkan tadi yang saya sebutkan, oleh kerana kawasan operasi sudah diluaskan daripada 12 batu nautika kepada 15 batu nautika. Ini kerana mereka akan bergerak lebih jauh. Jadi, muatan mereka mungkin lebih besar dan keperluan isi minyak pun lebih banyak. Jadi, mereka minta untuk dipertimbangkan perkara ini. Ini penting bagi mereka kerana ia juga melibatkan isu keselamatan semasa beroperasi memandangkan bot-bot yang pergi ke lautan ini terdedah kepada cuaca tidak menentu dan juga jarak yang lebih jauh. Tadi yang saya sebutkan.

Saya difahamkan LKIM yang terkait juga dengan nelayan akan memotong kuota minyak bagi bot yang dipindah milik kepada pemilik baharu dan juga menghadkan kuota minyak kepada bot. Kalau di zon C itu dia ada had. Minyak dia jadi kadang-kadang bila dah kawasan lebih luas dia habis lagi cepat lah. Bila habis lagi cepat terpaksa tunggu kuota yang baharu pada bulan yang seterusnya. Jadi saya ingin bertanya sama ada kuota ini juga akan dikenakan kepada nelayan-nelayan yang akan ke laut lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri, bahawa bot-bot penangkapan di zon C dan juga zon C2 di Perlis kini menghadapi masalah kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan *slipway*. Oleh kerana syarikat yang menyelenggarakan bot-bot ini hanya dapat menaikkan vesel zon B dan zon C yang memasang kipas 75 inci dan ke bawah. Manakala zon C dan zon C2 yang memasang kipas 75 inci dan ke atas memerlukan pemasangan air sungai yang tiga meter ke atas untuk menarik bot naik. Masalah ini saya difahamkan telah dimaklumkan kepada Tuan Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia dan pada tahun lalu sebenarnya mereka telah mendapat kelulusan khas untuk bot zon C dan zon C2 ini dibawa ke Thailand bagi tujuan pembaikan dan juga penyelenggaraan bot sahaja di samping mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan.

Namun, mereka maklumkan kepada saya setakat ini permohonan lengkap yang dihantar melalui Jabatan Perikanan Negeri Perlis sentiasa ditolak atas alasan perlu menunggu kelulusan daripada Jabatan Perikanan Malaysia. Jadi mereka berharap perkara ini dapat dilihat dan dapat disegerakan kerana bot-bot ini memang perlu diselenggarakan dari semasa ke semasa kerana ia melibatkan isu keselamatan mereka semasa berada di laut. Pada masa yang sama mereka berharap dapat menaiktarafkan *slipway* yang saya ceritakan tadi itu dapat disegerakan supaya bot-bot ini tidak perlulah setiap kali hendak buat pembaikan dan penyelenggaraan perlu di bawa ke negara jiran.

Jadi itu sahaja perbincangan saya dalam Rang Undang-undang Pindaan Akta Perikanan 1985. Saya dengan ini menyokong pindaan yang ingin dibuat. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Mengikut senarai sekarang ini giliran Yang Berhormat Santubong. Yang Berhormat Santubong ada? Tidak ada?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Ganti Sibuti boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ganti Yang Berhormat Sibuti.

3.28 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya membahaskan berkenaan tentang pindaan Akta Perikanan 1985. Terlebih dahulu saya ingin memberi sokongan kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat melakukan pindaan dan juga peka terhadap masalah-masalah berkaitan tentang perikanan dan juga pencerobohan kapal-kapal luar yang mencuri dan juga

merompak hasil negara kita. Selain itu juga telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri hampir RM6 bilion hasil ikan kita telah dirompak oleh nelayan-nelayan dan juga saya hairan bagaimanakah penceroboh nelayan ini dapat sampai dan juga kekal di perairan ataupun di perairan lepas sempadan Malaysia.

Saya juga telah dimaklumkan bahawa bagaimana nelayan-nelayan Vietnam ini beroperasi di mana mereka mempunyai satu kaedah ataupun dipanggil *mothership*, kapal besar yang membolehkan mereka memungkah keluar ikan-ikan yang dicuri di perairan dan juga laut Malaysia dan diletak di *mothership* ini dan juga kapal ini akan kembali ke Vietnam dan juga mereka mengeksport semula hasil rompakan mereka ini ke negara-negara seperti China, Thailand dan juga negara-negara Eropah. Maka, saya memohon agar kerajaan mengambil satu tindakan serius dan juga saya bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Puncak Borneo bahawa penguatkuasaan adalah yang sangat penting berkenaan soal ini.

Saya lihat sekiranya mereka dapat membuat keuntungan sebanyak RM6 bilion, apalah sahaja hukuman yang dinaikkan daripada RM1juta kepada RM6juta. Tauke-tauke ini ataupun peniaga-peniaga besar ini sudah pasti mereka mampu untuk membayar hukuman-hukuman yang telah diletakkan oleh kerajaan.

■1530

Juga saya memohon agar segala pindaan yang dilakukan ini akan memberikan kebaikan kepada para nelayan. Sekiranya kita dapat lihat bagaimana nelayan Vietnam terutamanya, dapat datang ke sini, kenapa tidak kita melatih nelayan-nelayan kita untuk menambah baik cara untuk menangkap ikan dan juga memperoleh ikan-ikan di laut tersebut?

Juga saya sangat dekat dengan isu pencerobohan ini kerana sejak beberapa bulan yang lepas, banyak aduan daripada nelayan yang mengatakan bahawa mereka telah diganggu oleh nelayan dan juga penceroboh terutamanya daripada Vietnam. Ada laporan yang mengatakan sehingga 10 ke 15 buah secara serentak bergerak untuk menangkap ikan di kawasan perairan terutamanya di perairan Miri. Terlebih lagi di kawasan seperti Beting Patinggi Ali ini.

Juga dengan masalah seperti *China Coast Guard* yang berkawal di kawasan Beting Patinggi Ali ini. Bot-bot nelayan Vietnam ini memberi satu ancaman kepada nelayan-nelayan, kerana mereka sangat berani untuk menyerang dan juga memarahi nelayan-nelayan tempatan. Juga, saya mempunyai video. Video-video yang dihantar oleh nelayan-nelayan kita dan juga saya berharap agar pihak kementerian dapat mengguna pakai nelayan-nelayan ini daripada untuk menerima laporan-laporan daripada para nelayan.

Saya faham bahawa pihak agensi maritim tidak mempunyai aset yang baik untuk berkawal. Kadang-kadang saya merasakan memang kerajaan sangat serius untuk menangani masalah ini. Walaupun demikian, kita faham bahawa laut Malaysia ini sangat luas. Kita mempunyai Semenanjung Tanah Melayu, kita mempunyai Sabah, kita mempunyai Sarawak, sudah pasti prioriti aset itu susah untuk dibahagi-bahagikan. Maka, saya mencadangkan agar kalau dapat Yang Berhormat Menteri membawa kepada Kabinet untuk mencadangkan konsep pelantar minyak yang diguna pakai oleh syarikat *oil and gas* ini, diguna pakai untuk meletakkan petugas-petugas dan juga penguat kuasa di tengah-tengah laut ataupun di hujung sempadan. Dengan mewujudkan pelantar ini, kita tidaklah perlu menunggu berjam-jam untuk penguat kuasa mengejar bot-bot nelayan asing ini kerana sudah pasti masa yang diambil untuk pergi ke sesebuah lokasi ini mengambil masa yang amat panjang.

Saya berharap agar pihak kerajaan tidak lagi bertoleransi dengan perompak dan juga penceroboh daripada luar ini, terutamanya nelayan-nelayan Vietnam. Kita sudah perlu mengambil keputusan untuk mengebom kapal-kapal ini, letupkan kapal-kapal ini. Ambil tindakan tegas, tunjukkan kepada nelayan-nelayan bahawa kita mampu dan juga kita serius untuk mengawal sempadan dan juga kawasan perikanan kita.

Sudah banyak rintihan dan sekarang nelayan-nelayan bukan hanya nelayan biasa. Mereka menggunakan *social media* untuk meluahkan perasaan mereka. Banyak *posting* di dalam *Facebook* mahupun *Twitter*, nelayan sendiri yang membuat aduan bahawa agensi maritim tidak mampu untuk mengawal dengan aset yang sedia ada. Kadang-kadang, kita sendiri kasihan dengan agensi maritim. Kadang-kadang saya merasakan mereka ini seolah-

olah seperti sebuah kereta Kancil yang dipaksa untuk bergerak dan juga memecut seperti kereta *Ferrari*. Inilah masalahnya aset yang terdapat di negara kita.

Juga, kita kena tahu bahawa industri perikanan Vietnam adalah sebuah industri yang besar. Saya membaca di dalam internet, mereka mempunyai sejumlah hampir 4.5 juta nelayan yang terdapat di Vietnam dan juga kapal-kapal mereka ini mampu bertahan di laut dalam, di laut lepas dengan tempoh yang sangat lama. Apa-apa pun yang dilakukan oleh pihak kementerian, sama ada untuk menghukum ataupun menaikkan jumlah fi ataupun jumlah hukuman, pihak kerajaan mesti juga melihat siapakah sekutu-sekutu nelayan-nelayan asing ini yang membuka ruang dan juga yang memberi maklumat kepada nelayan ini, bilakah Ops Naga ini dijalankan.

Saya memuji dan juga jawapan daripada Yang Berhormat Menteri kepada saya berkenaan tentang pasukan khas yang telah ditubuhkan. Saya berharap agar Ops Naga ini dapat dijalankan dengan adil, dapat dijalankan dengan lebih meluas terutamanya di kawasan Laut China Selatan. Ini kerana di sanalah kebanyakan penceroboh asing datang. Terutamanya, saya bercakap melalui konteks negeri Sarawak, di mana pada hari ini, laporan berita di dalam *Sarawak Tribune* melaporkan, nelayan di Bintulu dan juga di Miri sangat tidak berpuas hati berkenaan isu pencerobohan.

Juga, pagi ini saya menerima laporan daripada nelayan di kawasan Kuala Sibuti mengatakan bahawa sudah nampak semula bot-bot nelayan Vietnam. Ini kerana bot mereka ini sangat – Memang jelas ini adalah bot nelayan yang direka bentuk oleh nelayan Vietnam. Mereka juga bimbang kerana mereka terpaksa bersaing dengan nelayan-nelayan ini.

Selain daripada itu juga, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah usaha Yang Berhormat Menteri untuk memastikan bahawa kerjasama antara pihak Persekutuan dan kerajaan negeri dapat membanteras nelayan ini? Ini kerana kita di pihak negeri, tidak mempunyai kuasa untuk menahan dan juga menggunakan kekerasan dan juga tanggungjawab melindungi sempadan laut ini adalah terletak di bawah Kerajaan Persekutuan. Maka, saya mengalu-alukan sekiranya Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan dan juga bekerjasama agar kebajikan nelayan-nelayan ini dijaga terutamanya nelayan-nelayan daripada negeri Sarawak.

Salah satu perkara yang ingin saya bangkitkan walaupun di luar konteks iaitu berkenaan keluhan nelayan-nelayan yang menukar kepada bot yang lebih besar dan juga lebih baru di mana bot lama mereka terpaksa dipotong. Saya berharap agar pihak kementerian dapat memberi kelonggaran berkenaan peraturan ini agar dapat bot-bot lama ini diguna pakai ataupun ditukar kepada bot-bot pelancongan ataupun diguna ataupun diganti oleh nelayan-nelayan baharu. Ini kerana sekiranya kita memotong bot ini, pasti akan berlaku pembaziran.

Saya rasa itu sahaja perbincangan saya. Saya menyokong segala apa yang baik, yang dicadangkan oleh pihak kementerian di bawah Kerajaan Persekutuan. Saya juga berharap agar industri perikanan ini lebih maju dan juga dilindungi dan juga semoga nelayan-nelayan kita sentiasa dilindungi untuk memberi sumber makanan kepada rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu, silakan.

3.37 ptg.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan pindaan Rang Undang-undang Akta Perikanan 1985. Pertamanya, lebih daripada satu bilion orang bergantung kepada ikan sebagai sumber protein. Malah, sektor perikanan merupakan antara sektor utama kepada rakyat negeri Terengganu, khususnya di daerah Setiu. Memandangkan sektor ini merupakan sektor terpenting di Setiu, adalah perlu diberi perhatian daripada Kerajaan Persekutuan, agar keberlangsungan golongan nelayan ini terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh secara lebih lanjut berkenaan dengan pindaan RUU ini, saya ingin mengulangi apa yang saya pernah sebut dalam perbincangan Titah Diraja tempoh hari iaitu saya ingin bangkitkan berkait dengan isu kompleks

pendaratan ikan yang disediakan tidak dapat berfungsi kepada penduduk, khususnya di Setiu. Masalah ini juga membawa kepada munculnya vesel-vesel haram yang beroperasi di Setiu dengan men- *downgrade*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, vesel kepada sampan enjin sangkut. Puncaknya adalah masalah jeti pendaratan yang semakin cetek. Malah, kebanyakan vesel di Setiu ini, terpaksa melakukan pendaratan di Tok Bali. Saya kira isu-isu kemudahan prasarana pendaratan sewajarnya diberi perhatian penuh oleh pihak kerajaan kerana ia merupakan perkara asas bagi 830 orang nelayan di kawasan Setiu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai penguatkuasaan yang masih lagi lemah di kawasan perairan C2. Ini bukan sahaja isu berkenaan nelayan Vietnam baru-baru ini yang berjaya lolos masuk ke perairan kita. Malah, isu pencerobohan nelayan tempatan juga turut berlaku.

■1540

Tidak mustahil masalah pencerobohan warga asing masih tidak dapat diselesaikan jika masalah pencerobohan nelayan tempatan juga tidak dapat ditangani. Tuan Yang di-Pertua, pindaan rang undang-undang kali ini. ..

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Setiu minta sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sik minta laluan, silakan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Adakah Yang Berhormat Setiu bersetuju bahawa pihak kementerian khususnya perlu melihat dengan serius apa yang didedahkan oleh surat khabar *Metro* pada hari ini, sebanyak 100, 000 upah klon bot yang didalangi oleh agen-agen tempatan dan di Vietnam yang menyebabkan berlaku pencerobohan di perairan kita dan mencarah hasil-hasil ikan di negeri kita, didedahkan oleh *Metro* ini kerana ketika mereka masuk ke daerah Sondok, Vietnam ini.

Ini adakah pihak Yang Berhormat Setiu melihat bahawa Jabatan Perikanan Malaysia tidak cukup untuk mereka sahaja memberi ataupun mengeluarkan lesen untuk bot-bot ini dan perlu juga ditambah dengan jabatan-jabatan lain untuk melihat keberkesanan lesen yang tidak disalah guna ini. Terima kasih.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Ya, saya bersetuju dengan saranan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sik tadi dan saya juga baca apa yang ditulis oleh wartawan *Metro* di mana dalam kenyataan yang disebut bahawa ada orang yang menjadi perantara yang mempertemukan antara tauke bot Vietnam dengan pemilik lesen tempatan. Mengikut perantara tersebut, dia menyatakan bahawa dia sudah bekerja lapan tahun sudah sebagai perantara ini dan telah jadi jutawan pun. Dia mengatakan bahawa tauke-tauke bot Vietnam ini tidak merasakan bahawa apa yang mereka lakukan ini menyalahi undang-undang. Antaranya sebab mereka kata bahawa mereka sekadar menangkap ikan dan bayaran pun telah diberikan kepada pemegang lesen dan juga pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan rang undang-undang kali ini menyentuh mengenai peningkatan jumlah denda bagi vesel penangkapan ikan asing dan tempatan. Melalui pindaan ini, saya mencadangkan agar denda tersebut diagihkan kepada nelayan tempatan yang telah dinafikan hak mereka untuk menangkap ikan yang menyebabkan mereka mengalami pengurangan hasil atau mungkin tak dapat langsung disebabkan pencerobohan dan dengan peningkatan denda yang disebut dalam pindaan RUU ini, saya cadangkan supaya denda tadi diagihkan kepada mereka. Selain pampasan tersebut, saya juga mencadangkan agar kerajaan melipat gandakan bantuan berbentuk peralatan kepada para nelayan. Ini kerana saya percaya dengan pengurangan subsidi bantuan sara hidup oleh kerajaan hari ini memberi kesan yang besar kepada nelayan.

Kita kena tiru sebagaimana yang dibuat oleh Kesatuan Eropah. Euro Kesatuan Eropah membelanjakan EUR3.3 *million* di mana angka tersebut tiga kali melebihi daripada hasil pendapatan nelayan. Subsidi yang diberikan EUR3.3 *million* melebihi tiga kali ganda lebih daripada hasil pendapatan mereka. Seheingakan menurut satu kajian *The European Union and Fishing Subsidies* dengan izin Tuan Yang di-Pertua ada menyatakan bahawa sebanyak 13 buah negara membelanjakan subsidi yang lebih tinggi daripada nilai tangkapan. Ini menunjukkan dunia hari ini bergantung kepada lautan untuk makanan dan mata pencarian. Sebaliknya di Malaysia, kerajaan hari ini mengurangkan subsidi sektor perikanan dan kesannya nelayan kita semakin terhimpit.

Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin membahaskan mengenai Seksyen 53 Akta Perikanan yang menyebut “*Mana-mana orang yang menentang atau dengan sengaja menghalang mana-mana pegawai diberi kuasa atau tidak mematuhi apa-apa kehendak yang dibuat oleh mana-mana pegawai diberi kuasa semasa menjalankan kuasa dan kewajibannya di bawah akta ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 20, 000.*” Persoalannya, adakah benar tidak wujud campur tangan pihak yang tidak bertanggungjawab ini? Ini kerana saya mendapat aduan bahawa mereka yang dikenali dengan panggilan tauke-tauke di perairan turut terlibat dalam penguatkuasaan dan sejauh manakah keberkesanan akta ini dan memastikan tiada campur tangan sesiapa pun selain daripada pihak berwajib bagi memberi jaminan akan penguatkuasaan yang dijalankan benar-benar adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya pindaan RUU Perikanan Akta Perikanan 1985 ini banyak menyentuh mengenai pemantauan, pengawalan dan pengawasan vesel di Zon C3. Perluasan kawasan di perairan ini menunjukkan kerajaan sudah bersedia untuk mengawal kawasan yang lebih luas. Persoalannya, sejauh manakah tahap persediaan kerajaan dalam memastikan masalah di Zon C2 seperti pencerobohan perairan oleh nelayan tempatan mahupun asing dapat ditangani.

Untuk akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang kemudahan yang dimiliki oleh Maritim Malaysia (APMM). Saya dimaklumkan bot-bot yang digunakan oleh APMM ini kebanyakannya ialah bot yang bertaraf *second hand* yang pernah diguna oleh agensi-agensi yang lain yang menyebabkan sebahagian besar daripada bot-bot tersebut tersadai. Jadi, saya sarankan kepada kerajaan supaya membeli bot-bot yang baharu apatah lagi dalam keadaan kesediaan kerajaan untuk membuat pindaan RUU dengan memperluaskan lagi kawasan ke laut lepas atau C3. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan RUU ini. *Wallahualam, Assalamualaikum Warahmatulillah Wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bagan Serai, silakan.

3.46 ptg.

Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagan Serai bangun menyokong Rang Undang-undang Pindaan 2019. Akta Perikanan, Akta 31(7) ini tidak dipinda sejak 1985. Selama 30 tahun lebih, apa yang kita buat ini ? Sedangkan objektif kita pada hari ini ada dua perkara. Satunya ialah untuk *block*, untuk cegah puak-puak yang mencuri hasil-hasil negara. Keduanya untuk berfikir bagaimana kita dapat membuat satu lagi kaedah perikanan yang boleh mendapatkan keuntungan yang banyak untuk negara.

Jadi dua-dua ini, macam mana kita hendak sekat bapa pencuri, macam mana kita hendak dapatkan bapa rezeki kita hari ini. Ini kerana kalau curi sikit-sikit tidak apa, tidak nampak tetapi curi bilion dan di Malaysia ini ada rakyat menderita, B40 dan ramai yang susah terutama nelayan-nelayan. Di Bagan Serai di daerah Kerian kita ada 4,000 lebih nelayan berdaftar. Seramai 121 nelayan darat dan kebanyakannya nelayan Zon A. Orang Bagan Serai, nelayan Bagan Serai dengar cerita pindaan perikanan ini, wah tercengang, terganggu dengan.... apa kita dapat? Elaun sara hidup boleh naik kah? Pemutihan telah dijalankan dengan baik kah? Ini kebimbangan dan kerisauan. Atas perkara ini, Bagan Serai bangun menyokong dan juga ingin menyentuh beberapa perkara dalam pindaan yang akan dibuat ini.

Tuan Yang di-Pertua, vesel-vesel yang menceroboh dari Vietnam. Ini sudah bukan perkara main-main. Oleh sebab itu saya sudah sebut 30 tahun tidak dipinda sedangkan perkara ini diulang, diulang dan diulang. Pencerobohan ini berlaku dua aspek yang menyentuh nelayan. Satu, daripada luar negara, mungkin negara lain tetapi Vietnam yang banyak. Aspek yang kedua, pencerobohan antara nelayan-nelayan tempatan di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, buat Ops Naga. Saya tengok ada Ops Naga, Ops Damai, Ops apa lagi? Ops Makmur, Ops Iman ada, Ops tak beriman pun ada saya rasa dan pencuri-pencuri lari ke Sabah dan Sarawak. Oleh sebab itu perkara ini mesti diteruskan dan denda yang dikenakan naik enam kali ganda. Satu juta jadi enam juta, seratus jadi enam ratus ribu.

Saya ada dengar kata penceroboh-penceroboh ini, pencuri-pencuri ini, dia tidak kan bayar, dia sanggup masuk jel. Oleh sebab itu, gesaan untuk mengadakan denda-denda yang lebih menggerunkan amat-amat saya setuju. Contohnya kita sebat dia, rotan dia, bagi dia insaf dengan perkara ini dan juga seperti yang kita sebut tadi kita contohi negara China, *shoot to sight* ataupun *shoot to chase* ataupun ada negara yang menenggelamkan kapal ataupun kita bakar sahaja kapal ini.

■1550

Ini supaya kalau dengan insentif tidak rasa biar cara kegerunan ini dapat menghalang perkara-perkara ini. Kita juga hairan, saya ada dengar juga dari perbincangan dan sebagainya, tentang mereka yang terlepas. Apakah ada unsur-unsur rasuah dalam perkara ini? Adakah orang yang dapat bahagian dia dalam perkara ini? Kenapa hasil negara *billions* hilang hari ini? Kenapa kita masih membiarkan perkara ini? Dalam isu-isu lain, dadah hari ini berleluasa. Macam mana dadah boleh *cross the border*? Macam mana dadah dikatakan ada di dalam penjara? Macam mana hari ini jadi begini? Begitu juga dengan penyeludupan rokok yang haram. Macam mana boleh tembus? Apakah ada unsur-unsur rasuah?

Oleh itu, mereka yang bertanggungjawab buatlah kerja betul-betul dan mereka yang salah, perlu dihukum. Tuan Yang di-Pertua, pencerobohan nelayan tempatan. Saya dapat maklumat ini lama sudah tentang *vessel* pukut tunda Zon B. '*Kenka*' dua bot umpamanya di daerah Kerian, masuk ke kawasan kurang daripada lima batu nautika. Sodok habis. Rosak ekosistem laut. Rosak habis, semua ikan kecil pun sapu sekali. Nelayan pantai, nelayan Zon A terkesan. Rakyat lagi terkesan. Inilah B40, inilah yang terkesan. Inilah sebabnya bila pindaan hendak dibuat, ada yang katakan melihat kepada orang-orang besar, kapal-kapal besar, orang-orang kaya.

Akan tetapi, bagaimana dengan nelayan-nelayan yang miskin yang kita dengar dari pantai timur cerita tadi, yang kita dengar daripada Malaysia Timur cerita tadi? Selain itu juga terkesan di Parlimen Bagan Serai. Perkara kedua ialah tentang lesen cari rezeki. Oleh sebab itu dalam fasal 234 ini menyentuh tentang laut lepas, laut yang besar laut lepas itu, lebih dari 30 batu nautika. Ini satu perkara yang baik. Oleh sebab apa? Kita melihat negara moden kita hendak tangkapan moden. Hari ini kita fikir tentang bagaimana tuna ini yang sebenarnya sudah lama wujud sejak awal – saya ingat awal tahun 70-an tetapi apabila Malaysia bergabung dengan IOTC pada tahun 1998 dan secara rasminya urusan perikanan tuna ini pada tahun 2004. Kira baharu lagi.

IOTC membenarkan kita 135 unit, hari ini kita ada 19 unit. Ada banyak lagi itu. Tuna yang kita ambil hari ini ialah tuna *oceanic* di lautan besar. Tuna *oceanic* ini dia besar, 30,000 tan dijangka dapat didaratkan dengan RM300 juta pendapatan. Kalau tuna *oceanic* tempatan 10,000 metrik tan, dapat RM100 juta. Dikatakan, kalau tuna *neritic*, satu jenis tuna lagi iaitu di tempatan kita yang lebih kecil, dapat didaratkan sebanyak 100,000 metrik tan dapat RM100 juta lagi. Jadi, bermakna hampir setengah bilion pendapatan daripada tuna ini.

Memanglah kita dengar tuna ini – kalau di Bagan Serai ini ikan sembilang sahaja, udang galah sahaja. Jadi tuna ini perlu banyak lagi kajian. Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai berpendapat perlu banyak lagi R&D dilakukan, tahu khasiat tuna ini. Apa khasiat tuna ini? Ada yang kata rasa macam sardin, apa yang kita tahu tentang tuna ini? Adakah rakyat kita akan sedar tentang tuna ini? Adakah ia memberikan kebaikan dari aspek kesihatan, dari aspek lemak umpamanya, dari aspek protein umpamanya ataupun ia boleh menyembuhkan penyakit umpamanya? Banyak lagi R&D boleh dilakukan.

Kalau kita jumpa makan tuna ini boleh kuatkan badan ataupun boleh kuatkan tenaga batin, saya ingat ramai, tuna ini tidak cukup, kan? *Supply and demand* jadi tidak cukup. Jadi, satu *business* yang besar dekat Malaysia ini. Ini satu benda yang kita kena buat. Jadi, saya hendak sentuh tentang pelabuhan-pelabuhan yang telah diiktiraf oleh IOTC. Pulau Pinang dan Langkawi, macam mana dengan pelabuhan di tempat lain? Macam mana di negeri Perak? Perak mendaratkan ikan yang banyak! Banyak ikan terutamanya saya ingat di Lumut, Hutan Melintang sebelah sana. Adakah pelabuhan-pelabuhan di negeri lain akan juga diberikan? Apakah kriteria, apakah standardnya supaya pelabuhan-pelabuhan ini diiktiraf?

Tuan Yang di-Pertua, jadi potensi-potensi inilah yang Bagan Serai ingin bertanya juga, siapakah yang mendapat manfaatnya? Ada industri hiliran dan huluan. Siapakah yang akan mendapat manfaat? Adakah orang luar negara? Industri tuna ini. Ini bukan setakat

ikan sembilang! Ini industri tuna. Adakah orang luar negara atau tempatan? Siapa yang dapat? Bangsa mana yang dapat? Adakah kerajaan akan menyediakan kaedah-kaedah bagaimana orang Melayu bumiputera juga dapat melibatkan diri? Di samping industri-industri hiliran yang dikatakan agak *ciput* lah, awal-awal ini. Industri hiliran, buat sardin, buat serunding, buat sate, buat burger tuna. Tidak apalah, baguslah. Itu pada peringkat awal. Pastikan pindaan ini yang menyebabkan kita akan keuntungan daripada industri tuna ini, kita dapat menyediakan pekerjaan-pekerjaan bagi mereka di kalangan B40, bagi mereka yang hendak sambung dalam industri perikanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang Bagan Serai bimbang tentang pindaan yang kita akan buat ini. Adakah rakyat di bawah sana, rakyat yang susah iaitu B40, mereka yang miskin, di samping kita dapat mengaut hasil keuntungan yang banyak, yang kita jangkakan RM1 bilion pada tahun 2020, industri tuna ini. Sejauh manakah R&D dan industri hiliran yang dikatakan? Adakah orang Bagan Serai pun dapat terlibat? Bolehkah kita buat akademi tuna di Bagan Serai? Bolehkah kita buat sesuatu yang berkaitan dengan tuna umpamanya di Bagan Serai?

Ini kerana, di Bagan Serai di daerah Kerian, kita ada 4,000 orang nelayan yang berdaftar. Walaupun kita tidak ada nelayan laut dalam tetapi ini cerita nelayan. Tuan Yang di-Pertua, atas maksud ini, setelah 30 tahun, hampir 30 tahun lebih tidak ada pindaan tentang rang undang-undang yang sangat penting yang melibatkan kekayaan negara pada hari ini. Bagan Serai bersetuju, Bagan Serai menyokong pindaan ini dan mengharapkan pencuri-pencuri ini dapat di sekat mulai hari ini! Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Memang ucapan yang amat beremosi. *[Ketawa]* Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar.

3.56 ptg.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana turut diberikan ruang untuk bersama membahaskan Rang Undang-undang Perikanan yang sedang kita bincangkan. Sebelum saya meneruskan hujah-hujah dalam perbahasan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada para nelayan kerana dengan sumbangan yang dilakukan oleh nelayan pada hari ini, kita dapat menikmati ikan, sotong, ketam dan udang tanpa ada rasa curiga.

Cumanya, saya harap sangat nelayan-nelayan ini harus diberikan tumpuan dalam pindaan rang undang-undang yang sedang kita bincangkan. Saya yakin, pindaan ini sebenarnya untuk kita lakukan pemerksaan industri perikanan Malaysia. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana pindaan akta ini selepas diwujudkan tahun 1985, diwartakan pada tahun 1985, dibuat pindaan tahun 2011, diwartakan pada tahun 2012. Semasa pindaan tahun 2012, hanya Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan. Hari ini kita lihat kelibat Yang Berhormat Menteri datang hadir sendiri untuk membincangkan. Kerana apa? Ini perkara penting, nasib nelayan seramai 125,000 orang nelayan yang telah didaftarkan melalui LKIM.

Akan tetapi, apakah persoalannya? Walaupun kita tahu sektor perikanan ini menyumbang 1.1 GDP iaitu kira-kira lima tahun yang lepas. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah peratusan terkini sumbangan sektor perikanan ini kepada ekonomi negara? Adakah dengan pindaan yang dibuat pada hari ini ia akan meningkatkan sektor perikanan ini atau ia sebenarnya akan merencatkan sektor perikanan kerana sudah ada undang-undang yang menguatkuasakan dan menghalang aktiviti-aktiviti perikanan?

Kita akui, Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, nelayan ini pelbagai, dari nelayan darat, nelayan persisiran pantai, nelayan laut dalam dan hari ini kita mendengar satu lagi istilah iaitu nelayan laut lepas. Akan tetapi, persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah strategi yang akan dilakukan oleh kementerian untuk melihat bagaimana proses peralihan nelayan darat – hari itu mereka menjadi nelayan darat hanya menangkap ikan di sungai, ikan air tawar dan bagaimana hendak mengarahkan mereka? Supaya daripada nelayan darat kepada nelayan persisiran, persisiran kepada nelayan laut dalam dan akhirnya hari ini kita bincangkan satu industri yang baharu iaitu industri tuna di laut lepas.

Saya hendak tahu juga Yang Berhormat Menteri, adakah kesinambungan industri nelayan ini akan terus didominasi oleh mereka yang sudah berusia? Bagaimana yang dilakukan oleh pihak kementerian Yang Berhormat Menteri untuk menarik anak-anak muda supaya ekosistem industri perikanan ini tidak terbantut.

■1600

Ini kerana apa yang berlaku pada hari ini, pencerobohan yang berlaku, Ali Baba lesen yang berlaku sebenarnya ialah disebabkan nelayan-nelayan kita ini pada hemat dan pandangan saya. Itu sebabnya saya minta penjelasan, adakah ini menjadi punca sebenarnya apa yang sedang berlaku? Iaitu nelayan-nelayan kita sudah berusia. Mereka lagi tidak mampu untuk turun ke laut, mereka tidak mampu lagi untuk pandai menggunakan teknologi-teknologi terkini dalam industri perikanan. Mereka lebih gemar mendapat duit bulanan tanpa mereka bersusah payah ketika mereka dalam usia yang muda.

Saya kira, perbincangan kita pada hari ini Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, juga disaksikan juga oleh para-para nelayan di seluruh negara. Itu sebabnya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka. Bagi saya, para-para nelayan di seluruh Malaysia ini merupakan wira-wira yang tidak didendang. Mereka keluar pada waktu malam, mereka balik pada waktu awal pagi tetapi ada juga segelintir mereka pergi ke laut dan mereka tidak pulang. Ini kerana apa, mereka mengalami bencana-bencana. Kalau wira-wira ini tidak didendang, wira-wira ini tidak dijaga, saya risau industri yang menyumbang 1.1 peratus kepada GDP negara akan melibatkan satu renjatan dan terbantutnya ekonomi ini.

Saya hendak kembali kepada perkara yang asas, dalam perbincangan kita ini, kita membuat pindaan Akta 317. Walaupun kita bincang pada tahun 1995 tetapi apabila saya membuat kajian, melihat *Hansards* dalam Parlimen di Dewan Rakyat, rupa-rupanya daripada 1963 sudah dibincangkan Akta Perikanan ini. Kemudian dibincangkan pada tahun 1972 pergi ke tahun 1973, pergi ke tahun 1985, pergi ke tahun 2012 dan kini kita bincangkan pada tahun 2019. Pindaan-pindaan ini sebenarnya, adakah ia mengukuhkan industri perikanan Yang Berhormat Menteri? Kalau kita hanya membuat pindaan, hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat membuat persediaan untuk memikirkan apakah cadangan yang terbaik kepada pihak kerajaan. Akhirnya, ia dipandang sepi oleh pihak kementerian seolah-olahnya tidak mengambil kira pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Saya harap sangat Yang Berhormat Menteri kita pada minggu ini banyak bincangkan tentang rang undang-undang pindaan. Banyak kita merujuk kepada perkara-perkara triti antarabangsa. Kita hendak lihat negara-negara luar. Rang undang-undang ini juga, adakah selaras dengan UNCLOS? Adakah ia selaras dengan bahagian VII Yang Berhormat Menteri? Jelas dalam UNCLOS bahagian VII memberi tafsiran kepada *high sea* iaitu laut lepas seperti mana mukadimah Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Saya harap dalam pindaan nanti, dalam penggulungan Yang Berhormat Menteri nanti tolong masukkan satu tafsiran kepada laut lepas. Seperti mana tafsiran vesel yang diberi tafsiran dalam Akta Maritim, tidak ada dalam Akta perikanan tetapi ia ada di bawah Akta Maritim. Ini perkara-perkara yang harus kita beri penjelasan. Advokasi Akta Perikanan ini mesti sampai ke akar umbi iaitu para-para nelayan khususnya para nelayan di negeri Pahang yang berada di daerah Kuantan dan berada di daerah Rompin.

Saya risau Yang Berhormat Menteri, niat Yang Berhormat Menteri datang hadir pada hari ini untuk membenteng dan meminda kerana hendak mengubah nasib nelayan dan kiranya niat ini sebenarnya niat yang terbantut. Saya harap sangat akta ini tercapai walaupun kita ada banyak Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bacakan Akta 633, Akta Penguatkuasaan Maritim...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Paya Besar, minta sedikit.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Pendang, saya tidak cukup masa. Minta maaf, saya selalu bagi Yang Berhormat Pendang tetapi 10 minit Yang Berhormat Pendang.

Akta 750, Akta Laut Wilayah 2012, Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984. Banyak sangat Yang Berhormat Menteri, belum lagi kita me-refer kepada ordinan nombor tujuh. Perkara-perkara ini merisaukan saya Yang Berhormat Menteri. Adakah pindaan ini sebenarnya *in a silo*? Semata-mata Kementerian Yang Berhormat Menteri sahaja. Rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sebut Operasi Naga, Yang Berhormat Pagoh pagi tadi telah beritahu tentang bagaimana kementerian-kementerian terlibat dalam Operasi Naga, banyak kementerian yang terlibat. Di tangan saya ada akta yang telah menunjukkan bahawasanya ia menyokong kepada Akta Perikanan. Kenapa persoalannya tidak dipinda berserta dengan pindaan yang dilakukan pada hari ini? [Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]. Selepas Akta Perikanan, mungkin kita akan merujuk kepada Akta 750, Akta 633, Akta 331 inilah perkara-perkara yang merisaukan saya.

Yang Berhormat Menteri, saya pagi tadi bangun semasa Yang Berhormat Kuala Kedah bangkit dan bercakap tentang artikel *Harian Metro* [Sambil menunjukkan senaskhah akhbar]. Saya memandang tinggi usaha skuad khas wartawan ini. Mereka sanggup menggadai nyawa mereka untuk membongkar perkara-perkara yang amat jelas merompak hasil negara kita. Kalau ini sebenarnya tidak diambil kira atau dipandang sepi oleh kementerian. Saya risau, sebab apa? Gambar-gambar Yang Berhormat Menteri ada di tangan saya Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ini kawan saya semasa menjadi pembangkang dahulu. Saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri [Sambil menunjukkan senaskhah dokumen] ada dua kod, satu kod Malaysia punya, satu kod Vietnam punya. Spesifikasi warna, bentuk dan bendera kita. Apabila APMM datang untuk membuat pemantauan, mereka tidak boleh merapat kepada kapal-kapal ini. Apa yang mereka lakukan, mereka naikkan bendera Malaysia. Apabila masuk perairan Malaysia, naikkan bendera Malaysia. Apabila sampai wilayah Vietnam, mereka naikkan pula bendera Vietnam. Oleh sebab apa Yang Berhormat Menteri? Di tangan saya ini juga terpampang semua [Sambil menunjukkan senaskhah dokumen] kapal-kapal Vietnam berada dalam perairan kita Yang Berhormat Menteri.

Saya juga hendak menyentuh Yang Berhormat Menteri, bagaimana – dan ini jelas nampak di wilayah-wilayah yang Ahli-ahli Yang Berhormat sebutkan tadi. Ini perkara-perkara – Kuala Terengganu di-blur-kan cat. Kemudian apabila masuk ke dalam Malaysia, dihentikan semula dan PEF4707 ini pendaftaran negeri Pahang dan kapal yang sama. Ini yang disebutkan dalam *Harian Metro* iaitu klon bot, diberi RM40,000 ke RM100,000 Yang Berhormat.

Kalau kita ada anak muda dalam perindustrian ini, saya yakin anak muda mempunyai kekuatan untuk meneruskan legasi perikanan keluarga mereka. Akan tetapi kenyataan Yang Berhormat di Johor tempoh hari menyatakan golongan muda agak sepi melihat industri ini. Saya harap sangat Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini harus diberikan kepentingan. Saya hendak minta seminit Tuan Yang di-Pertua untuk saya menggulung. Ini kerana ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, gulung. Sila gulung.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Bagi saya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri buat pindaan, memperluaskan zon daripada zon C3 kepada *zone high sea*, zon laut lepas. Akan tetapi apa yang pentingnya Yang Berhormat Menteri, adakah mereka hendak bayar kompaun yang diberikan? Kita ikut Indonesia Yang Berhormat Menteri. Benda yang baik dari negara luar kita ikut. Negara Indonesia apabila dia tangkap rakyat kita, kita caj makan dan minum semasa mereka berada dalam tahanan kita. Akan tetapi di Malaysia tidak, mereka datang kurus, keluar gemuk. Jadi perkara-perkara ini harus diberi tumpuan supaya kita berada dalam keadaan yang lebih penting.

Akhirnya Yang Berhormat Menteri, bagi saya akta ini merupakan akta yang besar. Akta ini bukan kementerian Yang Berhormat sahaja yang menguatkuasakan dan saya harap sangat Yang Berhormat mari kita bergerak bersama-sama dengan kementerian-kementerian lain. Saya berharap Yang Berhormat dalam penggulungan nanti bagi jaminan kepada saya dan kepada rakyat Malaysia khususnya rakyat negeri Pahang, Yang Berhormat akan paksa kementerian-kementerian lain juga untuk turut membuat pindaan dalam akta-akta yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya ingin menjemput – kalau ikut senarai sini adalah Yang

Berhormat Labuan, saya nampak Yang Berhormat Labuan tidak ada dalam Dewan. Kemudian diikuti seterusnya Yang Berhormat Kemaman, 10 minit.

4.08 ptg.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perikanan, Akta Perikanan 1995.

Saya menyanjung tinggi usaha pihak kerajaan membawa rang undang-undang ini bagi memastikan usaha untuk memperkasakan masyarakat nelayan di negara kita pada hari ini. Ini kerana kami di Terengganu dan juga khususnya saya di Kemaman ia melibatkan lebih kurang 1,232 orang para nelayan yang terlibat di kawasan di daerah Kemaman. Oleh itulah usaha ini merupakan suatu benda yang penting bagi memastikan para nelayan kita terjamin dalam usaha mencari rezeki mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang pertamanya isu berkaitan pencerobohan penangkapan ikan semakin menjadi-jadi di perairan negara kita pada hari ini. Ia melibatkan kes pencerobohan perairan perikanan termasuklah di Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ). Kes tangkapan pencerobohan vesel asing, kes penggunaan pukut tunda haram, mahupun isu penyelewengan lesen dan kesalahan penangkapan ikan tanpa lesen.

■1610

Merujuk kepada penguatkuasaan yang dilakukan oleh Jabatan Perikanan dengan melibatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan juga Pasukan Polis Marin, mendapati sebanyak 341 kes vesel asing ditangkap pada tahun 2017 sehingga kini. Daripada jumlah tersebut, kes tangkapan pencerobohan vesel asing ini dari negara Vietnam merupakan di antara warga asing yang tertinggi iaitu seramai 285 kes. Manakala sebanyak 786 kes vesel pusat tunda tempatan yang telah menceroboh kawasan pantai sekali gus menimbulkan satu konflik kepada para nelayan pantai tradisional kita.

Saya melihat ini merupakan satu angka yang besar dan meningkat saban tahun ia berlaku dan tiada tindakan ataupun undang-undang yang tegas bagi menangani isu yang seumpama ini. Dapat kita lihat ia juga memberi satu implikasi yang besar, memberi kesan yang besar bukan sahaja menjejaskan pendapatan para nelayan tetapi keselamatan dan keamanan negara kita juga terancam.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat memberi sepenuhnya perhatian kepada isu vesel zon C2 yang memasuki kawasan nelayan tradisional yang sekali gus mengganggu sumber pendapatan nelayan tradisional kita. Saya difahamkan lesen yang dikeluarkan itu adalah dikeluarkan kepada nelayan tempatan kita tetapi semua pekerja dan awak mereka melibatkan orang asing, bahkan mereka ini diberikan permit. Ini saya difahamkan dan saya inginkan pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh mana perkara ini sebenarnya? Sama ada kita memberi permit kepada warga asing yang bekerja di kawasan kita ini?

Pekerja asing ini sewenang-wenangnya menceroboh kawasan nelayan tradisional dengan mengaut hasil laut dan dijual di negara mereka. Tindakan mereka ini dilakukan tanpa menghiraukan kepentingan hak nelayan tempatan kita. Persoalannya yang timbul, bagaimanakah pihak berkuasa membezakan pekerja asing yang berdaftar ataupun tidak sah di lautan dan sejauh mana penguatkuasaan yang diambil bagi memastikan ini semua?

Saya mohon juga pihak Menteri mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan nelayan tradisional di negara kita ini mendapat pembelaan yang sewajarnya. Kerana, saya juga ingin mempersoalkan tindakan tegas yang diambil oleh kerajaan berhubung dengan isu bot yang diklon sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Paya Besar tadi yang dilaporkan oleh *Harian Metro*.

Oleh itu, saya mengharapkan pihak kerajaan memastikan suatu tindakan yang tegas dengan membuat penyiasatan yang rapi apakah yang dikemukakan oleh para wartawan kita itu benar ataupun tidak. Kalau ia merupakan suatu pendedahan yang benar, itu merupakan satu perkara yang mendukacitakan bagaimana hasil negara kita dan usaha yang seumpama itu dilakukan terhadap hasil negara yang perlu kita pertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha kerajaan meningkatkan denda maksimum bagi kesalahan pencerobohan vesel penangkapan ikan milik nelayan asing di perairan negara kita daripada RM1 juta kepada RM6 juta serta denda maksimum bagi nakhoda bot atau ketua kapal daripada RM1,000 kepada RM6,000 bagi setiap anggota kru yang terlibat. Saya juga bersetuju sekiranya pindaan akta ini dilihat bertujuan membanteras isu pencerobohan nelayan asing di perairan negara kita yang sekian lama berlaku.

Namun begitu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah dengan menaikkan denda dapat mendatangkan gerun kepada nelayan asing yang sewenang-wenangnya mengaut hasil laut di negara kita ini? Apakah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan yang lebih tegas sepertimana yang dilakukan oleh negara-negara jiran kita dengan memusnahkan bot sepertimana yang disebut oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi? Juga, apakah kerajaan bercadang untuk mengenakan sebatan terhadap mana-mana pesalah agar mereka serik melakukan kesalahan seumpama ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan untuk menyentuh aspek pemantauan, pengawalan dan pengawasan vesel penangkapan ikan tempatan di laut lepas yang ditambah dalam pindaan akta ini. Laut lepas mempunyai maksud yang tersendiri. Apabila disemak beberapa sumber merujuk kepada Hukum Perjanjian Laut 1982, laut lepas atau *high seas* meliputi semua kawasan laut yang tidak termasuk di dalam zon ekonomi eksklusif laut wilayah atau laut dalam atau perairan kepulauan di dalam negara kepulauan.

Dalam pindaan akta ini tidak dinyatakan dengan jelas secara terperinci tafsiran 'laut lepas'. Saya mencadangkan agar perkataan 'laut lepas' ini dimasukkan dalam tafsiran akta ini memandangkan "*Pemantauan, pengawalan dan pengawasan vesel penangkapan ikan tempatan di laut lepas*" ditambah dalam akta ini selari dengan lesen tuna laut lepas yang dibuka bagi membenarkan operasi vesel penangkapan ikan tempatan di laut lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah mekanisme ataupun signifikan pemantauan, pengawalan, pengawasan operasi vesel penangkapan ikan tempatan di laut lepas akan dilaksanakan bagi mengelak ketirisan sumber perikanan terus berlaku dan pencerobohan vesel asing serta menjaga keamanan, kebebasan penggunaan laut di laut lepas memandangkan penguatkuasaan, pemantauan serta pengawalan di zon ekonomi eksklusif perairan negara kita semakin lemah pada hari ini?

Oleh itu, saya mengharapkan dalam kita meneruskan akta ini, penguatkuasaan perlulah diberi keutamaan bagi memastikan apa yang kita rancang dan apa yang kita fikirkan itu dapat kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu juga daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan aset maritim penggunaan teknologi terkini bagi pemantauan negara kita. Sejauh manakah dan adakah ia mencukupi serta mampu untuk berhadapan dengan pencerobohan yang berlaku pada hari ini? Kalaulah suasana pada hari ini kalaulah ia tidak mencukupi, bagaimana kita hendak mendepani dengan zon 3 sepertimana yang dikemukakan ini?

Oleh itu, berdasarkan kepada maklumat yang saya terima, saya difahamkan bahawa— saya inginkan kepastian daripada Yang Berhormat Menteri, bahawa bot nelayan asing yang ditahan dalam operasi penguatkuasaan yang melebihi 100 tan ke atas, bot-bot tersebut ditahan dan kemudian dilelongkan kembali. Saya hendak tahu, benar ataupun tidak perkara ini berlaku? Jika ia benar, sehingga kini, berapakah banyaknya bot-bot yang telah dilelong dalam tempoh tiga tahun yang terakhir ini?

Satu lagi, kalau bot itu dilelong, kemudian disambut lelong, saya difahamkan diterima juga oleh warga asing yang menerima lelongan itu. Apakah usaha penguatkuasaan kita mendapat tangkapan kali yang kedua terhadap bot yang sama?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa 20 saat lagi. Minta rumuskan, Yang Berhormat.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Saya masa tinggal sedikit. Hendak habis sudah.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Sedikit sahaja soalan. Penjelasan sebenarnya untuk menyokong pandangan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kemaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Okey kan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Okey. Sebenarnya saya tertarik dengan dua isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu berkaitan dengan pembelaan terhadap nelayan dan juga isu pencerobohan yang baru dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Soalan saya kepada Yang Berhormat ada dua sebenarnya. Satu adalah adakah nelayan-nelayan kita sekarang mempunyai— kes di Kemaman misalnya, nelayan kita, adakah mereka mempunyai bot besar-besar ini yang boleh mengambil manfaat daripada pindaan ini? Juga, adakah kita ada *advantage* daripada persaingan daripada Vietnam dan sebagainya?

Kedua dan lebih penting ialah apakah kerajaan mesti buat dengan pindaan ini untuk menjamin bahawa nelayan kita boleh mendapat kewangan dan sebagainya untuk mendapat kapal-kapal, vesel-vesel yang telah dikemukakan tadi dan juga bagaimana untuk menjamin bahawa firma-firma perikanan yang besar di dunia ini menggunakan pindaan ini datang ke Malaysia dan juga menjadi nelayan Malaysia lah, katakan, supaya mengambil manfaat daripada pindaan ini? Minta pandangan.

■1620

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Terima kasih Yang Berhormat Klang. Saya harapkan supaya dimasukkan tambahan ucapan tadi di dalam ucapan saya. Betul apa yang disebutkan. Dalam keadaan kita mengejar yang lebih besar, kita bimbang pertamanya, sejauh mana kemampuan nelayan kita, dari segi modalnya untuk beroperasi, untuk melaksanakan operasi seperti mana yang dirancang. Kita bimbang juga apabila berlakunya pertembungan dengan orang asing dan sebagainya. Benda inilah yang akan kita bimbang. Takut kita keluar lesen, akan tetapi modalnya dari mana. Ini yang perlu pihak kerajaan, pihak kementerian beri perhatian juga.

Yang terakhir saya hendak sebutkan juga bagi bot-bot nelayan yang 100 tan ke bawah, kita difahamkan ia dilupuskan untuk membuat tukun. Sehingga kini, berapakah tukun yang telah dilaksanakan di peringkat negeri-negeri hasil lupusan ini. Ingin penjelasan juga iaitu pihak Yang Berhormat Menteri tujuan sebenar lesen tunai ini dibuka. Siapa yang akan bertanggungjawab mendakwa nelayan-nelayan tempatan khususnya yang melakukan penangkapan ikan di laut lepas tanpa lesen yang disabitkan kesalahan? Memandangkan penalti denda baharu itu tidak melebihi 4 juta ringgit akan dikenakan kepada kesalahan ini, ia juga perlu difikirkan balik oleh pihak kementerian.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, ironinya saya menyokong penuh akta pindaan ini sekiranya mampu menyelesaikan semua isu di perairan negara kita yang semakin berleluasa. Sekali gus merupakan suatu ancaman besar terhadap nelayan-nelayan tempatan dan sumber makanan serta keselamatan negara kita pada hari ini. Oleh itu, akhirnya saya mengharapkan kita bincang apa rang undang-undang, banyak rang undang-undang kita bincangkan dalam Parlimen ini, saya harapkan supaya apa yang kita bincang akta, rang undang-undang dan sebagainya, yang pentingnya adalah penguatkuasaan. Kalau penguatkuasaan kita tidak dapat laksanakan, tidak dapat teruskan, tidak dapat dijalankan dengan sebaik mungkin, semaksimum yang mungkin, kita bimbang apa yang kita bincang di dalam Parlimen ini menjadi sia-sia sahaja, tanpa memberi manfaat kepada rakyat dan masyarakat. Kalau apa yang kita bincang pada hari ini tidak memberi manfaat kepada para nelayan, negara kita. Saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Lipis. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Yang Berhormat Lipis dahulu. Sila.

4.22 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 10 minit.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang mengizinkan saya turut serta berbahas dalam Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019.

Pertamanya, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Menteri Pertanian kerana memang betul diperkatakan oleh Yang Berhormat Bagan Serai sebentar tadi bahawa kita telah melihat hampir lebih 30 tahun rang undang-undang ini baru diubah dan setiap kali perubahan ini kita hendaklah melihat apakah hasil dari segi perubahan itu. Sama ada kita dapat menambah baik ataupun kita dapat mengekang daripada perkara-perkara yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu supaya kita akan lebih menuju ke arah yang lebih baik.

Kita akan pasti menyokong setiap rang undang-undang yang boleh menambah baik. Ini adalah satu Rang Undang-undang Akta Perikanan 1985 Akta 317 yang mana melibatkan pemeliharaan, pengurusan, pemajuan menangkap ikan dan perikanan laut sehinggalah ke muara penglibatannya. Maka sudah pastilah kita ingin membantu supaya ia dapat diatasi khususnya sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Paya Besar sebentar tadi. Kita sangat hormati para nelayan ini.

Walaupun saya di Lipis agak jauh dengan laut, akan tetapi saya mempunyai nelayan sungai. Tidak termasuk dalam akta ini. Akan tetapi walau bagaimanapun kita sering melihat bahawa nelayan-nelayan ini adalah merupakan orang utama dalam menjalankan tugas untuk memastikan kita setiap hari dapat makan ikan dan tangkapan laut selain daripada ikan.

Jadi, ekoran daripada itu, sudah pastilah kita menghormati mereka yang tidak mengira masa menentangi arus gelombang yang begitu dahsyat. Kalau bulan 12, bulan 11 umpamanya sehinggalah bulan Januari, kadang-kadang harga ikan dan sebagainya naik melambung tinggi kerana dia ikut juga turut serta air gelombang laut yang melambung tinggi itu. Objektif utama kita melakukan demikian rupa, industri menangkap ikan dapat dikembangkan sehingga ke laut lepas ataupun *high seas* dan lesen seperti tangkapan tuna boleh dikeluarkan secara sah di bawah undang-undang Malaysia dan selari usaha mematuhi instrumen antarabangsa.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Kuala Krau. Saya hendak habiskan. Menggalakkan rakyat Malaysia menceburi industri penangkapan ikan laut di laut lepas untuk meningkatkan hasil negara dan meningkatkan kadar denda bagi kesalahan di bawah Akta 317 sebagai langkah pencegahan bagi membanteras pencerobohan vesel-vesel penangkapan ikan asing dan mematuhi resolusi antarabangsa yang ditetapkan supaya dapat melindungi sumber perikanan yang terancam dan ketirisan sumber. Silakan Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma Yang Berhormat Lipis sudah sebut tadi di kawasan Lipis tidak ada nelayan dan saya hendak berkongsi dengan Yang Berhormat Lipis. Sebenarnya kita ada nelayan. Yang Berhormat Lipis, kita ada nelayan darat iaitu nelayan sungai-sungai kita, di sungai Pahang, sungai di Kuala Tembeling dan sebagainya. Jadi, nelayan darat ini, kita hari itu ada bantuan untuk nelayan darat. Adakah bantuan ini masih lagi diberikan oleh pihak kementerian kepada nelayan-nelayan darat kita? Bila kita sebut fasal penguatkuasaan, walaupun dari segi sempadan dan pengairan, akan tetapi saya hendak sebut dari segi penguatkuasaan, adakah tindakan kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk bom ikan-ikan ini. Adakah tindakan-tindakan tegas akan diambil oleh pihak penguat kuasa bawah kementerian ini? Terima kasih Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau, sahabat saya. Saya setuju sangat apa yang disarankan. Kita Lipis pun ada nelayan darat. Ikan patin, kelah dan sebagainya pun memang mahal harganya. Kalau tidak dikawal, dibom, habis. Masukkan ucapan itu dalam ucapan saya. Walaupun tidak ada dalam rang undang-undang pada hari ini, akan tetapi kita buat rang undang-undang baharu, Yang

Berhormat Menteri. Oleh sebab nanti habis ikan sungai. Kita sudah tidak dapat eksotik punya ikan sungai. So masukkan undang-undang ini kerana racun ini memang yang boleh habis satu sungai ikan ini sehingga nelayan darat tidak dapat hasilnya. Juga kalau Menteri boleh ingat, bayar lah juga nelayan darat itu, bukan nelayan laut sahaja. Wang sara hidup yang bulan 11, 12 dan bulan satu itu, bantuan musim tengkujuh.

Saya bersetuju sebenarnya denda yang dinaikkan daripada RM1 juta ke RM6 juta. Mungkin menggerunkan sedikit mereka. Akan tetapi, ya lah, sebagaimana rakan-rakan kata tadi, mungkin mereka ini tidak bayar denda, biarlah dia masuk penjara. Yang Berhormat Paya Besar kata tadi keluar penjara daripada kurus jadi gemuk. Dia rela sedemikian rupa. Daripada RM100 ribu ke RM600 ribu untuk bagi nakhoda dan krew nya juga dinaikkan. Kemudian, daripada akta sebelum ini Akta Seksyen 25 Akta 37 kesalahan menggunakan vesel penangkapan ikan tempatan operasi laut lepas yang akan didenda tidak melebihi RM4 juta.

Kalau mengikutkan perkara ini, memang orang tidak berani sebenarnya melakukan kesalahan itu kerana dendanya tinggi. Kalau segi hukumnya, walaupun Yang Berhormat Menteri mungkin telah melakukan perbincangan *trial and error* dalam hal ini untuk memastikan keselesaan nelayan-nelayan laut kita ini, sudah pastilah ini amat munasabah dari segi denda dan yang tidak munasabahnya, adakah mereka boleh membayar denda tersebut. Ini yang kita persoalkan. Mereka rela tidak membayar denda itu, mungkin pendakwaan dilakukan.

Jadi kita telah kerugian hampir RM3 bilion sehingga RM6 bilion setahun akibat pencerobohan nelayan asing ini. Oleh sebab itu maksimum denda ini tinggi kerana kita hendak mengelakkan kerugian kita berpendapatan RM3 bilion sehingga RM 6 bilion ini. Dari tahun 2006 sehingga 2018 sahaja, sebanyak 1,117 vesel asing telah dilaporkan menceroboh kawasan perairan negara. Bagi tahun 2018 sahaja sebanyak 97 kes pencerobohan telah dilaporkan. Vietnam mencatatkan pencerobohan tertinggi iaitu sebanyak 83 kes.

■1630

Adakah kerajaan kita berbincang dengan Kerajaan Vietnam supaya jangan melakukan perkara sedemikian rupa? Ini kerana ia adalah salah satu cara kita dapat mengelakkan daripada hasil-hasil kita ini akan menjadi lebih kurang lagi. Seterusnya, ia menyebabkan nanti kalau kita kaitkan dengan harga pasaran, maka di pasar sendiri harga akan menjadi tinggi bila hasil itu menjadi kurang. Ini yang membimbangkan kita.

Jadi di bawah seksyen 15(1), Akta Perikanan 1985 jelas menyebutkan nelayan asing tidak dibenarkan menangkap ikan di wilayah perairan Malaysia, melainkan mendapat kebenaran menerusi perjanjian perikanan antarabangsa. Adakah kadar denda maksimum baharu RM6 juta bagi kesalahan pencerobohan vessel/ tangkapan ikan nelayan asing dan RM600,00 bagi nakhoda kru sudah memadai membela nasib nelayan tempatan?

Ini persoalannya. Apa yang pentingnya nelayan kita itu, adakah nelayan kita ini dapat diselesaikan masalah dengan kenaikan kos demikian rupa? Tidak apa, kita tetap menyokong. Menteri boleh buat kajian dari segi bagaimanakah kita hendak membela nasib nelayan-nelayan kita ini. Nelayan-nelayan di Pahang pun ramai, di Kuala Pahang, di kawasan saudara Yang Berhormat Paya Besar ini pun ada, di kawasan Yang Berhormat Arau pun ada, Tanjung Api pun ada.

Saya sebut seorang-seorang dalam ini supaya semua orang tahu yang ini ada dalam Dewan. Yang Berhormat Kuala Krau tidak ada. [Ketawa] Yang Berhormat Pontian ada, Yang Berhormat Kota Tinggi ada, Yang Berhormat Jempol, tidak ada nelayan. Saya sebut saja supaya kalau orang pasang video, dia boleh tengok yang ini ada dalam Dewan. Yang Berhormat Kuala Krau nelayan darat sahaja. [Ketawa]

Jadi, saya minta kementerian ini supaya kita melakukan secara holistik untuk perkara ini kerana ia amat penting bagi kementerian kita. Ini kerana ia melibatkan juga generasi akan datang. Kalau hendak disebutkan, sebab itu kadang-kadang masa dalam 10 minit ini tidak sempat sebenarnya kita hendak berbahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada 30 saat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Akan tetapi walau bagaimanapun, kita cuba ringkaskan kerana kita hendak beri ruang kepada orang lain dan ruang kepada Menteri menjawab. Saya mengharapkan supaya Menteri juga memikirkan soal

insentif kepada nelayan-nelayan ini, yang boleh menambah baik dari semasa ke semasa, khususnya kepada golongan muda.

Saya amat bimbang sekali golongan muda. Kalau golongan muda ini tidak ada sudah yang hendak jadi nelayan, selepas ini kita sudah tidak ada nelayan Yang Berhormat Menteri. Kita tidak tahu hendak ambil daripada mana hasil tangkapan ikan, hendak ambil daripada yang negara sendiri. Maknanya hendak import itu tidak masalah tetapi mungkin mahal. Jadi kita kepentingan untuk melihat juga generasi muda ini supaya diberi perhatian untuk mengkhususkan mereka juga menjadi nelayan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut serta dalam perbahasan ini. Saya menyokong rang undang-undang ini Yang Berhormat Menteri. *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sungai Petani, 10 minit.

4.33 ptg.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bakal Menteri Besar pun hendak *debate* juga.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong penuh rang undang-undang ini untuk meminda Akta Perikanan 1985 kerana seperti yang telah ramai kawan sebut, betapa pentingnya kita mempertahankan nasib-nasib masa depan nelayan-nelayan kita. Sudah tentu nelayan kita menyumbang sekitar 3 bilion ke 3.5 bilion tangkapan tiap-tiap tahun dan permintaan semakin hari semakin bertambah.

Namun begitu, seperti Yang Berhormat Kuala Krau katakan, saya setuju, sementara kita fokus ke laut, kita juga harus fokus ke darat. Tuan Yang di-Pertua, contohnya di negeri Kedah, ini Kedah hendak cakap dulu ya. Di negeri Kedah, kita ada beberapa jenis tempat yang boleh kita biakkan ikan. Pertama, kita ada 62.3 kilometer sungai yang begitu cantik.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Layak jadi MB Kedah.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih. Kita juga ada tali air, kita juga ada *parit gila*. *Parit gila* ini lebih kecil daripada tali air, dipanggil *parit gila* sebelah Kedah. Kita juga ada tasik. Isunya di sini Menteri, boleh atau tidak kita fikir di luar kotak? Yang Berhormat Menteri hendak pergi mana pula sudah? Baru hendak bercakap ini. [*Yang Berhormat Menteri berjalan keluar daripada Dewan*] [*Dewan riuh*] Dia hendak pergi bilik air, tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Panggilan semula jadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan tegur Yang Berhormat Menteri, nanti kena gantung macam kami, tahu. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa dia boleh dengar.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya tanya dia hendak pergi mana. Isunya Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kita dapat berfikir di luar kotak, maksudnya kalau dahulu, kita ke laut untuk tangkap ikan. Akan tetapi kalau kita boleh ternak ikan-ikan air tawar ini atas darat, maknanya, sudah tentu saya difahamkan ada universiti-universiti yang telah memperkenalkan sangkar. Di mana ikan boleh dibela dalam sangkar yang dalam keadaan macam mana pun, ikan ini tidak akan keluar dari sangkar ini dan mereka boleh hidup dan membiak di dalam sangkar tersebut.

Bayangkan, contoh Kedah, kita ada berkilo-kilo meter tali air yang mengalirkan air ke dalam sawah. Kita juga ada *parit gila* di Pendang, yang kita pakai bukan tiap-tiap masa. Mungkin masa banjir kita pun tidak boleh gunalah tetapi masa-masa lain. Jadi kalau kita boleh bela ikan-ikan sangkar ini, bayangkan sekarang ini, ikan yang merah-merah itu kita panggil tilapia merah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tilapia.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Satu kilogram RM18 sekarang. Untuk daripada benih sampailah kita jual, ia ambil masa lebih kurang lima ke enam bulan. Bayangkan kalau satu sangkar ini kita boleh bela daripada 10,000 ke 20,000 dengan adanya terusan yang kita ada. Kedua, Terusan Wan Mat Saman, di Kedah ini daripada Guar Chempedak sampai Alor Setar. Kiri kanan jalan itu ada Terusan Wan Mat Saman.

Tuan Yang di-Pertua, Terusan Wan Mat Saman ini adalah terusan yang dibina oleh seorang *engineer* di Kedah, menggunakan *labour* manual. Dia tidak ada mesin, pakai cangkul dulu, 43 kilometer panjangnya. Bayangkan sekarang ini oleh kerana kita sudah ada tali air, Terusan Wan Mat Saman ini tidak digunakan. Sekarang ini tempat apa? Tempat buang sampah, ruang *gerek*...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Kuala Kedah, boleh Kuala Krau?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Dua minit. Seminit, sudah hendak habis.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Dua minit, okey. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Jadi ini yang saya maksudkan kalau kita dapat Yang Berhormat Menteri, fikirkan bagaimana kita beri peluang kepada petani-petani kita, di samping yang buat padi dan buat lain tetapi perhatian untuk ikan di darat ini diberikan.

Saya difahamkan Universiti Islam telah pun mencuba *breeding* ataupun penetasan ikan di Pahang dan amat berjaya dan harus kita gunakan universiti ini, untuk mencari bagaimanakah mereka boleh biakkan anak-anak ikan ini dan kita ternak ikan ini di sangkar dengan menggunakan sungai-sungai yang kita ada, tali air yang kita ada, *parit gila* dan tasik yang kita ada.

Saya yakin, kalau kita *concentrate* betul-betul tanpa menggunakan kewangan tambahan tetapi ini sudah tentu boleh memberikan pendapatan yang jauh lebih daripada apa yang sedia ada. Silakan Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat 'Kuala Kedah'.

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Sungai Petani. Saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Petani bahawa kita mesti menjaga kebajikan nelayan-nelayan darat. Seperti mana yang saya sebut tadi, apabila musim tengkujuh, nelayan-nelayan darat di sungai Pahang ini memang terjejas teruk. Ada sampai kehilangan 30 sangkar seorang, kehilangan 100,00. Ini saya minta bantuan daripada Yang Berhormat Menteri supaya dapat menjaga kebajikan nelayan darat.

Kedua, tentang tindakan petani-petani di Kedah, khususnya yang telah menutup sawah dan menjadikan tanah-tanah sawah tersebut sebagai lot-lot pembinaan perumahan dan bangunan dan sebagainya. Adakah itu akan juga menjejaskan tali air-tali air yang sedia ada bagi meningkatkan hasil ikan darat di Kedah itu sendiri?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kuala Krau, kami tidak kambus tali air. Apa yang *depa* kambus ialah bendang yang tidak menjadi tetapi tali air *depa* tidak kambus. Tali air masih ada lagi. Cuma begini...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sekejap. Cuma begini, ada kaedah yang diperkenalkan oleh Universiti Islam, di mana sangkar itu Yang Berhormat Kuala Krau, apa keadaan pun walaupun tengkujuh, ia masih lagi berada di kawasan itu. Ada kaedahnya dan sudah dipatenkan.

Maknanya ikan yang hidup dalam sangkar itu dengan sangkar itu ditambah ataupun diikat, cara dia ada kaedah dialah. Apa keadaan pun, ikan tidak akan lari dan ia akan terus membesar.

■1640

Oleh sebab itu macam di Kedah saya katakan, mungkin musim tengkujuh bulan 10, bulan 11, bulan 12, empat bulan itu mungkin musim banjir yang besar tetapi lapan bulan

daripada bulan 12 itu, lapan bulan, *eight out of the 12 months* itu boleh digunakan dan sedangkan *harvestnya* ialah setiap lima bulan. Saya yakin kalau semua kita tengok kaedah-kaedah di mana kawasan-kawasan perairan yang tidak digunakan ini, kita gunakan teknologi yang ada ini untuk kita perbanyakkan pembiakan dan juga akhirnya boleh kita keluarkan hasil kita daripada keadaan-keadaan yang saya sebutkan tadi. Silakan Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya tertarik tadi dengan infra yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani berkenaan dengan pendapatan alternatif selain daripada kita tidak bergantung kepada import ikan dari luar negara. Kita boleh membangunkan parit gila tadi apa semua yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani ini untuk kita mendapat pendapatan alternatif selain daripada sawah padi. Saya minta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh tumpu untuk negeri Kedah bagi bergantung kepada pendapatan nelayan darat ini selain daripada kita mengurangkan pergantungan kita kepada import ikan dari luar. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Di samping itu juga Yang Berhormat Menteri, apabila kita isytiharkan contohnya di kawasan-kawasan tertentu contoh di Kedah lah, kawasan-kawasan tertentu ini ialah tempat-tempat pembiakan ikan dan juga pembenihan ikan. Bila kita umumkan, dengan sendirinya petani-petani akan pastikan kawasan itu tidak diracun. Kita juga kena pastikan kawasan itu tidak dicemari.

Tidaklah jadi macam Pasir Gudanglah dan tempat-tempat lain. Apabila kawasan ini kawasan perairan yang bukan sahaja kita buat pertanian tetapi juga perikanan, dengan sendirinya *consciously* petani-petani tidak akan menggunakan racun yang berlebihan sebab dia bukan sahaja membunuh apa juga yang ada di dalam bendang tetapi juga ikan-ikan yang kita biak tadi.

Contohnya di perairan Wan Mat Saman Canal ataupun Terusan Wan Mat Saman. Kalau Yang Berhormat Menteri ikut jalan lama pergi Kedah daripada Sungai Petani hendak pergi Alor Setar, kita pakai jalan lama, jalan *federal road*, Yang Berhormat Menteri akan lihat dua terusan di kiri dan kanan. Sekarang ini pasal dia tak ada apa aktiviti, dia pakai campaklah. Dia jadi macam longkang biasa tetapi kalau kita buat *treatment* elok-elok dan setiap 12 buah ke 13 buah ataupun 14 buah ke 15 buah orang kampung itu kita bahagikan satu ekar ataupun satu kilometer, kita bagikan kepada mereka.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [Bangun]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Jadi, komuniti itu akan jaga tempat dia dan bukan sahaja dia menjadi tempat pembiakan, dia juga akan menjadi tempat pelancongan. Apa yang lebih penting sekali, kawasan itu bukan kawasan banjir. Makna dia boleh guna 12 bulan, makna *at least* paling tidak pun tiga kali *harvest* dalam setahun dan kita mesti bela dia dalam sangkar. Silakan Yang Berhormat Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada 20 saat lagi ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oleh kerana cadangan ini hebat dan luar biasa, bilakah Yang Berhormat bercadang untuk melaksanakannya? Adakah Yang Berhormat akan tunggu Yang Berhormat jadi Menteri Besar sebab ini ialah projek negeri ataupun Yang Berhormat hanya cadang kepada Menteri Besar yang ada sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau, sila Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya mencadangkan kepada kementerian untuk melihat bukan sahaja Kedah tetapi Perlis juga. Jangan dok tunggu *pelam* sahaja, benda lain pun ada juga. *Depa* pun ada juga tasik, *depa* juga ada *tali ayaq*. Tengok ini, *pelam, pelam, pelam*. Tengoklah ikan ini sama, tengok ketam. Ketam juga boleh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nak jadi MB *dak*?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tak apa, tak apa. Di samping itu, ada kawasan-kawasan yang terbiar, ada kawasan-kawasan padi tidak jadi. Apa yang saya nak minta daripada Yang Berhormat Menteri ialah supaya memikirkan dengan pihak-pihak universiti khususnya supaya melihat bagaimanakah petani-petani kita di samping kita menyelesaikan masalah laut dalam dan juga isu yang kita sebut sekarang ini tetapi menjadi alternatif kepada pendapatan petani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Seterusnya Yang Berhormat Bera tetapi Yang Berhormat Bera tidak ada, kemudian saya jemput Yang Berhormat Sibü.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kenapa ke sana balik? Dia patutnya Yang Berhormat Bera tak ada, Barisan lah boss.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]: Sana sudah beberapa kali, tiga kali sudah sana. Sekarang sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tak apa, memang saya sudah senaraikan. Teruskan Yang Berhormat Sibü.

4.44 ptg.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan dalam rang undang-undang ini. Saya rasa saya memang sokong kepada rang undang-undang ini untuk membuka lebih peluang kepada nelayan kita untuk menerokai bidang penangkapan tuna di *Indian Ocean*. Sebelum itu, saya hendak balik sikit kepada sejarah. Sebenarnya di Malaysia, kita ada banyak program atau projek perikanan yang sedia ada. Sekarang saya balik ke tahun 2007, Tanjong Manis.

Deep sea fishing caught di Tanjong Manis yang kerajaan sudah membelanjakan RM332 juta untuk pembinaan *Fishery Port Tanjong Manis* di Tanjong Manis dan ia merupakan *fishery port* yang terbesar di Malaysia dan pada masa itu visinya ialah menambah tiga kali ganda *fisheries output* dan *250 local deep sea fishing vessel will operate from the port*.

Akan tetapi pada maklumat yang terbaru, dua tahun lalulah pada 2017, maklumat yang diberikan bahawa hanya 82 *fishing boats* yang beroperasi dalam *Tanjong Manis Fishery Port* itu dan kebanyakan prestasi yang dicapai oleh *Tanjong Manis Fishery Port* itu amat tidak memadai.

Selain itu, mengikut maklumat yang ada, banyak di Malaysia, satu syarikat boleh *hold* beberapa *fishing boat license*. Jadi apa yang ditunjukkan di sini ialah bahawa ada, "*two companies were applying for ten license each*." Jadi, dengan adanya lebih kurang 82 *vessels*, jadi berapakah syarikat yang *holding the licenses for 82 fishing port* ini, *deep sea vessel* ini? Kalau ini menunjukkan bahawa setiap syarikat dia boleh memegang 10 atau 20 *vessels licenses*, maksudnya tidak banyak orang menceburi dalam bidang *deep sea fishing* di dalam Malaysia.

Jadi, bagaimana kementerian menggalakkan belia-belua atau pemuda-pemuda kita untuk menceburi dalam bidang ini? Ini merupakan satu perkara yang saya rasa perlu diberi pertimbangan yang lebih daripada kementerian. Bagaimana untuk menggalakkan pemuda kita untuk menceburi dalam bidang ini. Kalau nak menceburi dalam bidang nelayan atau *fishing* ini, memang modalnya sangat tinggi. *Fishing boat* berapa harga sekarang? Jadi kebanyakan *fishing boat* di Malaysia saya tengok masih banyak pakai kayu, kebanyakan ialah kayu. Berapa yang pakai besi? Mengapa kita di Malaysia tidak boleh membangun dan maju dalam bidang ini?

Sudah berapa puluh tahun? Lebih kurang 56 atau lebih 60 tahun kita merdeka tetapi dalam bidang ini masih agak mundur berbanding dengan negara-negara lain. Jadi, bagaimana untuk menggalakkan? Saya ada satu cadangan mungkin untuk menggalakkan pemuda kita untuk menceburi dalam bidang ini. Kerajaan boleh buat skim yang berbeza, *think out of the box*. Macam tadi Yang Berhormat Sungai Petani yang luar biasa caranya untuk menternak ikan di laut. Mungkin kerajaan boleh sewa *fishing vessel* yang canggih kepada nelayan kita. Okey.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Sibü, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin cadangkan, di samping itu remaja-remaja dilatih di dalam berlautan dan juga di samping itu bolehlah kita gerakkan orang-orang yang di penjara di negara ini yang lebih 10 tahun ke 20 tahun, bawa dia orang untuk dilatih dalam

bidang perikanan di negara ini memandangkan mereka duduk sahaja menghabiskan duit kerajaan di sini, lebih baik kita bagi dia orang dekat laut, *prisoners* semua ada dekat laut supaya mereka boleh dilatih dan juga kurangkan beban negara kita. Terima kasih.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Okey, mungkin cadangan itu boleh dipertimbangkan oleh kementerian tetapi maksud saya, mungkin kerajaan boleh beli *vesse*, kapal yang lebih canggih dan sewakan kepada nelayan-nelayan kita, ia juga boleh menggalakkan pemuda-pemuda kita untuk menceburkan diri dalam bidang ini dan boleh membantu menambah baik penangkapan ikan di negara kita.

Jadi, walaupun sekarang kementerian ada projek-projek lain yang besar untuk menambahkan lagi peluang tetapi yang sekarang masih ada banyak projek yang sedia ada. Saya rasa perlu lagi ditambah baik macam projek Tanjong Manis ini. Saya rasa banyak peluang lagi untuk menambah baik projek macam ini supaya ia boleh mencapai sasaran dan visinya. Juga supaya ia betul-betul untuk membantu untuk menambah ekonomi dan membantu nelayan-nelayan kita boleh menjana ekonomi yang lebih baik.

■1650

Jadi saya rasa itulah yang harus dipertimbangkan oleh kementerian. Projek sedia ada yang banyak sekarang, bagaimana untuk menambah baik untuk mencapai visi atau sasarannya. Itu sahaja yang saya hendak cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sibu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hulu Langat.

4.50 ptg.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Arau. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan, Yang Berhormat Menteri, Allah SWT berfirman... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Dihalalkan kamu binatang-binatang buruan laut dan juga makanan yang didapati dari dalam laut itu adalah untuk kamu seluruh manusia dan bagi mereka yang dalam pelayaran"*. Dengan kata lain, lautan ini adalah sumber rezeki yang besar yang telah disebutkan oleh pencipta kepada kita semua.

Walaupun terdapat tiga objektif utama dalam Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019 ini, saya akan cuba sentuh kalau sempat satu sahaja dahulu iaitu usaha untuk menggalakkan rakyat Malaysia menceburi bidang penangkapan ikan tuna untuk meningkatkan hasil pendapatan negara. Sehingga kini masih ramai yang tidak mengetahui, terutamanya generasi muda apa itu *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC) dengan izin yang dianggotai Malaysia sejak tahun 1988 lagi. Maklumat ini seolah-olah terendam seperti terumbu karang besar yang berada di tengah-tengah lautan.

Memandangkan had umur belia telah diturunkan kepada bawah 30 tahun baru-baru ini, adalah disarankan lebih baik kita memperbanyakkan promosi dilaksanakan bersama NGO-NGO belia untuk menggalakkan anak-anak muda menyertai sektor perikanan terutamanya anak-anak nelayan di luar bandar. Begitu juga graduan yang mengambil jurusan dalam bidang berkaitan perikanan di institut pengajian tinggi, Fakulti Sains Samudera dan sebagainya. Kita mendapati ramai di kalangan mereka yang tidak bekerja dalam bidang mereka sendiri, mereka kerja di bidang-bidang yang lain kerana mereka merasakan maklumat mengenai peluang itu seolah-olah tidak ada di hadapan mereka.

Diharapkan Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019 kali ini turut mengambil kira pembangunan industri ikan tuna di peringkat tempatan juga khususnya penglibatan dan penyertaan bumiputera yang masih sangat kurang. Kerajaan seharusnya menyediakan tapak yang kukuh serta mengambil kesempatan pertambahan permintaan ikan tuna yang meningkat bukan sahaja untuk pasaran serantau tetapi untuk dieksport ke luar negara. Ada beberapa soalan yang ingin saya kemukakan kepada kementerian...

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Tampin.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau kementerian mengadakan inisiatif-inisiatif yang

tersendiri ataupun khusus kepada pelajar-pelajar universiti yang berminat untuk terlibat di dalam industri ataupun tangkapan laut.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin, kembar saya dalam Dewan ini. Saya minta supaya dijadikan sebagai sebahagian daripada perbincangan saya.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian, adakah senarai pemilik-pemilik lesen perikanan mengikut zon-zon yang ada itu, zon 'A', 'B', 'C', 'C2' dan 'C3' akan dipaparkan di portal kementerian ataupun Jabatan Perikanan sebab selama ini orang tidak dapat tahu siapakah mereka yang mendapat lesen itu.

Keduanya, berapa ramai di kalangan mereka mengikut agihan bumiputera dan tidak bumiputera kerana saya memerlukan maklumat itu.

Ketiganya, adakah pemilik-pemilik lesen itu disemak tentang adakah mereka betul-betul terlibat dengan aktiviti perikanan ataupun mereka menyewakan lesen itu atau digunakan untuk membeli minyak subsidi sahaja. Maklumat itu sangat perlu untuk seluruh rakyat Malaysia mengetahuinya kerana kita sedang melakukan satu perubahan besar dalam pengurusan dan pentadbiran khususnya yang melibatkan perikanan ini.

Seterusnya, tentang strategi kerajaan terlibat dalam laut lepas ini. Apakah strategi Kementerian Pertanian untuk memastikan penglibatan anak-anak tempatan ke laut luas itu sendiri sebab saya dapati dalam maklumat-maklumat yang ada, banyak ataupun ada beberapa syarikat tempatan yang sedang bekerjasama dengan pelabur-pelabur daripada luar untuk mereka membina dan membuat kapal nelayan di negara kita sendiri yang nantinya anak-anak tempatan mampu membeli kapal-kapal yang canggih itu dengan harga yang berpatutan dan skim-skim pinjaman yang ada.

Kemudiannya mereka bersedia untuk memasarkan hasil tangkapan di laut lepas dengan barangkali kiraan 30 peratus untuk luar negara dan 70 peratus untuk pasaran tempatan. Ini akan memberi jaminan, keyakinan mereka untuk terlibat selepas kita meminda rang undang-undang yang seumpama ini.

Saya juga ingin mengemukakan tentang subseksyen 3(1) yang memperluaskan tanggungjawab Menteri meliputi pemantauan, pengawalan dan pengawasan kerana saya tidak dapati dalam pindaan ini perkataan 'penguatkuasaan'. Adakah kita akan terus membiarkan hanya pihak maritim, APMM ataupun polis marin dan TLDM sahaja sedangkan Jabatan Perikanan itu sendiri tidak dibekalkan dengan aset-aset yang boleh membantu untuk melaksanakan penguatkuasaan sebab tanpa penguatkuasaan yang betul sebagaimana yang disebutkan oleh teman-teman tadi, saya mendapati maklumat setahun melalui Vietnam...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Hulu Langat.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Sebentar, melalui Vietnam yang menceroboh laut kita. Saya difahamkan hampir kita kerugian RM6 bilion setahun dan ini adalah merupakan satu angka yang sangat besar. Silakan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak minta pandangan daripada Yang Berhormat Hulu Langat berkenaan undang-undang yang kita sedang gubal ini yang berkait dengan laut lepas, istilah baru, sebelum ini laut dalam. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Hulu Langat, adakah undang-undang yang kita luluskan ini boleh memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan kita yang melepasi laut lepas ini. Ini satu persoalan.

Kedua, laut lepas ini definisinya melibatkan di antara zon antarabangsa ataupun ada sempadan seperti mana yang digariskan di antara sempadan kita sama ada di Laut China Selatan, yang mana kita bersempadan dengan negara China ini. Terima kasih.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Kalau mengikut kajian saya terhadap usul yang cuba dibentangkan ini, kita ada beberapa yang saya sebutkan tadi IOTC dan juga IUU yang lain yang menunjukkan bahawa kita ingin membenarkan nelayan kita pergi ke laut luas sana yang mana maksudnya di luar daripada sempadan antarabangsa, mereka keluar. Ini kerana sekiranya mereka tidak diberi peluang untuk keluar, mereka tidak akan dapat bersaing dengan nelayan-nelayan lain. Jadi sebab itu penggubalan ini sangat penting supaya nantinya mereka mampu untuk terlibat bukan hanya dalam sempadan kita

sahaja, mereka akan seolah-olah, '*berdiri sama tinggi, duduk sama rendah*' dengan nelayan-nelayan yang begitu aktif di luar sana.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini supaya kita sama-sama melihat usaha yang sedang kita lakukan terhadap latihan-latihan dan peluang-peluang yang diberikan kepada mereka yang pernah terlibat dalam dunia perikanan ini yang bukan nelayan tetapi seperti dalam maritim, polis marin, Tentera Laut yang pencen. Pengalaman mereka berada di laut dan keberanian mereka itu sepatutnya diberi peluang untuk mereka terlibat dengan nelayan.

Dengan kerjasama daripada pihak-pihak lain sebab Yang Berhormat Menteri pernah menyebutkan tentang renjer laut ataupun RELA laut yang mana ia seperti yang pernah dilakukan di negara China, di Pulau Hainan 2016, iaitu mereka menubuhkan armada terdiri daripada nelayan. Akan tetapi, nelayan-nelayan ini disediakan dengan kemudahan-kemudahan untuk melaporkan sepantasnya, secepatnya penceroboh-penceroboh. Mereka mempunyai latihan-latihan yang tersendiri.

■1700

Dengan sendirinya, daripada terlalu banyak rondaan daripada penguat kuasa, minyak yang digunakan untuk rondaan itu boleh diberikan kepada nelayan. Supaya akhirnya apa yang dicita-citakan itu, akan tercapai dan akan dapat membina apa yang sewajarnya. Saya rasa itu dulu apa yang ingin saya sampaikan. Saya menyokong usul yang sedang dibuat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Lenggong, tidak ada. Diganti oleh Yang Berhormat Arau.

5.01 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semoga Allah SWT memberkati.

Yang Berhormat, soalnya ialah kita hendak bagi *license* kepada laut lepas. Jadi, kita ada zon 'A', zon 'B' dan zon 'C'. Jadi, zon 'A' sampai ke zon 'C' ini ialah sampai ke kawasan 200 batu nautika. Jadi, kapal kita dan penguat kuasa kita boleh pergi sampai ke 200 batu nautika. Akan tetapi, yang dimaksudkan laut lepas di sini ialah kawasan yang melepasi kawasan Zon Ekonomi Eksklusif, selepas 200 batu nautika. Kenapa kita hendak membuat penguatkuasaan? Dia hendak pergi, pergilah. Oleh sebab apa? Di sana mungkin termasuk dalam undang-undang laut kawasan lain.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, di mana laut lepas di antara Semenanjung dengan Sarawak dan Sarawak, di mana laut lepasnya? Oleh sebab apa, daripada Terengganu sampai ke 200 batu nautika, kemudian daripada Sabah dan Sarawak sampai 200 batu nautika. Tengah-tengah yang lompong itu ialah kawasan Zon Ekonomi Eksklusif Vietnam dengan Indonesia berdasarkan kepada Pulau Natuna. Jadi, lesen ini hendak beri di mana? Kalau selepas Lautan Hindi, itu laut lepas sebab dalam ini pun disebut zon C3, Lautan Hindi. Ia tidak menyebut di sebelah Laut China Selatan.

Akan tetapi, kalau sekiranya kita hendak selepas 200 batu nautika, buat apa kita hendak bagi lesen? Untuk apa? Oleh sebab apa, kita di situ kita beri syarat hendak menangkap kalau sekiranya krew asing tidak mengikut syarat-syarat. Kita hendak tangkap bagaimana kalau kapal kita tidak boleh pergi melepasi 200 batu nautika?

Jadi, saya hendak bertanya dari segi penguatkuasaan. Apa yang harus kita buat sekiranya kita hendak bagi *license* kepada laut lepas tetapi siapa yang hendak membuat penguatkuasaan? Kita hendak menangkap dia sebelum dia pergi ataupun penguatkuasaan hendak buat bagaimana? Ini disebabkan kita di dalam masa perjalanan mereka, mereka tidak menangkap ikan, kita tidak boleh ganggu. Akan tetapi, apabila dia memasuki laut lepas, apa lesen dia hendak terikat dengan Malaysia lagi? Ini kerana bukan kawasan Malaysia sudah. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, apa itu laut lepas? Bagaimanakah penguatkuasaan hendak dilaksanakan?

Yang Berhormat sedia maklum bahawa APMM sekarang ini kapalnya ada 72 buah, bot ada 184 buah, enam buah helikopter dan dua buah *bombardier*. Jadi, kita lihat, apa

undang-undang pun yang kita buat, mampukah mereka hendak melaksanakan penguatkuasaan ini? Benda besar yang dihadapi oleh APMM bahawa sesetengah asetnya sudah berumur. Bukan berumur, kalau ikut panduan daripada negara asing, selepas 30 tahun mereka tidak pakai lagi. Kita 50 tahun pun pakai lagi. Walaupun jalannya terhentak-hentak kerana sudah berumur. Ia melebihi umur belia pun, kapal-kapal kita.

Malahan, yang disebut oleh Yang Berhormat Terengganu tadi, tentang KM Pekan dengan KM Arau, ada dua KM itu. Dua biji, itu pun bukan kapal kita. Kapal yang dihadiahkan oleh Kerajaan Jepun kepada kita yang sudah pun berumur 28 tahun dan 30 tahun. Ini bermakna mereka tidak pakai lagi sudah kapal itu tetapi kita ambil untuk melaksanakan penguatkuasaan. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah yang dibuat untuk membuat penguatkuasaan?

Saya melihat penguatkuasaan sekarang ini, apa yang dibangkitkan oleh nelayan di Arau, Perlis ialah kapal-kapal zon 'C' yang melanggar zon 'A'. Kita tahu bahawa Perlis berdekatan dengan Thailand. Mereka boleh datang dan pergi dalam sekejap masa di malam hari. Jadi, penguatkuasaan kepada orang yang melanggar zon 'A'. Kadang-kadang kita hanya menguatkuasakan mereka yang menyalahgunakan sampan kecil seperti kita menjalankan penguatkuasaan kepada rawa sorong dan sebagainya. Walhal benda yang besar ialah pelanggaran bot daripada zon 'C' kepada zon 'A'.

Jadi, saya hendak minta penguatkuasaan ini, Yang Berhormat cadangkan supaya Jabatan Perikanan Malaysia dengan polis marin dan juga APMM dapat bekerja sama mengadakan kapal induk. Kapal induk ini penting sebab apa? Kalau mereka hendak membuat penguatkuasaan contohnya di Beting Patinggi Ali di Sarawak. Mereka terpaksa berulangi, mungkin enam jam pergerakan. Enam jam pergi, enam jam balik, sepanjang perjalanan berhempas ombak. Kapal itu akan menghadapi tekanan kerana selalu digunakan. Akan tetapi, kalau kita ada kapal induk, *mothership*, dengan izin sudah pasti mereka boleh berada di sana 14 hari sebulan. Kita mengurangkan penggunaan minyak tetapi penguatkuasaannya lebih berkesan sebab kita berada di sana memerhatikan mereka.

Kapal induk, macam-macam cadangan dibuat bahawa akan mengambil masa bertahun-tahun. Padahal kapal-kapal MIC yang sudah pun tidak dipakai lagi boleh dipakai. Malahan, telaga minyak Petronas yang tidak dipakai atau tidak digunakan, boleh kita pakai. Contohnya seperti telaga minyak yang berdekatan dengan Beting Patinggi Ali yang tidak dipakai, boleh digunakan sebagai struktur untuk kita membuat penguatkuasaan. Penguatkuasaan sekarang ini mesti berada di laut, bukan berulang-alik. Kalau berulang-alik, banyak masa dihabiskan dalam perjalanan. Di laut sana, kita tahu bahawa kapal-kapal daripada Vietnam menunggu matahari jatuh. Kita matahari jatuh, kita ambil gambar *sunset* semua kan? Matahari tenggelam saja, mereka akan masuk beramai-ramai.

Kalau kita naik Yang Berhormat, kalau selalu pergi ke Sabah dan Sarawak, kita akan tengok daripada kapal terbang, kita nampak lampu banyak di bawah sana iaitu kapal-kapal ini sudah masuk. Penguatkuasaannya mungkin, empat atau lima buah kapal tetapi mereka masuk dengan jumlah yang besar seperti yang pernah berlaku apabila nelayan China mengejar ikan tuna daripada Lautan Pasifik yang terperangkap di Laut China Selatan.

Sejumlah 100 buah kapal nelayan China yang diberikan perlindungan oleh *Coast Guard China* dan kita menguatkuasakan dengan saya tidak pasti berapa buah. Mungkin enam buah termasuk Tentera Laut kita dua buah dan beberapa pesawat udara, tidak mampu untuk melawan 100 buah kapal. Kita tahu dalam masa seminggu mereka telah mengaut berbilion ringgit jumlah tangkapan.

Jadi, saya mencadangkan supaya kapal induk (*mother boats*) untuk penguatkuasaan ini disediakan. Kemudian yang keduanya, Yang Berhormat naikkan seperti kawan saya sebutkan tadi, naikkan denda ini untuk apa? Kita menaikkan denda RM1 juta sampai RM6 juta. Dia tidak akan bayar! Berapa kali ada tekong-tekong yang membayar denda? Saya hendak tanya soalan ini. Berapa banyak yang telah mereka bayar denda? Kita hukum denda sejuta, berapa orang yang bayar?

Keduanya, krew-krew nelayan Vietnam, berapa orang yang telah membayar denda? Semua memilih untuk duduk di dalam penjara kita dan pernah atau tidak kita timbang semasa mereka memasuki ke penjara kita, berapa kilo timbangan badannya? Masa mereka keluar berapa timbangan? Yang Berhormat akan tengok bahawa mereka masuk ke tempat kita katakanlah 60 kilogram, dia keluar mungkin 80 kilogram. Sesetengah 90 kilogram, sebab

apa? Penjara kita memberikan perlindungan yang hebat kepada pesalah-pesalah berbanding dengan sesetengah negara jiran.

Saya pernah pergi berunding untuk membawa balik nelayan kita daripada negara jiran semasa pilihan raya dahulu. Dia beritahu keluarganya terpaksa memberikan duit untuk dia makan di penjara yang berkenaan. Akan tetapi, penguatkuasaan kita di sini Yang Berhormat, di mana yang kita hendak tunjukkan bahawa kalau mereka gagal membayar, kita hendak menuntut di mana di sana? Ini disebabkan mereka akan memilih untuk makan *free* dan berseronok-seronok di tempat kita selama setahun, dua tahun dan kita tidak ada apa-apa keuntungan. Kita akan menanggung beban. Tiap-tiap kali kita hukum orang, kerajaan akan tanggung beban. Tiap-tiap kali hukum orang, tanggung beban.

■1710

Jadi, kita tidak mahu lagi beban. Termasuklah beban yang terakhir ini beban fikiran. Beban fikiran ini apa dia, Tuan Yang di-Pertua? Hendak tahan saya tidak boleh sebab saya sudah peringkat penggulungan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bila Tun Mahathir memberi pelawaan supaya parti-parti Melayu ini bergabung dan sebagainya dan menyebut parti Melayu itu ada empat, dia tidak sebut PKR dengan DAP. Saya hendak tanya PKR dengan DAP, apa respons mereka kepada beban fikiran yang kami hadapi sekarang ini? [*Dewan riuh*]

Apa dia? Bila Tun minta supaya parti-parti Melayu bergabung, DAP diam, PKR diam. Mana dia? Sekarang ini bangun dan bagi kenyataan. Macam Yang Berhormat Jelutong, dia tidak boleh buat apa lagi sudah. Dia sudah takut sekarang ini untuk bersuara sebab *Speaker* sudah bagi teguran, sebab dia yang selalu ganggu kami, tiba-tiba kami yang kena gantung, dia tidak kena gantung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat sudah ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dalam pembebanan fikiran ini, Tuan Yang di-Pertua, diminta menyelesaikan beberapa masalah yang saya sebutkan tadi...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Baru kahwin sahaja hendak cerai pula sudah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Bagaimana penguatkuasaan ini hendak dilaksanakan. Kemudian beban-beban fikiran yang dihadapi oleh rakyat Malaysia sekarang ini, biarlah kita selesai bersama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bertambah *handsome*. [*Dewan ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, terima kasih. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Putatan, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Tanjong Manis.

5.11 ptg.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih sekali lagi kerana memberi saya peluang berucap pada petang ini.

Permulaannya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada MOA di dalam memperkenalkan pindaan Akta Perikanan 1985 ini agar pindaan ini dapat membawa Malaysia maju selangkah lagi untuk menerokai perikanan laut lepas, sesuatu yang baru.

Saya cuma ingin mengutarakan beberapa perkara. Perkara yang secara khusus mengenai akta pindaan ini iaitu perikanan laut lepas yang pertama ialah pendaratan ikan. Saya ingin menyentuh *vessel* penangkapan ikan tuna C3 ini iaitu lautan antarabangsa berpangkalan di pelabuhan yang diiktiraf oleh *Indian Ocean Tuna Commission*.

Persoalan saya adalah telah diperakui bahawa perairan di atas Sabah itu adalah perairan yang terkaya di dalam ikan tuna ini tetapi pangkalan yang diiktiraf setakat ini ialah cuma Langkawi dan Pulau Pinang. So, saya ingin bertanya, bagaimana perancangan MOA

di dalam membuat satu pendaratan ikan di Sabah? Saya rasa ia lebih *economical* dan boleh membantu Sabah dalam memacu ekonomi khususnya di dalam bidang perikanan ini.

Kedua, saya ingin berkongsi kerisauan saya bersama dengan Yang Berhormat Sibu dan juga bersama dengan Yang Berhormat Hulu Langat tadi iaitu ramai di kalangan belia-belia kita yang mempunyai kelulusan dalam samudera, yang mempunyai kelulusan di dalam perikanan dan juga belia-belia yang mempunyai minat untuk menerokai bidang baru ini, apakah persediaan MOA di dalam menentukan bahawa golongan-golongan yang kita utarakan ini mendapat perhatian ataupun mendapat perancangan khusus daripada MOA? Misalnya, pada suatu ketika dahulu, MOA ada membuat perancangan dengan Bank Pertanian, misalnya, untuk membantu para-para usahawan perikanan yang berminat untuk melabur di dalam industri ini.

Ketiga, saya ingin mengutarakan tentang pencegahan. Contohnya di kawasan perairan Kota Kinabalu. Perairan Kota Kinabalu ini luasnya lebih daripada 83,000 kilometer persegi, satu yang amat luas. Akan tetapi, saya tengok daripada kajian saya, APMM ataupun Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia cuma mempunyai satu buah kapal peronda dan cuma mempunyai satu buah bot peronda untuk mengawal satu kawasan yang amat luas.

Saya rasa MOA dengan bantuan tiga agensi yang lain sebagaimana yang telah kita ketahui bahawa MOA bekerjasama dengan tiga kementerian yang lain, antaranya ialah Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri dan ada satu kementerian lagi untuk bekerjasama di dalam membantu untuk meningkatkan keselamatan perairan di Sabah untuk memajukan industri perikanan di Malaysia.

Seterusnya saya ingin membawa kepada masalah di Pantai Timur Sabah. Ia satu kawasan yang amat luas dan juga amat kaya dengan perikanan tetapi pada waktu ini, enam batu nautika ke atas itu, sekarang ini di dalam keadaan perintah berkurung *under* ESSCOM sudah sejak beberapa bulan hinggalah ke hari ini dan belum ada tanda-tanda bila perintah berkurung ini akan ditamatkan. Dengan adanya perintah berkurung ini, nelayan-nelayan laut dalam kita tidak dapat beroperasi. Alangkah ruginya kita.

Jadi persoalannya, adakah MOA bersama-sama dengan tiga kementerian yang lain ini ada merangka sesuatu untuk meringankan ataupun untuk mengurangkan keadaan ini supaya nelayan kita dapat keluar ke laut? Ini kerana ini adalah kawasan laut dalam yang amat kaya dengan perikanan dan saya rasa rugi berbilion-bilion.

Seterusnya saya ingin bercakap tentang pelesenan. Pada November 2018 yang lalu, Dewan Undangan Negeri Sabah telah meluluskan pindaan terhadap seksyen 4 Ordinan Tanah Bab 68 yang membolehkan kerajaan negeri menuntut hak ke atas segala hasil semula jadi yang terdapat di tasik, sungai serta dasar laut dalam kawasan pelantar benua. Kawasan perairan negeri Sabah ini seluas 51,000 kilometer persegi yang meliputi kawasan perairan Laut China Selatan, Laut Sulu, Laut Sulawesi hinggalah ke kawasan Spratly.

Oleh yang demikian, saya berpendapat Jabatan Perikanan perlu diberi tanggungjawab khusus dalam hal-hal berkaitan pelesenan dalam kawasan perairan negeri Sabah hinggalah ke kawasan laut lepas di dalam zon ekonomi eksklusif sebagaimana pindaan Perlembagaan negeri Sabah yang telah diluluskan pada November 2018 ini.

Saya berharap MOA dapat merangka sesuatu idea yang baharu untuk mungkin memberi ruang yang lebih kepada Jabatan Perikanan Sabah di dalam memberikan lesen-lesen di kawasan laut dalam yang mana kawasan itu adalah di dalam kawasan perairan negeri Sabah.

Saya rasa itu sahaja yang saya ingin nyatakan kerana yang lain sudah pun dinyatakan oleh sahabat-sahabat yang lain. Saya, Putatan, mohon untuk menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Putatan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tanjong Manis.

5.17 ptg.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya sama-sama berbahas rang undang-undang untuk meminda Akta Perikanan 1985.

Tahniah dan syabas kepada kementerian kerana membawa rang undang-undang ini untuk dibahaskan yang bersesuaian dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan di negara kita sekarang. Perbahasan saya ini ringkas sahaja. Saya ingin memaklumkan berkenaan masalah nelayan di kawasan saya khususnya yang berkaitan dengan pencerobohan nelayan asing di kawasan Tanjong Manis.

Baru-baru ini di dalam akhbar tempatan *Sarawak Tribune*, menurut Persatuan Nelayan Sarawak (PENESA), adalah dilaporkan bahawa pencerobohan nelayan asing telah mengancam kegiatan perikanan di Miri, Bintulu dan Sibu. Untuk makluman, Tanjong Manis adalah jalan masuk untuk nelayan-nelayan dari Sibu dan juga Sarikei. Di Tanjong Manis ada dua PNK iaitu PNK Bruit dan PNK Belawai.

Pencerobohan ini turut mengancam keselamatan kepada nelayan kita yang tidak bersenjata dan tidak berupaya untuk mempertahankan diri sekiranya diancam oleh nelayan asing. Saya minta pihak kementerian dapat membuat siasatan segera mengenai laporan PENESA ini.

Pada hari ini, 9 Julai, *Facebook page* Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melaporkan empat buah bot nelayan asing ditahan di perairan Tanjong Sirik iaitu dalam atau bersebelahan dengan kawasan Tanjong Manis dalam satu operasi baru-baru ini. Ini menunjukkan betapa seriusnya masalah pencerobohan nelayan asing di kawasan Tanjong Manis.

Untuk makluman, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sibu tadi, ada sebuah pelabuhan perikanan laut dalam bersepadu yang telah siap pada tahun 2007 di Tanjong Manis. Pada hari ini, maklumat mengenai hasil ikan yang dilabuhkan di pelabuhan ini adalah semakin berkurangan. Maklum balas yang saya terima bahawa ini disebabkan oleh pencerobohan nelayan asing sehingga nelayan tempatan takut untuk keluar menangkap ikan.

■1720

Ada juga maklum balas yang saya terima mengatakan bahawa ini mungkin kerana hasil tangkapan telah dijual kepada nelayan asing di laut dalam. Saya mahu kementerian membuat siasatan mengenai perkara ini. Yang Berhormat Menteri, pemantauan dan rondaan yang lebih kerap dan berterusan perlu dijalankan oleh pihak Jabatan Perikanan dan juga APMM untuk memantau seluruh perairan negeri Sarawak.

Kekurangan aset dan kekurangan anggota di Jabatan dan Agensi ini juga perlu diberi perhatian kerana tanpa aset dan anggota yang mencukupi, rondaan dan operasi yang berkesan tidak dapat dijalankan. Aset-aset yang lengkap dalam keadaan siap sedia perlu dikekalkan supaya rondaan boleh dibuat pada bila-bila masa sahaja. Sekian saja ucapan saya. Akhir sekali saya mohon menyokong pindaan Rang Undang-undang Akta Perikanan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa, masa sudah tamat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, minta penjelasan boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak perlu, tidak perlu, masa dah tamat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat ada enam minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa, tidak apa. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Manis. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Beruas.

5.21 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya bangun untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Perikanan 1985 iaitu surat Dewan Rakyat 16/2019. Tuan Yang di-Pertua, dalam membuat pindaan ini, saya hendak tanya pihak kerajaan, apakah hala tuju, polisi kerajaan terhadap nelayan

tempatan dan juga negara asing. Kita mesti menegakkan kedaulatan negara. Begitu juga dengan kerajaan negara yang lain.

Kedua, kalau setiap negara hendak menjadi jaguh dengan mengetatkan undang-undang dengan denda yang berat, dengan tempoh penjara yang panjang dan disita, dilucutkan bot dan peralatan nelayan-nelayan, akhirnya mangsa adalah nelayan-nelayan di negara-negara berkenaan. Bagi saya, kerajaan mestilah antara kerajaan negara-negara yang berkenaan hendaklah berbincang bagaimana untuk melindungi nelayan-nelayan mereka, bukan menghukum mereka kerana nelayan-nelayan menjalankan penangkapan ikan ataupun carian hidup yang halal dan sah. Kalau sikap sebegini berlaku, begitulah akan menjadi lebih teruk nasib nelayan-nelayan kita.

Di kawasan negeri Perak telah banyak kali di mana nelayan-nelayan yang pergi ke laut di tangkap oleh pihak kerajaan Indonesia, dikatakan nelayan-nelayan kita mencero bohi perairan mereka dan banyak kali mereka masih dalam perairan Malaysia ataupun di dalam perairan yang bertindih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada 27 Januari 2012, satu MOU telah ditandatangani di antara *National Security Council Malaysia* dan dengan *Maritime Security Agency Indonesia* yang di mana kalau mana-mana bot nelayan Malaysia kurang daripada 10 *gross tonn* masuk ke perairan Indonesia ataupun Indonesia bot sedemikian masuk ke dalam perairan Malaysia, mereka akan dibenarkan ataupun diusir balik kepada negara asal tanpa satu tangkapan.

Begitu juga pada November 2017, Malaysia pun telah menandatangani satu perjanjian MOU dengan negara Indonesia di mana jika mana-mana bot nelayan masuk perairan yang bertindih ataupun dikatakan tidak sengaja masuk ke perairan negara jiran, mereka dibenarkan balik.

Dengan pindaan yang sedang dicadangkan, adakah mesej yang berlainan disampaikan di mana kita akan menghukum nelayan-nelayan jiran dengan begitu berat sekali. Kalau itulah mesej yang dibawa, saya takut nasib nelayan-nelayan kita di tangan Kerajaan Indonesia pun akan menanti nasib mendapat denda berat dan juga bot-bot mereka disita dan dilucutkan. Oleh yang demikian, saya mohon bahawa perkara ini mesti membuat satu *approach* yang tidak sama, di mana nelayan jangan dijadikan mangsa.

Saya rasa daripada pengalaman saya sebagai seorang peguam, denda RM1 juta untuk nakhoda, maksimum RM1 juta untuk nakhoda dan RM100 ribu untuk krew ataupun awak-awak sesuatu bot nelayan itu sudah lebih daripada yang mencukupi. Dari seksyen 25 yang sedia ada, memang kurang, saya perlu tahulah mana-mana nakhoda yang sudi bayar sampai ratusan ribu ataupun awak-awak ataupun krew membayar sampai berpuluh-puluh seorang untuk tidak masuk penjara Malaysia.

Bagi mereka ialah lebih menjimatkan masuk penjara Malaysia untuk berapa bulan ataupun sampai satu tahun daripada membayar denda kerana tidak ada kemungkinan mereka dapat mendapat pendapatan yang begitu tinggi untuk dalam beberapa bulan atau satu tahun ini, lebih daripada denda yang dikenakan.

Kalau kita menaikkan sampai RM6 juta untuk nakhoda dan sampai RM600 ribu untuk awak-awak ataupun krew setiap orang, ini memang jelaslah mereka akan pilih lagi sudi pilih untuk masuk penjara Malaysia di mana saya dapat respons nelayan-nelayan Indonesia, penjara kita ini agak baik juga dan selesa dan diberikan makanan yang juga orang kata memuaskan.

Jadi, saya rasa ini bukannya satu pindaan yang bijak dan harap pihak kerajaan kalau boleh mungkin mengurangkan denda untuk menggalakkan mereka membayar denda. Ini tidak bermaksud saya tidak menyokong tindakan yang tegas kerana setiap kes di bawah Akta Perikanan ini kalau didapati bersalah dengan secara automatik atau secara semestinya akan dilucutkan bot dan juga peralatan. Begitu ini berlaku kepada di bawah undang-undang yang sedia ada, begitu jugalah hukuman yang menimpa nelayan-nelayan kita sendiri.

Saya sudah banyak kali semasa kita, Pakatan Harapan masih di pembangkang, saya rasa undang-undang yang sedia ada ini tidak berlaku adil kepada nelayan-nelayan kita kerana ini menggalakkan rasuah. Saya sebagai seorang peguam, apabila mereka datang, mereka kata mereka tidak melakukan kesalahan, mereka tidak menangkap ikan di dalam lima *nautical mile*. Tapi apabila saya menjelaskan kepada nelayan-nelayan ini kalau kita pergi

mahkamah, kalau didapati salah, akibatkan lucut seluruh bot yang bernilai ratusan ribu sampai juta ini, mereka pun takutlah. Lagi baik bayar kompaun ataupun bagi rasuah.

Jadi, undang-undang sekarang ini juga tidak berlaku adil kepada nelayan-nelayan kita. Apabila mereka ditangkap, bon ataupun bil yang ditawarkan mestilah nilai bot itu yang biasanya ratusan ribu ringgit. Ada yang sampai juta. Jadi kes di mana *innocent until proven guilty* ini, tidak dipakai ke atas nelayan-nelayan kita. Mereka mesti cari ratusan ribu ringgit untuk ambil balik bot mereka, kalau mereka tidak bersalah. Kalau mereka tidak dapat ratusan ribu ini, bot itu akan disimpan dan apabila siap kes perbicaraan yang biasanya sampai bertahun-tahun, mereka didapati tidak bersalah, bot mereka pun sudah rosak. Jadi inilah di mana nelayan dihukum sebelum dibuktikan tidak bersalah.

■1730

Jadi saya berharap, undang-undang ini dapat dipinda supaya rakyat kita mendapat layanan yang lebih adil.

Akhir sekali, saya memohon kepada pihak kerajaan supaya membuka semula pengeluaran lesen bot 'A' untuk nelayan-nelayan kecil dan tanpa diberi subsidi RM200 sebulan. Saya tahu, kerajaan telah menutup pengeluaran lesen bot 'A' untuk sampan-sampan kecil ini kerana dikatakan setiap lesen yang dikeluarkan mesti dibayar setiap bulan subsidi RM200. Akan tetapi ramai nelayan yang tulen, yang mahu pergi menangkap ikan sahaja, sekarang tidak boleh menangkap ikan kerana dikatakan lesen telah dibekukan. Jadi, bagi mereka yang boleh tangkap ikan tanpa subsidi, haruslah diberikan lesen.

Itu sahajalah perbahasan saya dan saya berharap pihak kerajaan mengambil kira perkara-perkara yang telah saya utarakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dungun.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

5.31 ptg.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah. [Berucap dalam bahasa Arab] [Membaca sepotong ayat Al-Quran] yang bermaksud, "Dan Dia lah Allah yang telah mempermudahkan laut bagi kamu supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang segar lagi enak".*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019. Isu berkaitan dengan perikanan adalah sangat penting memandangkan komuniti nelayan menjadi pengeluar produk protein sektor perikanan yang sangat utama.

Saya menyatakan sokongan kepada rang undang-undang yang dibentangkan ini bagi pindaan yang dicadangkan kerana ada tambahan penalti dan hukuman am denda yang dikenakan daripada RM1 juta kepada RM6 juta bagi pemunya atau nakhoda dan daripada RM100,000 kepada RM600,000, bagi tiap-tiap anggota kru bagi kesalahan di bawah Akta 317 dalam hal *vessel* penangkapan ikan asing atau rakyat negara asing. Oleh itu, perlu kita melihat di mana adanya *vesse/*asing dan nakhoda serta kru asing ataupun *vesse/* tempatan di mana nakhoda dan juga krunya asing ataupun *vesse/* tempatan, nakhoda dan krunya juga tempatan. Kesemua ini perlu dilihat kerana ia memberi kesan kepada penalti dan juga hukuman am yang akan ditambah daripada kesalahan di bawah Akta 317 ini.

Walau bagaimanapun, apa yang penting bukanlah soal yang berkait dengan setakat denda yang ditingkatkan ini. Akan tetapi yang lebih penting ialah menangani isu pencerobohan nelayan asing di perairan perikanan Malaysia. Oleh kerana tujuan rang undang-undang ini pertamanya ialah kita ingin untuk menjaga aset perikanan negara. Kemudian, penguatkuasaan selepas daripada itu setelah berlakunya pengawasan, kawalan dan pemantauan. Akan tetapi di sana yang juga perlu dilihat ialah bagaimana kes yang sekarang ini sedang menjadi keutamaan yang membimbangkan nelayan-nelayan tempatan. Oleh kerana mereka lah yang akan terjejas apabila pencerobohan nelayan-nelayan asing di perairan perikanan Malaysia.

Oleh itu, kita dapati, bagaimana pindaan yang dibuat ini melibatkan apa yang perlu kita lihat dari segi hal semasa, bagaimana kekurangan dari segi tindakan-tindakan tegas yang diambil daripada kawalan-kawalan yang sedia ada. Oleh kerana laut yang sangat luas yang melibatkan Laut China Selatan, melibatkan nelayan-nelayan di Kelantan, Terengganu, Pahang hingga ke Johor dan juga yang melibatkan Sabah dan Sarawak. Ini juga menjadi isu utama kepada nelayan-nelayan tempatan. Ini menyebabkan kita mesti lihat dalam zon yang sedia ada pun, sebelum daripada takrifan yang diberi daripada rang undang-undang ini iaitu laut lepas. Dalam zon yang sedia ada pun, banyak berlaku pencerobohan dari nelayan asing yang melibatkan dan asas kepada pemantauan isu kawalan dan juga isu pengawasan. Keselamatan kepada aset negara yang melibatkan perikanan dan hasil-hasil protein itu satu perkara daripada cadangan pindaan rang undang-undang ini.

Kedua ialah melibatkan keselamatan nelayan itu sendiri kerana pencerobohan yang berlaku daripada nelayan asing, penggunaan kepada peralatan penangkapan ikan yang tidak dibenarkan di negara ini dan turut membawa senjata api. Ini menyebabkan keselamatan nelayan-nelayan tempatan. Apa yang menjadi isu ialah bagaimana apabila kita melihat kepada jawapan yang diberikan, hasil daripada pemantauan dan tindakan yang telah diambil daripada agensi-agensi penguat kuasa yang ada, yang melibatkan agensi yang sedia ada ialah bagaimana daripada penyelesaian yang dicadangkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atau pasukan petugas khas yang dianggotai oleh empat kementerian dan tujuh agensi bagi menangani isu ini.

Apabila kita melihat kepada jawapan-jawapan yang telah diberikan, berkait dengan pencerobohan nelayan-nelayan asing ini, kita dapati, jawapan-jawapannya kadang-kadang seperti tidak memberikan satu jawapan yang memuaskan kita dari segi tindakan dan penguatkuasaan.

Pertama, aset kita tidak cukup atau agensi kita banyak sangat atau laut kita sangat luas atau yang lain-lain yang terus berulang-ulang dijadikan alasan. Sepatutnya, apabila kita memahami kaedah bagaimana lautan kita yang sangat luas yang melibatkan Sabah dan Sarawak dan juga Laut China Selatan, ia mesti diberikan perhatian supaya bukan sahaja rang undang-undang yang kita cadangkan kepada pindaan yang dari asal Akta Perikanan 1985 itu digeruni, tetapi yang lebih penting ialah ada tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dilakukan dengan tegas dan difahami oleh nelayan-nelayan asing yang menceroboh supaya kita dapat memelihara aset-aset dalam bidang perikanan dan protein negara. Kedua ialah memberikan satu jaminan bahawa perusahaan yang melibatkan perikanan ini ada jaminan kepada nelayan-nelayan tempatan.

Sebelum mengakhiri perbahasan ini, saya pohon mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri merasakan sudah tiba masanya dan kerajaan juga bersedia untuk mengenakan tindakan yang lebih tegas seperti memusnahkan kapal nelayan asing yang menceroboh perairan negara kita? Seperti yang dibuat oleh negara jiran kita Indonesia dalam menangani isu ini. Jadi, saya pohon setakat ini, jika boleh dibekalkan maklumat kes tangkapan dan juga tindakan-tindakan yang telah diambil secara tegas terhadap permasalahan pencerobohan yang dilakukan oleh nelayan-nelayan asing dalam kawasan perairan negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1740

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Seterusnya Yang Berhormat Papar, silakan.

5.40 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Perikanan. Dalam memperkukuhkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya jangan terlepas pandang beberapa insiden yang tidak diinginkan yang telah berlaku di Sabah. Di kawasan saya, memang ramai nelayan pantai dan laut. Pendapatan mereka terancam disebabkan pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing yang menggunakan kapal pukat tunda hingga hampir ke persisiran pantai.

Ada nelayan asing ini ditangkap dan dibebaskan setelah membayar denda dan denda yang dikenakan terlalu rendah. Dari itu, pindaan rang undang-undang ini harus

disokong untuk menaikkan denda setinggi-tingginya. Kita harus menggubal undang-undang baharu dengan menaikkan kadar saman mengikut keperluan semasa, dengan izin, *as a deterrent sentence*. Isu pencerobohan sempadan laut dan keselamatan di perairan Pantai Timur Sabah menjadi kebimbangan penduduk di Pantai Timur. Mana tidaknya, beberapa insiden ancaman, penculikan dan pembunuhan melibatkan nelayan tempatan masih berlaku.

Kita mengimbau kembali tragedi pada 9 April lalu, apabila seorang nelayan Malaysia yang menjadi tebusan kumpulan Abu Sayyaf sejak 6 Disember tahun lalu, dilaporkan meninggal dunia. Mangsa 34 tahun, dilaporkan meninggal di sebuah hospital di bandar Zamboanga Filipina akibat kecederaan parah terkena tembakan di dada dan kepala.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini juga Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di Kudat menahan 16 kru termasuk dua nakhoda susulan penahanan dua buah bot nelayan asing Vietnam dalam Ops Khas Pagar Laut di perairan Kudat.

Semua kru bot nelayan Vietnam berusia di antara 20 tahun hingga 40 tahun ditahan di atas bot berkenaan. Hasil pemeriksaan mendapati, dua nakhoda dan 14 awak-awak warga Vietnam tidak mempunyai pengenalan diri. Sebanyak empat tan hasil tangkapan ikan pelbagai jenis termasuk ikan tuna, turut dirampas. Beberapa peralatan menangkap ikan turut dirampas dan nilai keseluruhan rampasan termasuk dua bot dan ikan dianggarkan RM1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Jun baru-baru ini juga, seramai sepuluh nelayan Bajau Laut diculik dipercayai oleh kumpulan bersenjata dan mempunyai kaitan dengan Abu Sayyaf di perairan FELDA Sembilan, Lahad Datu. Kesemua mereka yang diculik itu berusia 17 tahun sehingga 60 tahun dan tidak ada dokumen pengenalan diri. Sebaliknya, hanya memiliki surat 'lepa lepa' sebagai pengenalan diri untuk mereka tinggal di negara ini.

Kesemua mereka telah dibawa ke negara jiran Filipina oleh kumpulan penculik Abu Sayyaf. Ancaman dan serangan kumpulan Abu Sayyaf yang dipercayai berpangkalan di Jolo, Filipina boleh berlaku pada setiap hari dan pada bila-bila masa sahaja kerana Sabah berhampiran dengan pulau-pulau di Filipina. Di sini, saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya memperbanyakkan aset-aset pertahanan dan pemantauan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang selalu kita dengar bahawa nelayan-nelayan pantai banyak menghadapi bermacam-macam ancaman termasuk kemasukan dan pencerobohan nelayan-nelayan laut dalam ke kawasan mereka, menyebabkan penempatan tangkapan mereka merosot hari demi hari. Ini adalah disebabkan oleh pemberian lesen menangkap ikan laut dalam yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat yang tidak terkawal. Ini menyebabkan penangkapan ikan laut dalam secara besar-besaran yang tidak terkawal dilakukan oleh mereka termasuk penangkapan secara haram. Ini telah menjejaskan sumber ikan dan marin di perairan, misalnya di negeri Sabah sekali gus memberi impak yang tidak baik kepada nelayan tempatan.

Pencerobohan nelayan-nelayan beroperasi di laut dalam ke persisiran pantai bukan sahaja memusnahkan kehidupan marin dengan penangkapan tidak terkawal, malah menggalakkan penangkapan ikan secara haram. Saya juga difahamkan bahawa nelayan-nelayan Vietnam dan Thailand juga selalu menceroboh lautan kita. Saya juga dimaklumkan, sebelum ini terdapat banyak lesen diberikan kepada kapal-kapal Vietnam dan Thailand. Walaupun selepas pemberian lesen itu dibekukan oleh kerajaan, mereka menggunakan satu lesen sahaja, tetapi mempunyai banyak kapal beroperasi di laut dalam.

Dengan permasalahan yang timbul yang dihadapi oleh nelayan laut dalam di Sabah, ketika memohon dan memperbaharui lesen, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi kuasa penuh mutlak kepada kerajaan negeri terutamanya negeri Sabah untuk mengeluarkan dan membaharui lesen nelayan laut dalam demi kemudahan nelayan-nelayan laut dalam di Sabah.

Ini bertujuan untuk mengawal selia pengeluaran lesen nelayan laut dalam dan memastikan aspek kawalan penangkapan ikan dapat dilaksanakan dengan baik. Kita mahu sebarang kelulusan lesen yang diberi oleh Kerajaan Pusat haruslah mendapat persetujuan di peringkat negeri dahulu sebelum diluluskan kerana kita tahu mana nelayan yang ada kepayaan selain memudahkan kita membuat pengawalan dari segi penangkapan ikan.

Kalau lesen yang dikeluarkan itu digunakan oleh orang lain untuk menangkap ikan di lautan negara kita, tetapi menjualnya di tengah laut kepada kapal induk yang membawa ikan kita keluar negara lain. Ini bagi saya adalah satu kaedah membenarkan rompak terhadap hasil laut kita dengan cara yang begitu mudah. Kita perlu lebih tegas dalam

menangani isu ini kerana ada kemungkinan pengusaha tempatan yang diberi lesen tangkapan ikan laut dalam berpakat dengan kapal-kapal asing untuk menjual hasil tangkapan mereka di tengah laut dan kemudian dibawa ke negara lain. Kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri perlu dipertingkatkan demi memastikan sektor perikanan di Sabah dapat diurus dengan baik dan tersusun amat diharapkan. Sekali lagi saya menyarankan supaya pengeluaran lesen menangkap ikan laut dalam diluluskan di peringkat negeri. Maka, langkah penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada kejadian di mana dua pelancong warga China dan jurulatih menyelam laut ketika sedang menjalankan aktiviti menyelam disebabkan oleh pengeboman ikan secara haram yang masih lagi dipraktikkan oleh nelayan tempatan ataupun nelayan luar. Adakah ini disebabkan oleh longgarnya pemantauan oleh pihak berkuasa?

Tuan Yang di-Pertua, kita ada menerima laporan mengenai tindakan pengusaha-pengusaha bot-bot tempatan yang menggaji nelayan asing yang mendaratkan hasil tangkapan mereka di negara jiran. Kita harus mengkaji semula pengeluaran lesen bot laut dalam ini. Keadaan ini menyebabkan negara mengalami kerugian besar setiap tahun, ekoran hasil laut yang dilarikan oleh nelayan asing tersebut.

Jika kerajaan terus memberi lesen berkenaan kepada mereka, ini seolah-olah memberi kebenaran kepada nelayan-nelayan asing untuk mencuri hasil laut negara dengan menjualnya ke negara lain. Lesen yang kita berikan itu seolah-olah membenarkan khazanah dan kekayaan kita dipindahkan ke negara lain dan kita terpaksa membeli ikan milik kita sendiri dari negara berkenaan. Jadi, ini merupakan salah satu keresahan kita dan saya minta supaya pemberian lesen bot laut dikaji semula. Pihak berwajib harus memandang serius perkara ini dan bertegas akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengekang kegiatan tersebut.

■1750

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Papar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Tinggi, silakan.

5.50 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah lah kepada Yang Berhormat Menteri. Kesian Yang Berhormat Menteri, kerja bersungguh-sungguh untuk nelayan. Jadi, harap dengan pindaan terhadap Akta-akta Perikanan 1985 ini selepas 35 tahun katanya, pindaan ini akan dapat membanteraslah segala pencerobohan nelayan terutama nelayan-nelayan daripada negara Vietnam ini yang semakin menjadi-jadi. Saya ada beberapa persoalan sahaja yang saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri.

Pertama ialah pindaan ini ada mencadangkan untuk mewujudkan subseksyen yang baharu iaitu 11(3A) ke dalam Akta 317 ini yang mana ia berkaitan dengan kesalahan menangkap ikan di laut lepas tanpa lesen dan perlucutan hak. Jadi, saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberikan sedikit penjelasan kepada saya. Adakah pelucutan hak *vesse/* dan pukut itu hanya terhad di laut lepas? Jika ya, adakah ia juga terpakai kepada *vesse/vesse/* nelayan asing yang menceroboh ke dalam perairan negara?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan sedikit penjelasan berkaitan dengan 32(1)(a) akta ini yang menyentuh kepada tentang pelucutan hak oleh pihak mahkamah. Adakah cara pelucutan hak yang bakal dikenakan ini, adakah dia termasuk tenggelamkan kapal-kapal asing ini yang melakukan kesalahan? Sejauh mana agaknya ketegasan pelaksanaan pelucutan hak yang tegas ini bakal dikenakan kelak dengan pindaan ini Yang Berhormat Menteri?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan kepastian agaknya bagaimana agaknya mekanisme pemantauan, peningkatan rondaan atau melibatkan agensi penguatkuasaan yang lain-lain? Sama ada telah pun diuruskan secara bijaksana supaya tidak berlaku ketirisan salah laku seperti mana ada antara rakan-rakan sebutkan. Apabila berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, maka masing-masing akan menuding jari.

Jadi, adakah aspek ini akan ditambah baik lagi bagi memastikan tidak akan berlaku ketirisan maklumat? Ini sesuai dengan persoalan yang saya bangkitkan kepada Yang

Berhormat Menteri, yang telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dengan baik terutama dalam kawasan – tidak perlu mencelah, berucap sendiri. Nanti bisiklah terutama dalam perkara berkaitan dengan operasi pemantauan bagi mengekang aktiviti haram ini. Duduk sebelah Tuan Yang di-Pertua, bisik sajalah dekat saya nanti. Hendak mencelah sahaja. Gurau sahaja, jangan marah pula. *[Ketawa]*

Selain daripada itu Yang Berhormat Menteri, agaknya sejauh manakah kementerian dan juga agensi penguatkuasaan ini sesuai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Besar? Mengaplikasikan penggunaan teknologi terkini. Agaknya sudah sampai ke tahap mana agaknya kita ini? Sampai kadang-kadang kita pun tidak perasan nelayan-nelayan daripada Vietnam ini datang bertubi-tubi. Ramai menceroboh perairan kita dan kita pun tak perasan kadang-kadang. Jadi, adakah penggunaan teknologi terkini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada kawasan Paya Besar ini sedang dilakukan atau bagaimana?

Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan isu pelesenan laut lepas ini. Saya hendak juga mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Agaknya berkaitan dengan modal yang digunakan bagi memodenkan *vesse/* nelayan kita bagi tujuan tangkapan di laut lepas. Ini kerana Yang Berhormat Menteri amat maklum Yang Berhormat Menteri pun sudah sampai ke kawasan saya, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak. Saya pun sudah dimaklumkan Yang Berhormat menteri akan datang lagi ke kawasan saya dan saya ucapkan bertambah-tambah lagi terima kasih banyak-banyak. Jadi Yang Berhormat Menteri pun maklum kawasan saya Parlimen Kota Tinggi penuh, ramai dengan nelayan. Kampung-kampung nelayan lebih daripada kalau ikut pada semua bilangan nelayan lebih daripada 1,000.

Jadi, kita hendak tahu agaknya apa yang dilakukan untuk memodenkan *vesse/* nelayan ini supaya mereka dapat mempertingkatkan lagi nilai dan jumlah tangkapan mereka di laut lepas. Ini kerana kita tahu peruntukan tinggi yang diperlukan. Kadang-kadang ia boleh mencecah sampai RM10 juta untuk memodenkan sesebuah kapal nelayan yang lengkap dengan segala keperluan yang diperlukan.

Jadi, agaknya sejauh mana keperluan modal yang tinggi ini? Adakah ia akan menjejaskan pemberian lesen kepada nelayan tempatan? Sejauh mana agaknya kemampuan kerajaan pula untuk memberikan bantuan kepada mereka, nelayan-nelayan yang layak ini tetapi tidak mempunyai modal yang cukup untuk memodenkan *vesse/* mereka ataupun kapal tangkapan mereka ini?

Yang Berhormat Menteri, berdasarkan kepada maklumat yang saya terima daripada LKIM sehingga Januari 2019. Terdapat seramai 53,399 orang nelayan yang sudah pun berdaftar di bawah skim perlindungan dengan hanya bayar premium yang dinamakan premium RM100 setahun. Tambahan lagi, seramai 353 nelayan di seluruh negara sudah terima pun manfaat daripada Skim Insurans Nelayan Berkelompok LKIM ini yang berjumlah RM1.5 juta sehingga Ogos 2018.

Jadi, persoalan saya ialah, apakah usaha Yang Berhormat Menteri agar setiap nelayan ini diwajibkan bagi mendaftar skim insurans? Sejauh mana agaknya kementerian telah pun mengkaji bentuk mekanisme untuk membantu baikan lagi tahap perlindungan insurans kepada golongan nelayan yang meredah laut lepas yang ada?

Tuan Yang di-Pertua, menerusi pindaan di bawah seksyen 8 menyentuh berkaitan dengan pemberian lesen kepada nelayan. Diharap, saya haraplah ia akan mampu menyelesaikan isu yang berkaitan dengan pemberian lesen kepada mereka yang benar-benar layak Yang Berhormat Menteri. Bukan yang menyamar jadi tonto-tonto agaknya kepada mereka yang tidak bertanggungjawab dan mengambil alih pula peluang-peluang yang boleh diberikan kepada nelayan-nelayan yang ada di sana.

Saya harap persoalan berkaitan pemberian lesen ini agaknya setakat ini sudah berapa banyak sejak Yang Berhormat Menteri menjadi Menteriilah? Sudah berapa banyak pemberian lesen nelayan yang telah Yang Berhormat Menteri berikan kepada mereka yang layak? Agaknya, apakah aspek tambah baik kriteria pemberian lesen ini yang diberikan kepada mereka yang didapati layak?

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah dengan pindaan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri ini dia akan mampu untuk merubah dan membela nasib nelayan-nelayan tempatan yang ada, terutama nelayan-nelayan di kawasan saya. Jadi

nelayan di kawasan saya kirim salam dengan Yang Berhormat Menteri. Saya harap Yang Berhormat Menteri janganlah hampakan harapan nelayan di kawasan saya ya. Jadi, selamat bertemu kembali di Parlimen Kota Tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dijemput Yang Berhormat Tebrau. Ada Tebrau?

5.57 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas dan menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019. Walaupun pindaan ini adalah bagi pelesenan penangkapan ikan tuna di laut lepas tetapi tempat saya di Tebrau pun ada nelayan, sejumlah 100 lebih nelayan. Khususnya mereka bertempat di Tanjung Langsung, Kampung Peliki Acheh dan juga Kampung Pasir Putih ya. Saya hanya hendak menyentuh kesengsaraan yang dialami oleh mereka.

Walaupun saya sokong Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019 ini kerana ada melibatkan pelesenan dan penangkapan ikan tuna di laut lepas untuk memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam usaha untuk menambahkan hasil dari laut melalui ikan tuna. Akan tetapi saya berharap kementerian tidak lupa nelayan-nelayan yang secara menangkap ikan dengan kaedah tradisional seperti di Johor khususnya. Ini kerana pendapatan mereka pun makin kurang atas sebab pencemaran laut. Pencemaran ini adalah berpunca daripada banyak masalah dan ini adalah kerana ada aktiviti-aktiviti industri pembangunan bandar, kerja-kerja pembinaan, aktiviti perlombongan, kegiatan pertanian dan akuakultur yang tidak terhad dan tidak terkawal.

■1800

Juga, aktiviti pelancongan rekreasi seperti kelab golf dan pembalakan. Kebanyakan bahan-bahan tercemar dari daratan disalurkan ke dalam air persisiran pantai dan muara sungai melalui laluan air. Penambahan dan kegiatan menyedut lumpur dan pasir di permukaan dasar laut juga adalah punca-punca yang mencemarkan laut di Johor yang mengakibatkan hasil tangkapan yang semakin berkurang.

Jadi saya berharap kementerian akan bekerjasama dengan MESTECC dan juga mana-mana pihak yang berkenaan untuk memastikan pendapatan nelayan di Johor tidak terjejas dan tidak bertambah teruk dan ada usaha untuk mengatasi masalah yang disebabkan oleh pencemaran.

Satu lagi yang saya hendak sentuh mengenai isu-isu nelayan yang dialami adalah aduan adanya berlaku penyelewengan dalam penyaluran subsidi, insentif dan juga bantuan-bantuan dari kerajaan. Ini harus diambil perhatian kerana banyak tuduhan yang saya terima mengatakan bahawa bantuan yang disediakan oleh kerajaan tidak sampai kepada mereka atau yang sampai kepada mereka adalah kurang daripada subsidi atau bantuan yang sudah ditetapkan oleh kerajaan.

Jadi saya berharap dua perkara yang saya sentuh ini dapat perhatian dari kementerian dan ini akan bagi peluang kepada nelayan-nelayan di situ supaya mereka akan terus menyokong usaha kerajaan kita kerana kesusahan mereka sudah dapat perhatian kementerian.

Jadi dengan ini, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019. Dengan ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tumpat.

6.03 ptg.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Bilangan vesel ataupun bot laut dalam di Kelantan adalah tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia, membabitkan hampir 350 vesel laut dalam daripada 1,250

vesse/ di seluruh negara. Dan hampir 150,000 tan metrik iaitu lebih 40 peratus pendaratan ikan laut dalam di Malaysia adalah disumbangkan dari laut Kelantan dan Tumpat adalah merupakan jajahan atau pun daerah perikanan.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang bagi meminda Akta Perikanan 1985 ini.

Seperti mana yang kita sedia maklum, asas pindaan yang dikemukakan ini adalah berdasarkan seksyen 25 yang menyentuh dua aspek utama iaitu, pertama, peningkatan denda kepada bot-bot nelayan luar yang mencero boh ke negara kita dan keduanya, penambahan subseksyen yang menyentuh denda kepada bot-bot nelayan tempatan yang melakukan kesalahan di bawah akta ini di laut lepas.

Isu maritim di negara kita secara umumnya terbahagi kepada tiga isu utama. Pertama, pencerobohan nelayan asing yang sering berlaku khususnya melibatkan bot-bot nelayan daripada Vietnam. Vietnam telah menerima amaran kad kuning oleh Suruhanjaya Eropah sejak Oktober 2017 kerana didapati terlibat dalam *illegal unreported and unregulated fishing*, dengan izin. Kesalahan ini juga jelas di bawah seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985.

Isu kedua adalah isu bot-bot nelayan tempatan yang melesenkan secara tidak sah kepada bot-bot nelayan luar. Manakala ketiga, pembelian syarikat-syarikat tempatan terhadap bot-bot nelayan Vietnam dengan rupa bentuk dan kru semuanya daripada Vietnam. Ketiga-tiga isu ini perlu ditanggapi dengan cermat melalui pindaan ini supaya ia lebih bersifat menyeluruh demi menjaga hak dan kepentingan nelayan-nelayan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai antara pembahas yang terakhir pada hari ini, hampir semua isu-isu telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian awal membahaskan usul ini yang berkaitan dengan pencerobohan nelayan asing, denda, penguatkuasaan dan kebajikan para nelayan. Justeru, saya tidak berhasrat untuk mengulangi semuanya itu dan saya hanya mengambil kesempatan daripada peluang yang diberikan kepada saya untuk mengemukakan beberapa persoalan memohon kementerian untuk *respond* beberapa perkara yang berkaitan.

Pertama, saya minta Menteri kemukakan statistik tangkapan *vesse/* penangkapan ikan tempatan yang telah memberikan lesen kepada bot-bot nelayan luar secara haram serta sejauh mana perkara ini akan ditangani melalui pindaan yang kita buat ini.

Kedua, saya mengikuti perkembangan Ops Naga melibatkan pasukan khas yang terdiri daripada pelbagai agensi seperti APMM, TLDM, Jabatan Perikanan, LKIM, Jabatan Imigresen, PDRM dan juga SPRM. Soalan saya, sejauh manakah penyelarasan agensi benar-benar dirangka supaya penguatkuasaan dapat dilakukan dengan lebih berkesan untuk jangka masa panjang? Siapakah ataupun agensi manakah yang merupakan *lead agency* dalam aspek penguatkuasaan ini? Yang Berhormat Paya Besar tadi telah menyebut dengan agak *detailed* dalam perkara ini.

Ketiga, soalan berkaitan denda. Seperti mana yang disebut oleh beberapa orang Yang Berhormat, meskipun kita telah meningkatkan jumlah denda daripada RM1 juta kepada RM6 juta bagi pencerobohan *vesse/* penangkapan ikan asing atau orang berkenaan itu ialah rakyat negara asing termasuklah juga denda kepada kru masing-masing RM600,000, soalnya adakah denda ini mencukupi untuk mengurangkan pencerobohan mereka jika hasil tangkapan mereka jauh lebih menguntungkan ataupun lebih besar daripada itu? Apakah kementerian tidak meneliti untuk mengambil tindakan yang lebih keras sebagai satu *deterrent* kepada berleluasanya nelayan asing tersebut di perairan negara kita?

Walau bagaimanapun, saya berharap kerajaan tidak terus bersetuju ataupun menerima cadangan Yang Berhormat Jelutong untuk terus menembak mati mana-mana nelayan dari kapal-kapal yang disyaki dari luar yang mencero boh. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Jelutong ini dengar boleh tetapi jangan pakai... [*Dewan ketawa*]

Ini kerana dalam mana-mana undang-undang, baik undang-undang barat mahupun undang-undang Islam, kuasa menjatuhkan dan melaksanakan hukuman mestilah dipisahkan. Sebaliknya, kerajaan boleh mempertimbangkan pelbagai cadangan daripada beberapa orang Yang Berhormat yang lebih keras dan setimpal sepertimana merotan ataupun sebat dan sebagainya.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu syarikat tempatan yang membeli bot-bot nelayan asing yang kemudian memberikan lesen secara sah untuk berbuat operasi. Isunya adalah berkenaan dengan penguatkuasaan. Jika bot-bot tersebut daripada aspek fizikal malah krunya orang asing tetapi mereka memperoleh lesen kerana telah dibeli syarikat tempatan, bagaimana penguatkuasaan yang berkesan dapat dilakukan terhadap mereka? Saya mohon supaya isu ini juga diberi perhatian oleh kementerian yang bertanggungjawab.

Seterusnya, berkenaan dengan isu yang sama, soal yang perlu kita perhatikan juga adalah berkenaan ke mana hasil tersebut didaratkan, pengoperasian mereka dalam mendapatkan bekalan makanan, minyak dan sebagainya serta bagaimana untuk memastikan peralatan penangkapan ikan mematuhi piawaian yang ditetapkan.

■1810

Kesemua ini berkait dengan isu pembelian syarikat tempatan terhadap bot-bot nelayan Vietnam yang saya sebutkan tadi. Kelima, soal pembuktian yang lemah, apabila sesuatu kes dibawa ke mahkamah ia juga satu perkara yang penting. Saya meneliti isu penggunaan tunda ganding oleh bot-bot nelayan Vietnam tadi, namun saya dimaklumkan ia tidak dapat didakwa di mahkamah kerana kekurangan bukti yang kukuh. Saya mohon soal ini juga diambil berat oleh kementerian.

Terakhir, saya ingin mendapatkan statistik tentang kesalahan penangkapan ikan menggunakan bahan letupan dan sebagainya. Apakah langkah-langkah pencegahan dilakukan oleh pihak kementerian kerana ini juga menjejaskan tangkapan nelayan-nelayan dalam jangka panjang. Saya mohon...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Tumpat, minta penjelasan sikit. Masih ada masa sikit.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat Tumpat mahu masukkan ke dalam ucapan Yang Berhormat Tumpat, bilakah bantuan bulanan kepada nelayan hendak diteruskan, sebagai mana yang telah dijanjikan pada baru-baru ini, bahawa bantuan tersebut akan diteruskan? Bila akan dimulakan?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, bahawa Kelantan mempunyai bilangan nelayan yang paling ramai, dengan *vesse/* yang paling banyak, penangkapan ikan yang banyak. Tumpat pula merupakan satu jajahan perikanan. Jadi, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Arau tadi, saya sangat bersetuju dan menyokong, bahkan saya terus mendesak supaya perkara ini diberikan perhatian yang tinggi, yang baik oleh kementerian bagi memberikan kebajikan kepada nelayan-nelayan di seluruh negara dan khususnya di kawasan Parlimen saya di Tumpat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tumpat, minta laluan? Sedikit penjelasan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Diberikan laluan?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya sentiasa memberikan laluan kepada Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau. Di Pulau Pinang, kerajaan negeri mempunyai satu skim di mana kita mengagihkan peruntukan kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk memberikan bantuan dari semasa ke semasa bagi tujuan-tujuan tertentu.

Umpamanya, kalau bot-bot mereka rosak ataupun memerlukan bantuan kewangan bagi tujuan anak-anak mereka pergi ke sekolah dan sebagainya, kerajaan negeri menyediakan peruntukan kepada ADUN di mana peruntukan tersebut akan disalurkan. Setujukah Yang Berhormat Tumpat bahawa sistem yang sama boleh diwujudkan di Kelantan juga? Terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kali inilah saya mendengar ucapan yang agak baik daripada Yang Berhormat Jelutong. Tahniah, Yang Berhormat Jelutong. Cuma, entah betul, entahkan tidak. Yang Berhormat Jelutong mesti bersetuju dengan saya dari segi kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tadi, Kerajaan Persekutuan

juga, maknanya dengan jiwa yang besar memberikan peruntukan yang mencukupi kepada Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang untuk kita memberikan manfaat kepada nelayan-nelayan, kepada orang kampung, kepada rakyat yang miskin, khususnya yang melibatkan para nelayan. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong, hebat ucapan tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, ini penjelasan sikit, boleh tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak boleh lagi? Tadi Yang Berhormat Jelutong sebut, Kerajaan DAP Pulau Pinang bagi bantuan. Ini mahu tunjuk bahawa Kerajaan DAP memang tidak telus - berjanji untuk tolong mereka sahaja. Kenapa Kerajaan Pakatan Harapan yang lain tidak buat macam itu? Kenapa hanya Pulau Pinang? Ini menunjukkan bahawa DAP mementingkan diri mereka, tidak kira kawan-kawan dia yang lain. Jadi, sudah sampai masanya semua parti-parti politik bumiputera-Melayu menyertai apa yang telah Tun disebutkan tadi. Akan tetapi bukan maksud BERSATU, menggabungkan bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kira menyokong...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Tumpat adalah, kenapa Kerajaan Negeri Kelantan, PAS tidak menyediakan dana begitu? Kita di Pulau Pinang sejak tahun 2008 ketika itu saya menjadi ADUN kawasan Seri Delima, ada peruntukan. Kenapa Kerajaan PAS, Kelantan tidak fikirkan satu skim begitu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oleh sebab Kerajaan PAS tidak ada terowong. Tidak boleh buat terowong. Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh buat terowong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, mimpikah? Sudah pukul enam.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah lari topiklah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terowong itu adalah sumber pendapatan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Batu Kawan. Masa dah sampai, dah habis.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya tidak jawab lagi tadi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tumpat tolong jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak jawab juga?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong memperingatkan perkara yang baik. Saya mengharapkan supaya Kerajaan Persekutuan menyegerakan bayaran royalti kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang terhad mengikut perjanjian dan juga mengikut Akta Pembangunan Petroleum 1974, kalau tidak silap saya. Jadi, supaya Kerajaan Negeri Kelantan boleh menggunakan wang yang terhad kepada negeri Kelantan itu untuk memberikan kebajikan kepada seluruh rakyat negeri Kelantan tanpa mengira kaum dan agama. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Batu Kawan untuk meneruskan tentang hal perikanan. Ya, silakan.

6.15 ptg.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk Batu Kawan membahaskan pindaan kepada Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019. Malaysia sebagai sebuah negara maritim mempunyai *coast line* yang ke-29 terpanjang di dunia. Jumlahnya sebanyak 4,675 kilometer. Sepanjang 2,068 kilometer di Semenanjung, Malaysia dan 2,007 kilometer di Sabah dan Sarawak. Secara amnya, kehilangan USD23.5 bilion dilihat atau bersamaan dengan RM97.3 bilion hilang daripada 26 juta tan ikan yang ditangkap secara haram atau dicuri dari lautan kita.

Maka, ia satu perusahaan yang sangat lumayan (*lucrative*) dan sudah pasti dilindungi oleh sindiket-sindiket kapal-kapal ikan yang menceroob laut kita ini. Isu-isu merentas sempadan termasuklah isu penyeludupan, pemerdagangan orang, pelbagai pelanggaran hak asasi manusia seperti penghambaan di atas bot, isu keganasan, lanun, keselamatan dan ancaman terhadap ekosistem lautan, termasuk juga penyeludupan narkotik dan senjata menjadi satu ancaman kepada lautan Malaysia.

Saya menyokong usaha pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan komitmen Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas dengan izin, *rule of law* yang berhubung kait dengan pindaan rang undang-undang ini, di mana kapal-kapal di *high seas* yang khas untuk menangkap ikan akan diselenggara dan diuruskan. Usaha ini tidak boleh berjaya dengan hanya Kerajaan Malaysia yang komited untuk mengurus dan menyelenggarakan kapal-kapal yang masuk ke dalam perairan Malaysia. Ia perlukan komitmen dan kerjasama dari negara-negara ASEAN dan di luar kawasan ini.

Saya ingin bertanya apakah usaha kementerian dengan izin, *transboundary* untuk lebih banyak penglibatan negara-negara lain untuk memastikan usaha kementerian kita tidak sia-sia sahaja. Memandangkan sekiranya wujud pindaan undang-undang ini dan diluluskan, maka, ia budi bicara undang-undang ini hanyalah dalam perairan kita sahaja. Bagaimana pula dengan kapal-kapal yang menceroob ataupun kapal-kapal yang menjadi satu ancaman kepada kapal-kapal daripada Malaysia?

Selain daripada itu, adakah kerajaan berhasrat untuk meratifikasikan *Cape Town Agreement 2012* yang akan melindungi nelayan-nelayan kita dengan izin, *workers on boats* dan juga Convention ILO iaitu *Work in Fishing Convention*, memandangkan Thailand sudah meratifikasi dan memberikan komitmen untuk memastikan nelayan-nelayan di atas kapal dijamin dengan izin, *working and living conditions* yang optimum dan selamat.

Thailand merupakan negara Asia yang pertama untuk meratifikasi *Work in Fishing Convention* dan saya ingin bertanya, adakah Malaysia akan turut serta untuk meratifikasikan *convention* ini untuk bukan sahaja memberi perlindungan dan keselamatan di lautan Malaysia, tetapi juga kebajikan dan nelayan-nelayan kita dalam bot yang bekerja di atas bot juga?

Sebagai rakan atau *partner* di dalam komitmen *sustainable development goals*, perlulah kita ingat komitmen Malaysia kepada SDG 14 iaitu *life below water* untuk melindungi, memelihara dan memulihara khazanah lautan kita. Pada bulan Jun, tahun ini, *Parliamentarians for Global Action* (PGA) telah menganjurkan satu taklimat di Parlimen di mana Tuan Yang di-Pertua sendiri telah memberikan ucapan aluan, sokongan serta galakan kepada semua ahli Parlimen dan memperingati kita, tanggungjawab kita untuk menjadi benteng pertahanan kemaslahatan lautan kita.

Salah satu isu yang penting yang telah dibangkitkan adalah keadaan kapal-kapal yang lama dan usang yang pertama akan menjadi satu *harm* atau membawa bahaya kepada pekerja-pekerja nelayan atas kapal-kapal tersebut.

■1820

Kedua, adalah kapal-kapal yang usang ini, kebarangkalian mereka untuk melepaskan bahan-bahan toksin ataupun minyak ke dalam laut adalah tinggi. Jadi setakat ini, pindaan ini tidak ada apa-apa mengenai regulasi kapal-kapal lama, kapal-kapal usang, kapal-kapal yang berdekad-dekad yang berada di lautan itu, yang akan datang melabuh di pelabuhan-pelabuhan kita. Bagaimana kita hendak mengendalikan kapal-kapal tersebut? Adakah kita hanya sekadar akan menyaman mereka?

Kita tahu di sini, ia adalah *open secret*. Mana-mana nelayan atau bot-bot, *vessel-vessel* yang telah ditahan, sekiranya mereka dijatuhkan hukuman berat ini yang terkandung dalam pindaan rang undang-undang ini, maka sindiket-sindiket yang ada di sana akan bantu mereka untuk menjaga keluarga mereka, selama mereka berada dalam penjara di Malaysia.

Semalam dalam pembentangan, kami dimaklumkan, mungkin satu andaian bahawa nelayan-nelayan asing ini suka dengan penjara-penjara di Malaysia. Akan tetapi saya rasa, ia merupakan dengan izin, *the tip of the iceberg. There is a bigger problem out there*. Sekiranya dijatuhkan hukuman berat, maka sindiket itu ada duit untuk bayar denda, bayar saman, dibawa, diheret ke mahkamah, tidak apa. Apa yang nelayan-nelayan khuatir, kebajikan keluarga mereka, macam mana keluarga mereka akan hidup apabila mereka meringkuk di penjara. Maka sindiket ini akan menjaga mereka.

Sekiranya kita lihat di dunia ini, kehilangan atau *loses* adalah hampir RM100 bilion ikan-ikan yang ditangkap melalui rang undang-undang. Ia merupakan satu insiden di mana *is not something that just happen*. Ia bukannya perkara yang telah berlaku baru-baru ini ataupun di dalam benua kita sahaja ataupun di antara negara-negara ASEAN. Ia berlaku di seluruh dunia dan berjuta-juta tan ikan telah ditangkap secara haram dan dijual juga secara haram dalam *black market*.

Jadi, saya menyeru kepada pihak kementerian juga untuk *review* kembali, sama ada pindaan ini akan mungkin pada masa hadapan mengenai keadaan-keadaan bot yang usang dan lama, supaya kita dapat memantau, bukan sahaja mengenai penangkapan ikan ataupun *dollars and cents*, kita perlu fikir ekosistem lautan kita di seluruh kawasan Malaysia juga.

Saya juga ingin tanya, dalam banyak bot yang ditangkap ini, kita juga tahu ramai mangsa penyeludupan pemerdagangan orang ditahan juga bersama. Apakah tindakan kementerian bersama dengan KDN untuk kita memberikan layanan yang khas kepada mangsa-mangsa ini? Mereka bukan terjebak dalam sindiket ataupun di dalam perusahaan ataupun perniagaan untuk menangkap ikan ini. *They're not directly involved*. Mereka adalah mangsa keadaan ataupun pelarian-pelarian daripada negara-negara yang diancam oleh pergelutan agama ataupun ekonomi ataupun bencana alam di negara mereka. Jadi saya ingin tahu, bagaimana kita akan menangani golongan ini yang kita temui atas bot-bot tersebut?

Pada masa yang sama, saya juga ingin tahu dengan pindaan rang undang-undang ini, apakah impak ke atas nelayan-nelayan kecil? Ini adalah dalam *high seas*. Apakah impak pindaan rang undang-undang ini terhadap nelayan-nelayan yang kita ada di pesisiran pantai? Sebab mereka ini, "*Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*". Tidak ada insurans, tidak ada apa-apa perlindungan. Akta ini melindungi dengan ramai pekerja bot-bot besar di *high seas* tetapi apa akan jadi dengan nasib nelayan-nelayan kita yang saya pasti ramai Ahli Parlimen di sini pun kenal? *We know one to one fisherman in our constituency*. Saya ingin tahu, adakah kementerian merancang untuk menambah baik?

Saya lihat salah satu roh pindaan ini adalah untuk menggalakkan rakyat Malaysia untuk menceburi bidang penangkapan ikan tuna untuk meningkatkan hasil negara. Akan tetapi ini adalah di *high seas*, memerlukan modal yang tinggi, memerlukan pekerja yang berkemahiran, memerlukan teknologi yang tinggi juga, hendak bersaing dengan kapal-kapal yang lain yang sudah veteran atau yang dikatakan otai dalam industri perikanan ini.

So, dengan isu ini, kita perlu menjaga kebajikan nelayan-nelayan kita yang ada di pesisiran. Jadi saya ingin tahu, apakah langkah-langkah kementerian untuk jangka pendek dan jangka panjang untuk kita tidak lupakan nelayan-nelayan kita yang berada di pesisiran ini?

Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang prihatin terhadap kemaslahatan lautan kita ini dan juga dengan ini, Batu Kawan ingin menyokong pindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Parit Sulong. Silakan.

6.25 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga seperti rakan-rakan yang lain, juga ingin hendak berbahas dalam Akta Perikanan 1985, pindaan. Untuk rekod juga di sini, kawasan Parlimen Parit Sulong ini adalah satu kawasan di mana nelayan yang mendaftar adalah hampir 100 orang dan kami mempunyai tujuh pangkalan nelayan. Walaupun rata-rata ataupun hampir semua mereka adalah nelayan pesisiran pantai tetapi saya juga ingin bersama yang lain membangkitkan beberapa isu terutamanya mengenai apa yang kementerian bawa dalam pindaan ini.

Saya tengok antara cabaran utama nelayan di Malaysia ini adalah pencerobohan bot nelayan asing yang banyak berlaku terutamanya di kawasan perairan yang bersempadan. Ini sedikit sebanyak menyebabkan sumber perikanan di laut kita itu seolah-olah dimonopoli oleh nelayan asing. Di samping itu, jumlah hasil ikan secara langsungnya ia akan berkurangan dan kehadiran nelayan asing ini juga boleh menimbulkan pelbagai masalah

terutamanya masalah sosial. Jadinya pencerobohan nelayan asing ini macam saya kata tadi, memang membimbangkan.

Dalam satu data yang saya baca dalam tempoh 12 tahun, dimaklumkan bahawa terdapat 182 *vesse/* asing yang ditahan. Daripada jumlah ini, 708 *vesse/* adalah daripada Vietnam. Walaupun ramai yang membangkitkan mengenai perkara yang sama tetapi saya kira perlu juga untuk saya membangkitkan sekali lagi. Jadinya soalan saya berkaitan dengan ini adalah daripada jumlah ini, sebenarnya berapa terdapat kalau Yang Berhormat Menteri berada di sini, saya tengok begitu setia yang duduk di dalam Dewan ini. Daripada jumlah ini, okey selain daripada Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Paya Besar. Okeylah semua lah. Mengacaulah pula. *[Ketawa]*

Jadinya, saya hendak tanya, berapa ramai kah atau berapakah jumlah daripada mereka ini yang didapati ataupun telah tersabit kes salah guna lesen mereka? Saya juga hendak minta makluman ataupun apakah perancangan daripada pihak Kementerian untuk mengatasi masalah-masalah seperti ini sekiranya ia berulang kembali?

Akta Perikanan 1985 ini juga menetapkan bahawa nelayan asing mempunyai hak laluan ikhlas semasa melalui Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia tetapi dengan syarat, pihak Kerajaan Malaysia mestilah dimaklumkan terdahulu. Peruntukan ini juga sebenarnya adalah untuk mengawal penangkapan ikan secara haram oleh nelayan-nelayan asing semasa dalam pelayaran melintasi zon ekonomi eksklusif untuk menangkap ikan di luar perairan Malaysia.

Jika bila ada kes pencerobohan ini Yang Berhormat Menteri, saya nyatakan tadi, memang sudah semestinya hasil kerugian laut itu akan hilang dan Yang Berhormat Menteri dalam kenyataan sebelum ini ada menyatakan ia hilang lebih kurang RM6 bilion setahun. Jadinya saya yang paling saya penting, yang paling saya khuatir adalah mengenai keselamatan para nelayan itu sendiri. Ini kerana apabila kita bercakap mengenai adanya pencerobohan terutamanya dari nelayan asing dan kita juga tahu nelayan asing ini selalunya dilengkapi dengan senjata api.

Yang Berhormat Menteri sendiri pernah menyatakan bahawa isu berkaitan hal ini memang satu ancaman besar kepada negara dan ia menjejaskan pendapatan nelayan itu sendiri. Jadinya soalan yang lain saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri adalah, bagaimana hasil kerjasama pelbagai kementerian dan juga agensi bagi mengurangkan pencerobohan nelayan asing yang banyak dibicarakan oleh bukan sahaja daripada saya tetapi daripada juga rakan-rakan yang lain?

■1830

Apakah bentuk mekanisme yang lebih tegas dalam menjalankan penguatkuasaan ini? Adakah musnahkan kapal tersebut? Tadi juga ada cadangan yang dibuat ataupun pernah terjadi kerajaan Indonesia sendiri dia ada tindakan membakar bot penceroboh itu. Silakan. Seminit sahaja, satu *second* saja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, dalam masa 30 *seconds*, saya akan tanya dua soalan. Akan tetapi yang ini saya akan tanya penghabisan. Penghabisan, penghabisan masa sudah, mata tutup sudah. Ini Tuan Yang di-Pertua bagus punya.

Okey, adakah Yang Berhormat ingin masukkan dalam ucapan Yang Berhormat bahawa bot yang ditangkap disimpan di jeti. Akan tetapi proses mahkamah kadang-kadang mengambil masa setahun, dua tahun dan kita lihat semua jeti yang indah di Malaysia sekarang sudah jadi buruk kerana disimpan bot-bot Vietnam yang masih menunggu perintah mahkamah.

Jadi, apakah Yang Berhormat hendak bercadang kepada Yang Berhormat Menteri supaya semua bot yang ditangkap ini mesti diselesaikan dalam masa sebulan ataupun dua bulan ataupun kita ada mahkamah khas untuk membincangkan perkara ini. Kalau tidak, semua jeti kita jadi tempat kapal buruk dan sesetengah kapal Vietnam telah pun tenggelam di jeti dan kita tidak boleh buat apa-apa. Jadi, apakah proses mahkamah sekarang ini hendak dicepatkan supaya bot ini – ya, *thank you*.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Boleh masuk sebahagian daripada ucapan saya Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih daripada 30 saat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ya saya. Betul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadinya keduanya soalan yang saya hendak utarakan adalah apakah kerajaan di mana Yang Berhormat adalah Menteri ada membuat rundingan dengan negara-negara jiran bagi menyelesaikan masalah-masalah yang saya katakan ini dan sejauh manakah rundingan pembatasan sempadan maritim antara Malaysia dan juga Indonesia terutamanya yang mana kita tahu turut membabitkan Selat Melaka, Laut Sulawesi, Laut China Selatan di kawasan tuntutan bertindih ini.

Yang Berhormat Menteri juga saya kira sebelum itu pada bulan Jun yang lepas ada sebuah Kapal Pengawas Perikanan Indonesia telah dilaporkan bertindak ganas, di mana dia telah menceroboh bot nelayan tempatan di perairan Tenggara Pulau Jarak Lumur iaitu tujuh batu nautika dari kawasan sempadan kedua-dua negara sehingga mengakibatkan kecederaan kepada tekong dan juga anak kapal terbabit.

Dalam masa yang sama, saya hendak mengucapkan tahniah kepada maritim yang begitu cepat membuat—APMM yang mana cepat membuat tindakan. Akan tetapi kalau kita tengok dalam perkara ini juga yang memelikkan adalah sepanjang rundingan diadakan dalam usaha untuk membebaskan nelayan-nelayan kita. Pihak Indonesia iaitu krew daripada KP ORCA 02 ada menyatakan bahawa mereka tidak selesa berada di perairan Malaysia sehingga bertindak menarik bot nelayan tersebut ke sempadan sehingga rundingan selesai.

Jadinya, persoalannya benda itu bila dia kata tidak selesa ini membuktikan bahawa penguat kuasa Indonesia juga terbabit sedar bahawa mereka telah bertindak menceroboh perairan negara ini dan dengan sengaja bertindak kasar hingga mengancam nyawa para nelayan tempatan.

Jadi mengimbasi kepada perkara yang ini saya hendak bertanya daripada pihak kementerian apakah tindakan yang lebih tegas yang diambil oleh pihak kementerian kalau sekiranya perkara ini berlaku kembali. Kita faham, ia sedikit sebanyak dan sangat perlu kerana apa yang telah berlaku seperti yang saya contohkan tadi ia mengancam keselamatan nelayan tempatan.

Cadangan saya yang terakhir Yang Berhormat Menteri, sebelum saya mengakhiri ucapan saya adalah saya ingin mencadangkan satu penubuhan pasukan sukarelawan yang diselua oleh pihak kementerian yang terdiri daripada pihak nelayan. Memang sebelum ini ada, memang ada pernah dibuat sebelum ini. Akan tetapi kali ini lengkap dengan latihan separa ketenteraan sebagai langkah strategi untuk terutamanya menangani pencerobohan nelayan asing ini dan ia boleh dijadikan sebagai mata dan telinga kepada pihak berkuasa.

Mekanisme ini telah diaplikasikan oleh kuasa besar seperti di China. Bila telah ditubuhkan satu armada yang terdiri daripada nelayan di pelabuhan Hainan pada tahun 2016 yang lengkap dengan latihan ketenteraan. Jadi terima kasih banyak-banyak kerana peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan Yang Berhormat. Sedikit sahaja penjelasan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ada 20...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sikit sahaja Yang Berhormat, penjelasan, 20 *second*. Orang macam tidak hormat negara Malaysia. Dia orang tangkap bot kita dalam kawasan kita, tarik pergi negara jiran. *Coast Guard* China duduk di Beting Patinggi Ali yang jaraknya 83 batu nautika daripada Sarawak. Padahal Beting Patinggi Ali adalah zon dalam zon ekonomik eksklusif. Orang tidak hormat di antara sebabnya ialah kerana kerajaan kita berlaku kelim kabut seperti kita tahu bahawa parti Melayu ini tidak bersatu.

Jadi Yang Berhormat sebagai ketua wanita, apakah Yang Berhormat bercadang untuk pastikan supaya negara ini kuat balik, Melayu bumiputera bersatu bersama dengan India, Cina. Jadi, negara ini akan dipandang hebat. Dalam keadaan sekarang ini mereka pandang tidak hebat sebab orang mempertikaikan kedudukan Perdana Menteri dan juga lain-lain lagi. Minta maaf. Tidak ada ruang. Ini saja ada ruang.

Tuan Yang di-Pertua: Lari topik.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Dengan itu, saya selesai berucap.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tidak ada tajuk lain kah?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih banyak-banyak. Harapnya juga Yang Berhormat Menteri boleh menjawab soalan yang saya timbulkan tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tahu. Akan tetapi saya sengaja.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Ada tujuh lagi pembahas untuk memberi masa kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Saya cadangkan tiap pembahas diberi 5 minit sudah cukup lah. Ini kerana sudah berulang-ulang. Yang Berhormat Kuala Nerus. Silakan.

6.36 ptg.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah. [Berselawat] Saya mohon 10 minit juga Tuan Yang di-Pertua sebab lama tunggu ini. Firman Allah SWT dalam al-Quran [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Allah Taala berfirman maksudnya, "Dialah Allah yang memudahkan untuk kamu lautan itu untuk kamu makan daripadanya daging yang lembut dan juga untuk kamu keluarkan daripadanya hiasan yang kamu pakai pada hari ini dan juga kamu lihat kapal-kapal besar belayar padanya dan juga untuk kamu mencari sebahagian kurniaan Allah dengan berniaga kemudian kamu bersyukur kepada Allah SWT."*

Ada empat nikmat besar yang diberikan oleh Allah SWT kepada kita menerusi lautan. Pertamanya hasil laut yang berupa makanan dan stok kehidupan manusia. Kedua, hasil laut berupa hiasan. Ketiga, kemudahan kapal untuk belayar untuk menguruskan kehidupan manusia. Keempat, aktiviti perniagaan menerusi perkapalan dan sebagainya.

Hari ini kita bincang satu pindaan kepada akta yang hendak menangani perkara pertama berkaitan dengan hasil laut berupa makanan ikan dan sebagainya. Apa yang saya lihat daripada cadangan pindaan pada hari ini ialah dua isu. Pertama, isu lesen. Kedua, isu berkaitan dengan kadar yang hendak dikenakan kadar hukuman atau kadar penalti yang hendak dikenakan. Persoalan berkaitan dengan lesen.

Pertama sekali ialah apa tujuan kita lesenkan kepada nelayan yang ingin mengambil ikan di laut lepas seumpama ini. Adakah tujuannya hanya semata-mata untuk kerajaan mendapat pendapatan kerana sebelum ini diambil secara bebas tanpa pemantauan. Maka memberi ruang kepada kerajaan untuk mendapat pendapatan daripada ia terlepas begitu sahaja. Adakah itu matlamatnya dalam kerajaan hari ini berhadapan dengan masalah kewangan. Ataupun memang tujuan supaya memantau dan juga mengawal aktiviti yang berlaku di laut lepas.

Ini persoalan penting kerana niat kita itu akan menentukan bagaimana kita bergerak. Kalau niatnya untuk mencari pendapatan, maka tentulah kita akan buka seluas-luasnya untuk mana-mana pihak yang berkelayakan atau mungkin juga tidak berkelayakan untuk mendapat lesen. Akan tetapi apa kesannya ialah kesannya kepada hasil makanan yang dibekalkan oleh rakyat kita, rakyat Malaysia sendiri.

Mungkin yang masuk adalah orang-orang besar kerana isu kita isu lesen ini pertama sekali isu yang kita tangani sekarang yang kita bincang ialah lesen-lesen dikeluarkan kepada rakyat tempatan, orang-orang besar, kemudian dialibabakan. Pihak yang uruskan kapal ataupun bot tersebut ialah orang-orang luar dengan awak-awak ataupun kelasi-kelasinya atau pekerjanya ialah orang-orang luar juga. Tidak memberikan satu pendapatan kepada rakyat tempatan. Hingga berlaku juga akhirnya hasil tangkapan laut itu akhirnya bukan didaratkan di tempat kita. Didaratkan di luar, dihantar ke Thailand, Vietnam dan sebagainya, menghilangkan hasil laut kita.

Ya, kerajaan mendapat sebahagian pendapatan dengan pelesenan tadi. Akan tetapi kesannya ialah dibawa keluar daripada negara kita. Ini benda-benda yang kita kena tengok kerana ini mempersoalkan apakah tujuan daripada pindaan yang kita buat pada hari ini adakah kerana semata-mata untuk mendapat pendapatan atau memang tujuannya untuk mengawal apa yang berlaku.

■1840

Begitu juga dengan isu berkaitan penalti yang saya akan bincang sekejap lagi. Pertama yang saya kena sebut di sini ialah tentang isu nelayan ini, pindaan hari ini hendak bagi ruang ataupun hendak bincang tentang isu di laut lepas. Persoalan kita ialah isu di

kawasan kita sendiri, adakah sama ada Kementerian Pertanian ataupun agensi yang lain yang ada pada hari ini yang bekerjasama telah berjaya menangani semua isu yang dibangkitkan oleh rakyat berkaitan dengan isu-isu di lautan kita?

Pertama isu lesen yang saya sebutkan tadi. Lesen yang diberikan dan di-Ali Babakan. Apabila kita bincang isu lesen laut lepas, isu yang kita kena bangkitkan juga adalah tentang spesifikasi peralatan dan peranti yang akan digunakan seperti di laut lepas. Adakah ia juga sama seperti yang kita buat hari ini dibenarkan untuk menggunakan pukut tunda? Ini kerana isu besar yang melibatkan pukut tunda ialah merosakkan ekosistem, membunuh generasi ikan mendatang. Makna menghilangkan stok jangka masa panjang disebabkan pukut tunda tadi. Ini kerana saya mencadangkan bahawa pukut tunda yang menjadi sebahagian cara untuk menangkap ikan pada hari ini diharamkan secara total. Kalau kita jumpa rakyat bawahan pada nelayan, kita buat pertemuan permintaan rakyat di kampung kita ialah agar pukut tunda diharamkan secara total. Bukan hanya untuk di kawasan kita bahkan juga di laut lepas mesti diharamkan. Itu isu pukut tunda.

Kedua juga saya hendak sebut tentang isu pencerobohan. Sampai hari ini belum dapat ditangani isu pencerobohan. Hari ini kementerian hendak bincang tentang isu laut lepas, yang sekarang laut kita belum selesai lagi, hendak bincang ke depan pula menambahkan bebanan pada kementerian. Apa ia perancangan ke depan oleh kementerian untuk menangani perkara yang seumpama ini? Oleh kerana masa tidak mengizinkan bercakap panjang, saya cuma hendak sambung sikit sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Hendak menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Parit Sulong tadi. Memang saya sudah hendak cadangkan tadi iaitu pasukan sukarelawan ini agar bukan hanya kita buka ruang ditubuhkan pasukan sukarelawan untuk menangani isu pencerobohan tetapi diambil daripada nelayan sendiri. Anak-anak muda, orang ke laut biasa keluar pagi, lima pagi. Dia balik sekitar jam tujuh, lapan pagi. Satu hari pun dia kosong. Kalau kita boleh gunakan tenaga mereka untuk ke laut lepas melihat aktiviti nelayan luar yang biasa mereka menangkap ikan bukan di waktu pagi, tengah hari, petang dan malam. Akan tetapi anak-anak kita, nelayan kita hanya sekitar waktu pagi sampai jam 9 atau 10 pagi sahaja.

Kalau kita perkasakan mereka untuk memantau, mereka merasakan ini sebenarnya kerja yang akan membantu mereka. Dalam masa yang sama, boleh memberikan pendapatan kepada mereka. Maka saya harapkan isu-isu yang saya bangkitkan tadi dapat diperhatikan oleh pihak kementerian dan juga dapat kita tangani isu-isu yang sedang berlaku sekarang. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Nibong Tebal. Silakan, lima minit ya.

6.43 ptg.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang juga kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini walaupun ia sudah sampai ke penghujung petang.

Saya menyokong usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk mengusulkan RUU DR.16/2019 untuk meminda Akta Perikanan 1985, Akta 317 ini yang bertujuan untuk memudahkan pemantauan, pengawalan dan juga pengawasan vesel-vesel penangkapan ikan tempatan di laut lepas dengan melesenkan vesel-vesel tersebut. Saya menyokong ini kerana ia menjurus pertama kali dengan melesenkan vesel-vesel ini untuk kementerian mewujudkan satu pangkalan data yang komprehensif. Mewujudkan satu pangkalan data yang komprehensif yang boleh digunakan untuk tujuan-tujuan seperti yang disebutkan tadi. Data-data komprehensif ini sudah tentu meliputi aspek identiti. Pertama sekali, identiti pengusaha vesel termasuk nama, alamat mereka, juga pekerja mereka dan juga kawasan operasi. Maklumat-maklumat ini adalah penting untuk menjalankan penguatkuasaan yang lebih berkesan di masa hadapan.

Persoalan keberkesanan penguatkuasaan ini Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali data-data ini perlu dikemas kini, satu. Keduanya, ia tidak sepatutnya tinggal di ibu pejabat

sahaja, sepatutnya boleh diguna pakai diaplikasikan di seluruh negeri-negeri dan juga di bahagian-bahagian di mana terdapatnya aktiviti-aktiviti perindustrian perikanan ini. Kedua Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana penguatkuasaan ini melibatkan pelbagai agensi sekarang ini seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Pertanian, kemudian Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, kemudian Jabatan Laut Malaysia dengan tugas-tugas yang tertentu untuk satu tugas penguatkuasaan sahaja. Jadi kita harap dengan memberi kuasa kepada Menteri dalam akta ini supaya Yang Berhormat Menteri dapat menyelaras aktiviti-aktiviti ini supaya tidak berlaku ketirisan dan juga penyelewengan di dalam hal pemberian lesen.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita hendak menyambut dan memberi juga kepentingan kepada nelayan-nelayan pantai dan nelayan-nelayan kecil. Saya juga berharap dengan pemberian lesen-lesen untuk menggalakkan dan memperkasakan industri perikanan dalam negara ini, kementerian turut memberi ruang dan peluang kepada nelayan-nelayan kecil, nelayan-nelayan pantai terlibat dalam usaha-usaha aktiviti perikanan laut dalam ini terutama sekali dalam industri tuna. Mungkin pihak kementerian boleh memberi pertimbangan supaya nelayan-nelayan ini menggunakan persatuan-persatuan mereka ataupun mewujudkan koperasi-koperasi yang sedia ada ataupun koperasi yang baharu untuk mereka melibatkan diri dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti perikanan ini yang boleh menghasilkan pulangan yang lebih baik daripada aktiviti-aktiviti nelayan yang mereka adakan sekarang ini.

Kita juga sokong akta ini sebab dengan usaha untuk mengenal pasti kawasan operasi dan juga untuk mendaftarkan pekerja-pekerja yang bekerja dalam vesel-vesel ini, kita dapat mengenal pasti ataupun mencegah usaha-usaha aktiviti haram yang berlaku di lautan bebas, lautan luas. Juga seperti penyeludupan manusia, membawa penyeludupan barang-barang yang diharamkan seperti narkotik ataupun rokok daripada negara-negara luar ke dalam negara kita. Jadi itu, saya memberi sokongan yang kuat.

Dalam usaha seterusnya Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan industri tuna di negara ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, satu ketika dahulu Pulau Pinang menjadi satu *tuna port* di dalam negara kita tetapi ia diberhentikan. Sekarang ini pihak kementerian pertama sekali mungkin mencari jalan kenapa pihak Taiwan lari daripada Pulau Pinang pergi ke Sri Lanka umpamanya satu kawasan yang agak jauh kalau dibandingkan dengan Pulau Pinang. Keduanya, adakah usaha daripada pihak kementerian untuk membawa kembali industri tuna khususnya daripada pemain antarabangsa ini ke negeri Pulau Pinang? Seterusnya menggalakkan nelayan-nelayan tempatan ataupun masyarakat tempatan untuk terlibat diri dalam aktiviti-aktiviti hiliran dan juga huluhan seperti penternakan ikan susu untuk industri tuna dalam negara kita ini.

Dengan itu, sekali lagi saya menyokong akta ini kerana ia memberi manfaat kepada negara dan juga kebajikan kepada masyarakat nelayan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Taiping.

6.49 ptg.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang diberi kepada Taiping mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong pindaan kepada Akta Perikanan 1985. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian atas usaha yang telah diambil untuk membentangkan Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019 untuk tiga objektif utama yang bakal membawa kemajuan kepada industri perikanan negara.

Seperti mana yang sedia maklum, pindaan akta memasukkan laut lepas telah memperluaskan kawasan tangkapan yang sebelum ini dihadkan kepada perairan Malaysia. Walaupun para nelayan akan menghadapi cabaran baharu yang tertentu, saya yakin bahawa pindaan akta ini adalah tepat waktunya dan tibalah masanya untuk para nelayan kita diberi peluang menceburi perairan baharu yang luas terbuka untuk mengambil hasil laut secara produktif dan lumayan berbanding yang sedia ada pada masa ini.

■1850

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mencapai tahap lebihan bagi sara diri bekalan ikan sejak tahun 2010 tetapi masih menghadapi masalah kenaikan harga. Inilah cabaran

yang perlu ditangani. Bukan sahaja memastikan kecukupan sumber tetapi jaminan kemampuan rakyat Malaysia memperoleh protein dalam makanan. Maka, ia harus diurus secara mapan agar bekalan mencukupi berterusan. Pindaan Akta Perikanan yang kita sedang bahaskan adalah penting dan diperlukan untuk menjamin kelestarian industri perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini akan menjadi satu tarikan kepada generasi muda untuk menceburi bidang perikanan yang berteknologi tinggi dan lumayan. Langkah Kementerian membuat pindaan ini dengan jelasnya akan membantu industri perikanan negara ini mengatasi masalah kekurangan golongan muda dalam industri perikanan dan pada masa yang sama membantu dalam hasrat kerajaan mengurangkan pekerja asing dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kini kesediaan teknikal dan kepakaran nelayan kita juga semakin bertambah baik. Kolej Perikanan Malaysia Lumut di negeri Perak telah melahirkan usahawan muda bertaraf komersial dan berskala besar bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti sektor perikanan negara. Pindaan akta ini amat penting kepada negeri Perak kerana Perak merupakan negeri pendaratan ikan laut tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 367,346 tan metrik ikan bersamaan dengan 23 peratus sumbangan kepada keseluruhan pendaratan ikan negara yang bernilai RM2.2 bilion pada tahun 2016.

Memandangkan negeri Perak selaku negeri pendaratan ikan laut terbanyak di Malaysia, saya rasa terpanggil untuk mencadangkan Pelabuhan Lumut juga dapat dimasukkan sebagai pelabuhan tambahan untuk diiktiraf oleh *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC). Diharap cadangan saya akan diperhalusi oleh pihak Kementerian dan saya mengakhiri dengan menyampaikan sokongan saya terhadap pindaan ke atas Akta Perikanan 1985. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Merbok. Silakan. Yang Berhormat Merbok. Tak ada? Yang Berhormat Kinabatangan?

Seorang Ahli: Pun tak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada ya. Yang Berhormat Bukit Bendera.

6.53 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk menyertai perdebatan Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019 bagi meminda Akta Perikanan 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil maklum bahawa rang undang-undang ini merupakan satu *enabling act* yang membolehkan lesen penangkapan ikan tuna di laut lepas atau *high seas* dapat dikeluarkan secara sah di bawah undang-undang dan juga memenuhi obligasi antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi, pada pandangan saya, rang undang-undang ini bukan satu *magic*. Lulus rang undang-undang, kemudian kita terus akan berjaya dalam industri ikan tuna di laut lepas. Banyak kerja lagi perlu dilakukan untuk memajukan industri ikan tuna.

Tuan Yang di-Pertua, industri ikan tuna ini bukan sahaja penangkapan tetapi satu rangkaian industri yang panjang daripada penangkapan, penstoran, pemprosesan, pengeksporan dan satu industri yang amat lumayan. Sebagai wakil rakyat dari Pulau Pinang, mewakili utara Semenanjung, saya ambil maklum tentang pangkalan pelabuhan yang diiktiraf oleh *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC) iaitu di Langkawi dan di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC), kuota penangkapan yang dibenarkan oleh IOTC untuk nelayan-nelayan berasal dari Malaysia ialah 130 unit *vessel tuna* tetapi pencapaian kita hanya 18 unit *vessel tuna* iaitu 13.3 peratus sahaja. Kita masih mempunyai ruang yang besar untuk memenuhi kuota yang dikeluarkan oleh IOTC.

Tuan Yang di-Pertua, potensi pendaratan sebanyak 30,000 tan metrik setahun bernilai RM300 juta dan ini memandangkan ikan *seafood* merupakan makanan terpenting di Malaysia. Akan tetapi, mengikut laporan tahunan yang dikemukakan oleh Malaysia kepada

Scientific Committee of The Indian Ocean Tuna Commission, data tangkapan Malaysia pada tahun 2018 ialah 3,165 metrik tan bernilai USD7.9 juta iaitu lebih kurang RM30 juta sahaja.

Walaupun terdapat tangkapan tambahan daripada segi nilai data tangkapan ikan tuna dan *tuna like*, tetapi ia hanya sekadar *ten percent*, 10 peratus daripada potensi sahaja kerana kuota kita ialah 30,000 tan metrik. Kuota 30,000 tan metrik tetapi pencapaian kita hanya 3,000 tan metrik sahaja, *ten percent* sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah mengkaji laporan negara Indonesia, *National Report to The Scientific Committee of The Indian Ocean Tuna Commission 2018*. Indonesia, jumlah tangkapan tuna sebanyak 165,725 metrik tan iaitu 52 kali ganda daripada tangkapan Malaysia dan terdapat 247 *vessel* Indonesia di Lautan Hindi berbanding 18 unit *vessel* Malaysia di laut lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga membaca laporan *national report Thailand* kepada IOTC. Thailand juga mencatatkan 7,846 metrik tan ikan tuna iaitu lebih dua kali ganda daripada Malaysia. Saya rasa kita ketinggalan di belakang negara-negara ASEAN lain seperti Thailand dan Indonesia daripada segi jumlah *vessel* tuna yang beroperasi di laut lepas of *Indian Ocean* bukan sahaja daripada segi *vessel* tetapi jumlah tangkapan dan juga *landing port*.

Buat masa ini, negara-negara yang aktif di Lautan Hindi adalah Taiwan, Jepun, Vietnam, Thailand dan Indonesia. Mereka suka membuat *landing*— *vessel* tuna mereka akan mendarat di Phuket, Thailand, Tuan Yang di-Pertua. Mereka juga suka mendarat di Aceh, Sumatera tetapi jarang— sebelum itu. *Penang Port* pada masa sebelum itu pernah menjadi tempat *landing port* untuk *vessel* tuna yang sangat aktif pada 1960-an tetapi kebelakangan ini, *landing vessel tuna* ini jarang sudah *landing* di Pulau Pinang. Saya rasa kita perlu mengembalikan ini kepada satu— melabuh balik di Pulau Pinang.

Sebelum ini, terdapat projek Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia (MITP) di Batu Maung, Pulau Pinang tetapi projek MITP ini telah gagal dan telah berakhirnya pengurusan yang tidak cekap seperti yang dilaporkan dalam laporan PAC tahun 2011.

Saya juga membaca surat khabar bahawa Kedah telah mengumumkan pembinaan Terminal Perikanan Bersepadu Kedah (KIFT) yang menjadikan utara Kuala Kedah sebagai pangkalan hab perikanan tuna.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, hala tuju untuk hab perikanan tuna moden antarabangsa ini sama ada perancangan baru untuk *jumpstart*, mengaktifkan semula *tuna port* di Batu Maung, Pulau Pinang, Langkawi dan Kedah? Kita boleh bekerjasama sebagai *partner*, sebagai tempat untuk melabuh, *twin landing port* di utara Semenanjung Malaysia di Kedah, di Pulau Pinang untuk memberikan saingan kepada pesaing kita iaitu Phuket dan juga Aceh memandangkan industri ini amat lumayan.

Saya sering mendengar rungutan nelayan-nelayan bahawa tangkapan kurang, stok ikan yang kurang dan sebagainya. Ini kerana nelayan-nelayan kita biasanya hanya membuat tangkapan di pesisiran pantai yang kalau dalam bahasa Inggerisnya, *ridge ocean*, tetapi stok ikan yang banyak di *blue ocean* di Lautan Hindi ini kita belum mempelopori secara khususnya.

■1900

So itu yang saya ingin mendengar perancangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam mentransformasikan industri perikanan kepada moden dan antarabangsa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri berkenaan dengan isu-isu yang saya bangkitkan supaya rang undang-undang ini boleh membuat kawal selia terhadap *illegal unreported, unregulated fishing activities* iaitu IUU seperti yang diadakan di peringkat antarabangsa. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri dan saya rasa ini dapat membantu kita untuk memastikan bahawa industri perikanan kita boleh secara mampan dirancang dengan baiknya untuk memberikan kebaikan kepada komuniti nelayan di negara kita.

Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekarang saya jemput pembahas yang terakhir, Yang Berhormat Jelutong.

7.01 mlm.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang lama, barangkali mungkin boleh diringkaskan dalam masa satu dua minit.

Pertamanya saya bangun kerana ingin mempertahankan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian tadi tentang tuduhan-tuduhan yang dibuat berkenaan dengan penambakan tanah di Pulau Pinang di mana beliau mengatakan bahawa ada rungutan daripada pihak nelayan di Pulau Pinang tentang projek ini. Saya di sini mohon Menteri memberi perhatian kepada perkara ini dan pada masa yang sama menjelaskan bahawa segala proses penerangan dan juga perbincangan serta makluman telah pun dibuat dengan pihak nelayan yang terlibat di kawasan Balik Pulau di mana Timbalan Yang di-Pertua sendiri yang merupakan mantan Ahli Parlimen Pantai Jerjak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, betul.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Memahami bahawa segala langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah dalam dasar menunjukkan keprihatinan. Kalaupun ada apa-apa rungutan yang berbangkit, semua masalah yang dihadapi oleh para nelayan di situ akan diselesaikan di mana masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka sama ada masalah penempatan semula, masalah pemberian pampasan dan sebagainya akan diberi perhatian. Itulah perkara pertama.

Kedua, perkara yang ingin saya menyeru Menteri memberi perhatian adalah perkara yang telah dibangkitkan oleh ramai pembahas pada hari ini dan juga telah dibangkitkan oleh saya sendiri ketika saya bertanyakan soalan pagi tadi iaitu adalah, kenapakah nelayan-nelayan daripada luar negara masih mencerobohi lautan Malaysia? Kenapakah mereka rasa mereka boleh mencerobohi lautan Malaysia begitu sahaja, mencuri pendapatan ataupun memancing ikan di lautan kita dan meninggalkan lautan kita begitu sahaja.

So, ini adalah perkara yang perlu diberi perhatian oleh Yang Berhormat Menteri di mana saya sekali lagi ingin menyeru Yang Berhormat Menteri supaya bukan sahaja kita menambah aset tetapi mengambil tindakan-tindakan yang lebih tegas seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tumpat. Mungkin beliau cuba menyindir saya tetapi kenyataan yang telah dibuat oleh saya pagi tadi adalah sentimen yang bermain di minda nelayan. Di kawasan Jelutong juga banyak nelayan yang mengalami kesan akibat daripada pencerobohan yang dibuat oleh nelayan-nelayan daripada luar negara kerana hasil pendapatan mereka makin lama makin kurang. Bukan sahaja itu, pada masa yang sama mereka juga menghadapi ancaman daripada nelayan-nelayan dari luar negara, daripada Thailand dan Indonesia.

So, ini adalah perkara-perkara yang saya rasa harus diberi perhatian yang begitu serius. Saya sekali lagi ingin menyatakan sokongan saya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau tindakan yang lebih tegas diambil, kalau boleh tenggelamkan bot mereka, kalau boleh beri amaran tembakan kalau mereka enggan beredar daripada perairan Malaysia. Ini adalah perkara-perkara yang saya ingin memberi sokongan kepada Yang Berhormat Menteri dan mohon ulasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seramai 32 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas rang undang-undang ini. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, 30 minit.

7.05 mlm.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya rasa berbaloi duduk sepanjang hari

mendengar perbahasan yang saya rasa paling menarik dan saya rasa semua Ahli Yang Berhormat membuat *homework* yang baik dan saya seronok menjadi pendengar yang baik. Saya rasa isu yang berkaitan dengan nelayan, yang berkaitan dengan Akta 317 ini walaupun hanya menumpukan tiga aspek pindaan tetapi semuanya dekat di hati kita semua. Saya rasa hampir semua kawasan-kawasan Parlimen dalam negara kita ini ada golongan nelayan yang sememangnya menjadi suatu yang kita perjuangkan bersama.

Sewaktu saya masuk pejabat pada bulan Mei 2018 dan mendengar perbahasan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat sama ada di sebelah sini ataupun rakan-rakan di sebelah sana, saya rasa kita boleh berkongsi satu pandangan iaitu golongan ini mesti dikeluarkan daripada garis kemiskinan. Itulah yang merupakan suatu tanggungjawab besar yang saya letakkan dan saya telah memulakan secara serius, mesyuarat di peringkat kementerian yang saya mengutamakan yang pertama adalah sektor padi dan beras negara yang hampir selesai. Insya-Allah minggu depan saya akan mula dengan serius untuk kita memulakan mesyuarat dengan sektor perikanan.

Daripada Yang Berhormat Kuala Kedah yang memulakan perbahasan sehinggalah Yang Berhormat Jelutong yang paling akhir, 32 orang pembahas, saya ucapkan terima kasih di atas segala input dan termasuklah Yang Berhormat Sungai Petani dan saya rasa daripada Yang Berhormat Paya Besar yang telah memberikan pandangan yang bersifat *out of the box*, yang saya rasa saya akan memberikan tumpuan dan saya akan memberikan suatu fokus terhadap pandangan-pandangan itu.

Tidak mungkin Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 30 minit yang saya diberikan, saya mampu untuk menjawab satu persatu 32 orang Ahli Yang Berhormat yang membuat ucapan. Saya ingin memfokuskan kepada tiga perkara besar yang saya rasa semua perbahasan pergi kepada tiga agenda yang utama ini. Yang pertama tentang industri laut lepas ataupun *high seas* yang kementerian bertanggungjawab untuk memberikan laluan kepada pemain-pemain industri ini untuk mengambil bahagian. Saya faham tetapi Yang Berhormat pun tadi yang berucap pun faham di samping kita menyantuni dan menyentuh golongan nelayan kecil di pantai-pantai ini, kita pun tak boleh terleka bahawa industri ini juga berlari jauh. Oleh itu jangan kita ketinggalan daripada mengejar suatu keuntungan yang kita pasti di samping golongan sasar ini akan tetap kita perjuangkan.

Saya mengambil contoh Yang Berhormat, walaupun mungkin tidak sempurna lagi. Bila kita memfokuskan industri durian, *the whole frozen fruit* itu telah boleh masuk ke *market* China yang begitu besar dan kita memastikan *the whole value chain* itu dapat kita pastikan berjalan dengan baik. Tahun ini musim durian hampir merata seluruh negara. Setakat ini saya tidak dengar lagi peruncit-peruncit tepi jalan harga durian kampung sekalipun 50 sen, 50 kupang, tidak ada dah. RM5, RM10 dan ada yang kita bantu menjadi kebun-kebun mereka ini sebagai destinasi *agrotourism*. Mereka datang ke kebun-kebun dan Alhamdulillah pendapatan mereka bertambah. Ini suatu kegembiraan. [*Tepuk*] Kementerian tolong, *regardless who you are*. Saya *colour blind*, saya tidak pilih bulu. Siapa yang maju, ada kebun, berusaha, kita majukan.

■1910

Demikianlah industri tuna ini, yang saya rasa kita kena bantu mereka, bermula dengan permintaan satu atau dua *company*. Akan tetapi *alhamdulillah*, kita telah mendapat beberapa jaminan vesel-vesel yang kita boleh hitungkan. Ahli Yang Berhormat tadi berbahas tentang vesel-vesel yang kita lesenkan. Kita akan cermati supaya sama ada vesel itu daripada Turki, daripada negara China yang boleh kita beli dengan murah. Akan tetapi, kita tidak akan berlaku lagi, *insya-Allah*, dengan kerjasama kita semua dan penguatkuasaan yang kita cukup teliti sekarang ini, dengan Ops Naga yang telah kita perhitungkan dalam Kabinet.

Saya hendak beritahu dan memberikan jaminan kepada nelayan kita, setakat Kabinet minggu lepas, kita tidak akan memberhentikan Ops Naga [*Tepuk*] malah kita akan kuatkuasakan dengan sepenuh aset yang ada. Empat kementerian tetap bergabung iaitu MOA, *Defence*, KDN dan juga Kementerian Luar Negeri yang akan terus bekerjasama bagi memastikan kita dapat – Saya tidak hendak cakap besarlah. Hendak cakap kita boleh 100 peratus itu, nanti orang kata Yang Berhormat Menteri tidak – Sombong atau angkuh. Akan tetapi paling tidak pun, dalam tempoh tidak sampai tiga bulan, Yang Berhormat, kita telah menangkap lebih kurang 52 vesel. Kita akan hadapkan mereka ke mahkamah tanpa kompromi [*Tepuk*].

Apabila akta ini kita boleh luluskan pindaannya, ia memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri. Itu saya akan gunakan kuasa itu sebaik-baiknya untuk membuat satu *wise discretion*, dengan izin, dengan tidak berlaku zalim. *Justice must be served*. Akan tetapi *insya-Allah*, *bottom line*-nya, perairan negara, kepentingan nelayan akan menjadi perhitungan negara ini, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Kedah, saya akan baca setakat yang saya boleh baca ...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Ya?

Seorang Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Biar saya mula dulu Yang Berhormat. Saya akan berikan laluan nanti.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tentang ...

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Biar ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Biar, biar Yang Berhormat Menteri mulakan dulu. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Okey, baik. Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Puncak Borneo dan Yang Berhormat Sibuti, membuat beberapa syor supaya Kuala Kedah ada pusat latihan dan hab pemprosesan tuna. Ya, satu idea yang cukup baik. Kebergantungan kru asing, penglibatan SPRM dalam penguatkuasaan jika tangkapan 11.8 batu nautika di mana syarat lesen 12 batu nautika, elemen budi bicara digunakan dalam penguatkuasaan isu vesel klon Vietnam.

Yang Berhormat, pada masa ini, kerajaan telah pun mempunyai Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Lumut, Perak dan Akademi Perikanan Malaysia, Chendering, Terengganu. Kedua-dua akademi ini menawarkan program latihan peringkat sijil dan diploma, iaitu Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dalam bidang perikanan tangkapan. Sehingga kini, dianggarkan secara purata, seramai 600 orang setahun telah mengikuti kursus-kursus jangka pendek dalam bidang perikanan.

Sekiranya *Kedah Integrated Fishery Terminal* (KIFT) berjaya dilaksanakan, pusat latihan di Kuala Kedah boleh dipertimbangkan oleh kementerian dan kerajaan kerana sememangnya kapasiti bagi menghasilkan tangga kerja dalam bidang perikanan harus ditambah pada semasa ke semasa. Ini kita akan melihat *development*, perkembangan yang akan berlaku kerana Yang Berhormat, industri ini saya yakin ia semakin membesar dan akan memulangkan hasil yang baik kepada negara. Oleh itu, kedua-dua pusat ini telah berjaya melahirkan paling tidak pun tenaga mahir yang boleh bekerja di vesel-vesel nanti, sama ada di laut dalam ataupun di laut lepas.

Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah mengambil tindakan sewajarnya dengan membangunkan SOP yang ketat dan telus bagi memastikan tidak ada unsur-unsur rasuah atau campur tangan dalaman dalam urusan pelesenan. Segala permohonan Lesen Vesel Laut Dalam juga perlu melalui proses Jawatankuasa Penilaian Permohonan Permit Laut Dalam.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Besar tadi, Yang Berhormat Pontian pun bangkitkan, Yang Berhormat Parit Sulong pun bangkitkan, tentang Harian Metro yang mendedahkan satu sindiket, satu komplot mengklonkan vesel-vesel kita di Vietnam, saya minta Yang Berhormat berikan ataupun pegawai-pegawai saya dapat laporan itu, dia ada *number* bukan? *Number* plat itu. Saya akan mengambil tindakan yang tegas. [*Tepuk*] Dia tidak boleh lari. Jadi vesel itu, siapa punya, siapa tuannya, siapa dia punya tauke, ada di situ. Kita tidak boleh berkompromi, *insya-Allah*. Itu jaminan yang saya berikan. Saya mengharapkan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia mengambil tindakan yang sewajarnya dan memberi *report* kepada saya dengan serta-merta.

Yang Berhormat Setiawangsa dan Yang Berhormat Paya Besar, kemungkinan pencerobohan vesel ...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Mencilah sedikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Ya, tadi siapa?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: [Tidak jelas]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Beruas tadi, Yang Berhormat Beruas.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Bagi Yang Berhormat Beruas dulu, kemudian Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Okey, terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya setuju bahawa pihak kerajaan kita ini mesti tegas tentang mereka yang masuk ke perairan Malaysia. Akan tetapi, masalah yang biasa timbul ialah kalau setiap negara menyatakan ketegasan masing-masing untuk melucut atau menghancurkan bot yang dikatakan masuk ke perairan mereka. Begitu juga dengan denda yang begitu tinggi.

Saya mendapat banyak aduan salah guna kuasa oleh pihak penguat kuasa kerana kalau dikatakan akan dihadapkan ke mahkamah Malaysia, berjuta-juta akan dikenakan dan bot akan dilucutkan atau ditenggelamkan. Tawaran rasuah ini memang akan berlaku. Ini berlaku dan juga kita mendapat aduan daripada nelayan kita di mana penguat kuasa pihak Indonesia, kadang-kadang menangkap bot kita dan masuk ke perairan mereka. Kemudian, menuntut untuk dibayar rasuah. Ini kerana kalau pergi ke sana, kita pun tahu, bot yang ratusan ribu ataupun juta ini akan disita dan dilucutkan.

Jadi, saya ada satu cadangan. Setiap bot di mana dipertikaikan bahawa mereka ada atau tidak memasuki ke perairan negara jiran, hanya boleh diputuskan dengan wakil dari kedua-dua negara untuk menyelesaikan kes ini. Ini kerana saya rasa kalau tidak, banyak salah guna kuasa termasuk dalam perairan kita sendiri. Nelayan banyak yang mengadu kerana mereka mengatakan mereka menangkap ikan di luar 5 *nautical miles*. Akan tetapi, penguat kuasa mengatakan mereka dalam 5 *nautical miles*. Akan tetapi kalau pergi ke mahkamah, saya sudah katakan tadi, memang bot akan dilucutkan dan dapat balik bot pun mesti ratusan ribu atau juta untuk mengeluarkan bot, mereka sudi membayar rasuah.

Jadi, cadangan saya, adakah Yang Berhormat Menteri setuju kalau dipertikaikan bahawa bot kita masuk ke Indonesia atau Indonesia masuk ke kita, kalau dipertikaikan, kedua-dua wakil kerajaan mestilah membuat satu siasatan sebelum mana-mana negara melucut ataupun merampas bot mereka?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan syabas atas komitmen Yang Berhormat Menteri atas laporan yang dibuat oleh Harian Metro. Saya kira apabila saya meneliti dan berbincang dengan rakan-rakan wartawan yang pergi membuat siasatan sebenarnya, Yang Berhormat Menteri. Ada dakwaan semasa mereka membuat penyiasatan bahawasanya *license* yang dialibabakan dan dipajakkan ini, apabila dia dapat saja *license*, tawaran yang diberikan RM40,000 ke RM100,000 Yang Berhormat Menteri, satu jumlah yang besar. Itu yang pertama.

Kemudiannya, *license* ini diberikan kepada orang tengah. Orang tengah ini Yang Berhormat Menteri fasih bercakap Bahasa Melayu. Ini bermaknanya urusan mereka agak mudah kerana memahami bagaimana corak dan budaya kerana mereka juga mempunyai talian persaudaraan dan keluarga yang berada di Malaysia ini. Akan tetapi, yang risaunya saya ialah apabila dapatan-dapatan skuad ini menunjukkan bahawasanya spesifikasi itu ada *tolerance*. Apabila dibawa ke jeti-jeti untuk dibuat dan disiasat sama ada memenuhi spesifikasi seperti mana *license* yang telah dikeluarkan itu, ada *tolerance*, 10 peratus ke 20 peratus Yang Berhormat Menteri.

■1920

Jadi dakwaan inilah yang saya harap Yang Berhormat Menteri harus lihat kerana saya yakin kita mesti lihat mengapa ada wujudnya orang tengah dan kalau pegawai Yang Berhormat Menteri membacalah laporan dalam Harian Metro jelas menunjukkan bahawasanya dia siap *offer* lagi kepada orang yang menyamar ini supaya balik mencari *license*.

Ini perkara yang membimbangkan kerana apa orang melihat kita bukan sahaja rakyat Malaysia tetapi industri ini merupakan industri antarabangsa apatah lagi kita merujuk kepada UNCLOS dan IOTC. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab Yang Berhormat Beruas dahulu. Sebenarnya pada bulan Oktober sewaktu saya bersama-sama dengan rakan-rakan Yang Berhormat Menteri di Pertanian ASEAN, Mesyuarat Menteri Pertanian ASEAN saya telah mengadakan mesyuarat dengan Yang Berhormat Menteri rakan sejawat saya daripada Vietnam bersama dengan pegawai Ketua Pengarah Perikanan dan kita telah pun memberikan kepada mereka fakta-fakta tentang berlakunya pencerobohan vesel-vesel mereka dalam perairan kita.

Setakat itu yang kita boleh buat di meja diplomatik. Saya tidak boleh buat lebih daripada itu. Kita cuma boleh memberikan mereka laporan dan berharap kerjasama yang baik daripada Vietnam untuk mengatasi isu itu dan pada bulan hadapan ini Yang Berhormat Perdana Menteri sendiri akan pergi ke Vietnam dalam mesyuarat peringkat ASEAN dan saya telah bawa dalam kabinet untuk perkara itu juga dibawa sebagai satu agenda dalam mesyuarat.

Esok Yang Berhormat, malam ini Ibu Susi sudah sampai, punya susah hendak jumpa dia. Kita sudah buat *appointment* hampir tiga bulan tetapi mungkin sudah menang pilihan raya dia pun sudah rasa boleh menang dan sudah lantik jadi Menteri dia datang. Dengan cepat dia datang dan esok pukul 3.00 petang saya akan berjumpa dengan Ibu Susi dan kita akan dengan segala fakta-fakta yang ada peranan *vessel* yang ditahan di kawasan yang menjadi pertikaian, di kawasan sempadan yang masih lagi dirundingkan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, isu pengguguran sempadan masih tidak selesai. Menteri Luar Negeri masih lagi dalam proses untuk merundingkan perkara itu. Jadi dalam bidang kuasa yang saya ada, esok *insya-Allah* saya akan rundingkan isu-isu yang berkaitan dengan penahanan bot dan apa yang berlaku saya akan buat yang terbaik. Kalau hendak dikatakan termasuk Yang Berhormat Paya Besar berlaku rasuah, berlaku tawaran. Kita kerajaan yang terbuka, saya hargai wartawan-wartawan yang pergi itu untuk membuat suatu *fact finding mission*, itu saya hormat sebagai membantu kita.

Akan tetapi sebagai Menteri saya punya pegawai dan saya harus menegakkan *rule of law*. Setiap prosedur akan saya teliti dan saya tidak akan berkompromi sekiranya vesel-vesel yang didaftarkan itu sama ada diberikan oleh orang tengah, ada berlaku *rent seeker*, mereka tidak ke laut, mereka dapat lesen bot dalam mereka penggunaan seperti itu menghilangkan hasil negara yang ini saya *insya-Allah* akan memberikan satu tindakan yang tegas dan saya akan laporkan balik kepada Parlimen dalam sesi akan datang apakah tindakan-tindakan yang akan kita lakukan terhadap mereka ini. [*Tepuk*].

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: [*Bangun*]

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Nanti dahulu, Yang Berhormat Pontian. Saya ada ini, ada. Duduk dahulu. Fasal yang mana itu saya ada.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Fasal pertemuan petang esok ada cadangan tidak?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Duduk, duduk.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Nanti saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Jelutong, jangan ganggu. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Yang Berhormat Setiawangsa dan Yang Berhormat Paya Besar, kemungkinan pencerobohan vesel ke Indonesia yang menggunakan *no vessel* Malaysia ialah *vessel clone* bukan vesel asal yang sah dilesenkan di Malaysia.

Oleh itu ia tertakluk kepada tindakan penguatkuasaan daripada pihak Indonesia tetapi jika benar ia melibatkan vesel-vesel Malaysia maka kita akan mengambil tindakan tegas yang saya telah katakan tadi.

Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Kuala Terengganu, dan Yang Berhormat Kemaman yang mencadangkan *shoot on sight*, hukuman sebatan, penguatkuasaan yang lebih tegas dan menggerunkan. Sebarang tindakan penguatkuasaan haruslah selaras dengan perundangan semasa. Pada masa ini vesel-vesel yang ditangkap, dibicarakan dan disabitkan akan dilucut hak.

Jadi *step* pertama kita dakwa bawa ke mahkamah dan dengan pindaan yang kita akan luluskan ini mahkamah kita akan melucutkan hak mereka dan kemudian terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri ataupun yang memberikan kuasa kepada ketua pengarah untuk mengambil tindakan. Saya sudah berikan nasihat oleh pegawai, vesel-vesel kayu ini kita tidak boleh tenggelamkan nanti dia pecah, dia timbul dan dia akan mendatangkan masalah. Jadi kita mungkin ambil tindakan untuk musnahkan dengan cara yang terbaik.

Kalau hendak sebut bakar nanti kita akan hadapi pula isu dengan alam sekitar. Jadi kita akan fikir cara yang terbaik, yang besi ini kita tenggelamkan, insya-Allah.

Seorang Ahli: Lelong, lelong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lelong, lelong.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Ataupun kita akan bincangkan nanti, kita akan bincangkan nanti ya yang terbaik.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dilelong Yang Berhormat Menteri, lagi baik Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Akan tetapi cadangan untuk sebat ini dan juga *shoot on sight* ini kalau mengikut Artikel 79, *United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS)*, jelas tidak membenarkan hukuman penjara kepada pesalah di bawah undang-undang perikanan. Oleh itu sebatan juga tidak boleh kita kenakan. Jadi kita harus juga patuh kepada undang-undang ini. Akan tetapi untuk tenggelamkan itu saya rasa satu jalan yang baik dan Indonesia dan Thailand sudah buat. Jadi *why not* kita berlaku tegas terhadap isu-isu yang melibatkan vesel yang mencerooboh ini.

Yang Berhormat Mersing mencadangkan supaya kolaborasi dengan negara seranta untuk penguatkuasaan, Yang Berhormat Puncak Borneo mencadangkan aset penguatkuasaan perlu ditambah. Yang Berhormat tentang aset yang melibatkan APMM saya tidak punya *authority* untuk menjawab berapa jumlah, berapa yang boleh digunakan kerana itu adalah merupakan isu-isu keselamatan negara yang KDN yang harus menjawab.

Akan tetapi kolaborasi di antara empat kementerian itu sangat diperlukan. Saya kena percaya bahawa *insya-Allah* apabila ekonomi kita pulih dalam masa 2-3 tahun ini kita akan mendapat membeli aset-aset yang lebih banyak untuk kita mengawal keselamatan negara kita. Untuk itu untuk aset yang melibatkan isu APMM setakat itu yang saya boleh jawab. Itu yang sebelah sana pun fahamlah sebab dahulu duduk dalam kerajaan sebab kami akan menentukan bidang kuasa masing-masing.

Kerjasama dalam bidang perikanan di peringkat ASEAN dilaksanakan melalui *ASEAN Sectoral Working Group on Fisheries*. Di bawah platform AMAF, *ASEAN Ministerial in Food and Forestry*, Jabatan Perikanan merupakan *contact point* untuk *working group*. Selain daripada kerjasama teknikal, *working group* ini membincangkan *Regional Plan of Action (RPOA) on IUU Fishing*. *IUU* ini *Illegal Unreported and Unregulated* ini adalah di bawah FAO, di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang kita harus *oblige* dengan segala peraturan yang mereka tetapkan.

Selain daripada platform ASEAN, Malaysia juga turut mengadakan kerjasama secara bilateral dengan negara-negara ASEAN yang selain seperti Indonesia, Vietnam dan Thailand. Kementerian sedang bekerjasama dengan Kementerian Kelautan dan Perikanan Indonesia saya sudah jawab tadi, esok akan ada satu pertemuan dan juga mesyuarat bersama Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga AMAF yang akan diadakan pada bulan September ini. Juga akan kita bawa kepada isu ini untuk kepentingan negara kita. Ya, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, saya ingin membawa kepada perundingan tahunan Malaysia – Indonesia ke-12 bahawa Presiden Jokowi dan Yang Berhormat Pekan pada ketika itu merumuskan bahawa iaitu nelayan yang ditangkap di perairan yang dipertikaikan itu dibebaskan. Malaysia bebaskan nelayan Indonesia, Indonesia membebaskan nelayan Malaysia.

Apa yang saya ingin tahu adakah perkara ini akan diteruskan buat masa ini dan berapa banyak nelayan yang ditangkap dan dibebaskan. Saya pernah terlibat sehingga ke rayuan Presiden SPY untuk melepaskan tiga nelayan Pontian, sukar sekali pada ketika itu sehinggalah ada persefahaman antara dua Presiden dan Perdana Menteri, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri.

■1930

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Terima kasih kerana membantu saya. Pengalaman di kerajaan dulu dan demikianlah saya pada hari ini, *engagement* tidak boleh putus. Hubungan baik harus dipertingkatkan. Dengan Indonesia ini anggap mereka ini abang, kita adik. So, seni diplomatik itu harus diperkemas dan saya rasa dan saya difahamkan waktu itu *you* betul main golf. Sambil main golf itu bincang. Tapi Yang Berhormat *vesel* tidak pernah dapat, minta maaf. Orang dilepaskan tapi dengan bayaran yang begitu tinggi yang saya rasa Yang Berhormat pun maklum. Oleh itu...

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Yang dululah. Sekarang ini saya pun faham bahawa yang sudah ditahan kita ada suatu data yang dibekalkan oleh Jabatan Perikanan – AIS yang boleh menentukan koordinasi ataupun lokasi di mana *vesel* kita ditahan dan dalam pengalaman kita berunding secara profesional dengan pihak Kementerian Kelautan itu, sekiranya kita betul-betul ada bukti yang *empirical*, yang kita boleh buktikan ditahan dan diheret ke wilayah mereka, kes-kes sebegini ada *vesel* kita yang dilepaskan. Tapi kalau sah masuk dalam perairan mereka, tidak pernah ada satu *vesel* pun yang dapat kita selamatkan. Melainkan orang itu boleh kita rundingkan. Itu setakat itu yang boleh saya berikan kepada Yang Berhormat Pontian.

Yang Berhormat Tanjung Karang, ada, Yang Berhormat Kemaman, ada, Yang Berhormat Paya Besar ada di sini. Definisi laut dalam dan laut lepas. Laut lepas ialah kawasan laut yang di luar daripada bidang kuasa Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE), laut wilayah atau perairan kumpulan sesebuah negara. Manakala laut dalam bermula daripada perairan negara hingga Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Ini mudahlah kalau lautan. Jadi bila di lautan kita adalah menjadi anggota kepada *Indian Ocean Tuna Commission* dan kita tertakluk kepada peraturan dan undang-undang dan kita menjadi ahlinya sejak tahun 1998 dan ketika itu juga tertakluk kepada IUU yang telah ditetapkan oleh FAO di bawah United Nation.

Yang Berhormat Kuching yang saya rasa telah berucap dengan *homework* yang bagus yang membangkitkan tentang SOP, penguatkuasaan rakyat asing. Jabatan Perikanan bersama APMM telah membangunkan SOP penguatkuasaan di bawah Akta Perikanan 1985 bagi *vesel* penangkapan ikan tempatan dan asing. Penyelarasan SOP antara agensi terlibat sentiasa dikemas kini dari masa ke semasa melalui jawatankuasa pelarasan antara agensi yang ditubuhkan. Jadi Yang Berhormat Kuching problem nya adalah saya faham adalah balik kepada penguatkuasaan dan penguatkuasaan ini tertakluk kepada kekuatan sumber manusia kita, *officers* kita dan juga aset-aset kita. Jadi ini ialah jaminan-jaminan yang kita boleh berikan setakat ini yang terbaik, yang boleh kita kolaborasikan adalah Ops Naga. *The next* nanti insya-Allah saya akan terus berjuang dalam Kabinet untuk mempertingkatkan lagi peranan empat kementerian untuk kepentingan nelayan kita.

Yang Berhormat Kangar, berkaitan dengan kes pencerobohan nelayan asing dan pelaksanaan PLKS dan jumlah tangkapan tuna. Jumlah, okey ini jumlah pencerobohan dana asing sebanyak 1,309 sehingga 11 Jun 2019. Ini jumlah tangkapan. Tindakan diambil dengan pendakwaan di mahkamah dan dikenakan penalti sebanyak RM1 juta yang sedia ada dengan pindaan baru pada RM6 juta iaitu yang akan kita pinda pada hari ini bagi tekong. Manakala krew sebanyak RM100 ribu kepada RM600 ribu. Kita akan kuatkuasakan PLKS bagi menjaga kedaulatan undang-undang negara yang sedia ada di mana perundangan tersebut adalah di bawah bidang kuasa Imigresen.

Untuk tiga tahun lepas, jumlah tangkapan tuna – ini yang ada meminta saya memberikan sedikit statistik tadi. Untuk 2016 jumlahnya ialah 1,780 tan metrik. 2017 – 2,782 tan metrik, 2018 – 3,186 tan metrik. Maknanya jumlah ini meningkat dan permintaan *suppliers* pun semakin banyak.

Yang Berhormat Sibuti, cadangan pelantar minyak diguna sebagai penguat kuasa cadangan menggunakan pelantar untuk agensi penguatkuasaan dimajukan kepada KDN. Yang ini kita akan majukan kepada KDN. Tuan Yang di-Pertua, dengan budi bicara, bolehkah minta disambung sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh sambung sedikit lagi.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Sebab meraikan kawan-kawan yang setia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya masih ada dalam Dewan.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Termasuk Yang Berhormat Kota Tinggi yang sudah banyak kita bantu. Ya Yang Berhormat Bagan Serai.... [*Dewan riuh*][Ketawa]

Dua saja. Yang Berhormat Bagan Serai – penglibatan bumiputera dalam industri ini dengan pembukaan laut lepas secara sah akan memberikan peluang kepada nelayan tempatan untuk terlibat dengan industri tuna. Yang ini Yang Berhormat saya mesti cermat ya. Banyak permohonan, banyak *proposal* khususnya daripada pemain-pemain antarabangsa. So kita tidak hendak apa yang dikatakan untuk meraih satu pendapatan yang besar ini, kita tinggalkan. So kita harus memikirkan *the whole value change* dan semua mesti manfaat, *all must benefit*. Itu konsep yang saya akan aplikasikan dalam dasar ini. Oleh itu pegawai saya sedang teliti untuk melihat permohonan dan konsepnya mestilah ada pemain-pemain pada anak tempatan, syarikat anak tempatan mesti masuk bersama dalam bentuk *joint venture*. Kita tidak lepas begitu saja dan syarat-syarat yang mungkin akan kita berikan itu akan memberikan keuntungan bersama. Oleh itu daripada *up stream, middle stream* dan kepada *down stream* itu harus kita bangun. Bila kita dapat bangunan *the whole value change* itu dan *the whole ecosystem* itu, saya yakin dan percaya dengan pemantauan yang punya integriti dan *transparency* saya harap insya-Allah semua akan mendapat manfaat.

Yang Berhormat Paya Besar lagi sekali, adakah pindaan akta ini akan memberikan peluang ekonomi yang baik. Saya rasa saya sudah jawab secara umum.

Yang Berhormat Kemaman, pemberian lesen kepada nelayan asing. Setakat ini kementerian tidak pernah mengeluarkan lesen penangkapan ikan kepada nelayan asing kecuali berlaku penyelewengan, tukar kulit, klonkan vesel, itu secara spesifik kes-kes sebegitu saya tidak boleh *hear say*, saya harus mengambil tindakan yang mengikut prosedur dan kementerian akan mendapatkan bukti-bukti yang lengkap dan sekiranya berlaku, kita tidak akan bertolak ansur termasuk merampas kembali lesen-lesen mereka. Itu tindakan yang insya-Allah akan kita ambil.

Yang Berhormat Lipis, adakah menangkap ikan sungai menggunakan bom diambil tindakan tegas. Menangkap ikan menggunakan bahan letupan bom merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang negeri, kaedah perikanan sungai negeri masing-masing. Itu saya rasa negeri yang mengambil tindakan termasuk yang berlaku di Sabah baru-baru ini bila ditanya tentang komen saya sebagai Menteri MOA, saya menyatakan bahawa kita menunggu laporan daripada polis dan saya akan merujuk kes itu kepada kementerian Pertanian Sabah dan tindakan seterusnya ialah terpulang kepada pihak polis untuk mengambil tindakan.

Yang Berhormat Sibui, masih lagi menggunakan vesel kayu. Mana-mana vesel yang pohon permit tahun lepas perlu mematuhi standard dan memiliki sijil layak layar selari dengan instrumen antarabangsa. Pindaan akta pada kali ini tidak merangkumi aspek ini tapi DOF, Jabatan Perikanan telah mengeluarkan dasar pemodenan vesel pada tahun 2017 bagi mematuhi keperluan ini. Untuk maklumat Yang Berhormat, itu peraturan tetapi saya juga menerima beberapa aduan, hendak buat dekat Malaysia mahal, hendak buat vesel di Malaysia ini mahal. Jadi kenapa tidak ada yang memberikan pandangan kita beli vesel-vesel yang mungkin kalau kereta ini *recon*, yang masih baik, yang boleh kita bawa masuk. Polisi ini saya kena ubah kalau saya mahu membuat. Tapi saya harus dulu melihat daripada keseluruhan rantaian nilai itu. Kalau hendak tunggu vesel itu dibuat di Malaysia dengan harga yang begitu mahal, nanti tidak ada hasilnya. Kita mungkin ada polisi yang bagus tetapi tidak

memberikan manfaat kepada semua. Jadi kalau saya lihat polisi itu perlu kita ubah, maka saya rasakan isu penguatkuasaan mesti mengambil tempat.

■1940

Ada orang kata macam mana kalau berlakunya macam tadi dia boleh klon, dia boleh tukar kulit, tukar enjin dan seumpamanya. JPJ boleh buat, kalau dia betul-betul kuatkuasakan. Jabatan Kimia boleh mengambil tempat untuk periksa enjin kalau dia tukar *chassis number* ataupun nombor enjin. *So, why not* kepada *vessel* antarabangsa? Kalau *vessel* daripada Turki murah— Turki ini negara EU. Kalau *vessel* dia yang *latest* itu boleh kita beli dengan harga yang murah, kenapa tidak kita beli? Jadi, itu jawapan setakat ini, Yang Berhormat, supaya saya tidak kelihatan *rigid* dengan polisi yang ada dan kita tidak berkembang.

Macam kita beli kereta *recon*, kita *unregistered* lah dekat negara asal dia. Masuk ke Malaysia, kita *register* dengan JPJ kita. Begitu juga dengan vesel-vesel ini. Tentang sama ada dia hendak klon, dia hendak tukar itu, tukar ini, itu penguatkuasaan. Kalau kita berjaya untuk memastikan kita boleh kuat kuasa, *why not?* Supaya industri ini kita boleh *grow* pada masa akan datang. Itu cadangan yang saya rasa masih saya *open-ended* supaya kita tidak *rigid* tetapi yang penting kita melihat keseluruhan *progress* itu supaya nelayan-nelayan kita ini dapat maju pada masa akan datang.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Menteri, sedikit.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Ya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya tidak ada masalah, Yang Berhormat Menteri, apabila kita hendak beli vesel itu daripada luar kerana pembinaan vesel dalam negara ini masih belum mencapai tahap sepertimana disebut Yang Berhormat Menteri. Cumanya, apabila kita beli daripada luar, yang saya maksudkan tadi ada *tolerance* 10 ke 20 peratus. Katakan spesifikasi dah tentukan begini caranya, ada *tolerance* di peringkat badan yang menyemak spesifikasi itu.

Jadi, saya mengharapkan sangat— kita pakai yang luar, pakailah yang luar kerana mungkin di negara kita teknologi belum capai kepakaran kita, *offset* kita belum ada. Akan tetapi, jangan ada *tolerance*. Dia mesti memenuhi 100 peratus spesifikasi sepertimana pihak kementerian telah tentukan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Maknanya macam kereta tadi, masuk ke *airport* kita, maka Kastam akan tengok, akan *check* semua borang dan semua peraturan, dan kalau maknanya menepati, lepas. Kalau tidak menepati, tidak lepas. Kalau berlaku *kautim*, komisen, itu *let the law take its course*. Kita ada SPRM, kita ada polis dan sebagainya. Akan tetapi, jangan itu menghalang kita. Itu yang saya tidak mahu. Okey.

Yang Berhormat Pontian bangkitkan tentang elaun sara hidup. Terima kasih. Dahulu RM300, sekarang RM200. Dalam bajet akan datang, saya telah memberikan satu permohonan kepada pihak kerajaan supaya, *insya-Allah*, ekonomi kita bagus, kita kembalikan kepada RM300. *Insya-Allah*. [Tepuk] Boleh terima ya? Okey. Saya tidak pernah lupa pada nelayan ini.

Akan tetapi, Yang Berhormat, di samping RM200 itu, *Agrobank* telah memberikan komitmen di bawah hala tuju baharu di mana pada minggu depan saya akan melancarkannya di Kuala Kedah, di mana isteri-isteri nelayan, kita bantu dengan beberapa projek di bawah *Agrobank*. Ini kita hendak bantu isteri-isteri nelayan dan kita akan luaskan di peringkat nasional supaya di samping membantu suami, kita boleh juga bantu isteri untuk memulakan perniagaan-perniagaan kecil untuk meningkatkan kehidupan mereka.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ada dua orang, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak cakap juga.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Sekejap lah saya tanya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sungai Petani juga.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Yang Berhormat Sungai Petani. Kemudian saya bagi Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Beruas nanti dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Sungai Petani dulu. Sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya tidak ada masalah untuk memberikan bantuan kepada nelayan. Cumanya, adakah Menteri akan pertimbangkan memberikan insentif? Sebab kalau kita beri bantuan ini, satu hal, ia akan menolong nelayan dan sebagainya, tetapi kalau kita dapat perkemaskan bantuan ini dengan cara— walaupun *technically* saya rasa agak kompleks tetapi saya rasa boleh dilakukan di mana bagi insentif kalau dia dapat tangkap banyak ikan, di situ dia akan dapat insentif yang lebih.

Ini akan memberikan insentif kepada nelayan untuk, yang pertama sekali, tangkap lebih banyak ikan. Cuba. Keduanya, apabila ikan itu naik ke darat, dia tahu yang dengan tangkapan yang lebih ini akan ada insentif-insentif yang kerajaan bagi. Apa yang saya bimbangkan sekarang ini, saya tengok nelayan-nelayan sementara dia orang susah, ya kita mengiktiraf kesusahannya mereka, tetapi takut *psychologically*, mereka terlalu *dependent* pada kerajaan. Tidak ada insentif-insentif lain yang membuatkan mereka lebih berdaya maju ke masa hadapan. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya tertarik dengan apa tadi Yang Berhormat nyatakan terutamanya mengenai isteri nelayan ataupun Yang Berhormat katakan isteri-isteri nelayan. Cuma, saya hendak bertanya, sekarang ini isteri nelayan inikan dia ada satu persatuan. Persatuan dia di mana produk-produk hiliran itu dia akan kumpul dan dia buat bebola dan segala-galanya. Perkara itu telah ada.

Jadinya, apa Yang Berhormat nyatakan tadi, cadangan Yang Berhormat akan lakukan ataupun mungkin telah lakukan— minta penjelasan lebih lanjut— adakah ianya berbentuk geran sebagai tambahan kepada apa yang sedia ada ataupun bila dengan Agrobank, ianya berbentuk mungkin *matching grants* ataupun pinjaman yang akan diberikan? *I means* penjelasan dari segi itu yang saya pohonkan daripada Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi, saya mengalu-alukan apa juga inisiatif Yang Berhormat nyatakan tadi. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, boleh? Isu yang sama

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Polisi sekarang membekukan lesen untuk sampan-sampan bot C memang tidak adil kepada mereka yang hendak jadi nelayan. Jadi saya harap Menteri boleh meluluskan kepada semua nelayan— bukan bot C, Yang Berhormat. Bot kecil, bot A. Mereka yang sudi jadi nelayan tanpa bantuan kerajaan, tanpa subsidi bulanan RM300 ke RM200 itu. Ini kerana ramai yang mengadu mereka hendak jadi nelayan bot A, sampan itu tidak dibenarkan. Jadi ini tidak berlaku adil. Mereka tidak perlu bantuan kerajaan. Jadi, harap jangan kerana kerajaan takut hendak bagi subsidi atau bantuan kepada nelayan, dibekukan lesen hinggakan yang hendak jadi nelayan tanpa bantuan pun di-*deny the right* ataupun dinafikan hak untuk menjadi nelayan.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Saya jawab bersekali Yang Berhormat Sungai Petani dengan Yang Berhormat Parit Sulong dulu sebab dia berkaitan.

Saya sangat teruja dengan pandangan itu dan memang dalam hala tuju kementerian, kita sedang memikirkan pemberian subsidi yang terbaik. Satu, *targeted group*. Mesti bersasar. Sebab itulah kita buat pemutihan. Ada yang marah tetapi saya dah sebut, kalau nelayan itu tidak dapat, contohnya nama dia tertinggal, dia boleh mohon dan buktikan balik dia betul-betul nelayan. Akan tetapi, Yang Berhormat, kita pun tidak boleh nafi ada nelayan yang bukan nelayan. Itu saya kena beritahulah. Itu terpaksa kita putihkan. Kita minta maaf. Akan tetapi saya akan pastikan yang benar nelayan yang pergi ke laut 120 hari itu, mereka akan dapat elaun sara hidup.

Keduanya, Yang Berhormat, betul sama ada subsidi diesel, subsidi petrol ataupun mana-mana subsidi, kita sedang merancang ya, Yang Berhormat, untuk beri di peringkat

output. Macam sawah padi daripada RM300 sekarang ini kita bagi RM360. Tambah RM60. Lagi banyak hasil padi yang mereka keluarkan, kita bagi. Daripada dia— kelemahan selama hari ini adalah kita tidak beri kepada yang *targeted group*. Ada yang dapat, dia jual. Ini pun ada. Itu tidak nafikan. Sama ada kerajaan dahulu atau sekarang pun, kita akan hadapi isu yang sama. Sebab itu kita buat dengan teliti.

Oleh itu, saya bersetuju supaya bantuan insentif ini atau subsidi kita beri di peringkat output. Akan tetapi, mekanismenya kita kena betul-betul teliti. Jangan sampai *backfire* kepada kerajaan yang akan dituduh pula tidak beri subsidi kepada petani ini. Akan tetapi untuk jangka panjang, kita memberikan satu pendidikan kehidupan yang lebih baik, lagi banyak ikan yang ditangkap, lagi banyak kita bagi subsidi di peringkat itu.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi adalah— ia begini. Dah ada projek yang dibuat oleh *Agrobank* ini kepada *Agro Nisaa'* khusus untuk wanita. Saya dapati, Yang Berhormat— kita bagi meja. Ini melalui FAMA.

■1950

Kita bagi dia meja, kita bagi dia payung dengan permulaan, dalam mungkin tidak sampai RM5,000. Akan tetapi, saya lihat pada pagi dia mula buka, jam 8.00 pagi hingga tengah hari, wanita ini dia dapat lebih kurang RM300 hingga RM400, yang cukup besar bagi mereka. Mereka kekal buka gerai itu sampai pada hari ini. Jadi, saya rasa konsep itu yang kita kena bagi. Kita beransur-ansur memberikan *fishing rod* kepada mereka ini dan mereka boleh berdikari pada masa jangka yang panjang. Jadi Yang Berhormat, saya memberikan suatu jaminan bahawa pertolongan ataupun insentif pada nelayan ini tidak akan kita pernah abaikan. Akan tetapi, kita akan fikir dari masa ke semasa bagaimana hanya "memberi ikan itu tidak baik, mesti memberikan pancing untuk mereka mendapatkan ikan itu" adalah cara yang terbaik.

Jadi, kita mesti memberikan pendidikan kepada mereka untuk mereka maju pada masa akan datang. Antaranya tadi adalah, subsidi bersasar dan kita banyakkkan di peringkat-peringkat output. Yang Berhormat, saya rasa sebahagiannya telah pun saya jawab kerana isu ini berulang-ulang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, sedikit Menteri.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, Setiu sedikit.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Boleh Menteri? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri belum jawab tentang lesen untuk...

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Sekejap, sekejap.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bot A dengan sampan-sampan itu.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Ya, ada kes yang di mana kita terpaksa merampas. Ada kes yang terpaksa kita batalkan lesen mereka. Akan tetapi...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bukan, maksud saya yang baharu. Nelayan yang hendak jadi nelayan baru.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Maksud dia, mereka belum ada bot lagi. Mereka hendak dapat lesen untuk buat bot kecil, sampan.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Ya, ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Akan tetapi, tidak dibenarkan kerana dikatakan dibekukan. Pada hemat saya kerana kerajaan takut hendak bagi subsidi lebih, yang perlu. Akan tetapi, nelayan ini memang nelayan yang betul. Mereka hendak jadi nelayan sahaja tanpa bantuan. Bagi lah lesen kepada mereka untuk buat sampan. Memang menguntungkan kerana tanpa menjejaskan apa-apa kerugian kepada kerajaan.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Yang Berhormat, dari segi *big data*, kementerian ada data. Sumber kita semakin terhad, sumber laut kita semakin terhad. Oleh sebab itu, kita tidak tutup. Kita sangat cermat dan meneliti *case by case* tentang permohonan baharu. Sekiranya - saya beri jaminan, kalau mereka betul-betul nelayan, sampai kita buat suatu pendekatan baharu, di mana, mereka ini anak nelayan yang mungkin tidak sepenuhnya lagi jadi nelayan, kita bagi dia satu pas, satu lesen yang di peringkat awal, mereka boleh pergi ke laut, boleh menangkap ikan, tetapi mereka tidak boleh dulu dapat subsidi. Ini kerana, mereka ada tempoh masa yang mereka boleh - kadang ini termasuklah mereka yang hobi pergi ke laut. Lepas mengajar, lepas kerja dia pergi memancing. Ini juga kita berikan lesen tetapi mereka tidak boleh dapat subsidi. Akan tetapi, setelah mereka cukup kriteria untuk mereka menjadi seorang nelayan, wajiblah kementerian bagi. Kita tidak akan tidak bagi. Akan tetapi, untuk kita beri secara berleluasa, secara pakej tidak ada lagi. Itu minta maaf. Jadi, kita perhatikan satu-satu, yang benar-benar nelayan, kita akan bagi. Itu polisi kita.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, sedikit mengenai...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Ratifikasi.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Saya bagi dulu Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta komitmen daripada Yang Berhormat Menteri di bawah kementerian Yang Berhormat. Oleh sebab, saya yakin masa depan industri perikanan negara bergantung sepenuhnya pada golongan muda. Saya hendak tahu, apakah cadangan dan strategi sebagaimana dalam hujah semasa saya berbahas tadi. Apakah Yang Berhormat Menteri akan lakukan untuk golongan muda seperti mana Yang Berhormat Menteri pernah berdialog dengan para nelayan di Parlimen Ledang, kalau tak salah saya. Oleh sebab saya lihat Yang Berhormat, satu strategi, yang kedua had umur Yang Berhormat Menteri.

Oleh sebab, saya lihat program *Agropreneur* Muda yang dibuat oleh zaman Barisan Nasional diteruskan oleh Yang Berhormat Menteri melalui empat skop. Pertama, tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani. Adakah Yang Berhormat Menteri akan kecilkan skop itu kepada 18 ke 30 tahun atau Yang Berhormat Menteri akan kekalkan kepada 18 ke 40 tahun? Orang muda minta komitmen Yang Berhormat Menteri yang mesra orang muda. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya menunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai ratifikasi konvensyen-konvensyen *Cape Town Agreement* dan juga konvensyen untuk memelihara hak-hak dan memberi perlindungan kepada para nelayan di bawah Konvensyen ILO, *Work in Fishing Convention* yang Thailand telah meratifikasikan. Mohon sekiranya tidak ada jawapan di sini, mohon jawapan bertulis. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Mohon Yang Berhormat Menteri.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, Setiu. Sedikit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ada lima belas perkara, Yang Berhormat Menteri baru jawab lima. Saya bersedia untuk jawapan bertulis untuk sepuluh lagi. Kalau saya berucap, saya sebut satu, dua, tiga, empat. Kali ini lima belas, baru jawab lima. Sepuluh, saya menunggu jawapan bertulis lah ya.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, Setiu. Saya ada terima aduan daripada nelayan yang merungut berkenaan dengan permohonan untuk mendapatkan lesen mengambil masa yang agak panjang. Jadi, apakah langkah kerajaan bagi mengatasi perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri jawab.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Batu Kawan.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Yang Berhormat Batu Kawan, saya beri bertulis ya. Pegawai saya akan, sebab itu kemudian tadi. Mungkin saya tidak nampak ada jawapan di sini. Yang Berhormat Pontian, ada lima belas. Saya sudah jawab lima, termasuk Pasar Nelayan di Ayer Baloi. Saya akan - sebenarnya pasar nelayan ini kita teruskan. Satu yang baik di Kuala Kedah, di Kuala Sepetang, di banyak tempatlah saya melihat. Bila nelayan balik, isteri dia atau anak dia sambut, ikan itu ikan *fresh*. *Marketing no problem*, orang suka makan ikan *fresh*. Jadi, pasar nelayan kita akan banyakkkan lagi. Cadangan daripada Yang Berhormat Paya Besar untuk orang muda itu, ia lah baru ini kita luluskan akta belia ya. Akan tetapi, orang muda lah. Selagi dia bertenaga, tetap kita akan bantu di bawah program *Agropreneur Muda*.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jadi, had umur itu Yang Berhormat Menteri?

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Janganlah kita *rigid* sangat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak, maknanya 40 tahun?

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: 40 tahun lah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Okay*.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: 40 tahun pun kita bantu, yang 35 tahun bantu 30 tahun.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak, sebab saya risau bila takrifan umur itu, anak-anak muda kat luar sana tanya. Oleh sebab, program ini program bagus, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: *Okay, okay*.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: So, 40 tahun?

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Setiap yang berjaya, tua, muda, belia kita akan bagi. *Insya-Allah*. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada semua rakan-rakan yang mengambil bahagian, minta maaf kalau semua tidak dapat saya jawab. Akta ini akan kita gunakan sepenuhnya untuk kepentingan kita bersama. *Insya-Allah*, pada semua nelayan-nelayan kita seluruh negara ini. *insya-Allah*, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi Menteri yang tak terjawab, boleh jawab bertulis. Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah pada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin) dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok, hari Rabu, 10 Julai 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.01 malam]